

Bil. 63

**Rabu
13 September 2006**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEBELAS
PENGKAL KETIGA
MESYUARAT KETIGA**

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Perbekalan 2007	(Halaman 19)
USUL-USUL:	
Anggaran Pembangunan 2007	(Halaman 19)
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Dari pada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 38)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib, P.S.M., S.P.C.M., A.M.N., JP. (Pasar Salak) - UMNO
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, P.J.N., .PI.S. (Kulai) - MCA
3. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Yusof bin Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang) – UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) - UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) - UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, S.P.M.P., D.P.M.P. (Tanjong Piai) - MCA
4. “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput) - MIC
5. “ Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas) - GERAKAN
6. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Ranau) – UPKO
7. ” Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Effendi bin Norwawi - Senator
8. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz, S.P.M.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) - UMNO
9. “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) - UMNO
10. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) - UMNO
11. “ Menteri Penerangan, Datuk Zainuddin bin Maidin (Merbok) - UMNO
12. “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn, D.C.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) - MCA
13. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) - UMNO
14. “ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar) – UMNO
15. “ Menteri Pelajaran, Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) - UMNO
16. “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu) - UMNO
17. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.G.P.N., D.I.M.P. (Lembah Pantai) - UMNO

18. Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) - UMNO
19. “ Menteri Pengangkutan, Dato' Sri Chan Kong Choy, P.N.B.S., S.S.A.P., D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang) – MCA.
20. “ Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yacop - Senator
21. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Dato' Zulhasnan Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Setiawangsa) - UMNO
22. “ Menteri Pelancongan, Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor (Putrajaya) - UMNO
23. “ Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP
24. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) - UMNO
25. ” Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Mustapa Mohamed (Jeli) - UMNO
26. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S., D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M., D.P.M.P., D.S.D.K. (Shah Alam) - UMNO
27. “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasar Gudang) - UMNO
28. “ Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' Seri Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) - UMNO
29. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) - PBS
30. “ Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Chua Soi Lek (Labis) - MCA
31. “ Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina binti Othman Said (Pengerang) - UMNO
32. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin (Besut) - UMNO

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mah Siew Keong (Telok Intan) - GERAKAN
2. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Douglas Uggah Embas (Betong) - PBB
3. “ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak) - MCA
4. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor) - MIC
5. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato' Liow Tiong Lai (Bentong) - MCA
6. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor) – UMNO
7. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai) - UMNO

8. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) - UMNO
9. “ Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Anifah bin Haji Aman (Kimanis) - UMNO
10. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading) - SPDP
11. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P. (Raub) - MCA
12. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing) - UMNO
13. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Hon Choon Kim (Seremban) - MCA
14. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M. Kayveas, P.J.N. (Taiping) - PPP
15. “ Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO
16. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) - MCA
17. “ Timbalan Menteri Penerangan, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera) - GERAKAN
18. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Fu Ah Kiow (Kuantan) - MCA
19. “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Lenggong) – UMNO
20. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Mohd. Johari bin Baharum (Kubang Pasu) - UMNO
21. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' S. G. Sothinathan (Telok Kemang) - MIC
22. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P., A.M.N. (Taph) - MIC
23. “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Dato' Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru) - MCA
24. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) - UMNO
25. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) - UMNO
26. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Dato' Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan) - MCA
27. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S. (Sibu) - SUPP
28. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato' Joseph Salang Gandum (Julau) - PBDS
29. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Kong Cho Ha (Lumut) - MCA
30. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ng Lip Yong (Batu) - GERAKAN

31. Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Sepang) – UMNO
32. “ Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin) – UMNO
33. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Wira Abu Seman Yusop (Masjid Tanah) - UMNO
34. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Azizah binti Mohd. Dun (Beaufort) – UMNO
35. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Marang) - UMNO
36. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Zainal Abidin bin Osman (Nibong Tebal) - UMNO
37. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) - PBDS
38. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin (Bachok) – UMNO
39. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman - Senator

SETIAUSAHA PARLIMEN

1. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim (Baling) - UMNO
2. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya (Balik Pulau) - UMNO
3. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dr. S. Subramaniam (Segamat) - MIC
4. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Dato' Yong Khoo Seng (Stampin) - SUPP
5. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew (Klang) – MCA
6. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, Tuan Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) - UMNO
7. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim (Batang Lupar) - PBB
8. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Puan Noriah binti Kasnon (Sungai Besar) - UMNO
9. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim (Pokok Sena) - UMNO
10. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran, Puan Komala Devi (Kapar) – MIC
11. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datin Paduka Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara) - MCA
12. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani (Bukit Katil) – UMNO
13. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Hoo Seong Chang (Kluang) - MCA

14. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, Tuan Yew Teong Look (Wangsa Maju) - MCA
15. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Senator Dato' Dr. S. Vijayarantnam - Senator
16. ” Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Adham bin Baba (Tenggara) - UMNO
17. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman (Silam) - UMNO
18. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tuan Sazmi bin Miah (Machang) - UMNO
19. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' Lee Kah Choon (Jelutong) - GERAKAN
20. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Tuan Sa. Vigneswaran (Kota Raja) - MIC

AHLI-AHLI

1. Yang Berhormat Tuan Aaron Ago Dagang (Kanowit) - PBDS
2. “ Brig. Jen. (B) Dato' Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin (Parit Buntar) - UMNO
3. “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron (Rantau Panjang) - PAS
4. “ Datuk Abdul Ghapur bin Salleh (Kalabakan) - UMNO
5. “ Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman (Pengkalan Chepa) – PAS
6. “ Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir (Kulim Bandar Baharu) - UMNO
7. “ Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) - UMNO
8. “ Dato' Abdul Rahman bin Ariffin (Jerlun) - UMNO
9. “ Datuk Patinggi Tan Sri Abdul Taib bin Mahmud (Kota Samarahan) - PBB
10. “ Dato' Abu Bakar bin Taib (Langkawi) - UMNO
11. “ Dato' Seri Adenan bin Satem (Batang Sadong) - PBB
12. “ Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) - PBB
13. “ Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz (Titiwangsa) - UMNO
14. “ Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin (Jerai) - UMNO
15. “ Tuan Baharum bin Mohamed (Sekijang) - UMNO
16. “ Tuan Bernard S. Maraat @ Ben (Pensiangan) - PBRB
17. “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) - PBDS
18. “ Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) - UMNO
19. “ Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman (Kuala Nerus) – UMNO
20. “ Dato Haji Che Min bin Che Ahmad (Pasir Puteh) - UMNO
21. “ Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching) - DAP
22. “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) - DAP
23. “ Tuan Chong Hon Min (Sandakan) - BEBAS

24. Yang Berhormat Dato' Chor Chee Heung (Alor Star) - MCA
25. " Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong) - DAP
26. " Dato' Chua Jui Meng (Bakri) – MCA
27. " Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy (Cameron Highlands) - MIC
28. " Tuan Donald Peter Mojuntin (Penampang) – UPKO
29. " Ir. Edmund Chong Ket Wah (Batu Sapi) - PBS
30. " Tuan Eric Enchin Majimbun (Sepanggar) - SAPP
31. " Tuan Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya) - PBB
32. " Dato' Firdaus bin Harun (Rembau) - UMNO
33. " Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang) - DAP
34. " Cik Fong Po Kuan (Batu Gajah) - DAP
35. " Dato' Ghazali bin Ibrahim (Padang Terap) - UMNO
36. " Dato' Goh Siow Huat (Rasah) - MCA
37. " Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) - UMNO
38. " Dato' Haji Hasan bin Malek (Kuala Pilah) - UMNO
39. " Tuan Hashim bin Jahaya (Kuala Kedah) - UMNO
40. " Ir. Hasni bin Haji Mohammad (Pontian) - UMNO
41. " Tuan Henry Sum Agong (Bukit Mas) - PBB
42. " Tan Sri Dato' Hew See Tong (Kampar) - MCA
43. " Tuan Huan Cheng Guan (Batu Kawan) - GERAKAN
44. " Datuk Haji Idris bin Haji Haron (Tangga Batu) - UMNO
45. " Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib (Maran) - UMNO
46. " Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said (Kuala Krau) - UMNO
47. " Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas) - PAS
48. " Datuk Ismail Sabri bin Yaakob (Bera) - UMNO
49. " Dato' Jacob Dungau Sagan (Baram) - SPDP
50. " Datuk Dr. James Dawos Mamit (Mambong) - PBB
51. " Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu) - PBDS
52. " Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) - SPDP
53. " Tuan Jimmy Donald (Sri Aman) - PBDS
54. " Datu Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) - PBS
55. " Dr. Junaidy bin Abdul Wahab (Batu Pahat) - UMNO
56. " Datuk Juslie Ajirol (Libaran) - UMNO
57. " Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar (Subang) - MIC
58. " Dato' Kamarudin bin Jaffar (Tumpat) - PAS
59. " Tuan R. Karpal Singh (Bukit Gelugor) – DAP
60. " Dato' Seri Kerk Choo Ting (Simpang Renggam) - GERAKAN
61. " Tuan Lau Yeng Peng (Puchong) - GERAKAN

62. Yang Berhormat Tan Sri Law Hieng Ding (Sarikei) – SUPP
63. “ Datuk Seri Dr. Leo Michael Toyad (Mukah) - PBB
64. “ Dato’ Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Padang Serai) - MCA
65. “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan) - DAP
66. “ Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timor) - DAP
67. “ Tuan Loh Seng Kok (Kelana Jaya) - MCA
68. “ Dato’ Loke Yuen Yow (Tanjong Malim) – MCA
69. “ Dato’ Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani) - UMNO
70. “ Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat) - DAP
71. “ Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh (Putatan) - UPKO
72. “ Tuan Markiman bin Kobiran (Hulu Langat) - UMNO
73. “ Dato’ Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan (Sabak Bernam) – UMNO
74. “ Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad (Keteroh) – UMNO
75. “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) - UMNO
76. “ Tuan Mohamad Shahrum bin Osman (Lipis) - UMNO
77. “ Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat, J. P. (Kuala Krai) - UMNO
78. “ Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim (Kota Bharu) - UMNO
79. “ Tuan Mohd. Daud bin Tarihep (Kuala Selangor) - UMNO
80. “ Dr. Mohd. Hayati bin Othman (Pendang) - PAS
81. “ Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof (Jasin) - UMNO
82. “ Dato’ Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh) - UMNO
83. “ Tuan Mohd. Yusop bin Majid (Setiu) - UMNO
84. “ Tuan Nasaruddin bin Hashim (Parit) - UMNO
85. “ Datuk Nur Jazlan bin Mohamed (Pulai) - UMNO
86. “ Datuk Dr. Rahman bin Ismail (Gombak) - UMNO
87. “ Tuan Raimi Unggi (Tenom) – UMNO
88. “ Dato’ Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut) - UMNO
89. “ Tuan Razali bin Ibrahim (Muar) - UMNO
90. “ Dato’ Razali bin Ismail (Kuala Terengganu) – UMNO
91. “ Datuk Richard Riot anak Jaem (Serian) - SUPP
92. “ Datuk Ronald Kiandee (Beluran) – UMNO
93. “ Datuk Rosli bin Mat Hassan (Dungun) - UMNO
94. “ Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin (Papar) – UMNO
95. “ Dr. Rozaidah binti Talib (Ampang) - UMNO
96. “ Tuan Salahuddin bin Ayub (Kubang Kerian) - PAS
97. “ Datuk Salleh bin Tun Said (Kota Belud) – UMNO
98. “ Ir. Shaari bin Hassan (Tanah Merah) – UMNO
99. “ Dato’ Shahrir Abdul Samad (Johor Bahru) – UMNO

100. Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N, S.S.A.P. (Kuala Langat) - UMNO
101. “ Tuan Shim Paw Fatt (Tawau) - SAPP
102. “ Datuk Seri Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman (Paya Besar) – UMNO
103. “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman (Labuan) – UMNO
104. “ Tuan Syed Hood bin Syed Edros (Parit Sulong) – UMNO
105. “ Dato’ Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail (Arau) – UMNO
106. “ Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) - MCA
107. “ Dato’ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut) - GERAKAN
108. “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras) - DAP
109. “ Dato’ Tan Lian Hoe (Bukit Gantang) - GERAKAN
110. “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong) – DAP
111. “ Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) - MCA
112. “ Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang (Hulu Terengganu) - UMNO
113. “ Tengku Razaleigh bin Tengku Hamzah (Gua Musang) – UMNO
114. “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh) – DAP
115. “ Tan Sri Dato’ Seri Dr. Ting Chew Peh (Gopeng) - MCA
116. “ Dato’ Seri Tiong King Sing (Bintulu) - SPDP
117. “ Tuan Tiong Thai King (Lanang) - SUPP
118. “ Datuk Wahab bin Haji Dollah (Kuala Rajang) - PBB
119. “ Dato’ Wan Adnan bin Wan Mamat (Indera Mahkota) - UMNO
120. “ Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail (Permatang Pauh) - KEADILAN
121. “ Dato’ Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin (Sik) – UMNO
122. “ Dato’ Dr. Wan Hashim bin Wan Teh (Gerik) – UMNO
123. “ Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Santubong) - PBB
124. “ Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam) - MCA
125. “ Datuk Wilfred Madius Tangau (Tuaran) - UPKO
126. “ Tuan Wong Nai Chee (Kota Melaka) - MCA
127. “ Dato’ Yap Pian Hon (Serdang) - MCA
128. “ Datuk Dr. Yee Moh Chai (Kota Kinabalu) - PBS

DEWAN RAKYAT

Ketua Pentadbir Parlimen
Haji Kamaruddin Mohamed Baria

Setiausaha Dewan Rakyat
Mahmood bin Adam

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)
Roosme binti Hamzah

PETUGAS-PETUGAS
PENERBITAN PENYATA RASMI (*HANSARD*)

Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd Hassan

Supiah binti Dewak
Hajah Kamisah binti Sayuti
Sarimah binti Haji Amran
Ab. Talip bin Hasim
Hadzirah binti Ibrahim
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Hairan bin Mohtar
Nurziana binti Ismail
Suriyani binti Mohd. Noh
Marzila binti Muslim
Habibunisah binti Mohd. Azir
Aisyah binti Razki
Yoogeswari a/p Muniandy
Nor Liyana binti Ahmad
Zatul Hijanah binti Yahya
Nurul Asma binti Zulkepli
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Nur Azilah binti Ahmad Ibrahim
Norasmawati binti Mohamed Nor
Nor Hamizah binti Haji Hassan
Zaida Zuriani binti Mohd Zamli
Azmir bin Mohd Salleh
Azanariah binti Mohd Yunan
Norhasani binti Yaacob

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

RABU, 13 September 2006

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan, jumlah keahlian RELA pada masa ini dan sejauh manakah mereka bekerja ke arah membantu kerajaan bagi membasmi masalah dadah, sosial dan penyalahgunaan daun ketum.

Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri [Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Setiu, jumlah keahlian RELA yang berdaftar mengikut sistem maklumat RELA berakhir pada 31 Ogos 2006 adalah seperti berikut; Relawan iaitu anggota RELA lelaki berjumlah 414,027 orang sementara Relawati iaitu anggota RELA wanita 44,605 orang dan jumlah keseluruhannya ialah 460,632 orang.

Dari segi peranan RELA untuk membantu kerajaan, sukalah saya menyatakan bahawa sejak RELA ditubuhkan pada 11 Februari 1972, tugas utama RELA ialah untuk menjadi mata dan telinga kerajaan. Dan peranan itu telah dilaksanakan dengan baik. Maka kerana itu kerajaan telah memberi satu tugas baru kepada RELA, iaitu untuk menangani isu-isu pendatang tanpa izin di negara ini.

Dalam pada itu juga RELA sememangnya sentiasa membantu kerajaan iaitu meliputi program-program membantu agensi-agensi penguat kuasa yang lain seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Jabatan Agama, Pejabat Tanah, pihak berkuasa tempatan dan Agensi Dadah Kebangsaan dalam membasmi penyalahgunaan dadah. Terima kasih.

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Kita tahu bahawa anggota-anggota RELA ini selain daripada mereka ini berkawat, selain daripada mereka ini mengadakan latihan menembak dan juga program-program lain, saya percaya mungkin ada program-program ataupun modul-modul khas dalam bentuk taklimat dan sebagainya yang perlu didedahkan kepada mereka supaya mereka menjadi anggota relawan yang lebih bermaklumat, lebih hebat dan lebih di segani oleh masyarakat.

Jadi, bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberitahu program-program ataupun modul-modul bagi dapat kita mempertingkatkan lagi kualiti dan juga penyerlahan anggota relawan ini dan juga dari segi alat-alat kelengkapan yang boleh membantu mereka supaya mereka dapat berfungsi secara lebih berkesan sebagai mata telinga kerajaan dan juga bantuan-bantuan lain kepada agensi-agensi kerajaan.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, Yang Berhormat. Sesuai dengan peranan baru yang diberikan kepada RELA, maka usaha-usaha memperkasakan RELA akan diteruskan oleh kerajaan. Tiga buah pusat latihan RELA yang sedia ada iaitu di Sungai Udang Melaka, Kuala Berang Terengganu dan Bukit Selambau Kedah menjalankan pelbagai program sepanjang tahun. Antara kursus yang disediakan kepada anggota RELA dalam usaha memperkasakan RELA ialah:

- Kursus Asas RELA kepada anggota baru
- Kursus Kawalan Kehormatan Pasukan RELA
- Ujian Kemahiran Kawad

- Kursus Asas Jurulatih
- Kursus Ulang Kaji Jurulatih
- Kursus Ketua Perhubungan RELA Mukim
- Kursus Asas Relawati
- Kursus Ketua Platun
- Kursus Motivasi Pelajar
- Kursus Platun Khidmat
- Kursus Platun Kawalan Pantai
- Kursus Platun Bantuan Khas RELA
- Kursus Senjata Api
- Kursus Pancaragam
- Kursus Pelaksanaan Operasi
- Kursus Bantuan Agensi Penguat kuasa
- Kursus Keusahawanan dan Menjana Ekonomi RELA

Di samping kursus-kursus yang berkaitan dengan perundangan. Terima kasih.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Tuan Yang di-Pertua, RELA ini, semua Ahli Parlimen ialah Kolonel Kehormat RELA... [*Tepuk*] Kolonel Kehormat RELA, sudah buat uniform, pelantikan watakah belum ada, dan kita tidak tahu apa tugasnya. Yang sebenarnya RELA ini, nama RELA dan relawati sahaja. Mereka tidak ada kuasa, kawad, kawad, kawad sahaja. Apa yang penting mungkin saya ingin mencadangkan kalau diterima, RELA ini bila kita sebagai Ahli Parlimen menjadi Kolonel Kehormat, mereka ini diberi tugas, diberi kuasa untuk menangkap gejala-gejala di kampung-kampung. Kalau tidak RELA ini sampai hari kiamat pun tidak ada peranan yang penting. Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Kalabakan dan saya ucap tahniah kepada semua Ahli Yang Berhormat kerana akan dilantik sebagai Kolonel Kehormat Pasukan RELA dan insya-Allah majlis pemakaian pangkat untuk semua anggota Ahli Parlimen akan diadakan pada 20 hari bulan malam, bulan ini. Yang Berhormat Pemangku Pengerusi *backbenchers* sedang mengatur pertemuan ini.

Dari segi penurunan kuasa, kerajaan telah pun memberi penurunan kuasa kepada semua pegawai-pegawai kanan RELA daerah untuk menjalankan tugas-tugas menangani isu pendatang tanpa izin dan saya percaya dengan kehadiran kolonel-kolonel Yang Berhormat yang baru akan dilantik ini, dapat memberi satu kesan yang lebih baik dalam melaksanakan tugas-tugas anggota RELA ini dan kuasa ini akan dilaksanakan dan setakat ini telah terbukti.

Dan pada minggu lepas, pihak polis di Kuala Lumpur, kita telah mengadakan mesyuarat dengan Ketua Polis Kuala Lumpur dan Ketua-Ketua Polis Daerah Kuala Lumpur dalam usaha membantu Polis Diraja Malaysia menangani isu-isu jenayah, bukan sahaja isu pendatang tanpa izin, tapi isu penjenayah dan buat permulaannya, *pilot project* dijalankan di sekitar Kuala Lumpur. Terima kasih.

2. Dr. James Dawos Mamit [Mambong] minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan, sama ada kekerapan pertukaran iklim di kawasan-kawasan Tropika disebabkan oleh pembesaran keluasan kawasan yang telah pun membesar dengan kadar dua darjah latitud atau 225 kilometer dari 1979 hingga 2005.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi [Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Mambong.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih dan tahniah kepada Yang Berhormat bagi Mambong yang membuat kajian dan juga penyelidikan di dalam perkara yang berkaitan dengan ini. Soalan ini adalah berkaitan dengan satu perkara yang memerlukan kerja kajian dan penyelidikan.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya memaklumkan bahawa satu kajian awal yang membawa kesimpulan bahawa perluasan kawasan tropika ini telah dijalankan oleh *scientist* dari *University of Utah* dan *University of Washington*. Kajian awal ini mendapati bahawa corak cuaca Zon Tropika telah meluas dua darjah ataupun 225 kilometer.

Kajian ini juga menggunakan data-data suhu atmosfera yang diberi daripada satelit mengorbit kutub *National Oceanic and Atmospheric Administration* atau dengan izin, NOAA, USA mulai tahun 1979 sehinggalah tahun 2005.

Tuan Yang di-Pertua, kenyataan yang menyebut bahawa perluasan Zon Tropika sebanyak 2 darjah latitud, adalah hanya berdasarkan kepada purata kedudukan arus jet di bahagian utara dan bahagian selatan yang didapati telah terlajak 1 darjah. Kadar yang telah terlajak 1 darjah ke arah kutub di kedua-dua atmosfera. Anjakan purata arus kuasa jet ke kutub ini memberikan induksi bahawa Zon Tropika telah meluas. Dalam bidang meteorologi, lokasi arus jet adalah merupakan sempadan kawasan *tropic* ataupun tropika yang berada di antara latitud 30 darjah utara dan 30 darjah selatan.

Untuk makluman Yang Berhormat, para *scientist* berpendapat bahawa perubahan perluasan Zon Tropika ini bukanlah disebabkan oleh perubahan jangka pendek seperti fenomena *El-Nino* yang kuat pada tahun 1998. Pada masa yang sama para *scientist* juga tidak dapat mengesahkan dengan satu keputusan yang betul dan tepat, sama ada perluasan Zon Tropika adalah disebabkan oleh perubahan iklim semula jadi ataupun aktiviti manusia yang menyumbang kepada pemanasan global kesan daripada rumah kaca. Ini kerana kajian yang telah dibuat adalah secara *observational* sahaja, secara penglihatan dan perlu dilanjutkan lagi untuk memberi sebab-sebab perluasan. Sekiranya keadaan ini disebabkan oleh pemanasan global, maka perluasan Zon Tropika ini akan dijangka terus meluas daripada semasa ke semasa.

Pada masa ini kajian mengenai perluasan Zon Tropika adalah merupakan salah satu aspek baru dalam pemanasan global. Oleh itu dalam hal ini, antara negara-negara yang akan terlibat secara langsung terhadap kesan perluasan Zon Tropika bila negara-negara yang mana zonnya adalah melintasi latitud sama ada 30 darjah utara ataupun selatan iaitu negara-negara seperti USA, China, Afrika, Australia, Amerika Selatan dan Afrika Selatan. Terima kasih.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih Setiausaha Parlimen atas penjelasan itu tadi. Disimpulkan juga oleh sebab fenomena ini bahawa kemarau yang berlaku di negara China, di *South West China* baru-baru ini, adalah teruk dalam tempoh 50 tahun sehinggalah kehilangan 140 juta tan jagung dan 180 juta tan padi. Disimpulkan juga bahawa, oleh sebab fenomena ini, suhu telah pun meningkat di Zon Tropika dengan kadar 0.83 darjah Celsius oleh sebab *global warming* sudah pun meningkat juga.

Soalan saya, oleh sebab di negara China di *South West China* adalah di atas latitud 23.5 darjah itu. Oleh sebab banyak kehilangan tanaman jagung dan padi maka apakah tindakan Malaysia bagi menjamin fenomena ini tidak menjejaskan pengeluaran tanaman makanan seperti padi di negara kita.

Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani: Terima kasih Yang Berhormat bagi Mambong. Mengikut para *scientist* menjangkakan bahawa kesan kemungkinan akibat perluasan Zon Tropika ini ada tiga kemungkinan boleh berlaku.

- (i) laluan ribut latitud pertengahan yang akan menganjak ke arah kutub;
- (ii) seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat keadaan kemarau dan kering yang melampau yang boleh berlaku di sesetengah kawasan dan sebaliknya seperti *South West China* yang telah dinyatakan; dan

- (iii) kemungkinan perluasan padang pasir sub-tropika di kawasan yang padat dengan penduduk.

Seperti yang telah ditanyakan, bahawa bagi negara kita Malaysia kita memang betul-betul berada di kawasan tropika, bukan kawasan di antara tropika dengan suhu iklim sejuk. Jadi apa sahaja yang berlaku pada keadaan cuaca di kawasan pertengahan di antara kawasan sejuk dan tropika, sebenarnya tidak akan memberikan kesan kepada kawasan kita kerana kawasan kita memang berada sebenarnya di dalam kawasan suhu iklim tropika. Terima kasih.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Perubahan cuaca ataupun *global warming* ini boleh berlaku sama ada disebabkan ialah fenomena semula jadi begitu juga akibat perbuatan manusia. Apakah bentuk kerjasama yang berkesan yang ada sekarang ini untuk menangani fenomena *global warming* ini?

Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani: Sebenarnya telah banyak *treaty* dan protokol yang telah ditandatangani sebagai contohnya satu daripada untuk mengurangkan gas daripada *green house*, rumah kaca yang banyak dihasilkan terutama daripada *refrigerator* dan sebagainya, dan bagi pihak Malaysia kita cuba mengikut ataupun bersama di dalam protokol ini, di dalam kerja sama ini supaya tidak mengurangkan, tidak menimbulkan atau banyak menghasilkan, *I mean*, gas daripada *green house* yang begitu dan juga lapisan ozon yang semakin menipis oleh kerana *global warming*.

Jadi kita di Malaysia, kita memang sentiasa meneliti perjanjian ataupun protokol-protokol yang kita tandatangi untuk memastikan kita menjaga *environment* dan sebagainya. Terima kasih.

3. **Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]** minta Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyatakan, sejauh manakah usaha kaji selidik (*research and development*), telah dibuat bagi memastikan impak sebenarnya terhadap alam sekitar jika minyak sawit digunakan sebagai bahan api dalam produk biodiesel.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi [Dato' Dr. S. Vijayaratnam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Kapit. Berdasarkan kajian yang telah dijalankan oleh MPOB, penggunaan minyak sawit sebagai bahan api dijangka tidak akan menjejaskan alam sekitar. Menggunakan biodiesel adalah mesra alam sekitar kerana ia diperbuat daripada sumber yang boleh diperbaharui dan mengeluarkan pelepasan asap karbon yang lebih rendah jika dibandingkan dengan pelepasan karbon kenderaan yang menggunakan 100% petroleum diesel.

Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, kandungan sulfur dan hidro karbon dalam minyak sawit adalah rendah berbanding dengan bahan bakar berasaskan fosil, iaitu diesel biasa. Ujian menunjukkan apabila minyak sawit dibakar, penghasilan sulfur yang mencemarkan persekitaran dan menghasilkan hujan asid ataupun *acid rain*, dengan izin, adalah rendah.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini dan Yang Berhormat, semua jenis minyak sayuran boleh digunakan sebagai bahan bakar dan ia merupakan sebagai sumber bahan bakar alternatif kepada petroleum diesel. Sekian, terima kasih.

Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Setiausaha Parlimen di atas jawapan. Yang saya ingin penjelasan daripada kementerian, apakah sebenarnya *economic prospect industry biodiesel* yang dibuat daripada kelapa sawit dan pasaran dunia, khususnya di negara *European Union* dan Amerika Syarikat. Sebab saya pernah baca satu artikel dalam surat khabar bahawa produk biodiesel yang dibuat daripada minyak sawit tidak akan diterima di negara-negara yang saya sebutkan tadi, yang merupakan pasaran yang begitu besar sekali di dunia ini.

Antara lain alasan diberi adalah kerana negara-negara yang mengeluarkan produk minyak sawit termasuk Malaysia telah memusnahkan beribu-ribu hektar hutan rimba atau hutan tropika bagi mengeluarkan minyak kelapa sawit. Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. S. Vijayaratnam: Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Kapiti di atas soalan itu. Saya percaya prospek untuk masa hadapan untuk biodiesel adalah baik. Ini dibuktikan oleh permintaan dari negara-negara Eropah untuk biodiesel metal ester yang sedang diguna pakai di negara Jerman, misalnya untuk enjin kereta api mereka yang menggunakan diesel. Di atas satu rencana, saya pun telah baca di dalam surat khabar, yang menyatakan negara-negara Eropah tidak sedia terima biodiesel kerana wujud lumpuh minyak ataupun *sludge*, dengan izin, di dalam silinder enjin dan juga di atas *bulb* nya, ini adalah suatu spekulasi dan belum dibuktikan lagi.

Pihak Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC) pun telah menjawab tuduhan-tuduhan itu melalui satu artikel di *New Straits Times* oleh Tan Sri Yusuf Basiron, yang menyatakan ada harapan yang baik dan tanda-tanda menunjukkan bahawa biodiesel terutama daripada sawit mempunyai kelebihan di atas minyak-minyak daripada kacang soya ataupun *rapeseed*. Oleh kerana ini tidak akan *dipolymerize*, iaitu ada mempunyai minyak-minyak lain itu ada mempunyai *high unsaturation*, dengan izin.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, di atas tuduhan-tuduhan yang dibuat oleh pihak-pihak di negara Barat, khasnya NGO yang kita musnahkan hutan, rimba hujan ataupun *rain forest* kita, ini tidak benar. Ini kerana pengeluaran minyak sawit sekarang hanya dari estet-estet dan kebun-kebun yang sedia ada. Hanya kita akan meningkatkan pengeluaran atau *yield* dan juga perahan minyak atau *oil extraction ratio*. Pada masa ini dari pekebun-pekebun kecil lebih kurang 12 metrik tan sehektar setahun dan estet-estet lebih sedikit 16 atau 18 metrik tan. Kita melalui pembangunan dan penyelidikan akan meningkat pengeluaran kepada 20 atau 22 metrik tan sehektar dan perahan minyak kepada lebih kurang 25% atau 30%. Sekian Terima kasih.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Baru-baru ini satu syarikat perladangan yang agak besar di dalam negara, *Sime Darby*, ia sedang menimbang untuk memasuki biodiesel ataupun tidak. Ini kerana didapati bahawa harga minyak sawit yang digunakan untuk pemakanan sedang meningkat naik. Adakah kementerian bercadang untuk kita pisahkan kelapa sawit kita khusus untuk minyak pemakanan, dan cari alternatif lain untuk biodiesel, contohnya jarak, *jatropha*? Ini kerana biodiesel ini dikehendaki oleh dunia pada masa akan datang. *Europe is the biggest market*. Sama ada kita hendak galakkan atau tidak tanaman jarak atau kita hendak mulakan tanaman jarak di dalam negara kita? Terima kasih.

Dato' Dr. S. Vijayaratnam: Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Jasin di atas soalan itu. Tuan Yang di-Pertua, kementerian sedang menjalankan penyelidikan di atas tanaman-tanaman lain yang boleh menjadi alternatif kepada kelapa sawit untuk produksi biodiesel tetapi setakat ini belum berjaya lagi.

Saya ingin menegaskan di sini bahawa kita sebagai pengeluar minyak sawit yang terbesar di dunia, ini adalah satu komoditi yang kita punyai dan semakin banyak, so lebih baik kita menggunakan minyak sawit dahulu, ada cukup untuk bahan makanan dan juga untuk biodiesel pada masa ini. Seperti yang saya katakan tadi kita akan kaji jika boleh menggunakan tumbuh-tumbuhan lain. Sekian, terima kasih.

4. **Datuk Richard Riot Ak. Jaem [Serian]** minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan jumlah pinjaman yang telah dikeluarkan oleh Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) sejak ianya ditubuhkan dan jumlah amaun yang telah dibayar balik oleh para peminjam.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi [Datuk Ong Tee Keat]: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak penubuhan PTPTN hingga Ogos tahun 2006. PTPTN telah pun mengeluarkan pinjaman sejumlah RM11.8 bilion kepada pelajar. Pembayaran pinjaman kepada pelajar dibuat mengikut semesta berdasarkan pengesahan dari IPT. Kutipan terkumpul sehingga 15 Julai tahun ini adalah sebanyak RM286.9 juta iaitu 32% daripada jumlah yang patut dikutip yang berjumlah sebanyak RM886.4 juta.

Jumlah ini menunjukkan kenaikan sebanyak RM95 juta berbanding dengan jumlah kutipan terkumpul sehingga 31 Disember tahun lalu iaitu sebanyak RM191.7 juta ataupun bersamaan 48.9% daripada jumlah yang patut dikutip sehingga 31 Disember tahun lalu. Perubahan ini berlaku kerana pertambahan bilangan pelajar yang tamat pengajian dan patut membuat bayaran balik pinjaman PTPTN. PTPTN akan sentiasa memperbaiki perkhidmatan dan memastikan penambahbaikan dilaksanakan dari semasa ke semasa kepada para pelajar dan peminjam pinjaman PTPTN.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak hendak campur perbalahan antara Timbalan Menteri dengan Menteri Pengajian Tinggi.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Kita tidak hendak campur Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya soalan. Serius ini. Masalah kutipan balik pinjaman PTPTN bukan baru. Seolah-olah macam kita tidak begitu serius perbadanan ini. Saya hendak tanya apakah mekanisme yang telah dibuat untuk memudahkan pembayaran balik. Kalau susah sangat Tuan Yang di-Pertua, saya hendak cadangkan di sini oleh kerana yuran peperiksaan telah kita hapuskan tidak ada lagi sudah. UPSR tidak kena bayar, PMR tidak kena bayar, STPM tidak kena bayar, SPM tidak kena bayar dan mungkin yuran tahunan kalau kerajaan pertimbangkan.

Kalau susah-susah sangat, saya hendak cadangkan pinjaman PTPTN ini ditukar jadikan biasiswa, habis cerita. Tidak timbul masalah sudah. Jadi ini dapat mengatasi masalah. Kalau tidak sampai bila masalah kutipan ini sedangkan arahan telah diberikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya kutipan ini dapat diambil balik. Kita tidak mahu jadi macam MARA. Akhirnya MARA Tuan Yang di-Pertua, tidak ada nilai sudah. Hendak buat itu hendak buat ini, hendak minta syarikat swasta tolong kutip balik, sudah-sudah RM20 pun jadi. Sudah macam tidak ada nilai. Kita tidak mahu perkara ini berlaku kerana kita sekarang menuju ke arah negara yang maju. Jadi mungkin Yang Berhormat kalau boleh cadangkan kalau tidak boleh jawapan hari ini pun tidak apa, jadikan biasiswa setakat mana boleh supaya tidak ada timbul masalah ke atas peminjam PTPTN ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya seperti mana Yang Berhormat sedia maklum pinjaman yang dikeluarkan oleh PTPTN itu sebenarnya tertakluk kepada Akta PTPTN. Apa yang dicadangkan tadi oleh Yang Berhormat iaitu menghapus kira apa yang masih lagi tertunggak itu pun saya rasa melanggar Akta PTPTN yang sedia ada. Kalau Yang Berhormat hendak cadangkan agar semua tunggakan yang dimaksudkan itu hendak dihapus kira maka terpaksa kita meminda akta yang berkenaan tapi nampaknya dalam pembentangan rang undang-undang pindaan kali ini...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Saya cadangkan kita pinda akta lah Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Ong Tee Keat: ...Tidak merangkumi apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat. Berbalik kepada soalan Yang Berhormat tadi saya hendak tegaskan bahawa kesungguhan pihak pengurusan PTPTN untuk mengutip balik bayaran pinjaman itu tidak sepatutnya menjadi pertikaian sebab antara langkah-langkah yang telah, sedang dan akan terus diambil itu merangkumi beberapa aspek yang saya kira Yang Berhormat patut ambil maklum juga. Ini termasuk pemberian insentif berbentuk rebet kos pentadbiran sekiranya peminjam menyelesaikan hutang lebih awal daripada tempoh yang ditetapkan. Selain daripada itu pihak PTPTN juga membenarkan bayaran ansuran bulanan yang lebih rendah bagi peminjam yang kurang mampu ataupun berpendapatan rendah dan kadangkala terdapat juga kes-kes yang meminta supaya pembayaran balik itu dapat dijadualkan semula. Itu pun boleh dipertimbangkan mengikut keadaan masing-masing.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa pada tahun lalu PTPTN telah mengeluarkan RM8.5 bilion dan tahun ini telah meningkat kepada RM11.8 bilion jumlahnya. Saya hendak bertanya Yang Berhormat memandangkan peningkatan jumlah pinjaman yang begitu besar berbanding dengan kutipan hanya RM287 juta saya rasa ini adalah satu masalah besar dari segi aliran tunai.

Bagaimana Yang Berhormat dapat memastikan PTPTN dapat berfungsi dari segi *sustainability* nya. Saya tidak nampak bagaimana kita dapat satu mekanisme yang baik kecuali kerajaan dapat mencadangkan terbitan bon ataupun dengan apa cara bukan melalui pinjaman daripada KWSP seperti yang pernah dilakukan sebelum ini. Apa pendirian kementerian. Terima kasih.

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Ayer Hitam tadi atas keprihatinan beliau terhadap kedudukan dana PTPTN semasa. Sesungguhnya untuk makluman Dewan yang mulia ini sejak penubuhan PTPTN hingga tahun 2002, pihak PTPTN hanya diberikan geran sebanyak RM5.2 bilion buat julung-julung kalinya.

Seterusnya PTPTN telah pun meminjam dari beberapa institusi kewangan yang disahkan dan jumlah itu seperti mana Yang Berhormat sebut tadi dan ianya semakin bertambah dan apa yang dicadangkan tadi iaitu pengeluaran bon dan sebagainya ini tetap diambil kira dalam perancangan strategi pihak PTPTN sekarang ini khususnya bila PTPTN tengah merombak mekanisme. Jadi setakat ini belum ada kata putus lagi. Jadi setakat ini sahajalah yang saya boleh maklumkan Yang Berhormat bahawa sememangnya terdapat beberapa mekanisme yang sedang dirancang.

5. Datuk Salleh bin Tun Said [Kota Belud] minta Menteri Pelajaran menyatakan, mengapa masih wujud guru yang diberi tugas mengajar tidak mengikut kepada opsyen pengkhususannya. Bilakah masalah pemberian tugas mengajar tidak mengikut bidang pengkhususan ini akan dapat diselesaikan.

Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Hon Choon Kim]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran Malaysia sentiasa memastikan penempatan guru di sekolah-sekolah adalah berdasarkan keperluan perkhidmatan dan kesesuaian pengkhususan mata pelajaran atau opsyen guru tersebut.

Namun begitu *mismatch*, dengan izin antara opsyen dengan subjek yang diajar di sekolah sememangnya boleh berlaku. Salah satu faktor berlakunya keadaan demikian adalah kerana penawaran beberapa mata pelajaran elektif di sekolah selaras dengan sistem persijilan terbuka. Bagi setegah subjek bilangan pelajar yang mengambil subjek tersebut adalah sangat kecil dan hanya satu kelas sahaja boleh dibuka untuk subjek berkenaan.

Sebagai contoh, jika sebuah sekolah membuka satu kelas aliran sains sekolah tersebut memerlukan seorang guru opsyen fizik, seorang guru opsyen kimia dan lagi seorang guru opsyen biologi. Namun begitu, peruntukan waktu bagi setiap subjek tersebut hanya empat waktu seminggu. Oleh itu, guru-guru subjek ini terpaksa mengajar subjek yang bukan pengkhususan mereka untuk mencukupkan bilangan waktu mengajar sekitar 25 hingga 28 waktu seminggu.

Walau bagaimanapun, kementerian sedang mengambil langkah-langkah perlu dan mengkaji semula dasar penempatan guru untuk mengurangkan masalah *mismatch option* ini. Antaranya ialah keperluan pertukaran guru dibuat berdasarkan keperluan opsyen dan keperluan perkhidmatan dan penempatan guru lebih mengutamakan keperluan murid-murid daripada kepentingan dan kebajikan guru supaya penempatan dapat dilaksanakan berdasarkan opsyen. Terima kasih.

Datuk Salleh bin Tun Said [Kota Belud]: Terima kasih atas jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya perhatikan bahawa tidak ada penyelarasan antara kementerian dan juga agensi kerajaan. Bagi soalan tambahan ini saya ingin tahu apakah pendekatan ataupun strategi yang dilakukan untuk meningkatkan kerjasama antara Kementerian Pelajaran Malaysia dan juga Kementerian Pengajian Tinggi.

Dato' Hon Choon Kim: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Kota Belud yang menyuarakan masalah yang dihadapi antara Kementerian Pelajaran dengan agensi-agensi lain yang memberikan latihan guru.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini memang perkara ini telah dibawa ke Mesyuarat Jemaah Menteri baru-baru ini dan satu keputusan telah pun diambil bahawa Kementerian Pelajaran dan juga Kementerian Pengajian Tinggi dapat mengambil langkah-langkah bersama supaya dapat mengatasi masalah ini. Antaranya ialah menyediakan unjuran keperluan guru yang komprehensif secara bersama meliputi keperluan guru dan pensyarah untuk sekolah, kolej matrikulasi, kolej komuniti dan politeknik.

Yang kedua, pengagihan program latihan perguruan antara institusi pendidikan guru yang di bawa oleh Kementerian Pelajaran dan institut pengajian tinggi awam di bawah Kementerian Pelajaran Tinggi. IPG akan memberikan fokus untuk melatih guru-guru pra sekolah dan sekolah rendah, manakala IPTA akan melatih guru-guru sekolah menengah, kolej matrikulasi, kolej komuniti dan politeknik. Ketiga menetapkan prosedur yang standard bagi proses pemilihan calon guru dan pelantikan jawatan dengan adanya kaedah-kaedah dan pemahaman antara dua kementerian, maka kita harap masalah *mismatch* dapat kita tangani atau dikurangkan, terima kasih.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi yang ada menyebut tentang kementerian sentiasa menjaga kepentingan murid. Apa yang kita dapati sekarang ini, dekat dengan masa hendak menghadapi peperiksaan, ramai guru kanan yang mengajar subjek teras telah dibawa untuk berkursus seminggu, dua minggu kadang-kadang di Langkawi dan juga ada yang dari Kedah ke Kuala Lumpur. Jadi apakah kementerian berharap dengan mengeluarkan guru-guru yang mengajar subjek teras dekat dengan masa peperiksaan ini akan menguntungkan pelajar-pelajar dalam menghadapi suasana peperiksaan ini, terima kasih.

Dato' Hon Choon Kim: Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Pendang berhubung kait dengan guru-guru yang telah diminta untuk ikuti kursus latihan dalam masa persekolahan. Memang kita tidak dapat menafikan bahawa sebilangan guru memang diperlukan untuk mengikuti latihan tertentu supaya mereka lebih peka dan ikut kehendak semasa. Walau bagaimanapun, Kementerian Pelajaran sentiasa mengambil perhatian bahawa guru-guru yang mengajar murid-murid yang akan menduduki peperiksaan tidak akan minta untuk mengikuti kursus atau latihan supaya pengajaran dan pembelajaran murid-murid itu tidak terjejas. Saya ucapkan terima kasih dan saya akan ingatkan pegawai-pegawai saya supaya ia tidak akan berlaku supaya pengajaran tidak terjejas, terima kasih.

6. Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat] minta Perdana Menteri menyatakan, apakah kerajaan sedar pembelian kepentingan syarikat-syarikat tempatan dalam industri pengangkutan, telekomunikasi, perbankan dan kejuruteraan oleh pelabur asing terutamanya Singapura sejak dua tahun lalu boleh membantutkan usaha kerajaan membangunkan misi nasional.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan Yang Berhormat bagi Tumpat yang bertanyakan soalan ini. Untuk makluman, Jawatankuasa Pelaburan Asing atau *Foreign Investment Committee* atau FIC bertanggungjawab memproses cadangan perolehan kepentingan dalam syarikat tempatan sama ada oleh kepentingan tempatan mahupun asing. Kelulusan yang diberikan adalah tertakluk kepada syarat-syarat tertentu yang bertindak sebagai elemen kepada kawalan terhadap penyertaan asing dalam syarikat tempatan khususnya syarikat-syarikat yang menjalankan aktiviti-aktiviti yang mempunyai kepentingan nasional. Penyertaan pelabur asing tidak akan membantutkan usaha kerajaan melaksanakan misi nasional, malah kerajaan telah menyatakan teras pertama misi nasional bahawa penyertaan pelabur tempatan dan asing akan terus dipertingkatkan terutamanya dalam bidang yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat pembelian kepentingan syarikat-syarikat tempatan dalam industri pengangkutan, telekomunikasi, perbankan dan kejuruteraan oleh pelabur asing termasuk pelabur Singapura adalah pembelian yang merupakan pelaburan ekuiti berportfolio. Ini bermakna pelabur-pelabur asing hanya memegang kepentingan secara pelabur minoriti sahaja.

Dalam hal ini kerajaan sentiasa memantau agar kepentingan dalam syarikat-syarikat strategik akan terus dipegang oleh pihak kerajaan atau oleh syarikat-syarikat berkaitan kerajaan sahaja. Maka dengan itu soalan pembantuan usaha melaksanakan misi nasional akibat daripada penyertaan pelabur asing tidak timbul sama sekali.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana memberi jawapan kepada soalan saya tadi. Kita menyokong pelabur asing, tetapi kita berharap bahawa kerajaan akan memastikan bahawa kita memilih syarikat-syarikat kita untuk dibuka dan kita memilih pelabur-pelabur asing dan negara-negara asing untuk mereka melabur ke negara kita seperti Amerika Syarikat juga Tuan Yang di-Pertua walaupun ekonominya bebas, tetapi apabila pelabuhan-pelabuhan mereka di ambil alih pengurusannya oleh syarikat asing dan syarikat asing itu pula ialah *Dubai Port World*, mereka walaupun sudah lulus dan ditandatangani oleh Presiden Amerika, tetapi atas desakan Kongres, ianya dibatalkan.

Dalam kes kita sebagai contoh Khazanah Holdings seharusnya memegang saham-saham dalam syarikat-syarikat strategik dan tidak seperti yang berlaku dalam kes Pantai Holdings yang dibeli oleh Park Way Holdings dan kemudian kita dengar laporan yang terakhir bahawa Khazanah telah menggunakan syarikat Pantai Irama bukan dari Bachok, tetapi dari Khazanah Holdings dan mengambil alih majoritinya, tetapi pegangan Park Way Holdings tidak berkurangan, tetapi kekal. Kalau saya pelabur asing Tuan Yang di-Pertua, inilah keadaan yang paling baik syarikat saya daripada luar melabur, syarikat kerajaan memegang saham yang besar. Jadi, apakah sikap sebenar kerajaan yang ingin mengawal pegangan strategik dan Pantai Holding ini pegangan strategik yang mempunyai kepentingan-kepentingan perniagaan, monopoli, penswastaan dan sebagainya.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat. Memang perkara ini di bawah Kementerian Kewangan, tetapi saya ingin memaklumkan, dari segi struktur, di bawah Pantai Holdings ini, mempunyai dua anak syarikat yang mempunyai kepentingan-kepentingan tersendiri, sebab itu ia masih lagi di dalam peringkat untuk menstrukturkan semula Pantai Holdings bersama-sama dengan Khazanah Negara, tetapi ini adalah di bawah Kementerian Kewangan.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya dalam dilema kita ini, kalau kita tidak buka kepada pelabur asing, pembangkang juga akan marah kenapa tidak buka kepada pelabur asing, apabila buka, dia juga marah kerana banyak sangat. So, kerajaan terpaksa *strike the balance*, tetapi soalan tambahan saya ialah bagaimana pula kedudukan kerajaan dan bagaimana kerajaan atau FIC ini membuat keputusan mengenai syarikat-syarikat kita yang ada kepentingan keselamatan yang di *listing*kan, di Bursa Saham seperti Iris, DRB-Hicom yang buat kereta kebal ini, ini di *listing* dan orang boleh beli bila-bila masa. Sedangkan ia ada kepentingan keselamatan. Apakah ini kerajaan ada dasar sesuatu yang boleh kita gunakan untuk mengawal keadaan ini? Terima kasih.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, seperti jawapan saya tadi, di mana syarikat-syarikat strategik yang mempunyai kepentingan negara sudah pasti kita akan bukan sahaja mengetatkan ataupun mengadakan satu kawalan yang ketat, tetapi mereka yang terlibat umpamanya bukan sahaja FIC, tetapi SC dan juga pihak-pihak kerajaan yang terlibat dalam agensi yang berkenaan, akan memastikan bahawa perkara ini diambil kira untuk memastikan bahawa syarikat-syarikat yang merupakan syarikat strategik ini diuruskan secara yang terbaik sekali dan menjamin keselamatan negara kita.

7. **Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan, mengenai penduduk-penduduk yang kehilangan MyKad/kad pengenalan bagi tempoh lima tahun mulai 2002 hingga 2006 mengikut negeri, kaum, umur dan jantina.

Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri [Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemegang MyKad yang kehilangan MyKad bagi tempoh lima tahun, dari tahun 2002 sehingga 2006 adalah seperti berikut:

TAHUN	JUMLAH KEHILANGAN
2002	402,566
2003	387,733
2004	243,562
2005	333,389
2006 (hingga Julai)	232,980

Pada keseluruhannya, statistik kehilangan kad pengenalan mengikut kaum bagi tempoh 2002 hingga 2006 adalah seperti berikut:

KAUM	JUMLAH (PERATUS)
Melayu	51.2
Cina	25.9
India	10.5
Lain-lain kaum	12.4

Dari segi jantina pula kehilangan kad pengenalan di kalangan lelaki adalah sebanyak 54.16% berbanding dengan golongan wanita. Sementara statistik kehilangan kad pengenalan mengikut umur untuk lima tahun terakhir adalah:

UMUR	JUMLAH (PERATUS)
19-29	42.95
30-55	34.76
70 tahun ke atas	18.36

Sementara kehilangan yang dilaporkan di negeri-negeri, lima negeri yang melaporkan kehilangan terbanyak:

(i)	Selangor	-	22,466
(ii)	Johor	-	17,122
(iii)	Kedah	-	11,160
(iv)	Kelantan	-	10,786
(v)	Perak	-	10,391

Terima, kasih.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Harga anggaran sekeping MyKad menurut laporan Ketua Audit adalah RM31 sahaja. Jadi memandangkan Kabinet telah meluluskan untuk mengenakan denda yang lebih tinggi bagi mereka yang hilang MyKad kepada RM100, apakah kedudukan kini kepada mereka yang menjadi mangsa ragut dan juga bencana apabila mereka hilang MyKad disebabkan oleh menjadi mangsa ragut dan juga bencana. Dan laporan audit juga menyatakan bahawa kerajaan rugi RM8 juta kerana MyKad *quality* yang dibekalkan adalah rendah. RM8 juta ini kerana sebelum diserahkan kepada orang ramai dan RM1.6 juta dikembalikan oleh orang ramai kerana kualiti rendah MyKad ini. Jadi dalam aspek ini mereka dikenakan denda RM10 apabila mereka hendak memperbaharunya kerana MyKad mempunyai kualiti yang rendah. Jadi apakah kerajaan cadangkan untuk hapuskan denda ini kerana kelemahan kualiti?

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, bayaran yang dikenakan untuk kehilangan ialah RM10, sementara bayaran untuk menukar kerana kerosakan ialah RM10. Kita terpaksa mengenakan bayaran ini kerana setiap perkara yang kita lakukan melibatkan kos. Masalah kualiti yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Batu Gajah, sebenarnya laporan mengenai kad pengenalan yang kurang bermutu ini kita terima tetapi bilangannya adalah kecil. Namun begitu kerajaan sentiasa meneliti dan memberi perhatian untuk meningkatkan kualiti MyKad dari masa ke semasa. Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tidak apa biasalah Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya SUP kementerian ini. Apakah Yang Berhormat sedar fenomena penjualan kad pengenalan, kemudian dia melaporkan kehilangan. Kadang-kadang mereka buat *business* macam pasport antarabangsa kita juga. Harga di pasaran begitu tinggi, mereka jual dan laporkan hilang. Adakah fenomena ini berlaku dan apakah cara pihak kementerian memonitor kalau seseorang itu sering kali kehilangan kad pengenalan dan pasport antarabangsa. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Jerai, berdasarkan jumlah kehilangan yang begitu besar seperti mana yang disebutkan di awal jawapan saya tadi, maka Kabinet telah memutuskan pada 12 Julai yang lalu untuk mengenakan bayaran yang lebih tinggi kepada MyKad yang dilaporkan hilang iaitu daripada RM10 kehilangan kali pertama akan dinaikkan kepada RM100 dan bagi kehilangan kali kedua akan dinaikkan kepada RM200 daripada RM30 dan untuk kehilangan ketiga dan seterusnya akan dinaikkan daripada RM100 kepada RM300. Ini adalah untuk menentukan dan memberi ingatan dan pengajaran kepada pemegang-pemegang MyKad, bahawa MyKad adalah satu dokumen peribadi yang sangat penting dan harus dijaga dan diberi perhatian oleh setiap pemegangnya. Di jaga elok-elok supaya jangan berlaku kehilangan. Jadi kita harap dengan kadar bayaran yang akan ditingkatkan ini, setiap pemegang akan lebih berhati-hati dan sentiasa menjaga MyKad mereka dengan baik, terima kasih.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua, tadi saya ada bertanya berkenaan ragut. Kedudukan ragut dengan kelulusan RM100, mangsa ragut dan bencana apa kedudukan sekarang? Dahulu ada kata akan pertimbangkan?... [*Dewan riuh*]

Seorang Ahli: Tidak ada jawablah!

Tuan Yang di-Pertua: Cukup Yang Berhormat! Yang Berhormat bagi Lipis ada?

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua, ini sangat penting. Ramai jadi mangsa ragut. Sebelum ini ada kata akan pertimbangkan, saya tanya dengan spesifik kedudukan... [*Beberapa Ahli menyampuk*]

Tuan Yang di-Pertua: Tidak apalah, soalan lainlah Yang Berhormat.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *No*, minta tanya. Jawab sahaja Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: Lain kali, lain kali tanyalah! [*Dewan riuh*]

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tuan Yang di-Pertua, saya minta jawab sahaja, itu sahaja!

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat bagi Batu Pahat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak boleh pun jawablah esok dengan....

Tuan Yang di-Pertua: Kemudianlah dia jawab itu!

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Boleh arahkan beliau supaya jawab esok secara bertulis. Ini mengenai kepentingan orang ramai. Kepentingan orang ramai! Tuan Yang di-Pertua....

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tuan Yang di-Pertua, boleh arahkan beliau!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *[Bercakap dalam bahasa Mandarin]*

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Menyampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Lipis, sila jawab. Yang Berhormat bagi Batu Pahat tidak ada? Yang Berhormat bagi Batu Pahat... *[Dewan gamat]*

[Soalan 8 – Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman (Lipis) tidak hadir]

9. Dr. Junaidy bin Abd. Wahab [Batu Pahat] minta Menteri Pelajaran menyatakan, sama ada pihak kementerian telah membuat semakan kurikulum bagi prasekolah agar ianya mampu bersaing dengan mutu pembelajaran prasekolah swasta serta mampu meningkatkan prestasi murid-murid tersebut ketika melangkah ke Tahun 1.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran [Puan Komala Devi]: Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, Akta Pendidikan 1996 telah menetapkan bahawa semua agensi pelaksanaan program prasekolah termasuk di sekolah-sekolah swasta wajib menggunakan kurikulum prasekolah kebangsaan yang dilaksanakan mulai tahun 2003. Selain daripada itu mana-mana tadika yang melaksanakan kurikulum tambahan perlu memaklumkan dahulu Kementerian Pelajaran Malaysia tentang kurikulum tersebut. Dalam semakan semula kurikulum sekolah rendah yang telah selesai dijalankan pada tahun 2003, mata pelajaran yang diajar telah mengambil kira tahap yang mampu dicapai oleh murid prasekolah.

Semakan ini bertujuan untuk memastikan kesinambungan antara kurikulum prasekolah dan kurikulum sekolah rendah bagi membolehkan murid-murid prasekolah bersedia mengikut pengajaran dan pembelajaran pada Tahun 1. Kurikulum prasekolah kebangsaan yang dilaksanakan sekarang meliputi sembilan bidang pengalaman yang dijadikan asas perkembangan murid iaitu Pendidikan Ketatanegaraan, Pendidikan Islam, Pendidikan Moral dan Kerohanian, Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Perkembangan Fizikal, Perkembangan Sosio-emosi, Perkembangan Kognitif dan Perkembangan Daya Kreatif dan Estetika. Kurikulum ini digubal bersama dengan pakar pendidikan awal kanak-kanak serta psikologi kanak-kanak. Dengan kurikulum yang disediakan ini, Kementerian Pelajaran berkeyakinan penuh bahawa prasekolah yang dikelolakan khususnya oleh Kementerian Pelajaran dapat melahirkan murid-murid yang benar-benar bersedia mengikuti pembelajaran pada Tahun 1. Terima kasih.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]: Tuan Yang di-Pertua, langkah yang diambil oleh pihak kementerian terutamanya menyediakan prasekolah pada sekolah-sekolah kerajaan merupakan satu langkah yang baik. Terutamanya dalam memberikan pembelajaran, persediaan untuk kanak-kanak menduduki tahun satu tetapi masalahnya yang pertama ialah tidak ada semua sekolah di Malaysia yang terlibat. Saya difahamkan hanya lebih kurang 100 lebih sekolah sahaja yang terlibat dalam negara kita. Dan kalau dibuat hanya satu atau dua kelas sahaja, dan ini mengakibatkan penafian kepada anak-anak untuk hadir dalam prasekolah dan juga menyebabkan pilih kasih dalam kalangan anak-anak yang ditempatkan di sekolah terutamanya kepada pihak guru-guru di sekolah tersebut, kepada mereka yang terlibat dalam sama ada dalam PIBG dan sebagainya.

Jadi soalan saya, adakah kementerian akan menyediakan kelas-kelas sebegini iaitu prasekolah kepada semua sekolah di negara kita? Dan akan menambah bilangan kelas-kelas tadi supaya lebih kurang sama dengan sekolah tahap satu yang disediakan?

Puan Komala Devi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang hasrat Kementerian Pelajaran adalah untuk membekalkan prasekolah untuk semua sekolah di Malaysia tetapi di samping kelas-kelas prasekolah yang disediakan oleh kementerian, kita ada juga prasekolah yang disediakan oleh agensi-agensi lain seperti ABIM, Jabatan Agama Islam Negeri, Kemas, Jabatan Perpaduan Negara dan juga swasta.

Di antara langkah-langkah panjang yang diambil oleh kementerian adalah untuk mengkaji semula semua peraturan-peraturan yang berkaitan dengan tabika dan tadika-tadika yang berlainan ini untuk memastikan semua tadika akan memenuhi satu standard kualiti minimum yang ditetapkan oleh kementerian pada masa yang tidak lama lagi. Terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan perkembangan terkini dalam bidang pelajaran kanak-kanak. Apa ada cadangan bahawa sistem pelajaran formal patut dimulakan satu tahun lebih awal. Apa pendirian kementerian dan adakah satu kajian dan adakah ini akan dilaksanakan dan akan memberi manfaat kepada semua anak-anak kita.

Puan Komala Devi: Tuan Yang di-Pertua, itu adalah satu cadangan yang baik yang boleh dipertimbangkan oleh kementerian. Buat masa ini kementerian mempunyai cadangan untuk memperluaskan skop prasekolah di semua sekolah secara berperingkat-peringkat tetapi sama ada cadangan Ahli Yang Berhormat supaya dimasukkan dalam sistem persekolahan yang sedia ada sebelum tahun satu untuk semua pelajar, saya akan...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Bukan, memulakan *formal education* satu tahun lebih awal.

Puan Komala Devi: *That means* sebelum tahun satu?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, satu tahun awal.

Puan Komala Devi: Ini adalah satu soalan yang spesifik, saya akan jawab secara bertulis.

10. Ir. Edmund Chong Ket Wah [Batu Sapi] minta Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi menyatakan, adakah Kementerian sedar ada perkhidmatan teksi yang tidak menggunakan meter teksi pada waktu puncak. Apakah tindakan yang telah diambil oleh kementerian berkenaan bagi menguatkuasakan peraturan tersebut.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Dato' Khamsiyah binti Yeop]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi memang menyedari terdapat segelintir pemandu teksi yang tidak bertanggungjawab yang tidak menggunakan meter apabila menjalankan perkhidmatan membawa penumpang termasuk pada waktu puncak. Kesalahan tidak menggunakan meter semasa menjalankan perkhidmatan adalah merupakan satu kesalahan berat yang boleh dikenakan tindakan tegas termasuk membatalkan lesen teksi.

Sepanjang tahun 2005, sebanyak 305 kes dikesan bagi kesalahan teksi tidak menggunakan meter. Daripada jumlah tersebut, sebanyak lima lesen telah dikenakan tindakan pembatalan, sebanyak empat lesen digantung sementara. Sebanyak 296 dikenakan kompaun.

Bagi tahun 2006 sehingga 30 Jun 2006, sebanyak 203 kes kesalahan tidak menggunakan meter. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 17 buah teksi telah dikenakan tindakan batal lesen. Sebanyak 45 teksi dikenakan tindakan kompaun dan sebanyak 141 kes masih dalam siasatan. Selain daripada mengadakan operasi penguatkuasaan dan pemantauan yang berterusan, MECD melalui Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan juga mengambil langkah-langkah seperti berikut:

- (i) membangunkan sistem kupon teksi di tempat-tempat strategik yang bukan sahaja untuk memberikan kemudahan perkhidmatan kepada orang ramai termasuk pada waktu puncak bahkan juga merupakan satu sistem yang berkesan bagi menggantikan penggunaan meter teksi. Setakat ini LPKP telah menyediakan perkhidmatan tersebut di KL Sentral, Taman Burung Kuala Lumpur, Sunway Lagoon, Menara Kuala Lumpur. Dan LPKP juga sedang membangunkan sistem kupon di KLCC, Pudu raya, One Utama dan Mid Valley;

- (ii) mengadakan kursus bagi meningkatkan disiplin dan kesedaran pemandu teksi supaya sentiasa mematuhi peraturan pelesenan;
- (iii) mengedarkan kad aduan kepada orang ramai untuk membolehkan mereka mengemukakan aduan rasa tidak puas hati terhadap perkhidmatan teksi seperti pemandu teksi tidak menggunakan meter dan mengenakan tambang lebih;
- (iv) bekerjasama dengan Jabatan Pengangkutan Jalan bagi membolehkan tindakan membatalkan, menggantung lesen pemandu pengangkutan awam, pemandu teksi yang kerap melakukan kesalahan; dan
- (v) mengadakan perkhidmatan kaunseling ke atas pemandu teksi yang melakukan kesalahan pelesenan termasuk kesalahan lalu lintas.

Ir. Edmund Chong Ket Wah [Batu Sapi]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Timbalan Menteri. Mungkin apa-apa langkah kementerian tidak cukup oleh kerana masih ada banyak kes terjadi begitu. Saya rasa mungkin kementerian boleh buat, boleh penerangan kes-kes ini di dalam surat khabar untuk pengetahuan rakyat dan pemandu-pemandu teksi oleh kerana masih terjadi. Dari KLCC pergi Bukit Bintang, RM15 tidak mahu pakai meter. Dari Damansara balik ke Bukit Bintang, dia mahu RM50, tidak mahu jalan meter. So ini masalah tidak baik untuk pelancong dan pelawat-pelawat ke negara kita. Dan ini pemandu teksi macam penipu, kami tidak mahu imej ini terjadi kepada Malaysia oleh kerana ini *front line* Malaysia.

Soalan tambahan saya ialah adakah pasukan penguat kuasa menjalankan tugas musim waktu puncak di tempat seperti di hotel, di pusat-pusat beli belah atau di *taxi stand* dengan izin, *shopping complexes* untuk menyelesaikan masalah ini. Oleh kerana pada waktu puncak ini penguat kuasa yang bekerja mahu pulang ke rumah, tidak ada OT, tidak ada *over time*. So ini yang penting, soalan.

Dato' Khamsiyah binti Yeop:Terima kasih Yang Berhormat. Pandangan Yang Berhormat diambil kira, walau bagaimanapun kita sudah pun menyediakan pegawai penguat kuasa untuk melihat di tempat-tempat strategik dan ketika waktu puncak. Malahan kementerian tidak bersendirian, kita bekerjasama dengan JPJ dan pihak polis. Dan pihak MECD juga telah pun menubuhkan Jawatankuasa Kabinet yang dianggotai oleh JPJ dan polis, untuk memikirkan apakah tindakan seterusnya yang boleh kita lakukan. Yang Berhormat, ini lebih kepada *human factor*, sikap, makna kalau kita tengok dalam bidang lain pun umpamanya dadah, walaupun kita kenakan tindakan hukum gantung, tetapi pengedar dadah terus berlaku. Begitu juga kes curi, rogol dan sebagainya.

Dan sikap ini perlu ditangani bersama dan kita sebagai pengguna perlu diberi pendidikan pengguna dengan teksi, sebab itu kita mengalu-alukan semua pengguna teksi, jangan ragu-ragu terus buat aduan secara bertulis kepada polis ke mana-mana pihak kerana seperti mana yang kata Yang Berhormat tadi untuk dimasukkan dalam surat khabar dan sebagainya, ini juga boleh kita fikirkan bersama. Kerana kalau kita tidak bekerjasama ataupun pengguna tidak diberi didikan penggunaan pengangkutan inilah yang berlaku. Kami di pihak kementerian sedia menerima apa juga teguran dan cadangan yang terbaik untuk kita memajukan atau melaksanakan pengangkutan yang terbaik di negara kita.

11. Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu] minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan, berapa ramaikah imigran (immigrants) yang masuk ke negara ini, sama ada imigran yang sah mahupun yang haram, dan nyatakan juga negara asal mereka.

Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri [Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua terima kasih Yang Berhormat bagi Kota Bharu. Terdapat dua jenis imigran yang masuk ke negara ini iaitu secara sah dan tidak sah.

Adalah sukar untuk memastikan bilangan sebenar imigran yang masuk secara haram kerana mereka menyusup masuk ke negara ini dengan pelbagai cara tanpa melalui pintu masuk yang sah dan dikawal. Namun begitu bagi imigran yang masuk untuk bekerja di negara ini pada masa ini sehingga 31 Julai terdapat sekurang-kurangnya 1,823,431 orang daripada dua buah negara. Dan bilangan paling besar dan lima buah negara yang paling ramai rakyatnya bekerja di negara ini ialah yang pertamanya Indonesia 1,172,990 orang, yang keduanya ialah daripada Nepal seramai 199,962 orang, dan yang ketiganya daripada India 137,768 orang, dan yang keempat daripada Vietnam 96,892 orang dan yang kelima daripada Bangladesh 64,156 orang. Terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Kota Bharu.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]: Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua. Walaupun mereka yang masuk secara haram sudah tentunya kita tidak ada statistik yang cukup, tetapi saya percaya kerajaan mempunyai cara-cara tertentu untuk mencari dan memberi maklumat yang cukup supaya dapat kita mengatasi masalah pendatang haram ini. Saya ingin merujuk kepada kumpulan yang *stateless*, dengan izin. Orang-orang Rohingya, orang-orang yang beragama Islam dari Burma, Arakanis mereka ini bukannya *refugees* dalam konteks konvensyen antarabangsa. Mereka ini adalah *stateless* kerana mereka juga tidak diiktiraf sebagai rakyat Burma. Mereka ramai di negara kita.

Saya ingin bertanya apakah kerajaan, janji kerajaan semasa saya timbulkan perkara ini dahulu dan saya timbulkan perkara ini dengan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Apakah janji kerajaan untuk memberikan kertas ataupun kemudahan untuk membenarkan mereka bermastautin di sini. Kerana mereka telah berada di negara kita begitu lama mereka telah berkahwin, mereka telah ada anak, mereka hendak pergi hantar anak sekolah pun susah. Jadi kerajaan berjanji untuk mengeluarkan, kalau tidak silap saya satu keputusan telah dibuat untuk membenarkan mereka tinggal di sini. Dan dalam akhbar pun ada kenyataan ataupun keputusan dibuat untuk mengeluarkan kebenaran ini. Apa terjadi kepada mereka?

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua terima kasih Yang Berhormat bagi Kota Bharu. Bagi masyarakat Rohingya yang masuk ke negara ini sebenarnya ramai di kalangan mereka yang ingin berada di negara ini. Dan seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat memanglah menjadi dasar kerajaan untuk membantu mereka. Namun begitu di dalam kita memberi pertimbangan untuk memberi mereka ini kemudahan untuk bergerak di negara ini kita perlu berhati-hati dan meneliti setiap orang yang memohon ataupun berkehendakkan perlindungan di negara ini. Dan memang kita telah pun dari semasa ke semasa menimbang dan memberi peluang kepada mereka ini untuk berada di negara ini. Terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Sabak Bernam.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih setiausaha Parlimen. Saya berada di daerah Sabak Bernam dan saya dapati mereka ini ramai di sana sini. Bila saya tanya pihak polis, pihak Rela dan sebagainya siapa yang sebenarnya yang ada data mengenai pendatang dengan izin dan tanpa izin ini. Jadi nampaknya tidak ada jawapan yang spesifik oleh kerana itu, apakah pandangan setiausaha Parlimen saya hendak mencadangkan supaya di peringkat daerah diwujudkan, disediakan satu *database* berkaitan dengan pendatang ini supaya kita boleh turut sama memberikan perhatian. Kerana akhirnya mereka ini boleh menjadi satu masalah keselamatan di kawasan kita. Apa pandangan setiausaha Parlimen? Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Sabak Bernam, bagi warga asing yang masuk ke negara ini secara sah kita memang mempunyai data yang khusus di Jabatan Imigresen.

Sementara pendatang tanpa izin memanglah kita tidak mempunyai data yang lengkap kerana mereka tidak ada satu..., kerana seperti mana yang saya sebutkan tadi, mereka ini berada di merata atau seluruh pelosok negara tanpa satu sistem di mana mereka seboleh mungkin cuba menyusup dan melarikan diri daripada pihak berkuasa kerana itu kita tidak dapat mengesan bilangan sebenarnya. Walau bagaimanapun seperti mana Yang Berhormat sebut bagi golongan-golongan tertentu seperti Rohingya kita mempunyai mekanisme untuk mengesan mereka dan kita meminta mereka melaporkan diri kepada kerajaan. Dan dalam pada itu kita meneliti untuk merekodkan mereka dan memberi kemudahan kepada mereka. Terima kasih.

12. Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau] minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk menangani masalah pengangguran graduan terutamanya di Sabah yang didapati terdapat ramai graduan menganggur sehingga tiga tahun selepas pengajian. Bolehkah Kementerian huraikan pecahan pembahagian peruntukan rancangan melatih para graduan yang menganggur semenjak tahun 2003 dan 2004.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Datuk Abdul Rahman bin Bakar]: Tuan Yang di-Pertua dalam usaha kerajaan untuk membantu graduan menganggur di negeri Sabah mendapatkan pekerjaan, Kementerian ini melalui Jabatan Tenaga Kerja Sabah telah menyediakan perkhidmatan mencari pekerjaan secara *online* melalui sistem pemadanan kerja ataupun dengan izin, *job clearing system* kepada para pencari kerja dan juga para majikan di negeri Sabah. Sistem pencari pekerjaan *online* ini bertujuan untuk mempertingkatkan mobilisasi sumber manusia negara dan memastikan penggunaan tenaga kerja secara optimum melalui pemadanan kerja secara sistematik di antara pencari kerja dan kekosongan jawatan.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian ini melalui Jabatan Tenaga Kerja Sabah juga telah mengeluarkan lesen bagi agensi pekerjaan swasta untuk urusan perkhidmatan pekerjaan kepada orang ramai di bawah Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981 untuk membantu pencari kerja mendapatkan pekerjaan. Setakat ini sebanyak 43 lesen agensi pekerjaan swasta telah dikeluarkan di Sabah.

Di samping itu Jabatan Tenaga Kerja Sabah telah menganjurkan pesta pekerjaan yang terakhir di Sandakan untuk memberi peluang kepada majikan menjalankan temu duga terbuka dan mendapatkan pekerja yang sesuai serta memudahkan pencari kerja mendaftar dan mendapatkan pekerjaan yang bersesuaian.

Kementerian ini melalui Pembangunan Sumber Manusia Berhad juga telah melaksanakan Skim Latihan Graduan bagi membantu meningkatkan kemahiran para graduan yang menganggur dengan kemahiran yang khusus bagi memperluaskan peluang mereka mendapatkan pekerjaan. Skim Latihan Graduan ini mula-mula dilancarkan pada 25 November 2001 dengan peruntukan RM70 juta dan diikuti Skim Latihan Graduan 2 pada 19 Ogos 2003 dengan peruntukan sebanyak RM70 juta. Skim ini dibuka sekali lagi pada 9 Ogos 2005 yang lalu dengan peruntukan sebanyak RM100 juta.

Sejak dilancarkan pada tahun 2001 sehingga 22 Ogos 2006 seramai 38,051 graduan telah diluluskan untuk mengikuti latihan di bawah skim ini. Daripada jumlah tersebut seramai 540 graduan Sabah telah mengikuti Skim Latihan Graduan I, 513 graduan Sabah mengikut Skim Latihan Graduan II, dan 1,791 graduan Sabah mengikut Skim Latihan Graduan 3. Sekian terima kasih.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Terima kasih. Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua. Adakah kerajaan mempunyai *action plan* mengunjurkan tentang pengurangan graduan menganggur ini, pada tahun berapakah yang boleh sampai kepada dua peratus?

Dan kalau kita lihat jawapan tadi, pihak kerajaan mengatakan di sini, di Malaysia ini ada lebih kurang 1,800 000 pekerja asing. Bidang-bidang ini bolehkah di isi dalam beberapa tahun akan datang, mengurangkan kedatangan pekerja asing dan memasukkan graduan luar ini mengikut *specialised* mereka?

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Memang benar jumlah pekerja asing yang bekerja di Malaysia secara sah adalah 1.85 juta orang tetapi bidang-bidang pekerjaan yang dibolot oleh pekerja asing ini adalah merupakan bidang-bidang pekerjaan yang bersifat buruh dan juga menggunakan tenaga kudrat, tenaga kasar. Umpamanya mereka terlibat dalam sektor pembinaan sebagai buruh, dalam sektor pertanian dan perladangan sebagai buruh, dalam sektor pembuatan sebagai buruh, dalam sektor pembuatan sebagai buruh, dalam sektor perkhidmatan sebagai buruh dan juga pekerja-pekerja am. Oleh itu, pekerjaan-pekerjaan ini disifatkan sebagai pekerjaan yang tidak sesuai dengan kelulusan para graduan di Malaysia. Para graduan memilih kerja-kerja yang lebih bersesuaian dengan ilmu dan kepakaran mereka. Bukan pekerjaan sebagai kerja buruh. Kalaulah semua mahasiswa lulusan kolej atau pun universiti boleh dan mahu bekerja di negara kita, saya jamin bukan dua peratus malah tak ada seorang pun graduan yang menganggur pada hari ini.

Masalahnya graduan di Malaysia, untuk mengambil tempat pekerjaan yang dimiliki atau pun yang dimonopoli oleh pekerja asing ini adalah tidak sesuai dengan kebolehan dan juga taraf keilmuan mereka. Walau bagaimanapun, kita mempunyai rancangan-rancangan lain iaitu tidak melatih graduan dalam bidang buruh ini tapi juga kita melatih sebaliknya mereka yang bersesuaian dengan tahap kemahiran dan juga kelulusan, yakni orang lain yang bukan graduan yang lebih rendah sifat kelulusan dan kebolehan mereka. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Baik. Yang Berhormat bagi Keningau.

Datu Seri Joseph Pairin Kitingan [Keningau]: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan begitu pentingnya kita mengetahui bahawa program latihan Skim Latihan Graduan ini, bolehkah kita minta daripada Kementerian, bilangan pelatih Skim Latihan Graduan mengikut negeri, mengikut kaum, mengikut jantina dan mengikut bidang latihan yang diambil oleh, yang diberi oleh kementerian kepada graduan-graduan ini dan bolehkah kita mengatakan di sini bahawa ianya akan menghasilkan satu kejayaan 100 peratus kepada graduan ini selepas mereka memperoleh latihan ini? Terima kasih.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Terima kasih. Ada empat soalan.

Satu ikut negeri; satu ikut kaum; satu ikut jantina; satu ikut bidang, mengenai dengan Skim Latihan Graduan. Pertama, ikut negeri. Sehingga 12 September 2006, kalau ikut negeri. Satu Kelantan – 2,936, Selangor – 1,870, Sabah nombor tiga – 1,792, Perak nombor empat - 1308, Kedah – 1,323, Sarawak – 1,130, Johor – 1,142, Kuala Lumpur – 1,171, Terengganu - 982, Pahang - 863, Penang - 586, Negeri Sembilan - 617, Melaka - 532, Perlis - 167, Labuan - 43, jumlah 16,462 ikut negeri.

Kalau ikut jantina, lelaki - 13,209 (34.6 peratus) Kalau perempuan - 24,915 (65.4 peratus). Jumlah 38,124.

Kalau kita ikut kaum, bumiputera - 32,648 (85.6 peratus). Orang Cina - 4112 (10.8 peratus). India - 1364, (3.6 peratus).

Kalau kita ikut bidang kursus, panjang, tetapi saya terpaksa menjawab. Bidang Sistem Maklumat - 3993, Pengurusan perniagaan - 2217, bidang Sastera dan Sains Sosial - 2059, bidang Sains Teknologi - 1621, Kejuruteraan - 1660, Pengurusan Sumber Manusia - 1342, Kewangan Perniagaan - 1241, Pengajian Islam - 663, bidang Ekonomi - 493, bidang Pelancongan - 236, Pertanian - 209, Seni bina Ukur Penilaian -206, bidang Pembangunan Pentadbiran - 155, bidang mahir dan separuh mahir - 140, Pendidikan - 104, Undang-undang - 44, Pengurusan Alam Sekitar - 31, bidang Perubatan dan Kesihatan - 21, Pengangkutan - 23, bidang Keselamatan dan Pertahanan - 2.

Ini semua graduan yang diluluskan untuk menyertai skim ini mengikut bidang pengajian di Institusi Pengajian Tinggi masing-masing. Jumlah 16,462 orang. Terima kasih.

13. Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh] minta Perdana Menteri menyatakan apakah kerajaan bercadang untuk mengadakan satu kaedah prosedur kerja Islam Hadhari, sebagai lanjutan kepada jabatan-jabatan kerajaan dari penerapan nilai-nilai Islam pimpinan terdahulu atau kerajaan telah berpuas hati dengan pencapaian kefahaman nilai-nilai Islam kepada pegawai-pegawai dan kakitangannya.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, tahun 2005 merupakan tahun penjelasan Islam Hadhari kepada semua lapisan masyarakat termasuklah Kementerian, negeri serta agensi-agensinya. Manakala tahun 2006 merupakan tahun pelaksanaan Islam Hadhari. Kerajaan telah mengadakan kaedah prosedur kerja Islam Hadhari melalui penggubalan perancangan strategik lima tahun pendekatan Islam Hadhari yang mana ia merupakan dokumen pelaksanaan yang merangkumi strategik pelaksanaan serta kaedah prosedur kerja bagi semua peringkat Kementerian dan negeri serta agensi-agensi untuk menjadikan pendekatan Islam Hadhari sebagai satu pendekatan membangun ummah dan negara sebagai realistik.

Di samping itu, kerajaan akan meneruskan pelaksanaan dasar penerapan nilai Islam yang sedia ada dan setakat ini, pelaksanaannya diterima baik oleh pegawai dan kakitangan kerajaan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya Yang Berhormat bagi Ketereh.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Terima kasih Datuk Setiausaha Parlimen atas jawapan yang konkrit dan mantap dan juga saya ucap tahniah kepada kerajaan kerana telah buat perkara yang dicadangkan. Soalan tambahan saya ialah, saya diberitahu, dalam melaksanakan program Islam Hadhari ini, ada Komiti Islam Hadhari, ada Yayasan Islam Hadhari, dan saya pagi tadi beritahu duit banyak tak belanja.

Duit ini dipegang oleh Yang Berhormat Menteri sendiri. Saya nak cadang kalau tak reti belanja, bagi saja kepada Ahli Parlimen, kita boleh buat program dalam kawasan. Saya diberitahu berjuta-juta. Itu yang pertama. Saya nak minta penjelasan kalau duit ini ada sungguh, bagilah dan saya yakin ianya ada dan tak berjalan sebab dalam Komiti Islam Hadhari, dalam juga Yayasan Islam Hadhari, kadang-kadang orang yang tak *compatible*, tak faham dalam Islam Hadhari ini mengetuai komiti tersebut. Maka dia tak reti belanja.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, baik.

Datuk Haji Md Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Terima kasih. Saya ingat nak lagi tadi... [Ketawa]

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Terima kasih pada Yang Berhormat bagi Ketereh. Sebenarnya Yang Berhormat, bila kita bercakap tentang Yayasan Islam Hadhari, ia adalah sebuah yayasan yang telah dinaungi oleh Tan Sri Abdul Hamid Osman. Yang mana yayasan ini memang turut membantu memberi penjelasan Islam Hadhari di peringkat awal. Walau bagaimanapun, Mesyuarat Kabinet telah memutuskan supaya JAKIM dilantik sebagai penyelarasan kepada pelaksanaan pendekatan Islam Hadhari.

Dan untuk itu JAKIM telah melantik apa Yang Berhormat sebut tadi sebagai Komuniti yang mana ada yang saya sebutkan sebagai komuniti ini adalah lapan agensi yang telah kita lantik untuk memberi pendedahan dan kefahaman mengenai konsep Islam Hadhari yang mana terdiri daripada JAKIM, Pejabat Penasihat Agama, JASA, JAPIM iaitu Jabatan Pendidikan Islam, Jabatan Pengajian Tinggi, KAGAT, IKIM dan juga YADIM. Jadi kesemua agensi ini dianggap sebagai komuniti untuk memberi pendedahan dan kefahaman dalam masa yang sama Yayasan Islam Hadhari turut membantu.

Berkenaan dengan bajet ini Yang Berhormat, sebenarnya tidak ada satu bajet khusus yang diluluskan di bawah Islam Hadhari, perbelanjaan yang digunakan adalah peruntukan yang sedia ada di bahagian dakwah. Kalau kita lihat sendiri pun Islam Hadhari sekarang ini adalah sebagai satu cawangan sahaja di bahagian dakwah dan bukan sebagai satu bahagian dan kita sedang mengikhtiarkan supaya dia menjadi satu bahagian. Jadi sebenarnya bajet itu belum diluluskan Yang Berhormat. Terima kasih.

Tuan Syed Hood bin Syed Edros [Parit Sulung]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Setiausaha Parlimen. Saya percaya, kerajaan memperkenalkan Islam Hadhari ini sebagai satu daripada *Rahmattan Lil A'amin*. Untuk memberi rahmat bagi alam. Tetapi saya melihat pelaksanaan Islam Hadhari hari ini sepatutnya menyeluruh. Bukan sahaja kakitangan kerajaan, tetapi juga swasta.

Saya mencadangkan garis panduan yang jelas ditetapkan oleh kerajaan ataupun kerajaan sedang merangka. Contohnya sekarang pekerja pergi swasta, ada yang tidak boleh kahwin. Ada yang tidak boleh mengandung. Dari sudut pakaian, baru-baru ini di Hospital Pantai, Batu Pahat. Seorang yang mengandung diberhentikan kerja. Kononnya tidak produktif. Ini bukan Islam Hadhari.

Saya mendedahkan semalam, sekolah swasta, sekolah antarabangsa. Maknanya kena pakai *skirt*. Hendak pakai baju kurung, pakai tudung, kena tulis surat. Hari Jumaat sahaja. Ini bukan Islam Hadhari. Apa perancangan lebih meluas sebagai *Rahmattan Lil A'amin*. Menjadikan Islam Hadhari di Malaysia menyahut Artikel 3, Islam adalah Agama Persekutuan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, baik Yang Berhormat.

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat bagi Parit Sulung. Sebenarnya, apa yang Yang Berhormat sebut itu memang betul bahawa panduan itu memanglah menyeluruh. Seperti mana jawapan saya tadi, kita sebut bahawa garis panduan ini telah pun kita buat iaitu dalam perancangan strategi. Cuma sekarang ini, menunggu terakhirnya, ataupun peringkat terakhir untuk ditandatangani oleh KSN yang baru itu Yang Berhormat. Terima kasih.

[Masa bagi Pertanyaan-pertanyaan jawab Lisan telah pun tamat]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2007

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 2007

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah "Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2007 dibacakan kali yang kedua sekarang" dan "Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis."

"Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada empat puluh enam bilion lima ratus sepuluh juta dua ratus sembilan belas ribu ringgit (RM46,510,219,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2007, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Bajet Persekutuan 2007, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 9 Tahun 2006, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersestentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut hendaklah disahkan." **[12 September 2006]**

Tuan Yang di-Pertua: Saya menjemput Yang Berhormat bagi Bintulu untuk menyambung berucap.

11.32 pagi.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana bagi peluang sama saya ambil perbahasan belanjawan 2007 dalam Dewan yang mulia ini. Saya mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan yang telah membentangkan bajet 2007 yakin membawa manfaat sepenuhnya kepada rakyat bagi menjana pertumbuhan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasihlah hari ini bagi saya dapat. Wah! Saya tengok pagi ini pegawai ada banyak di sana. Semalam, tinggal sikit sahaja. So, haraplah pegawai-pegawai yang ada di Dewan yang mulia ini, betul-betul catatlah apa kita bahas. Harap sampai masa menteri menjawab, boleh sampaikan apa kita punya soalan ataupun bahas di Dewan ini. Selalu kita bahas, jawapan tiada. Tanya menteri, menteri kata, "Pegawai saya tak ada bagi tau pun." So, saya haraplah, perkara ini jangan berlaku lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekarang mahu sentuh, mahu lihat. Mahu sentuh sedikit kita punya laporan daripada Jabatan Akauntan Negara baru-baru ini...

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Penjelasan, penjelasan.

Beberapa Ahli: Boleh, boleh. Bagilah.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Santubong, yang sememangnya memang kita nampak ...

Beberapa Ahli: Bintulu, Bintulu.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Bintulu, minta maaf Bintulu. Yang sebenarnya memang kita nampak pegawai setiap kali penuh dalam Dewan, sama ada dalam atau di luar tetapi apa yang mendukungaitakan menteri, timbalan menteri, setiausaha parlimen, dua hari lalu, saya nampak kosong sahaja. Kalau hari ini Kabinet, tidak apalah. Mungkin kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak ada di dalam negeri, mereka tidak datang. Apa komen Yang Berhormat bagi Bintulu?

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kalabakan. Memanglah saya setuju apa Yang Berhormat sudah soal. Jadi saya haraplah menteri-menteri ambil perhatian.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Kalau setuju sahaja, tidak. Mungkin ada cadangan. Kalau Ahli-ahli Parlimen mungkin ada etikanya, saya minta supaya mungkin Ahli Yang Berhormat bagi Bintulu mencadangkan menteri, timbalan menteri, setiausaha parlimen, ada etika juga. Takkan ini semua, menteri, timbalan menteri, setiausaha parlimen, hari-hari sibuk di luar sahaja? Tanggungjawab di Dewan tidak ada. Jadi kita minta ...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasihlah Yang Berhormat bagi Kalabakan. Saya memang setuju apa kita cadang tetapi saya fikir, ini saya bagi peluang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atau Timbalan Perdana Menteri, jawablah.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi saya kata, saya mahu soal sedikit mengenai laporan daripada Jabatan Audit Negara baru-baru ini. Sudah menunjuk banyak kelemahan yang berlaku di peringkat pelaksanaan, terutama projek-projek yang melalui kementerian. Saya haraplah, kelemahan ini ataupun kesilapan jangan lagi berlaku. Saya melihat, masalah ini berlaku fasal masalah kronisme. Banyak kontraktor diberitahu, terutama sekali di Kementerian Kewangan. Kementerian Kewangan menunjukkan kepada *corporate* pun sama juga. Mereka kata kita Kementerian Kewangan bukan ambil peluang ataupun kerja keras untuk membangunkan ekonomi negara.

Hanya pegawai-pegawai, kebanyakan pegawai-pegawai di Kementerian Kewangan sibuk beratur, siapa dapat kontrak. Carilah kroni-kroni. Kalau bukan kroni, tak dapat. Adapun kadang-kadang punya, dapat tetapi kontraktor itu memanglah setengah mati dalam pelaksanaan. Mesti mati punya! Walaupun dia ikut apa *spec* ada tulis. Pegawai memang cakap saya tidak setuju, tak boleh, tak betul. Ini *interpretation* tak betul!! Jadi saya

mahu tanya pegawai daripada Kementerian Kewangan, you satu orang sahaja boleh *interpretation*kah? Lain orang tak boleh *interpret*kah? Spesifikasi dalam kontrak dia orang tak pandaiakah? Itulah masalah kita. Kita pun boleh lihat. Dulu banyak projek kita boleh bagi berkemungkinanlah daripada kita Kabinet ataupun daripada sistem penyampaian, kita bagi KSP ini, kuasa terlampau besar. Daripada dahulu kita mahu ingatlah, Tan Sri Samsuddin Hitam punya masa, berapalah projek sudah terbengkalai? Kenapa boleh jadi? Dia sebagai Ketua Setiausaha Perbendaharaan, dia tak tahukah? Kawasan saya, contoh sahaja.

Ini memang projek saya itu sudah selesailah. Ini kira satu contohlah daripada Lembaga Pelabuhan Bintulu. Itu *housing project* saya dahulu. Tiga, empat tahun yang lepas, saya ada persoalkan di Parlimen ini. Ada bangkit di Parlimen ini. Itu projek terbengkalai, tiga, empat tahun tak boleh selesai! Ketua Setiausaha Perbendaharaan sendiri jadi Pengerusi!! Sampai orang bahas, sudah dua kali minta disingkirkan baru nak minta syarikat perumahan negara masuk, kasi siapkan projek itu. Mula-mula orang cadangkan daripada kontraktor, kalau kata pemaju tak mampu disiapkan. Dia boleh tolong disiapkan RM6 juta. Kalau tambah semua lain-lain kos, mungkin RM8 lebih juta, RM9 juta boleh siap tetapi lambakan daripada Bintulu Port Sdn. Bhd., terutama sekali Pengerusi pun daripada Kementerian Kewangan, KSP, tak setuju! Sampai masa, saya sudah bangkit, last sekali kita minta SPA masuk.

Akan tetapi SPA mahu siapkan peruntukan takat RM25 juta disiapkan projek terbengkalai itu. Berapa rugi kementerian kita? Kerajaan Barisan Nasional, berapa dia rugi, siapa punya salah? Pegawai kerajaan salah!!... *[Dewan riuh]* Akan tetapi kita sebagai orang politik kena maki setengah mati di padang!! Di kawasan! Pasal orang, pegawai dia mahu bayar sewa rumah, mahu bayar faedah kepada bank!... *[Disampuk]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: *[Bangun]*

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Jangan banyak. Banyak lagi belum habis.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Larut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Saya setuju dengan Yang Berhormat bagi Bintulu. Masalah ini, dasar kita sudah bagus, sistem kita sudah bagus di atas tetapi di bawah..., di atas bagi arahan, kalau boleh kontraktor-kontraktor kelas 'F' saya ambil contoh, supaya ada tender-tender yang diberi secara *direct*, secara terus tetapi ada masalah. Saya bagi contoh, ada konon kata, saya hendak tanya Yang Berhormat benar atau tidak benar. Kalau baik dengan seseorang di pejabat kerajaan ini, mereka yang dapat. Jadi apa pandangan Yang Berhormat sama ada perkara ini berlaku seperti di kawasan Yang Berhormat tadi di Bintulu. Betul, kita akui. Ini yang menjadi masalahnya. Yang hendak kena, wakil-wakil rakyat kerana kita bila memantau, kita di tuduh supaya jadi 'pak sibuk', padahal kita tidak.

Yang projek terbengkalai ini, banyak, Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja di Bintulu. Mungkin di kawasan-kawasan yang lain. Kita buat pemantauan untuk memastikan projek terbengkalai dapat dilaksanakan. Duit peruntukan sudah sampai untuk tahun ini, misal kata, tetapi berterusan tidak dapat dilaksanakan. Apa pandangan Yang Berhormat bagi Bintulu?

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Larut. Memang saya setuju dengan pandangan daripada Yang Berhormat bagi Larut. Memang kita atas sekali, apa-apa cadangan dan rancangan memang betul. Sampai bawah sedikit, mahu pelaksanaan. Itu sudah goncang, sudah goyang, serupa macam ular pusing sini pusing sana. Sampai lagi bawah teknikal, pelaksanaan pun pening juga, jadi ular juga... *[Disampuk]* Memanglah goyang.

Itulah saya berharap Kementerian Kewangan betul-betul ambil perhatian perkara ini. Saya fikir saya mahu cadang di sini kalau bolehlah saya minta Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menurunkan kuasa kepada semua menteri-menteri... *[Disampuk]* Janganlah Ahli Parlimen. Turunkan kuasa kepada menteri-menteri masing-masing, kementerian masing-masing.

Kenapa saya cadang ini? Pasal kita sekarang kalau ada apa-apa kesilapan, kalau ada apa-apa dibuat tidak ikut cadangan, kita persoal kepada menteri, menteri kata, "Saya tidak ada kuasa. Tidak ada peruntukan." Jadi saya mintalah kalau bolehlah, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita kajilah balik semula betul-betul. Kita bagi peluang kepada menteri menjalankan tugasnya. Kalau tidak boleh, kita kasi buang sama dia, tukar sama dia... [Disampuk] Bagi orang lain peluang. Kalau menteri itu sudah duduk di kerusi tidak pandai jalankan tugas, kita buanglah terus. Timbalan menteri pun memanglah serupa juga... [Disampuk] Termasuklah SUP juga... [Ketawa]

Jadi, kenapa saya soal ini? Pegawai ini kadang-kadang saya nampak tidak berapa ambil perhatian, tidak ambil perkara serius. Saya bagi satu contoh lagi di sini. Saya cerita perkara ini, memohon naik taraf Ibu Pejabat Polis Daerah Bintulu, naik dia punya gred kepada Ibu Pejabat Polis Bahagian Bintulu. Dahulu panggil nama sahaja Bahagian Bintulu tetapi belum jadi bahagian. Juga ada permintaan naik taraf. Saya minta kenapa perkara ini tidak dapat dilaksanakan.

Saya jumpa dan tanya Kementerian Kewangan, Kementerian Kewangan cakap tidak sampai. Saya tanya Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, dia cakap mereka sudah rancang, sudah hantar ke EPU. Tanya EPU, EPU cakap saya tidak tahu. Jadi mana satu saya mahu tanya sekarang? Ini bukan projek untuk Ahli Parlimen, ini untuk polis! Kita sekarang kalau kes-kes berlaku berapa banyak di kawasan, rakyat tuduh siapa? Tuduh Kerajaan Barisan Nasional, tuduh orang politik, tuduh polis! Akan tetapi polis cakap, "Saya punya kakitangan tidak ada." Saya cakap, "Kenapa tidak ada?" Dia cakap, "Kita punya balai ini maksimum sahaja kakitangan boleh ini macam sahaja. Tidak boleh lebih daripada itu. Sekarang cuma boleh maksimum 255 orang sahaja. Tidak boleh lebih daripada itu." Jadi apa lagi mahu buat?

Saya mintalah jawapan daripada Menteri Keselamatan Dalam Negeri, apa mahu buat sekarang? Apa pasal pegawai ini tidak boleh dilaksanakan? Kita susah sangatkah? Kita sudah ada jalankan satu sistem, minta *built list and transfer*, apa pasal kita tidak boleh laksanakan? Macam di kawasan saya, Batu 1/2, polis pasar punya. Kalau cerita pun ketawa. Kita dapat hasil berapa daripada Bintulu? *10% to 15% growth income* daripada Bintulu tetapi balai polis di Bintulu itu, banglo kecil punya. Saya fikir tidak lama lagi memang elektrik *short circuit*, terbakarlah itu.

Saya bolehlah minta pegawai-pegawai turun padang ataupun KSU-KSU turun padang, kita lihat sendiri. Bila baru boleh buat? Itulah saya tidak faham. Ini daripada Perdana Menteri sebagai merangkap Menteri Keselamatan Dalam Negeri. Pada 15 Disember 2005 saya sudah setuju tetapi setuju tidak ada. Jadi kalau Yang Amat Berhormat sendiri buat arahan, pegawai pun tidak boleh dengar, tidak boleh ikut, saya fikir semua pegawai ini bagus kita kasi hapuskan, kasi tukar semua. Apa bikin kalau semua arahan tidak boleh jalan?

Tadi saya di sini pun persoal juga mengenai kenderaan. Saya cukup sedih nampak agensi-agensi yang lain boleh pakai Toyota, boleh pakai Ninja, terutama sekali kastam boleh pakai BMW tetapi polis kasi Perodua Kancil. Macam mana hendak suruh dia jalankan tugas? Saya fikir kalau susah, saya difahamkan ada sekali saya soal, tanya, mereka kata pasal mereka mahu *cut cost budget*. Kalau kita mahu kira *cut cost*, saya fikir kalau paling baik lagilah, *cut cost* teruslah. Kita hantar basikal kasi semua polis itu. Tidak payah kos itu, ia guna tenaga sahaja, lagi senang!

Apa pasal kita mesti mahu ingat apa kita mesti mahu belanja? Kita mesti mahu belanja. Apa kita boleh *cut cost*, kita kasi *cut cost*. Apa masalahnya, pasal minyak? Lain orang kalau pakai BMW bukan pakai minyak, pakai airkah itu?... [Disampuk]

Bukan saya cakap kita sebelah pihak kepada polis tetapi sebelum kita hantam sama polis macam pembangkang hentam saya, tetapi kita mesti mahu tahu masalah polis dahulu...

Beberapa Ahli: Betul! Setuju, setuju!

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Polis setengah mati, kalau tuduh, apa dia boleh cakap? Dia susah, Tuhan sahaja yang tahu. Kita patutlah bagi dia punya kenderaan yang canggih. Sekurang-kurangnya bagilah Toyota *four wheel drive* macam saya punya kawasan. Tiga kilometer sudah kawasan pedalaman. Empat kilometer sudah kawasan pedalaman. Kiralah. Di bahagian sana sudah kira masuk kawasan pedalaman. *You* suruh Kancil pergi jalankah? Ada sekali itu, dia buru orang curi kereta, dia lanyak habis-habis, tidak sampai setengah jam, radiator itu sudah terbakar. Polis cakap, "Apa saya boleh buat? Sudah habis!"

Satu lagi saya mahu soal ini, Tuan Yang di-Pertua, masalahnya polis pun kata dia punya alatan *walkie-talkie* itu, saya sendiri pun pergi dengar, keluar kawasan pedalaman, tujuh, lapan kilometer, dia punya *walkie-talkie* serupa hujan. Dia punya bunyi serupa hujan kuat, macam mana boleh dengar?... [Ketawa]

Polis bukan nyawakah? Saya berharaplah Kementerian Keselamatan Dalam Negeri terutama sekali Kementerian Kewangan ambil lihat, mereka pun bernyawa juga. Dia orang sudah setuju gadai dia punya nyawa. Untuk keselamatan kita sudah kita mahu ucap terima kasihlah akan tetapi kita punya alatan apa fasal tidak boleh kasi tidak *upgrade* kita punya *walkie talkie* punya sistem. Tidak boleh tukar dia punya alatan termasuklah dia punya senjata api dia punya pistol sekarang pakai *revolver* kan itu serupa koboi punya *style* tetapi sekarang punya teknologi atau jenayah dalam dunia ini sudah canggih sudah pakai automatik atau semi auto tetapi kita punya polis serupa 50-an, 40-an punya *revolver* tapi polis kalau kena *fire*, kena tembak dia habis enam peluru dia pasang peluru lagi saya ingat dia punya nyawa mahu kena sembahyang dulu sebelum dia pasang itu peluru.

Apa pasal kita tidak boleh kasi dia auto, semi auto satu kali boleh pasang 15 biji 20 biji peluru. Apa masalah dia saya fikir kalau mana satu pegawai saya mahu di sini Tuan Yang di-Pertua saya mahu cadang kalau mana satu pegawai tidak setuju minta dia besok pasang dia punya alatan semua ada senjata api turun padang tukar satu kali tengah malam. Tengok macam mana kasi suruh dia jalankan satu *duty* dulu. Hantar dia dua orang tiga orang ke jalan. Masuk kawasan pedalaman tengok macam mana. Jadi saya itulah saya cukup sedih nampak ini perkara tidak di *upgrade* tidak di ambil perhatian

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Bandar Kuching dengan Jerai.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Yang Berhormat bagi Kuching jangan bisinglah.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Apa ni. Terima kasih, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Bandar Kuching sila duduk.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Yang Berhormat bagi Bintulu saya amat kagum di atas keprihatinan Yang Berhormat membela pasukan keselamatan. Keselamatan polis lah. Adakah Yang Berhormat juga bersimpati kerana akhir-akhir ini banyak polis tertikam, terbunuh, tertembak dan sebagainya. Dan apakah nasib ibu-ibu tunggal ini, anak-anak mereka ini adakah Yang Berhormat juga ingin mencadangkan kepada kementerian dan kerajaan supaya anak-anak polis yang terkorban ini harus diambil dan dijaga sebagai anak angkat kepada kerajaan? Terima kasih.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Yang Berhormat dari Jerai. Memanglah saya setuju apa cadangan dari Yang Berhormat saya harapkan itu pegawai-pegawai ada terlibat ini buat keputusan jangan ingatlah orang sudah kena tembak sudah mati dia punya bini atau dia punya keluarga anak-anak semua boleh minta Tuhan tolong bantu. Saya harap kita ambil perhatian. Jangan fikir-fikir Tuhan boleh bantu tahu. *Last* sekali, siapa bertanggungjawab.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Yang Berhormat bagi Bintulu minta penjelasan. Tidak beri ya ...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Kita Kerajaan Barisan Nasional bertanggungjawab.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Saya mahu sokong apa yang telah diucapkan. Kerana apa guna Yang Berhormat bagi Bintulu kita jangan mempersalahkan itu pegawai-pegawai kerana ini tanggungjawab kementerian. Kedua-dua kementerian ini menteri adalah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan iaitu Kementerian Keselamatan Dalam Negeri dan juga Kementerian Kewangan. Adakah Yang Berhormat setuju kalau kita menyeru Yang Amat Berhormat meletakkan jawatan ke atas Menteri Kementerian Kewangan dan Menteri Keselamatan Dalam Negeri supaya ...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Bandar Kuching *you* jangan salah faham apa orang bahas *you* tidak tahu *you* jangan cakap pegawai tidak salah. Kita kalau salah cakap salah tidak salah cakap tidak salah. Menteri kalau rancangan sudah ada. Kalau sebelum rancangan laporan mesti mahu dari di bawah, serupa *you* Yang Berhormat kalau rakyat tidak undi *you* mana *you* boleh jadi wakil rakyat. Tidak boleh mesti bawah dulu naik baru boleh masuk dewan.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Menteri mesti bertanggungjawab atas kesalahan kementeriannya. Menteri itu adalah...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Sudahlah Yang Berhormat bagi Bandar Kuching jangan bising... [*Dewan riuh*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Bintulu teruskan.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Jadi saya mintalah pegawai-pegawai atau KSU-KSU atau Timbalan KSU mesti mahu ambil perhatian apa arahan daripada menteri kita mesti mahu ikut atau timbalan menteri atau pun itu pangkat mungkin kita pandang rendah SUB itu dia pun ada tanggungjawab kita mesti ikut arahan. Apa dia orang silap, siapa buat keputusan siapa tanggungjawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Batu Pahat sila bagi jalan.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]: Tuan Yang di-Pertua berapa jam boleh kasi?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya beritahu bila hendak habis.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Benda hendak habis apa makna belum bahas lagi.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]: Terima kasih kadang-kadang kita lihat bahawa agensi-agensi kerajaan yang dibuat terutamanya agensi yang melibatkan Lembaga Pengarah *Chairman* dan sebagainya kebanyakan wakil-wakil daripada kementerian yang hadir itu dipegang oleh KSU atau TKSU jadi ini juga mengakibatkan kelewatan dalam mereka menjalankan tugas umpamanya kalau satu KSU atau TKSU pegang sampai 15 jawatan dalam agensi-agensi kerajaan terbabit jadi 15 hari dalam sebulan mereka tidak ada dalam pejabat hadir dalam mesyuarat ini juga boleh mengakibatkan penyelarasan atau pelaksanaan dalam kerja-kerja yang sebagaimana yang dinyatakan tadi akan tergendala. Apa pandangan Yang Berhormat? Kita bagi orang lain pula pegang.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih ini saya bagi peluang menteri atau timbalan menteri jawablah. Tadi kita pun boleh bahas dalam Jawatankuasa. Jadi di sini saya tadi sentuh pegawai-pegawai mestilah mahu dengar arahan. Kalau pegawai-pegawai tidak mahu dengar arahan kalau kita simpan pun tidak guna. Baru-baru ini kita boleh nampak *Berita Harian* keluar lagi laporan surat khabar sentuh lagi kastam punya masalah walaupun Yang Amat Berhormat sudah kata berhenti. Jangan lagi usik apa-apa tetapi lepas beberapa hari kastam lagi buat satu kali lagi. Kenapa dia tidak boleh dengar arahan daripada Yang Amat Berhormat kalau ini kastam fikir dia hebat sangat tidak boleh dengar, kita kasi buang terus apa susah sangat. Itu rakyat kata kalau pegawai atau orang kerja di kerajaan memang dia punya nasib buruk sekarang bukan besi punya *stainless steel* punya. Memang gila punya.

Itulah apa dia buat kesalahan memang tiada denda punya tidak kena hukum punya saya harap pegawai-pegawai kerajaan kita ambil perhatian kita lihat dalam masa menjalankan tugas, fikirilah itu siapa-siapa bangsa datang jumpa sama kita dia memang ada masalah minta kita bantu.

Memang kadang-kadang ada rakyat minta sebarang punya mana kita boleh bantu kita bantu jangan suruh rakyat ulang balik ulang balik 10 kali pun tidak boleh selesai. Saya sini mahu sentuh mengenai ini kad pengenalan, surat lahir, surat mati susah sangat rakyat terutama di kawasan saya di seluruh Sarawak berlaku juga terutama sekali di kawasan saya kaum Iban 10,000 lagi belum ada IC lagi anggar dia. Sampai bila baru selesai satu kali pengarah tukar, tukar polisi sekali pegawai tukar, pegawai pun tukar polisi sekarang siapa ambil alih dalam atas polisi ini siapa kasi *set* sama dia punya polisi? Ini kita hari-hari tukar

Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Bintulu tadi Yang Berhormat bagi Bintulu ada menyebut angka 10,000 itu saya hendak penjelasan dari Yang Berhormat bagi Bintulu itu angka 10,000 itu adalah di kawasan Parlimen Bintulu sahaja atau pun di seluruh negeri Sarawak sebab di kawasan saya di Kapit masalah ini pun sangat berleluasa dan telah berlarutan sampai bila pun dia nak selesai pun kita tidak tahu. Sekian Terima kasih.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kapit. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Tuan Yang di-Pertua, saya tadi sebut di kawasan saya sahaja, Bintulu sahaja. Saya beberapa kali berbincang sama pegawai, pegawai cakap ok, kita akan ada satu strategi jalan, mahu selesai masalah ini, soal daripada saya tetapi nampaknya tidak berapa efisien dan efektif. Hari-hari isi, borang sudah hantar, tunggu berapa bulan baru panggil dia orang datang, satu kali Bintulu, tetapi dia mahu pakai bot, lima hingga enam jam sampai. Balik tunggu lagi, dua hingga tiga bulan, ada kadang-kadang enam hingga tujuh bulan, panggil lagi satu kali. Kenapa mahu banyak kali panggil? Kalau kena panggil pergi Bintulu tidak apa, ada sekali-sekali panggil dia pergi Kuching. Panggil pergi Kuching, siapa mati? Wakil rakyat mati. Rakyat minta YB, saya mahu pergi bikin saya punya IC lah, wang tidak adalah, YB tolong bagilah...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Bangun]*

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Untuk maklumat Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, satu kali pergi, bukan panggil satu orang, satu keluarga pergi, termasuklah adik-beradik semua mahu pergi. Yang Berhormat daripada Kinabatangan baru masuk pun mahu tanya kah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak bagi jalan kah tidak Yang Berhormat? Kalau hendak bagi jalan, bagi.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Kalau tidak bagi jalan, dia marah nanti.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat, jangan marah. Yang Berhormat perkara ini memang serius. Berlaku bukan sahaja di tempat Yang Berhormat, di kawasan saya pun. Dianggarkan lebih kurang 28,000 masyarakat Kinabatangan tidak beridentiti. Tidak ada surat beranak dan tidak ada kad pengenalan. Masalah timbul apabila menghadapi peperiksaan, baru timbul. Apakah Yang Berhormat mencadangkan kepada kerajaan, bagaimana penyelesaian masalah ini sehingga ada dua orang yang ditangkap dan dihantar ke Philippine dibawa balik ke Sabah. Salah orang, tetapi tidak berdokumen. Minta pandangan.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Ini perkara selalulah berlaku di saya punya kawasan. Itulah saya minta Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri ambillah perhatian perkara ini. Kita punya polisi ataupun cadangan daripada Jabatan Pendaftaran memang bikin susah kepada rakyat. Saya fikir, rakyat yang hidup pun susah mahu dapat sijil lahir dan kad pengenalan (*IC*) kah, samalah. Begitu juga Tuan Yang di-Pertua, kalau orang mahu mati sudah, jadi hantu pun susah dapat sijil juga, fasal dia tidak ada IC, macam mana mahu dapat sijil mati. Fasal ada satu kali saya bawa....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Mahu mati pun susah ya? Sudah mati pun susahlah.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Memang susah. Dia marah sama saya, "YB! Apa ini kerajaan..."

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Itu orang mati marah kah?

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: "...tidak mahu beri kerjasama, bikin susah. Saya punya pak sudah mati, sijil pun tidak boleh dapat". Saya bawa dia sekali sama-sama pergi Jabatan Pendaftaran. Saya cakap apa masalah dia tidak boleh dapat, dia sudah memohon? Dia cakap, "Yang Berhormat, dia IC tiada, macam mana kita boleh keluarkan surat mati?" Itulah saya fikir-fikir, mahu suruh dia hidup balik semula, buat dulu IC baru matilah. Fasal dia mati pun susah, hidup pun susah, saya pun tidak tahulah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, tidak bagi pegang benderalah.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Saya setujulah apa yang Tuan Yang di-Pertua cadangkan. Saya mintalah menteri daripada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri kaji balik semula tindakan yang serius. Kalau boleh, tukarlah dia punya prosedur. Kalau kita susah sangat mahu sah sama itu rakyat, betul-betul daripada negara kita, bolehlah minta ketua kaum termasuklah wakil rakyat disahkan. Mintalah wakil rakyat bertanggungjawab. Jangan fikir wakil rakyat ini yang kena sabar duduk dalam Dewan ini, yang tidak guna. Kita undi ataupun pilihan raya, rakyat sokong kita.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: *[Bangun]*

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Kita barulah masuk dalam Dewan ini. Bukan kita suka hati masuk dalam Dewan yang mulia ini. Ingatlah kita cakap, saya panggil ini beri amaran sikit, saya minta ampunlah kepada pegawai kerana saya sudah tujuh tahun sebagai wakil rakyat kena marah fasal *IC* punya masalah sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kalabakan.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Ada lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, boleh gulung.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Jangan kacau, nanti *you* panggillah.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Bintulu nampaknya macam marah tetapi bukan marah. Polisi yang dibuat oleh kerajaan manis, cantik dan memang cantik. Kementerian di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, memang polisinya semua cantik. Misalan contoh imigresen, semua orang yang mahu memperbaharui pasport atau *apply* pasport dalam 24 jam tetapi masalahnya, tempat-tempat berlainan. Misalannya di tempat di Semenanjung ada yang tiga bulan, di Sabah ada tiga bulan, ada 24 jam dan ini terpulang sama pegawai menentukan. Arahan diberi supaya pasport dikeluarkan 24 jam, tetapi taksiran daripada pegawai-pegawai di tempat-tempat itu yang berlainan. Ini mungkin Yang Berhormat bagi Bintulu boleh cadang, supaya 24 jam, semua 24 jam...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, minta habiskan ucapan.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kalabakan. Terima kasih, apa *you* cadang memang saya setuju. Memang semua manis. Selalulah rakyat kita kata, polisi yang cantik, cakap tidak serupa bikin. Inilah selalu timbul di negara kita atas pentadbiran kepada rakyat. Itulah masalah dia. Itulah saya harap IC ini, saya mohon jasa baik daripada menteri daripada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri bolehlah selesai perkara ini secepat mungkin.

Saya mahu sentuh sedikit mengenai saman, kira ada salah guna atau tidak daripada polis saya tidak tahulah tetapi memang semalam Yang Berhormat bagi Sri Gading ada sentuh sedikit. Saya ada beritahu sama dia, mungkin dia tambah masa, dia bahas terlampau manis, terlampau sedap, ada silap sedikitlah. Ini dia terbabas sedikitlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Perkara ini kita memang kita tidak boleh setuju. Saman tidak boleh turun, kalau kita turunkan denda atau hukuman dia, memanglah kita akan ambil satu tindakan meminta rakyat ataupun menggalakkan minta orang ramai bunuh diri atas jalan raya. Apa cadangan daripada Yang Berhormat bagi Sri Gading, saya ada satu setuju, kalau polis mahu bantu rakyat, sekarang dalam masa ini, dua hingga tiga bulan bagi diskaun, itu memang saya setuju. Apa cadangan daripada dia? Kalau Yang Berhormat bagi Sri Gading walaupun sahabat saya, kalau dia cadang turun habis, saya memang tidak setuju. Apa menteri di umum daripada Menteri Pengangkutan memang kita setuju apa tindakan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Habiskan Yang Berhormat.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Belum lagi ada dua, tiga perkara mustahak mesti mahu cerita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Masa Yang Berhormat sudah habis, Yang Berhormat.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Ini penting untuk semua rakyat termasuklah Tuan Yang di-Pertua. Saya mahu sentuh sedikit mengenai Bank Negara. Pegawai Bank Negara ada kah, tak ada?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya ingat dia tidurlah.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Kalau Pegawai Bank Negara tidak ada, saya harap pegawai daripada Kementerian Kewangan sampaikanlah mesej ini. Ini kira caj-caj. Saya sudah banyak kali cakap caj, jawapan saya tidak dengar jawab, tidak tahulah, itu daripada menteri ataupun timbalan menteri ataupun SUP dia punya telinga tidak boleh masuk ataupun tersumbat, saya tidak tahu. Sampai sekarang jawapannya tidak ada.

Caj ini, kalau saya bacakan mahu ambil 20 minit baru boleh habis baca dia punya caj-cajnya... [Disampuk] Caj bagi *current account*, kalau tinggal *balance* nya RM1,000 kena caj RM10 bagi satu bulan. Kalau RM1,000 ke RM3,000 dia punya *balance* kena caj RM5. Kalau bagi *business account* kurang RM5,000 kena caj kena caj RM5. Kalau *saving account* kita kurang daripada RM1,000 kena caj juga sebanyak RM5. Kalau kita minta *bank confirmation*, satu kali minta RM20. Kalau lebih daripada satu *confirmation*...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Begini, orang miskin akan bertambah miskin, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Kalau lebih daripada satu akaun RM50 satu. Cek kalau kita hendak *in cash* di kaunter *inter-bank* punya cek RM2 kena caj.

Seorang Ahli: Patutlah bank banyak untung. Orang miskin menderita.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Kalau kita hilang *bank draft* atau *demand draft* minta lagi balik RM20 kena caj... [Disampuk] Banyak lagi. Kalau kita hendak minta data kereta, *registration ownership of the car* RM50 kena caj.

Beberapa Ahli: Hayooo. Bank?

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: *Bank charge* lah ini. Ini bukan *battery charge*, memang pun tidak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, Yang Berhormat. Gulungkan. Habiskan.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Belum, belum, belum. Ini mustahak. Ini termasuk Tuan Yang di-Pertua, kalau *you* beli kereta pun kena caj ni... *[Ketawa]* Kalau kita gunakan ATM *card*, sebelum guna kita memohon, RM8 kena caj dulu. Tukar kad kena caj RM12, kalau kad hilang, kad rosak kena RM12. Satu tahun tidak guna ATM pun kena caj, sudah ada kad kena, guna atau tidak guna kena caj RM8.

Seorang Ahli: Budaya caj ini.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Memanglah. Semua budaya atau tidak budaya saya pun tidak tahulah. Macam-macam caj ini, panjanglah. Ini ada satu lagi teruk. Kita hari-hari cakap bantu SME tetapi saya tengok bank ini hendak kasi mati SME ini. Kalau sekali dia orang ini hendak akaun ada akses walaupun bank sudah lulus, sudah *pass* cek itu, RM100 caj!.. *[Disampuk]* *Subject to the maximum* RM500! SME itu dia berniaga untung RM10, RM20 satu perniagaan kena caj, kalau wang dia belum masuk atau belum *clear lagi*, cek dia sudah sampai - bank sudah setuju, sudah percaya sama dia, sudah bagi dia *temporary* OD apa lagi sudah jalankan faedah, *you* jalankan *interest*, caj sudah daripada bank, apa lagi mahu kena caj RM100 sampai maksimum RM500!

Sekarang saya diberitahu kalau kita di *approved facility house in long package*, di caj juga RM50... *[Disampuk]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Bank ini potong leher orangkah?

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Kalau kita hendak selesaikan *facility* itu, sudah tidak mahu pun kena caj juga.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sudah cukuplah Yang Berhormat bagi Bintulu.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Tadi saya minta caj ini - itulah saya fikir banyak kali kena caj. Saya haraplah Yang Berhormat Timbalan Menteri dari Yang Berhormat bagi Raub apa yang dia setuju di dalam surat khabar hari itu. Saya sudah cakap, sepatutnya dia jadi Timbalan Menteri Kewangan, ambillah perhatian, lihatlah, jangan kata setuju. Memanglah caj-caj ini kena, ATM ini kalau sesiapa pergi kaunter kita mesti mahu caj, kalau tidak caj orang tidak mahu belajar teknologi. Macam mana belajar teknologi kalau orang sudah tua!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, Yang Berhormat.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Ada satu lagi, Tuan Yang di-Pertua. Bagi lima minit lagi sudah habis. Kita mesti mahu ingat kalau orang sudah tua macam mana belajar? Satu lagi, bank ada jalankan tugas atau tidak untuk mengajar orang-orang pakai elektronik?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sudah. Cukuplah, Yang Berhormat. Habiskanlah.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Tapi banyak lagi, macam mana hendak habiskan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tulis surat kepada Menteri.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Tidak payah penjelasanlah, sudah habis. Saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya ingat semua akan diberi peluang bercakap, Yang Berhormat tetapi siapa dulu siapa kemudian sahajalah. Kita bagi dulu, Yang Berhormat bagi Gua Musang.

12.16 tgh.

Tengku Razaleigh bin Tengku Hamzah [Gua Musang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk turut mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan 2007. Saya menaruh harapan belanjawan ini akan dapat memberi kekuatan kepada kerajaan dalam memberi kesejahteraan kepada semua lapisan masyarakat Malaysia. Apatah lagi cabaran yang dihadapi oleh negara bertambah besar.

Kita adalah sebuah negara kecil. Jumlah wang yang akan kita gunakan bagi tujuan pembangunan dan mengurus sebanyak RM159.4 bilion iaitu sekitar USD40 bilion bukanlah angka yang terlalu besar kalau dibandingkan dengan belanjawan beberapa buah syarikat multinasional dunia ataupun rangkaian pasar raya di beberapa buah negara yang maju, sudah tentu angka ini semakin kecil di dalam keadaan pergolakan dunia yang semakin tidak menentu.

Peperangan di Timur Tengah terus melonjakkan harga minyak dunia yang sekali gus menaikkan kos dalam pelbagai barangan dan perkhidmatan. Manakala isu keganasan antarabangsa turut mendesak pelbagai kos lain seperti yang berkaitan dengan keselamatan, pengangkutan, insurans dan sebagainya boleh menjejaskan urusan perdagangan kita. Kita, negara perdagangan yang sangat terdedah kepada keadaan dunia. Tidak dinafikan kenaikan harga minyak tidak semestinya buruk buat kita. Selain kita masih lagi sebagai negara pengeksport bersih minyak iaitu *nett exporter* yang memberi keuntungan kepada Petronas, kenaikan harga minyak turut membuahkannikmat kepada penanam kelapa sawit dan getah kita.

Kelebihan ini menjadikan kita lebih bernasib baik. Kegelisahan rakyat di sektor tertentu ditampung oleh kegembiraan rakyat di sektor yang lain. Ini tidak bermakna kerajaan boleh membiarkan segala-galanya ditentukan oleh arus dunia yang kelihatan seperti sentiasa menyelamatkan kita. Saya akui, kerajaan telah membuat pelbagai usaha untuk menghadapi sebarang kemungkinan. Langkah menggalakkan Petronas mencari rizab minyak antarabangsanya harus dipuji. Namun rakyat turut ingin tahu sejauh manakah hasil yang diperolehinya.

Beberapa insiden di Sudan meresahkan kita. Isu kita dihalau dari Chad perlukan penjelasan. Sejauh manakah pula pelaburan kita selamat di Myanmar atau Iran sekiranya negara ini menerima tekanan antarabangsa atas faktor-faktor politik? Sebab itu saya percaya keselamatan dan kesejahteraan jangka panjang Malaysia banyak bergantung pada keupayaan kita bekerjasama dengan negara-negara lain bukan sahaja rantau ini tetapi juga dengan negara-negara lain yang jauh daripada kita.

Kerjasama di peringkat ASEAN sudah begitu lama diuar-uarkan. Namun semakin hari semakin memperlihatkan pertandingan di kalangan kita bukan untuk melengkap tetapi boleh membunuh antara satu sama lain. Apa yang sudah terjadi kepada impian....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Sri Aman, hendak bagi jalan?

Tengku Razaleigh bin Tengku Hamzah [Gua Musang]: Biar saya habis ayat ini. Apa sudah terjadi kepada impian menjadikan Proton sebagai Projek Kereta ASEAN. Atau apakah kita sendiri terpaksa menentang semangat AFTA yang kita tandatangani dalam menangkis kemasukan kereta-kereta Barat atau Asia Timur yang dipasang di negara jiran dan diiktiraf sebagai kereta nasional mereka. Proton dilahirkan dalam penuh kontroversi, hari ini ia masih diselubungi oleh pelbagai kontroversi baru, berapa lama kontroversi ini akan berlarutan.

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Gua Musang. Selama ini kita diberi gambaran bahawa Petronas adalah satu entiti yang disegani, dihormati dan juga diuruskan dengan secara yang begitu profesional dan maju di luar negara kita, tetapi apabila kita dihalau keluar dari Chad, peristiwa itu sungguh mengejutkan kita oleh sebab dari semua syarikat minyak hanya kita dan satu sahaja yang *high profile* yang dihalau. Adakah Yang Berhormat bagi Gua Musang bersetuju kalau kita minta penerangan yang telus supaya rakyat dan kita di Dewan yang mulia ini, dapat tahu mengapakah kita dihalau keluar. Setuju atau tidak Yang Berhormat bagi Gua Musang?

Tengku Razaleigh bin Tengku Hamzah [Gua Musang]: Terima kasih, setiap yang berlaku mesti mendapat penjelasan dan saya percaya peristiwa yang berlaku di Chad terhadap Petronas ada sebabnya. Berita yang kita dapat tahu setakat ini ialah oleh sebab ada salah faham antara pihak yang berkuasa di sana dengan pengurus kita di Chad. Jadi saya percaya di suatu hari nanti pihak yang bertanggungjawab akan memberi penerangan kepada kita dengan jelas.

Tidak dinafikan jumlah wang yang besar telah dinyatakan dalam belanjawan ini dan juga Rancangan Malaysia Kesembilan untuk pembangunan bioteknologi kita, saya percaya ia terbit dari kepercayaan kita bahawa masa depan industri kita tidak boleh bergantung kepada industri pemasangan yang berintensif buruh lebih-lebih lagi kita negara yang tanahnya subur, penuh hutan belantara yang menjadi sumber pembangunan industri bioteknologi, namun kita masih dilihat berlumba dengan negara-negara jiran. Ada di antara mereka sudah pun ke depan walaupun mereka sendiri tidak ada tanah dan tidak ada hutan, mereka dilihat bukan sekadar mencari dan mereka cipta produk-produk baru tetapi mempunyai *road map* tersendiri ke arah mencapai tahap tertinggi dalam industri.

Dua contoh di atas iaitu industri automobil dan bioteknologi hanyalah sekadar imbasan kepada kedudukan kita yang masih bertarung dengan negara-negara jiran dalam menghasilkan produk kita dan bertanding antara satu sama lain, kelihatannya seperti tiada rancangan besar dalam merangkakan kerjasama atau membahagikan tugas sesama kita, di kalangan kita tidak ada produk istimewa ataupun *niche product* ataupun produk-produk yang saling melengkapkan antara satu sama lain. Sebab itu saya ingin mencadangkan supaya kerajaan dapat mempertimbangkan supaya industri minyak dan gas, *oil and gas* dengan izin, kita dimajukan dengan lebih besar, kita adalah pengeluar dan pemilik rizab bahan ini yang terbesar di rantau ini.

Petronas yang ditubuhkan di awal tahun 70-an, kini telah mencatatkan namanya sebagai salah sebuah syarikat multinasional yang berjaya di dunia, ia mengatasi nama-nama syarikat lain di rantau ini seperti Pertamina atau syarikat-syarikat dari kalangan pengeluaran minyak dunia lain termasuk negara-negara Arab. Tidak dinafikan pelaburan besar sama ada di peringkat *upstream* ataupun hiliran telah kita curahkan, kita memiliki keupayaan dalam mengeluarkan pelbagai produk minyak dan gas kita di Terengganu, namun Malaysia masih belum disebut *hub of oil and gas industry*, dengan izin, di rantau ini.

Saya percaya melalui satu perancangan strategik nasional dalam menjadikan kita hub dan pemimpin industri ini kita dapat memanfaatkan bukan sahaja kedudukan kita sebagai pengeluar minyak dan gas yang terbesar di rantau ini, tetapi juga kedudukan yang strategik kita di tengah-tengah laluan Selat Melaka dan Laut China Selatan. Hubungan baik kita dengan negara-negara Arab dan Islam lain sepatutnya dimanfaatkan bagi mendapat bekalan bahan mentah yang berterusan dari negara-negara pengeluar minyak dan gas dunia, manakala dalam konteks pertumbuhan ekonomi yang begitu pesat di China dan India, kitalah yang sepatutnya dilihat sebagai rakan paling strategik bagi mendapatkan bekalan yang berterusan bahan-bahan ini. Saya percaya ramai pelabur dari negara itu, akan datang ke mari bagi memastikan bekalan yang mencukupi untuk keperluan mereka sendiri.

Rancangan strategik ini bukan sahaja dalam konteks pembinaan industri yang berkaitan seperti dalam bidang penapisan, penstoran ataupun *storage*, peralatan, penyelidikan, pembinaan rangkaian penyaluran ASEAN ataupun ASEAN *inter-connectivity*, eksplorasi dan lain-lain aktiviti hiliran, tetapi yang lebih penting ialah menggembelng pasaran modal dunia dalam bidang ini, bermakna dengan izin, *as the oil and gas hub in ASEAN, Malaysia must be the leader in all areas relating to the industry including oil and gas refining hub, oil and gas storage hub, oil and gas equipment hub, network and distribution infrastructure, exploration and production of both oil and gas, downstream petroleum product, and by-product the capital market where industry players seek financing, trading in futures for oil and gas, research and technical centre both for oil and gas and alternative energy sources*. Saya kira, tidak salah sekiranya kita bersifat lebih *accommodative* dalam bidang pasaran modal bagi industri ini bukan sahaja di Bursa Saham tetapi juga bagi pasaran *bond* dan pasaran *derivative*. Ia termasuk mengadakan dasar yang lebih liberal, memberi insentif yang lebih menarik dan meringankan syarat-syarat penyenaraian bagi syarikat-syarikat ini di Bursa Saham kita.

Tuan Yang di-Pertua, globalisasi dan cabaran pertumbuhan kuasa baru ekonomi ini, iaitu China dan India menuntut kita lebih pantas bertindak. Ini termasuk mencetuskan idea-idea baru agar kita tidak ketinggalan apabila melihat satu demi satu pelabur meninggalkan kita kerana mengejar keuntungan yang lebih besar di negara-negara tadi. Negara jiran mungkin dilihat terdesak apabila terpaksa membuka dua kasino terbesar dan lain-lain aktiviti menarik wang luar ke negara mereka, kita tidak perlu membuat perkara yang sama kerana Tuhan memberikan kita pelbagai sumber lain yang perlu dimanfaatkan.

Saya percaya apa yang disebutkan tadi sudah ada di dalam fikiran pucuk pimpinan kita namun rakyat dan orang ramai terutama kapten-kapten industri kita, tertanya-tanya tentang pelaksanaan rancangan kita, ini termasuk kenapa ekonomi kita masih terasa lembapnya.

Rancangan Malaysia Kesembilan bukan sahaja dikatakan tidak begitu menarik tetapi setelah setahun berlalu, ramai yang bertanya mana dia projek besar yang sudah bermula. Kata mereka, tahun depan kita akan bercakap tentang rancangan separuh penggal, namun hingga sekarang kereta impian masih belum meninggalkan garajnya. Apakah kereta kita tidak baik atau untuk keluar dari garaj pun kita masih melalui pelbagai rintangan birokratik. Bahkan mereka turut meluahkan rasa kebimbangan bukan sahaja kita kehilangan daya saing kita kepada negara-negara kos rendah seperti China, Vietnam dan India, tetapi juga kepada negara yang lebih maju seperti Singapura dan Taiwan.

Kata mereka kita masih belum memiliki kelebihan daya saing ataupun, dengan izin, *competitive advantage* untuk bertanding di peringkat jangka panjang dan sederhana. Bahkan ramai yang masih merasakan di saat kita bercakap tentang corak baru pemerintahan yang berlandaskan kecekapan dan keterbukaan kontrak, dan projek masih berlegar kepada prinsip hubungan dengan mereka yang berkuasa bukannya atas prinsip merit dan keupayaan yang sebenar. Cemuhan terhadap '*rent seekers*', dengan izin, yang kerap kita luahkan seketika dahulu semakin tidak kedengaran kerana kita sendiri dilihat melahirkan '*rent seekers*' baru dalam bentuk baru.

Saya percaya persepsi ini dapat dihapuskan sekiranya pemimpin kerajaan dilihat lebih tegas, berani dan memiliki kehendak politik, iltizam ataupun *political will* yang lebih tinggi. Ganjaran hanya kepada mereka berupaya membuktikan kebolehannya. Sebaliknya bagi yang tidak, harus dihentikan. Tindakan bukan hanya kepada mereka di peringkat bawahan tetapi yang lebih penting terhadap mereka di peringkat tertinggi. Konsep seorang pemandu dan yang lainnya hanya penumpang tidak lagi sesuai di era kepimpinan kolektif seperti yang cuba kita tunjukkan sekarang.

Saya percaya, walaupun ia sukar dilakukan ia mesti dilakukan juga. Kita tidak boleh mengandaikan Malaysia akan sentiasa selamat kerana Tuhan akan sentiasa menyebelahi kita. Saya berkeyakinan Tuhan hanya akan menyebelahi kita sekiranya kita sentiasa berusaha mengubah nasib kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Bera.

12.32 tgh.

Datuk Ismail Sabri Bin Yaakob [Bera]: Pertamanya, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk bersama-sama dengan Yang Berhormat-Yang Berhormat lain untuk membahaskan Belanjawan 2007 ini. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Perdana Menteri dan juga Menteri Kewangan kerana membentangkan belanjawan mesra rakyat dan ucapan terima kasih, saya kira daripada pihak golongan-golongan miskin di negara kita, kerana pelbagai insentif telah diberi kepada golongan miskin terutamanya melibatkan di dalam Kementerian Pelajaran misalnya, di dalam soal menghapuskan yuran peperiksaan dan sebagainya.

Saya amat tertarik dengan saranan penglibatan sektor swasta di dalam membantu pembangunan ekonomi. Saya ingin menarik perhatian kepada syarikat-syarikat milik kerajaan ataupun GLC. GLC sepatutnya bukan sahaja membantu pertumbuhan ekonomi

negara, tetapi sepatutnya tanggungjawab yang lebih besar daripada GLC ialah untuk membantu kerajaan di dalam merealisasikan visi kerajaan dan juga memenuhi tanggungjawab sosial tetapi apa yang kita lihat pada hari ini ialah objektif utama adalah memenuhi tuntutan KPI ataupun Petunjuk Indeks Pencapaian. Kerana begitu ghairah untuk memenuhi tuntutan KPI, maka kita lihat tanggungjawab sosial semakin diabaikan. Yang lebih malang lagi ialah keuntungan yang dicari tidak menjadi. KPI yang dicari tidak diperolehi tetapi yang menjadi mangsa ialah tanggungjawab di belakangkan, kepentingan pekerja diabaikan dan tujuan kerajaan. Misalnya untuk membantu melahirkan usahawan bumiputera yang sepatutnya tugas ini diambil oleh GLC akhirnya tidak kecapaian.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Keterah]: Terima kasih Tuan Yang di Pertua. Terima kasih Yang Berhormat bagi Bera. Saya memang hendak sentuh GLC sebab Yang Berhormat sudah sebut, jadi saya tidak akan sebut kalau saya dapat peluang berucap. Saya setuju dengan Yang Berhormat. GLC sekarang ini terlalu sibuk tentang KPI dan rakyat melihat GLC sekarang ini kerjanya caj rakyat sahaja. Bila dia hendak dapat untung lebih, dia caj rakyat. Bila hendak untung lebih, dia caj rakyat. Tidak ada langsung tanggungjawab sosial.

Saya bagi satu contohlah, saya sudah cakap dahulu, saya tidak faham sampai sekarang kenapa Telekom mesti mengenakan bayaran sewa telefon dua puluh lima ringgit satu telefon kepada semua pengguna. Dua puluh lima ringgit kali sepuluh juta pengguna, dia dapat percuma dua ratus lima puluh juta satu tahun. Sedangkan TNB juga ada meter. Kenapa TNB tidak ada caj tiga puluh ringgit meter pula? Sedangkan meter itu ialah tempat dia mengukur nilai duit yang dia dapat hasil penggunaan elektrik. Begitu juga Telekom. Telefon itu adalah tempat dia mengukur *income* dia datang. Sepatutnya minimum caj sahajalah. Macam TNB, tiga ringgit setengah. Ini kita kena bayar RM25 *for nothing*. RM25 kali sepuluh bulan, RM250. RM250 sudah sepuluh kali lebih mahal daripada harga telefon. *To me this is not fair.* Terima kasih.

Datuk Ismail Sabri Bin Yaakob [Bera]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Keterah. Saya bersetuju dengan pandangan Keterah. Saya ingin memberi contoh tentang kegagalan GLC-GLC ini. Kita ambil contoh MAS, *Malaysia Airlines*. Tanggungjawab dia untuk membantu kerajaan di dalam soal integrasi nasional misalnya. Ini merupakan satu tanggungjawab yang besar, yang MAS sepatutnya mengambil peranan ini tetapi mereka gagal. Kalau dulu kita mempersoalkan tentang belanja tambang yang begitu mahal. Semua Ahli Parlimen, Yang Berhormat daripada Sabah, Sarawak dan Semenanjung minta diturunkan supaya boleh mempercepatkan integrasi nasional di antara Sabah, Sarawak dan Semenanjung tetapi MAS gagal.

Pada hari ini lebih gagal apabila MAS di dalam mengejar KPInya, mengurangkan laluan domestik daripada 118 sehingga 23 sahaja dan tambang bukan semakin turun tetapi semakin naik. MAS menggagalkan usaha kerajaan untuk integrasi nasional. Saya baru bercakap dengan rakan saya daripada Tuaran. Kalau MAS tidak mampu, kita wujudkan balik Feri Malaysia supaya kita boleh hubungan antara Sabah, Sarawak dan Semenanjung lebih dekat dan kerajaan tidak payah pentingkan keuntungan. Tidak untung pun tidak apa kerana soal integrasi bukan boleh dinilai dari segi kewangan. Tidak payah untung pun tidak apa. Kita wujudkan balik Feri Malaysia.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: *[Bangun]*

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Saya hendak sebut tadi MAS, gagal yang pertama. Saya hendak habiskan MAS sekejap. Lepas itu saya bagi kepada Yang Berhormat bagi Cameron Highlands. Gagal untuk membantu kerajaan di dalam integrasi ini. Di dalam soal menarik pelancong, kerajaan ingin menarik pelancong, seramai 20 juta untuk tahun 2007, *Tahun Melawat Malaysia* tetapi usaha ini mungkin digagalkan oleh MAS, yang sepatutnya MAS membantu kerajaan untuk menjayakan hasrat dan program kerajaan. Apabila MAS memotong penerbangan di luar negara, tidak lagi terbang ke India, Calcutta, memotong penerbangan ke negeri China, daripada London, Manchester dan sebagainya. Bermakna hasrat kerajaan ingin mencapai cita-cita melalui GLC yang kita punya MAS dalam soal ini, tetapi hasrat ini digagalkan oleh GLC yang sepatutnya membantu kerajaan.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: *[Bangun]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: [Bangun]

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Saya mulakan dengan Yang Berhormat bagi Cameron Highlands.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Cameron Highlands.

Tuan Devamany a/ S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Bera. Tertariklah dengan perbincangan yang dikemukakan di sini. Saya terpanggil untuk berbicara sedikit mengenai tanggungjawab sosial GLC. Adakah Yang Berhormat bagi Bera tahu bahawa sebuah GLC, Golden Hope mempunyai sebuah ladang di kawasan saya sampai taska pun diabaikan teruk tapi untung beribu-ribu. Sedangkan dunia di Amerika Syarikat sekarang saya tengok dan Australia, New Zealand, *Europe* dia ada indeks SRI (*social responsibility index*) yang perlu dipatuhi oleh GLC-GLC ataupun mana-mana syarikat korporat untuk diiktirafkan untuk pelaburan-pelaburan secara besar-besaran.

Saya hendak tanya Yang Berhormat bagi Bera, adakah ini kerana GLC-GLC sekarang dipimpin oleh lembaga pengarah pengurusan yang ada golongan-golongan dilantik yang ada berbaur politik ataupun daripada pesara-pesara kakitangan kerajaan yang perlu dijaga selepas bersara dan tidak diberi kepada golongan yang benar-benar berkualiti untuk menerajui kepimpinannya.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Cameron Highlands. Saya pun bersependapat dengan Yang Berhormat bagi Cameron Highlands. Mungkin saya hendak masukkan tadi tapi kerana Yang Berhormat sudah lebih awal. Kita perlu ada SRI (*social responsibility index*) dan saya bersetuju bahawa masalah tidak ada tanggungjawab sosial ini kerana GLC sekarang dikuasai oleh golongan korporat semata-mata. Saya tidak kata golongan korporat tidak pernah ada tanggungjawab sosial tetapi kalau diterajui oleh orang politik, kita lebih memahami tentang kehendak kerajaan, aspirasi kerajaan dan sebagainya.

Kalau kita lihat sekarang kita bersetuju biarlah CEO dan sebagainya terdiri daripada golongan korporat yang membawa keuntungan kepada syarikat tetapi sekurang-kurangnya ada *check and balance*. Ada keseimbangan supaya orang politik lebih memerhatikan mengenai tanggungjawab sosial yang perlu diberikan. Saya sebut fasal MAS tadi. Bayangkan oleh kerana hanya untuk mengurangkan kerugian dan untuk mencari keuntungan, 6,000 lebih pekerja ditawarkan VSS, hendak diberhentikan. Kalau kita sebagai orang politik kita mesti fikir bagaimana mereka hendak menyara hidup selepas ini, bagaimana mereka yang sudah bekerja begitu lama hendak menyara anak isteri mereka.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: [Bangun]

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Akan tetapi kerana tidak ada pemikiran sosial tadi dan diterajui oleh golongan yang hanya mementingkan keuntungan, perkara ini tidak diberi perhatian. Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Kinabatangan sila.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat, saya ini ingin menyuarakan berhubung dengan MAS. Memang MAS ini telah gagal membawa misi nasional sebab pada satu ketika apabila MAS tidak ada hak pendaratan di negara-negara yang pada hari ini mereka cuba putus hubungan pendaratan iaitu membatalkan segala-galanya, bukan senang hendak melobi untuk mendapat hak tersebut dan hari ini rata-rata penumpang mereka akan ke luar negara mengikut *Singapore Airlines, Thailand Airlines, Brunei Airlines, Emirates Airlines* dan MAS sudah tidak dapat bersaing secara global dan ini telah merugikan rakyat dan negara kita.

Jadi apakah Yang Berhormat ingin mencadangkan kepada kerajaan MAS ini kena dirombak besar-besaran daripada atas sampai ke bawah sebab saya hairan waktu pemberhentian VSS baru-baru ini, 6,000 pekerja yang hendak berhenti tiga bulan dia bagi, orang yang hendak berhenti empat lima tahun dia tidak bagi. Jadi apa misinya, kita pun

tidak tahu. Seharusnya yang hendak berhenti tiga bulan itu tidak payahlah diluluskan VSS nya. Yang dia bagi yang lama punya. Ini dia bagi yang itu pula. Mana rasionalisasi yang MAS katakan kepada kerajaan bahawa untuk mengimbangi kerugian, kita maklum kerugian dalam MAS bukan oleh rakyat, bukan pasal tidak ramai orang ikut MAS, ramai. Sebab itu selalu juga kapal terbang kosong dia kata *full*, penuh. Ada sabotaj di kalangan pekerja-pekerja MAS ini dan saya minta Yang Berhormat kalau boleh mencadangkan kepada kerajaan jangan pandang ringan masalah ini. Minta pandangan.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Saya setuju dengan cadangan Yang Berhormat bagi Kinabatangan sebab KPI tidak berjaya. MAS masih rugi. Dari segi kelewatan dahulu MAS lewat. Selepas ambil alih, MAS masih lewat, lebih lewat daripada dahulu. Lebih teruk daripada dahulu. Bermakna KPI gagal, tanggungjawab sosial gagal dan ini sememangnya benar dan ini perkara yang benar dan jika perkara ini benar dan memang benar saya bersetuju cadangan Yang Berhormat bagi Kinabatangan semua mesti berhenti. Rombak besar-besaran dalam pengurusan MAS termasuk ahli lembaga pengarah termasuk *chairman* kena berhenti sebagai tanggungjawab kepada negara... [Tepuk]

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]: [Bangun]

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, hendak bagi mana?

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Yang Berhormat bagi Batu Pahat dahulu lepas itu Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Batu Pahat.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]: Terima kasih Yang Berhormat. Bila Yang Berhormat menyentuh berkaitan dengan GLC, mereka merupakan syarikat perniagaan. Mereka pastinya memikirkan keuntungan dan masalah berkaitan dengan *social obligation* ataupun tanggungjawab sosial ini merupakan peringkat yang kedua atau ketiga dalam *priority* mereka. Jadi berkaitan dengan MAS juga masalah berkaitan dengan integrasi kaum antara Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak dengan harga yang naik.

Jadi adakah Yang Berhormat bersetuju kalau saya katakan bahawa dengan harga yang ada sekarang kerajaan mungkin membantu integrasi tadi dengan memberikan pengurangan tambang sebanyak 10% yang mana ditanggung oleh pihak kerajaan. Sebab bagi Sabah dan Sarawak terutamanya rakyat mereka tidak ada jalan lain lagi untuk datang ke Semenanjung melainkan dengan penerbangan.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Yang kita hairan betul syarikat perniagaan mencari keuntungan tapi apa yang berlaku sekarang mereka tidak pernah untung. Itu masalahnya. Kalau dia boleh tunjukkan keuntungan dalam masa yang sama *social contribution* tadi agak kurang, sekurang-kurangnya kita ada puas hati sedikit. Ini gagal. Kedua-duanya gagal dan saya tidak faham bagaimana MAS perlukan sumbangan bantuan dan sebagainya dari segi subsidi sedangkan AirAsia boleh mencapai keuntungan. Tidak ada masalah dari segi tambang dan sebagainya.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]: Jadi Yang Berhormat setuju kalau kita nyatakan bahawa kita buat *open space* sekarang. Kita buka kepada syarikat-syarikat penerbangan lain yang ingin membuka penerbangan dalam negara kita.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Itu saya masukkan cadangan Yang Berhormat dalam cadangan saya.

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: [Bangun]

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Saya hendak beralih kepada TNB. Contoh juga GLC...

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: MAS!

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: MAS lagi? Lama MAS ini.

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan kawan saya Yang Berhormat bagi Bera. Penubuhan penerbangan FAX. Jadi sekarang sudah tiga pemain. MAS, AirAsia dan FAX. Dan saya nampak penubuhan FAX ini ada main silap mata. Tidak ada kapal terbang terus ada FAX. Jadi destinasi-destinasi di pedalaman sekarang terus diabaikan. Jadi orang sana macam mana hendak berhubung dengan orang di bandar-bandar yang lain. Jadi kalau macam mana ini tindakan MAS dan tindakan Idris Jala ini sesiapa pun boleh dapat keuntungan kalau semua yang tidak untung potong, tambang dinaikkan. Jadi setujukah Yang Berhormat kalau kita minta kerajaan dengan serta-merta mengkaji semula permainan-permainan di antara tiga *airlines* ini.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Aman. Saya difahamkan MAS akan menambahkan kembali banyak laluan yang diberhentikan. Itu memang kita setuju tetapi yang kita persoalkan daripada awal tadi bagaimana tindakan pihak pengurusan di peringkat awal tadi sehingga sebelum campur tangan orang politik. Saya hendak tunjukkan bahawa di syarikat-syarikat GLC kerana tidak ada pemikiran tanggungjawab sosial tadi, perkara-perkara ini berlaku kerana kepentingan mereka adalah KPI.

Jadi apabila campur tangan orang politik, barulah perkara ini berlaku dan saya tidak beberapa arif tentang tambahan penerbangan kawasan-kawasan pedalaman di Sabah atau Sarawak. Jadi, saya hendak masuk ke TNB. Boleh? TNB lagi menarik, boleh?

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Memang, memang.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: TNB lebih menarik.

Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: [Bangun]

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada tiga Yang Berhormat yang bangun. Dia tidak bagi jalan Yang Berhormat.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Saya pergi TNB.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Teruskan Yang Berhormat.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Soalan nanti, kita boleh *reverse* ke belakang ya. Boleh *reverse*. Soal TNB, juga soal KPI, juga soal keuntungan. Saya dapat memorandum daripada tiga kesatuan sekerja. Kesatuan Percantuman Pekerja-pekerja TNB, Kesatuan Pegawai-pegawai Rendah TNB dan Persatuan Eksekutif TNB yang kecewa dengan pengurusan baru sekarang, yang gagal untuk menjaga kepentingan pekerja. Mereka bagi tahu saya, tetapi saya tidak mahu percaya apa yang dia bagi tahu. Dia beritahu saya, banyak kes *blackout* dan sebagainya akibat daripada mainan pekerja-pekerja yang tidak puas hati, sabotaj dari dalam. Saya tidak mahu percaya cerita ini, tetapi kalau benar ini berlaku, kita akan menghadapi masalah yang besar hanya semata-mata kerana CEO dan CFO yang hanya mementingkan KPI tanpa memikirkan kepentingan pekerja-pekerja. Yang tadi bangun dahulu, saya pun sudah lupa.

Seorang Ahli: TNB...

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Yang Berhormat Pontian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Pontian.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Yang Berhormat bagi Cameron Highlands sudah bangun sekali, Yang Berhormat bagi Pontian.

Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tahniah Yang Berhormat bagi Bera. Yang Berhormat, kita sewaktu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membentangkan Belanjawan 2007 ini, salah satu perkara yang hendak dilaksanakan oleh kerajaan ialah oleh kerana tuntutan oleh Ahli Dewan sehingga ianya dikaji oleh pihak kerajaan dan Perdana Menteri mengambil itu sebagai satu perkara yang perlu dilaksanakan.

Yang Berhormat, kita mempertikaikan tentang soal GLC yang gagal GLC yang tidak dapat mencapai matlamat sama ada dari segi peranan, tanggungjawab, sosial tanggungjawab terhadap meningkatkan keupayaan dan keuntungan khususnya GLC berkenaan, TNB, MAS dan kesemuanya. Persoalan pokok Yang Berhormat ialah mereka yang bertanggungjawab masih di situ lagi.

Kalau tidak di situ, mereka beralih tempat mencari badan-badan lain, GLC-GLC lain untuk dipimpin. Ini yang menjadi masalah Yang Berhormat di mana budaya di dalam sama ada kerajaan kita atau budaya di dalam negara kita di mana sekiranya gagal, mereka bertanggungjawab. Kalau kita tengok, tindakan yang dibuat oleh sesetengah negara, tidak perlu mereka didesak meletak jawatan apabila gagal mencapai matlamat mereka sendiri melepaskan jawatan tetapi, budaya ini Yang Berhormat, tidak ada di negara kita, malah saban kali berusaha untuk melindungi kesilapan-kesilapan menutup kelemahan-kelemahan yang ada. Ini yang menjadi perkara pokok Yang Berhormat. Di mana?

Jadi, apakah saranan Yang Berhormat, cara supaya budaya ini melepaskan jawatan apabila timbul kegagalan, timbul rasa tidak puas hati di kalangan masyarakat, maka mereka secara sukarela melepaskan jawatan, terima kasih.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Saya setuju bahawa budaya ini tidak ada kepada kita, tidak ada kepada sesiapa sahaja di dalam negara kita. Kalau kita kajikan, tiga kesatuan sekerja ini mewakili hampir 99% daripada pekerja-pekerja TNB, tiga kesatuan sekerja. Semuanya tidak hendak kepada CEO yang ada tetapi, mereka masih lagi kekal dan mereka tidak berhenti. Sebab itu saya setuju dengan cadangan Yang Berhormat bagi Kinabatangan tadi. Kalau gagal, ini syarikat kerajaan, kerajaan ambil tindakan berhentikan mereka itu sahaja, hendak tunggu berhenti tidak akan berhenti.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: [Bangun]

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: [Bangun]

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: [Bangun]

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak bagi siapa Yang Berhormat?

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Saya ada sedikit lagi, saya hendak kaitkan, tengok *flow* mesti Yang Berhormat bagi Jasin, mesti. Saya hendak tunjukkan bahawa dari segi tanggungjawab sosial gagal, dari segi keuntungan pun gagal sebab TNB, hutang TNB. Di dalam *Hansard* Parlimen, 16/03/06 sejumlah RM29.6 bilion hutang, laporan Jawatankuasa Putrajaya mengenai prestasi tinggi syarikat milik kerajaan GLC yang dikeluarkan pada 29 Julai 2005, katanya TNB dikenal pasti mengalami masalah struktural yang amat serius dan sebenarnya TNB menghadapi masalah aliran tunai dan sebab itulah agaknya ramai rakyat berpandangan, ini pandangan rakyat, ramai rakyat berpandangan apabila TNB hendak naikkan takrif elektrik yang akan menjejaskan orang-orang luar bandar, orang miskin dan sebagainya, mereka hendak naikkan takrif elektrik kerana masalah kerugian yang dialami oleh mereka. Akhirnya yang menerima beban adalah rakyat miskin. Yang Berhormat bagi Jasin.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Jasin.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Bera. Adakah Yang Berhormat lihat, GLC-GLC kita ini CEO dia dan CFO dia juga, dia ada kontrak tiga tahun dengan satu-satu GLC ini dan kebanyakan GLC ini, kita tengok Telekom, TNB termasuk MAS yang baru ini, yang kononnya akauntanlah, Oxfordlah, Cambridgelaah masuk-masuk tahun yang pertama buang orang, buang pekerja mengurangkan kos syarikat untunglah sedikit. Tahun yang kedua...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Lingkup.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Mula menjual harta, Telekom jual harta, TNB jual tanah dalam bandar-bandar MAS pun sudah jual bangunan. Yang menjadi masalah yang paling kritikal pada hari, tahun yang ketiga ini apa lagi hendak jual? Jadi, saya Yang Berhormat mencadangkan kepada kerajaan, supaya GLC, Telekom baik, TNB baik, MAS baik, mereka mempunyai orang lama di dalam syarikat-syarikat ini yang memegang jawatan-jawatan pengurus besar, senior pengurus besar. Mengapa tidak mereka ini dinaikkan sebagai CEO *company* ini yang mereka lebih tahu lebih lama duduk dekat Telekom, lebih lama duduk dekat TNB, lebih lama duduk dekat MAS, mengapa mereka tidak dilantik sebagai CEO Tuan Yang di-Pertua, mengambil orang luar yang langsung tidak ada hati menjaga kebajikan kakitangan dia. Ini yang berlaku kebanyakan pada GLC-GLC kita. Apa pendapat Yang Berhormat?

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: *[Bangun]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh jawab sekali Yang Berhormat?

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Sekali? Okey.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat, saya juga menerima memorandum daripada tiga Kesatuan Sekerja di anak syarikat TNB iaitu SASB iaitu daripada eksekutif dia, pertengahan bawahan di Sabah dan mereka membantah dengan tindak tanduk Pengarah Urusan yang dilantik TNB di SASB yang tidak menjalankan kewajipan konon untuk menyeimbangkan kerugian, tetapi rugi juga. Malangnya Pengerusi-pengerusi Kesatuan Sekerja itu telah diberhentikan kerja oleh pengarah urusan dia pula, bukan pengarah urusan diambil tindakan oleh pimpinan TNB, tetapi Pengerusi-pengerusi Kesatuan Sekerja ini diambil tindakan dan diberhentikan kerja. Apa pandangan Yang Berhormat?

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Saya setuju dengan kedua-duanya, kedua-duanya saya setuju. Saya ada, salah satu isu yang dia orang marah seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Jasin tadi. Presiden TNB, saya baca sedikit minta izin Tuan Yang di-Pertua. "*Presiden TNB telah membawa masuk dalam TNB ramai eksekutif dan pengurus baru dari luar TNB dengan mengetepikan kepakaran yang sedia ada dalam TNB*". Ini masalah dia. Orang yang lama berpengalaman diketepikan dan presiden mencari *The President's Man*. Ini masalah dia. Akhirnya, pekerja menjadi hilang kepercayaan, moral menjadi rendah.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: *[Bangun]*

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Sedikit sahaja Yang Berhormat bagi Kubang Kerian. Betul, masuk buang orang. Hendak menjimatkan belanja, *meeting* tidak payah ada makanan, ini semua pekerja mengarut daripada eksekutif yang besar. Rumah rehat TNB untuk pekerja di Port Dickson, tidak jual pun, pekerja kena bayar sewa seperti orang biasa, insentif kepada pekerja semakin kurang. Hanya mencari keuntungan, tetapi perkara yang lebih besar tidak diberi perhatian, perkara remeh seperti ini yang diberi perhatian dan akhirnya melemahkan semangat pekerja. Yang Berhormat bagi Kubang Kerian.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Yang Berhormat, saya takut ini, pasal kontrak ini tiga tahun, kontrak tiga tahun, jadi GLC ini akan jadi, gulung-gulung, longgok-longgok, *chow*. Itu GLC ini. Gulung-gulung, longgok-longgok, *chow*. Yang menjadi merana pekerja-pekerja bawahan, apa pendapat Yang Berhormat?

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Saya setuju yang '*chow*' itulah. Saya setuju '*chow*'. Cukup tiga tahun, berhenti tidak payah lagi. Yang Berhormat bagi Kubang Kerian. Saya ada berapa masa, saya hendak pindah selain daripada GLC.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, lepas ini boleh gulung.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: 20 minit lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Boleh gulung lepas ini.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Baru, tidak habis lagi.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Tuan Yang di-Pertua, seminit insya-Allah. Saya rasa kita Ahli-ahli Parlimen sudah bercakap banyak, sudah berbuih mulut kita bercakap pasal GLC, MAS, TNB dan Telekom ini dan mereka ini ada indeks KPI mengukur keuntungan mereka dan mereka masih di situ, Idris Jala masih di situ. Jadi apa pandangan Yang Berhormat kita juga beri kepada mereka cadangkan kepada kerajaan mereka juga perlu ada indeks. Saya cadangkan IMI iaitu Indeks Modal Insan, mereka. Kalau mereka khianat mereka tidak tahu tanggungjawab mereka mesti diambilkan tindakan disiplin, diambil tindakan serta-merta. Kalau mereka duduk di situ dua tiga tahun, rakyat yang akan jadi mangsa. Apa pandangan Yang Berhormat?

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Setuju, setuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Kubang Kerian. Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua pandang saya, hendak suruh berhenti rehat makan kah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Boleh gulung Yang Berhormat.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Saya belum boleh gulung lagi, saya minta maaf. Saya hendak sambung sedikit lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sambunglah lebih kurang lima minit, lepas itu.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Petang? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 1.01 petang.

Mesyuarat disambung semula pada jam 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) *mempengerusikan Mesyuarat*]

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

2.32 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan,

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 8.30 malam ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah:

“Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 8.30 malam ini.”

hendaklah disetujui.

Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Bera, sambung ucapan.

2.33 ptg.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyambung perbincangan saya. Mengenai kegagalan pihak TNB di dalam memenuhi tanggungjawab sosial. TNB juga gagal untuk membantu mewujudkan usahawan bumiputera sepatutnya TNB menjadi pemangkin kepada usaha untuk melahirkan usahawan bumiputera tetapi apa yang berlaku ialah TNB sendiri menubuhkan anak-anak syarikat yang akhirnya bersaing dengan usahawan bumiputera. Mereka menubuhkan misalnya TNBES. Yang menjadi orang tengah kepada bumiputera, syarikat bumiputera sepatutnya dilatih untuk menjadi vendor, pengeluar komponen dan sebagainya tetapi apa yang berlaku ialah syarikat bumiputera terpaksa membekalkan peralatan TNB kepada TNBES dan TNBES kepada....

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Yang Berhormat Jasin, beri *chance*.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Sekejap, sekejap, nanti saya jemput..., akhirnya terpaksa membekalkan kepada TNBES, TNBES kepada TNB, TNBES menjadi orang tengah untuk mendapatkan keuntungan dan akhirnya pembekal-pembekal bumiputera membeli daripada luar membekal kepada TNBES, TNBES kepada TNB, akhirnya hasrat kerajaan untuk melihat TNB menjadi *catalyst* kepada usaha melahirkan syarikat bumiputera pengeluar komponen tidak berjaya.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih sahabat saya Bera Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan apa yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Bera tadi, bukan sahaja TNB rata-rata GLC, iaitu *Government Link Companies*, yang ada dalam negara yang kita tubuhkan ini tidak ada langsung agenda bumiputeranya. Telekom, TNB apa sahaja GLC, termasuk Guthrie yang mempunyai aset terbesar negara. Cuba kita tanya kepada mereka berapa banyakkah kerja-kerja kontrak diperladangan mereka yang dibagi kepada kontraktor bumiputera, *supply* racun, *supply* baja dan semua sekali, begitu juga dengan Telekom. Jadi apa pendapat Bera, adakah kita hendak kena *retuning* balik GLC ini? Adakah kita hendak supaya agenda-agenda bumiputera ini kita boleh bercakap lama sudah dan kita perhatikan kebanyakan GLC ini menunggu syarikat bukan hendak membantu bumiputera tetapi bersaing, rezeki kontraktor-kontraktor kecil ini diambil alih oleh GLC ini apa pendapat Bera?

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Saya bersetuju dan saya ingin mencadangkan supaya pihak kerajaan meminta supaya GLC mengeluarkan senarai syarikat bumiputera yang bernaung di bawah syarikat-syarikat GLC tersebut. Syarikat bumiputera yang dibantu oleh GLC tersebut. Saya minta senarai lengkap dari semua GLC di dalam negara kita ini. Terima kasih Yang Berhormat bagi Jasin.

Sebelum saya beralih ke tajuk lain, saya membaca satu artikel bertarikh 13 Ogos 2006, "*Uncovering...*" tajuknya dengan izin, "*Uncovering the TNB coal story*" yang di dalam *website Malaysia Tomorrow*. Saya tidak tahu kebenaran artikel ini tetapi dalam artikel ini mengatakan bahawa akibat daripada pembelian arang baru di Indonesia yang dibuat satu ketika dahulu dan selepas pengurusan baru mengambil alih dan mereka membuat *restructuring* di dalam projek tersebut, membuat *refinancing* dan sebagainya dengan izin. Akhirnya TNB mengalami kerugian yang besar dan mereka menuduh pengurusan yang baru menuduh pengurusan yang lama tetapi dari artikel ini jelas kesalahan adalah kepada pengurusan baru yang menyebabkan TNB kerugian berjuta-juta ringgit. Saya ingin mendapatkan penjelasan daripada pihak kementerian apa sebenarnya yang berlaku dengan pembelian arang batu daripada Indonesia ini?

Jika benar ada penyelewengan kita minta satu tindakan yang tegas diambil kepada penyeleweng-penyeleweng ini. Kita tidak boleh benarkan penyelewengan yang berlaku yang menyebabkan kerugian berjuta-juta ringgit kepada TNB yang saya katakan tadi akibat daripada kerugian, akibat daripada kekurangan pendapatan dan akhirnya beban itu dipindahkan kepada pengguna-pengguna elektrik di kawasan luarbandar dan sebagainya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat minta gulung Yang Berhormat.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih, jadi saya minta penjelasan daripada pihak kementerian. Untuk penggulungan saya minta kebenaran untuk masuk kepada dua isu yang penting. Yang pertama ialah isu mengenai modal insan, terima kasih kepada kerajaan memberi peruntukan yang besar sejumlah 33.4 bilion iaitu 21% belanjawan daripada belanjawan untuk membangunkan modal insan. Saya kira modal insan perlu dimulakan daripada peringkat awal lagi iaitu daripada zaman kanak-kanak lagi. Apa yang saya lihat bahawa terdapat sedikit kecelaruan, pertindihan dari segi fungsi di dalam soal ini. Misalnya di dalam soal isu penjagaan kanak-kanak, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) mempunyai pusat jagaan kanak-kanak tetapi dalam masa yang sama, kementerian lain juga mempunyai perkara yang sama, berbagai-bagai pusat jagaan kanak-kanak daripada berbagai-bagai kementerian.

Dan baru-baru ini di dalam akta yang kita luluskan, banyak peraturan yang begitu terbaik dan terperinci di bawah kementerian ini, di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, banyak tetapi akta ini hanya mengikat pusat jagaan di bawah JKM. Jadi cadangan saya supaya semua pusat jagaan kanak-kanak diletakkan di bawah satu iaitu di bawah JKM. Tak payah lagi kementerian lain mengambil tugas untuk menjaga pusat jagaan kanak-kanak, itu yang pertama.

Yang kedua ialah dari segi tadika, pendidikan prasekolah. Pada hari ini terdapat berbagai-bagai jenis pendidikan prasekolah. Prasekolah di bawah Kementerian Pelajaran, Tadika KEMAS, Tadika Perpaduan, tadika kerajaan negeri, Tadika ABIM, tadika swasta dan sebagainya. Ini juga saya minta supaya diberi pembetulan. Pada hari ini, mengikut laporan *Utusan Malaysia*, bahawa pada 5 Januari 2004, dalam matlamat Kementerian Pelajaran iaitu pada 2007, semua 8,000 sekolah di negara ini akan mempunyai prasekolah. Persoalannya kenapa perlu ada berbagai-bagai tadika prasekolah tadi di berbagai-bagai kementerian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, habiskan Yang Berhormat.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Dan saya cadangkan supaya semua tadika diletakkan di bawah satu kementerian iaitu di bawah Kementerian Pelajaran kerana Kementerian Pelajaran mempunyai *infra* yang baik di sekolah, mempunyai suasana pembelajaran yang baik di sekolah-sekolah berbanding dengan tadika-tadika lain. Tadika KEMAS misalnya tidak mempunyai *infra* yang baik, kadang-kadang sekolah tidak mempunyai peralatan permainan luar, tidak ada permainan dalam, tidak mencukupi. Dan saya cadangkan di mana-mana kawasan yang ada sekolah kebangsaan, yang ada sekolah maka tak perlu ada tadika lain. Semua tadika mesti diletakkan di bawah prasekolah. Yang lain-lain di kawasan yang tak ada sekolah, barulah boleh ada tadika. Ini bukan perkara baru kerana di negara lain, di Australia misalnya selain daripada Victoria dan New South Wales, semuanya diletakkan di bawah satu jabatan pendidikan, jadi kita pun boleh buat tetapi di kawasan yang tak ada tadika, di kawasan perkampungan asli, di kawasan perkampungan di luar bandar yang tidak ada sekolah, bolehlah Tadika KEMAS menguruskan kanak-kanak prasekolah. Dan guru-guru tadika saya cadangkan serap ke sekolah-sekolah kebangsaan.

Akhirnya, betul-betul akhir Tuan Yang di-Pertua. Sikit sahaja saya nak sentuh, sikit sahaja. *This is serious*, soal penagihan dadah. Sekarang penagihan dadah, cara pemulihannya ialah cara tradisional. Sebab dadah yang ada pada hari ini, dulu-dulunya ialah dadah tradisional iaitu morfin, heroin dan sebagainya. Jadi cara pengubatannya ialah pengubatan cara tradisional tetapi sekarang penagih dadah lebih *advance* daripada AADK, mereka sekarang memulakan dadah baru yang dipanggil *designer drug* iaitu syabu, *ecstasy*, *ice* dan sebagainya. Penagih dadah lebih sofistikated pada hari ini, subutex yang sepatutnya dijadikan sebagai bahan untuk melawan ketagihan dadah, digunakan oleh penagih dadah, dicampurkan dengan pil tidur, *dormicum*, akhirnya menjadi dadah baru. Dadah *domi* yang dipanggilnya yang lebih berbahaya daripada dadah biasa. Jadi saya berharap supaya pihak kementerian lebih *advance* daripada penagih-penagih dadah. Mesti ada cara rawatan dan mesti ada rawatan yang baru untuk menentang cara penagihan yang baru.

Kita masih di peringkat tradisional untuk fokus kepada dadah tradisional sedangkan penagih dadah sekarang, penagih dadah yang baru. Saya ingin menyebut tentang statistik yang terbaru daripada enam bulan pertama 2006, daripada sistem maklumat Agensi Anti Dadah Kebangsaan. Terdapat penagih dadah baru sejumlah 13,058 penagih. Dan yang menagih dadah jenis baru, jenis *designer drug* ini sebanyak 2,026 iaitu 15.5%...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, yang lain tak payah bangun, habiskan Yang Berhormat ucapan.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Akhirnya penagih dadah yang lama kita jumpa di lorong-lorong belakang dan di longkang-longkang tetapi penagih dadah baru berada di pejabat-pejabat besar, terdiri daripada golongan-golongan pekerja mungkin profesional dan sebagainya. Jadi saya harap supaya kementerian mengambil pendekatan yang baru untuk menentang dadah baru ini. Terima kasih, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Rantau Panjang.

2.46 ptg.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya akan mengambil masa yang sesuai dan saya tidak akan mengambil banyak bahagian. Walaupun di sini kita berbahas di peringkat dasar tetapi saya nak spesifik pada SPR yang telah lama menjadi dendam kesuma saya terhadap perjalanan SPR ini. Semua orang mengetahui Sistem Pilihan Raya di Malaysia ini ialah...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kalau tak ada SPR, you tak datang ke Parlimen.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Ya. Majoriti satu kerusi di DUN pun sudah dapat memerintah, ini cara *first past the post* dan Parlimen demikian juga. Dan bagi ADUN ataupun Ahli Parlimen, kalau menang satu undi pun sudah diisytiharkan sebagai menang. Itu bagi sistem *First Past the Post*. Berdasarkan kajian dibuat secara perbandingan sistem ini, sistem yang saya katakan tadi *First Past the Post* ini ataupun FPTP dipakai dengan jayanya di negara maju seperti di UK dan USA. Cuma di sana status demokrasi yang diamalkan lebih baik. Ini kerana berlakunya kebebasan media, layanan kerajaan kepada parti-parti pembangkang dan proses pilihan raya lebih baik dan menjamin keadilan. Rakyat sebagai pemilih diberi kebebasan memilih dan pendirian kerajaan tidak bersikap diskriminasi terhadap golongan pengundi pembangkang seperti mana di Malaysia ini.

Saya yakin bahawa sistem ini, sistem *First Past the Post* boleh dipakai di Malaysia ini cuma secara teknikalnya perlu diusahakan agar sistem pilihan raya di Malaysia ini diperkasakan aspek nilai dan norma demokrasi yang sedia ada sekarang ini supaya dapat menyamai standard demokrasi sebenar di negara-negara maju. Saya rasa bertanggungjawab untuk memberi sedikit pandangan kepada SPR ini kerana ada beberapa elemen yang perlu dikaji semula oleh SPR ini. Walaupun barangkali pandangan ini pihak SPR mengambil endah tak endah, masuk telinga kanan, keluar telinga kiri, tapi ini tanggungjawab saya untuk menegurnya. Kita lihat dalam Daftar Pemilih Induk ataupun DPI, sekarang ini masih terdapat nama-nama pengundi yang telah mati tetapi namanya tidak dipastikan. Kita lihat dalam buku daftar pemilih masih ada. Sepatutnya perkara ini perlu dibuat pemutihan setiap bulan melalui pengesahan alamat dengan pihak Jabatan Pendaftaran Negara ataupun JPN.

Yang kedua, kita tengok wujudnya nama pengundi yang ramai di satu tempat, satu alamat. Umpamanya terdapat berpuluh-puluh pengundi di satu tempat, kedai bekas jual bateri. Kedai itu dah tutup tetapi pengundinya masih ada lagi, nama-nama pengundi, sepuluh pengundi di tempat itu. Ini perlu dibuat pemotongan ketika pameran DBT melalui semakan, tuntutan dan bantahan. Jangan kita membiarkan perkara itu berlarutan. Terdapat juga nama pemilih dipotong tanpa pengetahuan tuan punya. Saya mencadangkan supaya dimasukkan balik melalui permohonan semula mengikut alamat terbaru dan diproses dalam masa sebulan tanpa melalui prosedur tuntutan ketika tempoh pembayaran dibuka. Maknanya kita tak perlu tiga bulan waktu pameran dibuka.

Sekarang ini juga terdapat Daftar Pemilih Induk yang dipakai untuk pilihan raya adalah melibatkan pengundi baru yang mendaftar dalam tempoh lima bulan terakhir, yang diamalkan sekarang ini. Saya mencadangkan supaya perkara ini disingkatkan kepada satu bulan iaitu mana-mana pengundi yang berdaftar dalam tempoh sebulan terakhir sebelum pilihan raya hendaklah dimasukkan dalam Daftar Pemilih Induk (DPI) yang diwartakan. Dan sekarang juga kita lihat peraturan sekarang ini, umurnya pula. Umur yang layak mengundi sekarang ini masih lagi 21 tahun, walaupun pandangan ini banyak kali saya cadang di Parlimen ini supaya ianya direndahkan sikit kepada 18 tahun kerana selaras dengan perkembangan, kematangan rakyat dan kemajuan negara. Sementelah pula, umur 18 tahun sudah di rasmi dari segi undang-undang hak asasi manusia seperti hak beragama, hak mendapat lesen memandu, hak menjadi polis, menjadi askar dan sebagainya.

Akan tetapi kerajaan ini pelik, waktu kita cadang supaya pengundi ini hanya 18 tahun mereka mengatakan 18 tahun tidak matang lagi, tetapi sewaktu mengambil mereka ini menjadi polis dan askar, oh! mereka ini sudah matang. Ini saya tidak dapat menerima cara pemikiran pihak kerajaan sekarang ini. Barangkali oleh kerana mereka ini mengkaji generasi baru ini ialah mereka-mereka yang berada di sebelah pembangkang barangkali semua spesies yang lama-lama berada dalam UMNO, Barisan Nasional.

Kemudian saya tengok peraturan yang ada sekarang ini. Tuan hak sendiri harus mendaftar diri sebagai pengundi bila cukup umur dan layak mengundi. Ini satu perkara yang lama juga. Sepatutnya perkara ini perlu dilaksanakan pendaftaran automatik di mana tempat mengundi mengikut alamat terakhir. Sehubungan dengan itu perlu dikuatkuasakan undang-undang menukar alamat sebaik sahaja seorang itu berpindah misalnya daripada kampung datang ke bandar. Dan pihak JPN perlu mengemukakan cadangan nama-nama yang cukup umur setiap bulan kepada SPR untuk dimasukkan dalam senarai 'DBT' yang akan dipamerkan pada suku penggal berikutnya.

Makna tidak payah kita pengundi itu pergi sendiri untuk daftar. Pihak Jabatan Pendaftaran Negara apabila dia melihat sahaja seseorang itu sudah cukup genap 21 tahun pada hari itu, maka dialah yang menghantarkan nama-nama mereka ini kepada pihak SPR supaya didaftarkan secara automatik seperti mana juga seorang yang mati atau meninggal dunia. Sekarang ini digunakan laporan daripada pihak JPN sahaja diguna pakai. Apabila JPN mengatakan seorang ini sudah mati maka dipotongkan daripada sebagai daftar pemilih.

Akan tetapi kalau kita sendiri walaupun kita bawa surat mati sekalipun, mengesahkan orang mati kepada SPR, SPR tidak akan terima kecuali melalui JPN sekarang ini. Maknanya kematian diguna pakai di JPN, waktu hendak daftar sebagai pemilih tidak diguna pakai dengan secara automatik. Ini satu perkara yang tidak patut berlaku. Kalau kita hendak guna pakai guna pakai dua-dua. Waktu daftar pemilih pun digunakan melalui JPN daftar automatik, waktu kematian hendaklah gugurkan nama mereka sebagai pengundi juga kita menggunakan laporan daripada pejabat JPN. Baru nampak adil di sini.

Pameran semakan, tuntutan dan bantahan kita lihat. Pusat pamerannya terhad tidak banyak maknanya. Sepatutnya banyak kita tengok di beberapa kawasan pusat pameran di letak di pejabat pos, di balai raya itu sahaja. Sepatutnya kita letak di sekolah-sekolah dan sebagainya. Tambahlah sedikit peruntukan itu untuk kita cetakkan banyak sedikit buku-buku yang hendak dipamerkannya tetapi nampaknya SPR di tempat seperti ini, perkara seperti ini dia tidak mengambil berat supaya rakyat yang berada di sekitar itu dapat mengetahui nama mereka itu sama ada masuk atau tidak sebagai daftar baru ataupun nama setelah ada akan dipotong daripada hak sebagai pengundi.

Jadi saya minta supaya perkara ini diperbanyakkan pusat pameran termasuk juga di masjid dan membuka kaunter khas di pusat orang ramai, di *supermarket* dan sebagainya demi membolehkan orang ramai menyemak dengan mudah, sesuai dengan masa yang singkat iaitu masa seminggu ataupun dua minggu sahaja. Tempoh yang singkat ini sepatutnya boleh diatasi iaitu dengan membanyakkan pameran, tuntutan dan bantahan bagi memudahkan urusan tuntutan dan bantahan.

Perkara ini cukup-cukup kecewa kepada kita kerana waktu pendaftaran sekarang ini tidak had masa pendaftaran berterusan sepanjang masa tetapi waktu pameran untuk bantahan tuntutan terlalu pendek masanya. Bagilah peluang sedikit supaya mereka yang telah mendaftarkan nama mereka itu boleh menyemak nama mereka itu sama ada termasuk atau tidak disenaraikan dalam daftar baru. Dan sekarang ini kita tengok pihak parti-parti politik pula perlu membayar bagi setiap salinan maklumat daftar pemilih. Sekarang mana-mana hendak maklumat daftar pemilih perlu dibayar. Sepatutnya SPR membekalkan percuma bagi parti-parti politik bagi membolehkan tindakan lanjut dapat dibuat dengan segera.

Kemudian kita tengok perbincaraan dan rayuan pemilih. Sekarang ini bayaran bantahan sebanyak RM10.00 dikenakan setiap orang yang cuba membuat bantahan. Dan patutnya perkara ini hendaklah dikecualikan kerana setiap orang hendak buat bantahan itu mesti dia mempunyai asas dan sebab-sebab tertentu, bukan saja-saja hendak bantah, tidak tetapi nampaknya SPR mengatakan dia terpaksa mengambil RM10. Ini bimbang, takut-takut sengaja hendak buat bantahan begitu kerana orang politik ini macam-macam cerita, dia kata. Nampaknya SPR meragui kepada ahli-ahli politik dalam bab ini. Saya minta supaya dikecualikan daripada bayaran RM10 setiap orang yang akan dibantah.

Keputusan perbincaraan bantahan tidak bertulis, ini memanglah. Setelah kita berbicara, masuk perbincaraan dengan SPR keputusan yang dibuat itu tidak pernah diberi kita secara bertulis. Kalau kita tunggu maklumat sama ada kita menang atau tidak kita menang atau kalah sampai bila pun tidak dapat maklumat kerana dia tidak memberi jawapan yang bertulis. Ini satu perkara yang tidak patut berlaku kerana kos untuk memberitahu maklumat nama-nama mereka ini sama ada menang atau tidak dalam masa kita buat bantahan tuntutan itu tidak banyak kosnya tetapi sahaja perandai SPR ini apabila ditegur, bila diberi pandangan dia tidak hirau kepada kita.

Dan kita tengok pula dari segi pengundi pos. Ini memang banyak kali sudah bukan saya sahaja orang lain pun bercakap juga berkenaan dengan pengundi pos ini tidak puas hati. Kenapa kertas undi pos ini perlu disahkan menggunakan borang saksi yang perlu ditandatangani. Kalau tidak ada borang saksi yang ditandatangani maka kertas undi pos itu tidak dikira. Sepatutnya tiada borang saksi bagi menjamin kebebasan memilih kerana ada borang yang tidak ditandatangani akan menyebabkan kertas undi itu rosak dikira. Ini satu perkara yang perlu diambil kira oleh pihak SPR. Dan kemudian apa logiknya isteri tentera didaftar sebagai pengundi pos? Kalau tentera itu sendiri okaylah, tentera itu dia mungkin pada hari mengundi itu dia berada di dalam tugas dia dalam hutan dan sebagainya tetapi isteri ini dia tidak berada dalam hutan, dia berada di luar ada di berek masing-masing ada di rumah masing-masing. Patutnya hak mengundi sebagai isteri kepada mereka ini patutnya diberi pengundi seperti biasa kerana kawasan tempat mengundi biasanya dekat dengan kem tentera pun ada sebab kem tentera ini bukan semuanya berada di dalam hutan di pinggir-pinggir bandar pun ada. Ini satu perkara yang tidak patut berlaku.

Kenapa tidak dibenarkan agen ataupun calon ataupun wakil parti hadir memerhatikan proses pengagihan kertas undi pos kepada pengundi dan proses mengundi di dalam kem ataupun di balai? Ini beberapa kali sudah bukan saya sahaja orang lain pun cakap juga. Malah kita buat rombongan berjumpa dengan SPR. SPR kata buat kajian, kajian itu kajian tidak tahu berapa puluh tahun pun kajianlah itu jawapan dia seolah-olah hendak lepas batuk di tangga sahaja. Ini *style* SPR.

Dan saya dimaklumkan bulan ini pun berapa kali sudah berjumpa dengan ahli politik tetapi jawapannya nampak berbelit-belit juga. Sebab itu kadang-kadang saya, kadang-kadangnya saya rasa patut Pengerusi SPR ini diberi jawatan dalam UMNO sebagai penasihat kepada UMNO sepatutnya. Kalau dahulu di Parlimen pada penggal yang dahulu, pernah ahli pembangkang mencadangkan supaya Setiausaha SPR dilantik sebagai Pengarah Kemas kerana dia telah banyak menolong UMNO tetapi apabila saya baca satu keratan akhbar, saya juga hendak mencadangkan kepada UMNO khususnya supaya melantik Tan Sri Pengerusi SPR ini sebagai penasihat kepada UMNO. Sebab kalau kita baca akhbar pada 20 Ogos baru-baru ini, Pengerusi SPR mengatakan SPR memiliki lebih 1600 agen daftar pemilih termasuk UMNO dan PAS.

Akan tetapi agen UMNO mungkin banyak tidur sedangkan ahli dan agen PAS dan DAP termasuk di Pantai Timur begitu agresif sekali untuk mendaftarkannya. Katanya, jadi dia nasihatkan kepada orang UMNO supaya buat kerja seperti mana pembangkang buat, PAS. Makna dia mengingatkan UMNO sebab itu saya mengharap kepada UMNO ini supaya melantik orang seperti ini kerana memberi ingatan kepada ahli-ahli UMNO dan pekerja-pekerja UMNO supaya buat kerja seperti mana PAS dan DAP juga. Ini saya cadangkan kalau sudah pun dilantik sebagai penasihat terima kasihlah sesuai sudah. Dan saya kata pun kalau tidak lantik pun memang dia sudah kerja sudah untuk UMNO kerana terbukti waktu pilihan raya dahulu Puteri UMNO dimasukkan sebagai agen dan sebagainya.

Akan tetapi bila saya cakap ini dia menafikan, menteri akan menafi saya cakap ini memang menteri akan menafi. Tunggu jawapan minggu depan mesti menteri akan menafikan ini tetapi saya bertanggungjawab saya akan membuktikan perkara ini...

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: *[Bangun]*

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Ya saya bagi laluan.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Yang Berhormat bagi Rantau Panjang, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Macam mana saya tengok Yang Berhormat bagi Rantau Panjang sebut tadi saya pun tak tahu nak habaq tak kena, tak habaq pun tak kena. Bagus kah tak bagus, dia puji PAS tu?

Yang pentingnya Yang Berhormat Rantau Panjang, kalau kita tengok pun orang UMNO dia buat kerja dia tak heboh-heboh macam orang PAS, orang DAP kah, orang KeADILan. Kita buat kerja senyap-senyap sahaja. Itu sebab pilihan raya kita menang banyak. Kalau nak katakan orang PAS buat kerja dan sebagainya, cuba tengok pilihan raya baru-baru ini di Pangkalan Pasir, macam mana kita punya kerja. Ha, itulah dia orang UMNO, itulah dia orang Barisan Nasional.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Ya, ya. Terima kasih.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Bekerja bermuafakat dan kita tak heboh-heboh macam orang PAS buat kerja.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Ya, ya terima kasih. Memang UMNO dia kerja senyap-senyap tetapi sebenarnya bukan UMNO buat kerja, dia suruh pegawai kerajaan buat kerja. Dia dok mengamuk sehari dua ni pasal pegawai kerajaan tak tolong dia. Itu mengamuk kuat ni, dalam Dewan ini pun mengamuk. Biasa macam tu la UMNO ni. Dia mengharap supaya pegawai kerajaan membantu dia. Kalau pegawai kerajaan tak membantu dia, UMNO lama dah jatuhnya. Dari sudut kerja ni bukan buat sangat. Okey, saya teruskan lagi... *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita tengok pencalonan dan selepas ADUN dibubarkan, negara kita ni pelik sikit. Apabila DUN dibubarkan, hari pencalonan tu nampaknya masih cara lama lagi. Tarikh pembubaran tidak ditetapkan satu dah. Seperti mana kerajaan-kerajaan lain, kita tengok di negara lain. Awal lagi dah bagi tahu tarikh pembubaran tetapi Malaysia ini *suspense* kedudukan kita. Tunggu bila nak bubar, bila nak bubar. Dia tunggu tengok dahulu, kalau saham tu naik ataupun ekonomi kuat sikit, mungkin dekat-dekat nak bubar dah. Dewan Negeri ataupun Parlimen. Kalau negara itu berada dalam keadaan inflasi, barangkali lambat sikit. Kalau *budget* itu nampak *budget* pilihan raya, naik gaji pekerja, bagi bonus banyak dan banyak lagi insentif bagi kepada rakyat, ha itu nampak dah nak adakan pilihan raya sebab dia tidak tulus, tidak memberanikan diri ataupun tidak mempercayai kepada rakyat boleh mengundi beliau kalau tidak memberi sesuatu kepada rakyat.

Ini stail Kerajaan Malaysia ini. Saya mengharap supaya lain kali kita buat awal lagi, pilihan raya akan diadakan Ogos tahun depan misalnya. Kita masing-masing buat persiapanlah...

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Laluan.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Ini terlalu penakut sangat ni. Yang Berhormat bagi Pasir Puteh, abang saya. Silakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Pasir Puteh.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Sahabat saya Yang Berhormat bagi Rantau Panjang. Tuan Yang di-Pertua, minta maaf. Tuan Yang di-Pertua dahulu baru Yang Berhormat bagi Rantau Panjang sahabat saya. Saya nak tanya sikit sahaja. Pasal PAS ni dia berjuang sebut kepimpinan ulama. Yang Berhormat bagi Pasir Mas pun tahu. Berapa orang la ni ada ulama tinggal lagi, selepas pilihan raya baru ni. Yang keduanya, agak boleh bertahan ke akan datang?... [Ketawa]

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: [Ketawa] ...Terima kasih. Dia dalam PAS ni ulama ramai. *Think-tank* kita semua ulama. Cuma kita tidak tunjukkan kepada semua. Semua serupa tadilah cuma kalau UMNO tadi dia tak tunjuk dia kerja, tapi kita tahu juga dia kerja. Jadi PAS ni kita tak tunjuk, tak tonjol ramai ulama pun orang tahu dalam PAS ni memang parti ulama sahaja ramai dalam ni... [Dewan gamat]

Seorang Ahli: Termasuklah yang bercakap tu.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Cuma dalam UMNO Tuan Yang di-Pertua, dalam UMNO sedih betul Tuan Yang di-Pertua. Seramai menteri satu orang sahaja menteri berkait dengan agama. Mana nak boleh lawan. Nak lawan Menteri Penerangan pun kalah dah. PAS kalau campur orang lain lagi, menteri-menteri yang teruk-teruk ni Allah, sedihlah saya tak mahu teriak lama. Macam Yang Berhormat bagi Pasir Puteh ni patut dilantiklah sekurang-kurangnya setiausaha Parlimen. [Ketawa] Dia seorang ulama. Pengalaman bekerja ada, lama bekerja dengan kerajaan, pengalaman ada tapi dia tak pandai bodek sikitlah. Kalau pandai bodek naik, insya-Allah lepas ni tak cukup... [Ketawa]

Baik, satu lagi ialah saya minta supaya deposit ini. Deposit RM5,000 bagi DUN dan RM10,000 bagi Parlimen ini tinggi. Bagi UMNO tak apa, Barisan Nasional tak apa. Parti dia macam-macam, masuk macam-macam. Boleh masuk kot ni, masuk kot tu. Macam-macam boleh. RM5,000 seorang tu cari seorang *sponsor*, RM10,000 Parlimen cari seorang lagi, seorang *sponsor* hak peroleh projek kecil-kecil ni senanglah, tetapi bagi pembangkang ni berat juga RM5,000 ni. RM5,000 DUN, RM10,000 Parlimen ni berat juga. Jadi saya minta SPR tolonglah sikit, apa hal ni deposit lagi tinggi ni? Asas dia kata, dahulu kalau deposit rendah, erti ramai calon Bebas pula masuk. Sebab RM2,500 ataupun RM5,000 Parlimen ini, ramai orang masuk bertanding Bebas,

Itu asas dibuat dahulu. Sebenarnya bertanding Bebas ini walaupun mahal, bukan soal mahal deposit dia nak bertanding Bebas ini. Dia nak membayangkan dia tidak puas hati kepada kerajaan, tak puas hati kepada calon Barisan Nasional. Maka, dia masuk bertanding Bebas, sekurang-kurang dapat menyuarakan pendapat, pandangan dia sewaktu kempen pilihan raya. Itu sebenarnya tetapi ini dok, pandangan ini nampak berlainan sikit dengan pandangan SPR ini. Jadi saya minta supaya SPR cadangkan kepada Kerajaan Barisan Nasional, supaya turunkan.

Thailand ni deposit dia 10,000 Baht. RM1,000 sahaja. RM1,000 sahaja, cuba fikir. Kita ni sampai RM10,000 Parlimen. Dia 1000 sahaja, 10,000 Baht, RM10,000 juga tapi 10,000 Baht. Kita RM10,000. Kemudian, saya nak mencadangkan sekali lagi. Dahulu saya cadang dah sekali tapi orang marah saya. Semua orang marah saya. Dia kata politik ni tak kira sijil, politik tak kira pendidikan. Kenapa Yang Berhormat cadang supaya semua Ahli Parlimen ini, sapa-sapa nak jadi calon Parlimen, mesti *graduate*.

Saya ada asas saya, saya cadang demikian. Asas saya ialah kita mengagungkan-agungkan diri kita, mengagungkan-agungkan mengatakan Malaysia ini *world class* punya Parlimen. Sesuai dengan *world class* ini, sesuai dengan ini, maka kita syaratkanlah seorang nak jadi calon Parlimen ini mesti *graduate*. Tak kiralah *graduate* sekolah mana-mana pun sekalipun. Belajar agama kah, belajar ekonomi kah, *law* kah, tak kiralah. Sesuai dengan kita selama ini mengagungkan-agungkan diri kita, kita ini duduk berada dalam *world class* punya Parlimen.

Jadi saya minta supaya pihak kerajaan ambil perhatian sedikit supaya kita ni sama dengan Thailand. Thailand semua *graduate*. Sama ada bertanding Parlimen, ataupun sama ada bertanding Ahli Dewan Negara. Di Thailand, Dewan Negara dia mengundi seperti mana Dewan Rakyat juga. Tidak seperti kita. Kita Dewan Negara dilantik, dia bertanding. Dan semua Ahli Dewan Negara, semua Ahli Parlimen dia terdiri daripada mereka lepasan universiti. Itu syarat utama mereka itu. Kita lihat mereka semakin meningkat, makin meningkat cara berfikir mereka itu... [Ketawa] Kita pergi lagi. Sekarang ini tiada kebebasan media kerajaan untuk pembangkang. Ini juga jelas kita tengok. Pembangkang hendaklah, sepatutnyalah diberi hak. Berilah sikit *air time* untuk kita debat TV kah, radio kah. Atau diberi ruangan khas untuk berkempen dalam media arus perdana ini tapi tak dak. Bagi ruang masa musim tidak pilihan raya.

Kalau musim pilihan raya itu nampak bimbang-bimbang nak bagi. Sekarang ni bagilah sikit-sikit. Itu tajuk pun terpilih. Cuba bagi tajuk yang global sikit, yang sedap kita berdebat, rakyat pun boleh dengar. Boleh memikir, boleh buat pertimbangan. Tak bagi. Bagi tajuk yang kecil-kecil. Tajuk-tajuk yang tak boleh difikirkan oleh rakyat. Tajuk yang saya rasa - saya hari itu diberi peluang sekali, terima kasihlah pada TV kerana bagi sekali peluang kepada saya tetapi oleh kerana saya hentam kuat sikit, tak bagilah lain kali... [Ketawa]

Saya nak kata kena gam pun tak tahulah tapi adalah sikit-sikit dia langgar akta, barangkali langgar peraturan yang dikehendaki. Walaupun dibagi *talking point*, tapi saya tak guna sangat *talking point* tu. Saya guna apa saya nak sebut saya hentam sahajalah. Ini patut kita buka peluang sikitlah. Sekarang ini pun nampak di TV ok dah sekarang ini. Adalah sikit-sikit kadang-kadang tu walau saya berdiri ni ada di TV malam kang, tapi tunjuk mulut saya bergerak, ulasan itu suara pengulas pula. Suara daripada orang lain. Tidak suara saya, jadi rakyat saya dia hendak dengar apa saya bercakap di Parlimen tak boleh lagi sekarang ini. Lainlah Yang Berhormat bagi Kinabatangan itu, lainlah Yang Berhormat bagi Larut tu lain. Suara dia 'tubik' sebiji-sebiji boleh didengarkan oleh rakyat. Suara di Parlimen. Pembangkang ini mulut bergerak tapi suaranya suara orang lain.

Suara yang telah diulas, diolahkan. Ini juga tidak adillah. Jadi minta supaya Menteri Penerangan supaya ambil perhatian sikit bagi keadilan sikit. Di Thailand tu waktu *speech budget* disiarkan terus-menerus. Rakyat boleh melihat kemampuan dan keupayaan Ahli-ahli Parlimen masing-masing. Dia buka terus, rakyat boleh tengok. Buka TV tengoklah nak tengok tetapi kita ni masih lagi terhad. Ada sikit-sikit pun di *modified* lagi. Dicari hak benda-benda yang agak menguntungkan kerajaan, disiarkan dibesar-besarkan.

Kalau tidak menguntungkan kerajaan, tidak disiarkan. Saya dahulu bercakap masalah yang timbul kontroversi dahulu, disiarkan tiga empat hari disiarkan. Nama saya terkenal kerana itu sahaja. Kes "gatal" dahulu. Baru timbul surat khabar. Kalau yang lain tak timbul dah. Seminggu, hak malam pertama elok lagi, malam kedua dah *modified* sikit, malam ketiga langsung tak berkaitan dengan apa saya sebut dah lah. Ini lagi teruk... [Ketawa] [Disampuk]

SPR tiada hak menguatkuasakan atas kes-kes salah laku kempen, ini satu perkara yang patut diambil perhatian. SPR perlu diberi hak menghukum atas kes salah laku kempen yang berlawanan Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954. Kecuali yang berkaitan dengan jenayah perlu dipinda Akta Pilihan Raya bagi memberi kuasa kepada pihak berkuasa SPR. Ini sikit-sikit, mengaku dalam pilihan raya tetapi diberi kepada polis, diberi kepada pihak berkuasa kerajaan tempatan untuk mengambil tindakan dan sebagainya. Jadi, belah bagi kuasa. Saya rasa hak patut SPR pegang kuasa, pegang kuasa tetapi janganlah salah guna kuasa. Walaupun saya cadang beri kuasa lebih sikit, tapi janganlah salah guna kuasa seperti mana yang berlaku. Baik, deposit poster, tengok. Ini juga perkara pelik juga. RM5000. Hendak tampilkan poster, kena bayar deposit RM5000. Saya fikir deposit seperti ini hendaklah ditiadakan dan ketatkan peraturan penggantungan poster ini kerana kos pengurusan poster hendaklah ditanggung oleh kerajaan, sebagai komitmen kerajaan membantu parti yang bertanding.

Saya rasa patut benda seperti ini, fahamlah sikit SPR. Walaupun saya dengar baru-baru ini SPR ada panggil parti-parti politik, kononnya hendak mengehadakan penggunaan poster. Standard poster itu hendaklah serupa tetapi parti-parti politik semua

tak setuju kerana poster inilah hak rakyat, hak pengundi. Pengundi kalau dia nak buat sendiri poster, lainlah Barisan Nasional, ada orang tolong buat poster dia, lain ini. Kalau dia nak sebalik mana, besar mana pun dia boleh buat.

Akan tetapi kita pembangkang ini, kadang-kadang parti tak buat, orang menyokong kita tolong buat. Kalau di Kelantan ini, di guni baja padi pun dia buat poster bulan itu. Kerana hak dia. Bila dia buat, dia jaga kerana dia buat sendiri, tetapi kalau Barisan Nasional ini, fasal kontraktor hantar pergi sana, atau melalui lori, jadi baju itu *order* daripada negeri China, bendera *order* dari negeri China. Jadi tak ada harga tawaran. Jadi kita minta SPR tak usah kontrol sangat penggunaan poster ini. Bagilah kebebasan dan kita nak tengok, UMNO pun kadang-kadang dia... pesta ini. Poster ini macam pesta kita tengok. Pilihan raya kah, penuh biruuu...! Habis di sana, tetapi orang mengundi hijauuu...! Mengundi... [Ketawa]

Seorang Ahli: Patut kalah... [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Gulung, gulung Yang Berhormat. Yang Berhormat, gulung.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Gulung dah?

Timbalan Yang di-Pertua, [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Sayangnya. Saya ada banyak lagi sepatutnya tetapi walau bagaimanapun saya hormat kepada Tuan Yang di-Pertua kerana beri peluang saya, saya sebagai gulung ini saya hendak minta satu sahaja. Saya hendak terima kasih kepada laporan audit. Tahun ini cukup bagus. Kesimpulan laporan auditnya negeri-negeri itu, boleh tahanlah. Kelantan pun disebut situ kesimpulannya ada perubahan sikit. Mungkin Kerajaan Kelantan baiki dengan malu pegawai-pegawai kerajaan, baiki lebih baik tetapi sedih juga saya ini. Saya sedihnya ialah kerana terbukti sebelum pada ini campur tangan politik terhadap pentadbiran Kelantan memang cukup teruk sungguh, terutama sekali dalam Jabatan Pembangunan Persekutuan di Kelantan (JPP).

Dulu, JPP ini dia ada kuasa meluluskan projek-projek di Kelantan ini, hak projek Persekutuan Kelantan ini. Mulai daripada tahun 2001 hingga 2005, kuasanya kepada Pengarah JPP yang berada di Kelantan ini tetapi oleh sebab tekanan-tekanan campur tangan Ketua Perhubungan UMNO di Kelantan terlalu kuat sangat, maka selepas pilihan raya itu diubah kuasa ini hanya diberi kepada Ketua Pengarah JPP yang berada di pusat sahaja. Maknanya tak boleh pandai-pandai di peringkat JPP sebab dia tahu dah, kalau diberi kuasa Pengarah JPP Negeri, maka Ketua Perhubungan UMNO akan menggunakan kuasa dia sebagai ahli politik...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Dalam keadaan sedemikian, kesimpulannya, dalam keadaan demikian ada juga terlepas. Terlepas hampir-hampir RM800,000 diguna pakai oleh Ketua Perhubungan UMNO untuk memberi kepada rakyat dengan tujuan untuk berkempen. Sehingga sekarang ini, tak boleh bayar lagi. Kontraktor dok menangis sekarang ini. Tak bayar sehingga hari ini.

Itu yang dikatakan tak bayar lagi. Ini cukup, cukup sedih. Duit ini menggunakan duit program pembiayaan dana kos di Kelantan. Iaitu sebelum sesuatu projek itu, mesti Ketua Pengarah yang lulus tetapi sayangnya Ketua Perhubungan UMNO di Kelantan, digunakan duit ini untuk kursus motivasi pelajar, untuk memilih pemimpin UMNO bersama rakyat, untuk pegawai kerajaan bersama UMNO. Iaitu sebanyak RM0.88 juta yang telah dikemukakan oleh pihak berkenaan untuk dibayar tetapi sehingga sekarang ini masih belum dibayar. Katanya bagi Audit ini. Saya pun tekan daripada hak Audit ini. Bukan saya kata...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup. Cukup Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Jadi kesimpulannya ternampaklah Ketua Perhubungan UMNO ini, tak habis-habis perangai dia. Dulu baham juga hak PPRT, berjuta-juta. Sampai ke pihak kerajaan naik mahkamah tak selesai-selesai sampai sekarang ini. Hak kecil pun tutuh juga di Kelantan ini. Ini kalau bagi peluang dia memerintah Kelantan, habis duit kerajaan negeri!...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dah cukup Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Ini Kerajaan Persekutuan, dia kawal begitu ketat pun dia tutuh, dia ambil juga untuk kepentingan UMNO. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya. Peluang orang lain nak bercakap. Yang Berhormat bagi Gombak.

3.15 ptg.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana akhirnya berjaya juga dapat saya diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan yang begitu penting ini iaitu perbahasan Bajet 2007. Kita tahu bahawa objektif utama Bajet 2007 ialah untuk memastikan misi nasional diterjemahkan kepada program-program agar dapat dilaksanakan dengan berkesan. Iaitu berlandaskan kepada lima teras ke arah misi nasional. Iaitu pertama kita tahu bahawa saya ingin menyentuh kepada dua teras yang utama, iaitu meningkatkan ekonomi dalam rantaian lebih tinggi dan kedua ialah meningkatkan keupayaan pengetahuan dan inovasi negara serta masyarakat minda kelas pertama.

Oleh itu Tuan Yang di-Pertua saya berharap saya mempunyai masa yang cukup kerana saya akan berbahas dalam isu yang berkaitan dalam bioteknologi. Saya akan berbahas isu yang berkaitan dengan perkhidmatan kesihatan, kepincangan yang berlaku dalam perkhidmatan kesihatan. Saya akan berbahas dalam isu yang berkaitan dengan Kementerian Pengajian Tinggi dan juga subjek *favourite* saya di Kementerian Luar dan juga isu yang berkaitan dengan pertahanan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat kerajaan begitu bersungguh-sungguh di dalam membawa negara setanding dengan negara-negara lain. Iaitu ke arah kita punya pendapatan atau sumber ekonomi kita melalui bioteknologi. Melalui sumber-sumber yang berkaitan dengan pengetahuan dan inovasi. Itu sebabnya dalam bulan April, 28 April 2005, dasar bioteknologi negara dilancarkan. Iaitu di dalam dasar tersebut mengandungi 9 teras dan strategi untuk bioteknologi ini berkembang maju dan selari dengan wujudnya Dasar Bioteknologi Negara ini dalam bulan April 2005 itu, ditubuhkan pula Malaysian Biotechnology Corporation ataupun dengan ringkasnya dipanggil Biotech Corp yang ditubuhkan dalam bulan Mei 2005. Iaitu dia tak sampai sebulan selepas ditubuhkan ataupun telah diadakan Dasar Bioteknologi Negara ini.

Akan tetapi soalnya Tuan Yang di-Pertua, sehingga kini kita belum berapa lihat lagi impak, iaitu kesan daripada penubuhan Biotech Corporation ini yang dikatakan seharusnya menjadi *one-stop center*. Ataupun dalam bahasa Malaysianya dipanggil Pusat Seheni. Jadi kita tidak lihat bagaimana selama lebih daripada satu tahun, Biotechnology Corporation ini telah dapat memberikan sumbangan di dalam perkembangan bioteknologi di dalam negara kita.

Kita lihat, kita kalau boleh pihak kementerian melihat kembali keanggotaan mereka yang duduk di dalam Malaysian ataupun Biotech Corporation ini. Adakah ahli-ahli yang duduk di dalam Biotech Corporation ini mereka yang benar-benar ahli? Mempunyai pengetahuan berkenaan dengan bioteknologi dan juga kaitan bioteknologi yang mahu dibawa aplikasi kepada perindustrian sehingga ia boleh menjana ekonomi negara atau mereka yang duduk di dalam menjadi ahli Biotech Corporation ini adalah sekadar mereka yang mengambil peranan sebagai pentadbir, ataupun mereka yang mengambil peranan sebagai orang yang membuat polisi tetapi tidak mempunyai pengetahuan yang mendalam berkenaan dengan bioteknologi, aplikasi bioteknologi dalam industri dan juga bagaimana pengkajian-pengkajian di dalam bioteknologi ini harus dilakukan?

Selain daripada itu kita lihat bahawa yang saya nampak Biotech Corporation ini banyak melakukan lawatan-lawatan ke luar negara. Kadang-kadang begitu ramai rombongan dihantar ke luar negara, ke tempat yang jauh-jauh, ke Amerika Syarikat, ke Eropah. Kita tahu kosnya begitu banyak, cuma untuk melihat pameran-pameran. Kita mahu tahu apakah impak lawatan-lawatan ini dan adakah mereka yang dihantar ini mereka yang benar-benar ahli. Kita tahu bahawa bukannya lebih baik kewangan yang begitu banyak lebih kurang RM100 juta yang diperuntukkan itu diambil kira bagaimana boleh membangun modal insan di peringkat tempatan, bagaimana kita di dalam melatih rakyat Malaysia untuk terlibat terus di dalam bioteknologi ini seterusnya dapat membuat aplikasi di dalam bentuk industri dan kita mengalu-alukan juga bahawa dengan adanya inisiatif Kerajaan Pusat ini, keghairahan kita boleh lihat dari pelbagai pihak.

Kerajaan-kerajaan negeri juga ghairah tentang bioteknologi ini. Kita dapati bahawa contohnya di negeri-negeri juga sekarang membuat inisiatif yang pelbagai inisiatif untuk memajukan industri bioteknologi. Sehingga kita lihat tidak ada koordinasi. Misalnya di Perak mahu menubuhkan contohnya kilang bioteknologi, kilang membuat ubat dengan kerjasama dengan India dan sebagainya, kilang membuat vaksin yang didapati bahawa pelbagai, contohnya Kementerian Kesihatan juga ada inisiatifnya iaitu melalui Institute of National Products and Vaccine.

Kita juga tahu bahawa Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi ada mempunyai inisiatifnya dengan kewujudan *Inno Biologics* dan tahun akan datang akan ditubuhkan *Inno Bio Ventures* dan pelbagai lagi. Maka kita harap ada koordinasi di dalam penubuhan-penubuhan badan yang dikatakan sebagai badan bioteknologi yang bertujuan untuk membawa bioteknologi ini ke peringkat industri, seterusnya boleh menjana ekonomi negara.

Yang saya khawatirkan ialah keghairahan ini tanpa pengkajian yang mendalam. Keghairahan ini tanpa perencanaan yang teliti, yang akhirnya apabila tidak ada mereka yang benar-benar ahli untuk menjalankan aktiviti nanti atau untuk menguruskan aktiviti ini, nanti kita khawatir....

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Mambong, Yang Berhormat.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: ...Bahawa projek-projek ini akan menjadi projek-projek "gajah putih". Jadi tidak ada kesinambungan tentang projek-projek ini. Silakan Yang Berhormat bagi Mambong.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Gombak. Saya memang meneliti perbahasan Yang Berhormat bagi Gombak dan apa yang disebut oleh Yang Berhormat bukannya tidak betul, memang betul tetapi penubuhan semua badan ini adalah satu strategi seharusnya timbul daripada Dasar Bioteknologi Negara tetapi Dasar Bioteknologi Negara, strateginya memang kurang jelas. Saya telah pun membuat penganalisan tentang polisi bioteknologi negara. Umpamanya fasa pertama, daripada tahun 2005 hingga ke tahun 2010 adalah pembangunan sumber manusia dan mewujudkan infrastruktur untuk industri bioteknologi.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat bagi Gombak. Yang pertama, adakah Biotech Corporation ini ditubuhkan untuk menggalakkan industri bioteknologi ini? Adakah Bionexus ini ditubuhkan untuk membangunkan industri bioteknologi? Adakah *Inno Bio* yang akan ditubuhkan menggalakkan pertumbuhan industri berteknologi di negara kita? Kita harus tahu bahawa bioteknologi adalah satu usaha yang mengambil masa agak panjang. Jadi bagaimanakah badan-badan ini akan menggalakkan perkembangan industri bioteknologi di negara kita. Tolong perjas.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Mambong. Jadi yang sebenarnya apa yang berlaku ialah Biotech Corporation ini seharusnya menjadi satu badan, *one stop center* iaitu tempat sehenti atau pusat sehenti yang mana di dalamnya mempunyai pelbagai pakar, selalunya ada wakil-wakil kementerian. Misal kata contohnya, Ketua Pengarah Pertanian, Ketua Pengarah Kesihatan dan ada wakil-wakil yang lain kecuali tidak ada Ahli Parlimen sahaja yang boleh memberi pandangan yang bebas tidak dimasukkan dalam Biotech Corporation ini.

Itu yang menjadikan saya sungguh hairan mengapa Ahli Parlimen tidak dimasukkan dalam Biotech Corporation kerana banyak perbahasannya dibawa di Parlimen...

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Puchong bangun.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: ...Akan tetapi Ahli-ahli Parlimen, pandangan mereka tidak diperlukan dalam Biotech Corporation. Sekejap ya.

Kesemuanya iaitu sama ada *Inno Biologics* juga, *Inno Bio Ventures* ataupun *Bionexus*, kesemuanya memanglah aktiviti-aktiviti yang seperti mana yang digariskan oleh Dasar Bioteknologi Negara. Yang menjadi kekhawatiran saya ialah bagaimana koordinasi ini tidak berlaku kerana masing-masing ingin ada arah tuju masing-masing. Masing-masing begitu ghairah di atas nama bioteknologi tanpa melihat apakah kepakaran yang ada, tanpa melihat apakah kemampuan dalam jangka panjang dari segi produk-produk yang dihasilkan untuk dipasarkan di luar negara, tanpa memikirkan apakah produk-produk yang ada, yang kompetitif yang ingin dibawa yang mahu diangkat di peringkat ini.

Saya perhatikan satu perkara yang begitu mudah. Contohnya ialah banyak kita perkatakan tentang Tongkat Ali. Tongkat Ali masih lagi diklasifikasikan sebagai ubat tradisional kerana tidak ada pengkajian ataupun dalam Bahasa Inggerisnya kita panggil *clinical development* yang bertaraf dunia yang diterbitkan di jurnal-jurnal di peringkat antarabangsa yang mana pengkajiannya mengikut kehendak dunia yang dipanggil *Good Clinical Practice* atau GCP. Sehingga ianya, produk ini boleh diangkat di peringkat dunia kerana kalau melakukan kajian-kajian seperti yang dituntut oleh tahap antarabangsa, ia harus melakukan ujian tentang keracunan, ujian tentang keselamatan ubat tersebut, ujian tentang keberkesanan ubat tersebut.

Jadi ini harus dilakukan supaya yang memakan ubat tersebut memang mengetahui ubat itu berkesan. Selain daripada berkesan, mengetahui juga ubat tersebut tidak mempunyai sampingan-sampingan yang boleh membahayakan kesihatan seseorang. Itu sebabnya Tongkat Ali walaupun banyak diperkatakan sudah beberapa lama, tidak boleh diangkat ke peringkat antarabangsa kerana tidak ada dilakukan pengkajian-pengkajian yang berbentuk ilmiah mengikut tahap antarabangsa.

Kalau kita katakan bahawa kita sudah ada produk, mungkin Tongkat Ali ini kita boleh buat atau lakukan kajian dan menjadikan Tongkat Ali ini sebagai *blockbuster product* iaitu produk yang boleh dibawa di peringkat antarabangsa yang mana boleh digunakan oleh semua manusia di dunia ini. Ya, Yang Berhormat bagi Puchong, silakan.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Gombak. Saya telah mengikuti perbahasan tadi dengan teliti tetapi setuju tidak Yang Berhormat, Biotech Corporation ada beberapa soalan asas belum dijawab iaitu kalau kita hendak mulakan satu *biotechnology industry* di dalam negara kita ini seperti MSC, kita macam orang kata macam '*jack of old trade*', dengan izin. Kita tidak ada satu pengkhususan, satu fokus yang betul-betul yang boleh memberikan satu daya saing kepada negara kita ataupun produk kita ataupun perkhidmatan kita dalam *biotech* ini. So setuju tidak Yang Berhormat, bahawa sebelum kita melakukan sesuatu rancangan dan projek ini, kita mesti ada satu pengkhususan bahawa di mana *biotech* dari segi mana kita yang ada mempunyai daya saing untuk negara kita. Sebagai contoh tadi Yang Berhormat kata tongkat ali sebagai contoh ataupun kita mesti fokus kepada *biotech agriculture* atau *biotech* mengenai farmasi atau *biotech medical*. So, apakah pendapat Yang Berhormat adakah ini satu rancangan yang mesti dilakukan oleh Biotech Corporation sebelum kita melakukan sesuatu untuk pembangunan *biotech* industri negara kita ini.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Puchong. Sebenarnya pada mulanya bila Biotech Corporation ditubuhkan mereka mungkin kurang mempunyai hala tuju tetapi sekarang ini saya difahamkan telah dibentuk *cluster-cluster* ataupun kumpulan-kumpulan bio perubatan, kumpulan-kumpulan berkaitan dengan pertanian dan kumpulan-kumpulan yang berkaitan dengan kumpulan-kumpulan bioteknologi yang lain.

Ini telah diwujudkan supaya perkembangan itu lebih fokus. Cuma yang saya mahu kalau juga perkembangan bioteknologi yang berlaku di negeri-negeri ini juga harus di pantau. Kita kluatir keghairahan ini nanti yang sebenarnya yang rugi ialah rakyat kerana banyak wang rakyat dibelanjakan tetapi akhirnya projek ini tidak kesampaian kerana keghairahan itu tidak disokong dan didukung dengan pengetahuan tidak disokong dan didukung dengan perancangan yang baik.

Jadi saya harap yang boleh membantu dan memantau ialah *Biotech Corporation* dan kita harapkan juga dan saya bila melihat keahlian *Biotech Corporation* ini mereka yang duduk dalam *Biotech Corporation* saya kurang pasti bahawa mereka di dalam itu mampu untuk memberi pandangan bahawa sesuatu projek bioteknologi itu boleh diteruskan atau tidak ataupun boleh menjana ekonomi negara. Silakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Pontian.

Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat bagi Gombak. Kalau mungkin meletak orang politik duduk di dalam badan-badan yang ditubuhkan untuk membangunkan industri bioteknologi negara agaknya mungkin ada keraguan akan kemampuan dan kebolehan tetapi kalau kita tengok dari segi yang ada kebolehan yang ada kemampuan ini sama ada dari segi kelayakan, sama ada dari segi *track record*, dengan izin yang telah ditunjukkan akan kebolehan dan kemampuan mereka pengiktirafan kita Yang Berhormat pengiktirafan negara terhadap kemampuan-kemampuan yang ada kepada para penyelidik, kepada para pakar ini.

Saya pernah difahamkan bahawa sebagai contoh ahli-ahli pakar yang pergi ke institusi pengajian tinggi untuk membentangkan kertas-kertas kajian penyelidikan dibayar orang kata duit tambang pun tidak lepas tetapi kalau kita jemput pakar-pakar dari luar negara institusi-institusi pengajian tinggi membayar mereka mengikut harga pasaran antarabangsa, beribu-ribu ringgit tetapi pakar yang ada di dalam negara kita yang bukan hanya sama dari segi kemampuan dan kebolehan kadang kala jauh lebih mampu daripada mereka tetapi mendapat hanya bayaran sekadar. Kita manusia Yang Berhormat, kita Ahli Parlimen kadang-kadang pun terasa juga kalau tenaga dan khidmat kita tidak diberi ganjaran yang sewajarnya, apatah lagi mereka yang mempunyai kepakaran yang telah mengguna segala masa dan tenaga mereka. Jadi apa pandangan Yang Berhormat tentang kedudukan mereka ini?

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: Saya bersetuju seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Pontian tadi didapati bahawa mungkin pihak-pihak berkuasa mungkin juga yang memberi justifikasi ini terutama dari segi elaun dan sebagainya pihak pentadbir yang mungkin kurang mempunyai apa ini dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *appreciation* tentang kebolehan-kebolehan tempatan.

Itu sebabnya kita dapati banyak juga kalau kita tengok *Biotech Corporation* ini wang dibelanjakan membawa pelbagai pakar runding dari luar dan seperti mana yang saya katakan tadi ini harus dilakukan dengan perancangan yang baik dan harus dibincangkan juga dengan pakar-pakar dalam negara kerana kalau kita lakukan dengan hanya membawa pakar-pakar runding dari luar saya rasa saya kluatir bahawa cita-cita kita untuk menghasilkan produk-produk yang berasaskan bioteknologi untuk menjana ekonomi negara saya kluatir kalau tidak dilakukan dengan baik mungkin tidak akan kesampaian tetapi yang paling penting juga saya lihat *Biotech Corporation* juga harus melihat bagaimana kerjasama dengan universiti kerjasama dengan pusat pengajian tinggi bagaimana modal insan ini harus diperkembangkan kerana inilah yang paling penting kerana kita tahu bahawa kita mahu meningkatkan pengetahuan negara dan daya inovasi ini hanya dapat dilakukan melalui dengan pembangunan modal insan dan sebagainya.

Negara harus memikirkan apakah bahan-bahan atau produk-produk yang boleh diangkat ke atas yang mana boleh menjadikan bahawa kita harus fokus juga contohnya di bidang *pharmaceutical* ataupun bio perubatan produk-produk yang boleh kita angkat ke atas sehingga boleh dipasarkan di peringkat dunia dan harus dilakukan *clinical development* dengan serius hingga dia bukan sahaja dapat...

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh [Gerik]: Laluan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat tidak payah gendang Yang Berhormat sudah nampak. Yang Berhormat bagi Gerik.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: Bukan sahaja dapat menjana ekonomi negara tetapi juga memberi nama yang baik kepada Malaysia. Silakan.

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh [Gerik]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya terpanggil untuk bertanya kepada Yang Berhormat bagi Gombak. Tadi disebut tentang penyelidikan tongkat ali yang saya rasa belum mencapai satu tahap yang boleh kita banggakan padahal kalau kita lihat Ginseng Korea itu saya kira sudah sampai diiktiraf di peringkat antarabangsa. Jadi sudah sekian lama, pada 10 tahun tongkat ali berada bersama-sama kita, sesetengah orang minum setiap hari, tetapi ia masih kekal sebagai perubatan tradisional. Jadi apakah masalahnya kepada para penyelidik kita yang masih belum mampu atau kita perlu menjemput orang dari luar juga untuk membuktikan bahawa ia sesuatu yang berkhasiat. Mohon penjelasan.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: Jawapannya ialah yang pertama kurang koordinasi yang kedua mungkin kita tidak ada mungkin kena harus diadakan *clinical development* iaitu yang mana melibatkan pakar-pakar yang tertentu dan juga melibatkan subjek-subjek yang tertentu. Saya rasa ini tidak dapat dilakukan mungkin kerana kurang koordinasi mungkin juga kita juga mempunyai kurang keahlian di dalam membuat pengkajian yang setahap dengan peringkat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua saya hendak masuk tentang kesihatan. Tuan Yang di-Pertua apa yang sungguh merisaukan saya tentang kesihatan ini ialah soal perkhidmatan ambulans. Kita tahu Tuan Yang di-Pertua bahawa perkhidmatan ambulans atau perkhidmatan kecemasan ini amat penting. Kalau kita katakan bahawa negara kita semakin lama semakin maju dari segi perkhidmatan kesihatan memang betul terutama dari segi fizikal terutama dari segi hospital-hospital yang kita bina canggih dan sebagainya tetapi masalahnya Tuan Yang di-Pertua kalaulah misalkan contohnya ambulans kita terutama yang di luar bandar hanyalah apabila melakukan kerja-kerja kecemasan hanyalah yang dihantar hanyalah kenderaan itu sahaja dan sebuah oksigen silinder tanpa perkakas-perkakas yang lain mana mungkin ambulans-ambulans ini dapat menyelamatkan nyawa.

Tuan Yang di-Pertua kita tahu juga bahawa anggota atau mereka personel yang duduk dalam ambulans itu juga penting. Kita tahu banyak di antara terutama di kawasan luar bandar yang bersama-sama dengan ambulans itu yang ikut dalam ambulans itu adalah *driver* dan juga *attendance*. Jauh sekali kita mempunyai doktor bersama-sama ambulans. Kita juga tidak mempunyai ramai paramedik yang terlatih. Yang duduk ikut untuk misi kecemasan apabila ambulans-ambulans itu pergi ke tempat kecemasan. Silakan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Gombak. Saya sudah timbul banyak aduan tentang kenderaan ambulans ini terlalu lama. Kadang-kadang sudah tidak boleh hendak pergi jauh dah, hendak bawa orang sakit sampai tengah jalan ambulans rosak. Dan orang sakit pun kita tidak tahu apa akan jadi. Jadi mungkin Yang Berhormat bersetuju kalau kita cadangkan segala peruntukan khusus bajet mengenai masalah yang membabitkan rakyat ini perlu kita beri keutamaan. Kerana kenderaan seperti ini ambulans ini amat mustahak jadi kita minta pihak Kementerian Kesihatan supaya mengutamakan penggantian kenderaan-kenderaan ambulans ini dilakukan dari semasa ke semasa janganlah kita sampai kadang-kadang kesian kerana terpaksa mereka mendapat ihsan daripada mana-mana bantuan sumbangan NGO terutamanya ataupun syarikat-syarikat besar untuk menambahkan kenderaan-kenderaan untuk menggantikan segala kekurangan ambulans yang ada. Jadi apakah Yang Berhormat bersetuju supaya kita ketengahkan perkara ini mesti dicari jalan untuk diutamakan terutama membawa pesakit-pesakit luar yang memerlukan rawatan segera.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Larut. Saya bersetuju sungguh apa yang disarankan oleh Yang Berhormat bagi Larut. Dan saya harap perbahasan saya ini akan membawa perubahan kepada perkhidmatan ambulans. Kita tahu bahawa apabila berlaku sesuatu kecemasan, masa yang paling penting ialah masa dua ke tiga jam kecemasan itu berlaku. Contohnya apabila berlakunya kemalangan jalan raya, masa yang paling penting sama ada menentukan seorang itu hidup atau mati ialah dua-tiga jam daripada yang pertama kemalangan itu berlaku, itu yang

dipanggil sebagai *golden hour*. Kalau berlakunya serangan sakit jantung, masa dan saat yang paling penting ialah dua-tiga jam yang pertama apabila serangan itu berlaku. Apabila seseorang itu kena strok, masa yang paling penting ialah dua-tiga jam daripada serangan itu berlaku. Cuba bayangkan, kalau kita tidak mempunyai ambulans yang datang, yang cuma tugasnya untuk mengangkat pesakit, lepas itu sampai ke hospital, menurunkan pesakit. Tidak ada sebarang perkhidmatan kecemasan diberi sama ada oleh anggota yang terlatih ataupun mempunyai *equipment* yang sesuai, yang harus diadakan dalam ambulans.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat di Lembah Klang sendiri, sistem kecemasan ambulans ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Setiu

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Gombak. Ini berkait dengan ambulans, kita lihat ambulans ini banyak digunakan di kawasan tanah besar kita, baik di Sabah dan juga di Sarawak tetapi saya percaya di pulau-pulau yang ada di huni oleh masyarakat di pulau-pulau yang agak jauh seperti kalau di Setiu ada Pulau Redang, kalau di Besut ada Pulau Perhentian, di Johor ataupun di Pahang ada Pulau Tioman, saya percaya ambulans laut in perlu untuk masyarakat yang ada di pulau ini. Kalau tidak masalah mereka bila berlaku kecemasan hendak dibawa, kerana hospital tidak ada di sana, hanya klinik-klinik kecil dan saya rasa apa pandangan Yang Berhormat bagi Gombak mengenai kemudahan ambulans untuk perhubungan laut ini bagi masyarakat daripada pulau.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: Saya bersetuju Yang Berhormat bagi Setiu. Kalau apa sahaja kenderaan atau pun perhubungan yang kita pakai asalkan kita dapat merawat keadaan kecemasan itu. Seperti mana yang saya katakan tadi, masa yang paling penting apabila kecemasan itu berlaku ialah dua-tiga jam pertama apabila serangan itu berlaku, sama ada kemalangan jalan raya, serangan sakit jantung, serangan strok dan berbagai-bagai lagi. Jadi, cuba bayangkan kalau ambulans yang ada hanyalah ambulans yang gunanya untuk mengangkat pesakit. Cuba bayangkan ambulans yang ada, hanyalah tugasnya seperti sebuah teksi, kita mahukan bahawa ambulans yang dihantar pergi ke rumah sakit itu, sekurang-kurangnya boleh memberikan perkhidmatan kecemasan. Sekurang-kurangnya tahu buat CPR, sekurang-kurangnya mempunyai peralatan yang cukup, terlatih, paramedik yang terlatih. Dan kalau boleh, kalau kita mahu setaraf dengan negara maju, seharusnya yang mengikuti duduk di dalam ambulans itu juga adalah seorang doktor. Jadi ini harus berlaku.

Yang kedua didapati, contohnya, di Lembah Klang ini sebenarnya, di Lembah Klang ini kita tidak mempunyai sistem ambulans yang *integrated* yang dikatakan sebagai bersepadu. Alhamdulillah di Lembah Klang ini, di hospital juga mempunyai ambulans dan juga banyak perkhidmatan kecemasan ini dibantu oleh ambulans daripada Bulan Sabit Merah dan ambulans daripada St. John. Dan kebanyakannya ialah keberkesanan daripada ambulans daripada St. John dan juga Bulan Sabit Merahlah yang banyak membantu membawa pesakit-pesakit yang cemas ini. Malangnya Tuan Yang di-Pertua, di sebelah Ampang, di kawasan sebelah Ampang, di mana ibu pejabat Bulan Sabit Merah kebanyakan mereka di bantu oleh Bulan Sabit Merah.

Di sebelah Cheras pula, kebanyakannya di bantu oleh *St. John Ambulance* tetapi kalau seseorang itu membuat panggilan, tinggal di Cheras, membuat panggilan di Ampang, memohon pertolongan daripada Bulan Sabit Merah, maka ambulans dari Bulan Sabit Merah akan pergi ke Cheras. Tidak ada sistem bersepadu, contohnya kalau seorang itu tinggal di Cheras, kita tahu, di Cheras, sistem *St. John Ambulance* itu lebih berkesan, maka seharusnya ada sistem yang mana Bulan Sabit Merah dapat memberitahu ambulan yang terletak di Cheras untuk mengambil pesakit daripada Cheras. Itu sebabnya Tuan Yang di-Pertua, maka setengah-setengah pesakit terdampar hingga dua-tiga jam, kerana ambulans itu datang daripada Ampang untuk mengambil pesakit di Cheras melalui kesesakan jalan raya yang begitu teruk. Itu sebabnya kita tidak mempunyai *integrated* sistem.

Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, pada saya yang paling penting juga sekarang ini ialah tentang *medical records* di hospital. Kita tidak mempunyai sistem yang bersepadu Tuan Yang di-Pertua, contohnya banyak perkara yang dilakukan itu, berlaku pertindihan atau duplikasi. Contohnya kalau saudara kita, datang daripada kampung, mempunyai penyakit kronik, katalah kencing manis, darah tinggi dan sebagainya, apabila kita bawa di... ,walaupun ujian-ujian darah telah dijalankan di hospital-hospital di peringkat negeri, tetapi bila kita bawa saudara kita ke Kuala Lumpur contohnya, mengambil rawatan, maka sekali lagi, ujian makmal harus dilakukan kerana tidak mempunyai sistem yang mana, segala ujian makmal yang dilakukan di peringkat hospital negeri dapat diterima ataupun di ketahui di peringkat hospital besar, contohnya. Jadi maknanya terpaksa dilakukan ujian makmal yang berulang.

Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, yang banyak juga harus, yang mana saya merasakan bahawa satu sistem yang bersepadu yang harus dilakukan oleh pihak kementerian kerana contohnya, buat masa ini *medical records*, atau pun rekod perubatan itu adalah kepunyaan hospital. *Medical information* ataupun butir-butir kesihatan itu adalah kepunyaan pesakit. Contohnya kalau pesakit 'A' itu, menerima rawatan di Hospital Universiti, dan kalau sekarang ini dia hendak menukar rawatan ke Hospital Selayang, pesakit ini tidak mempunyai hak mengambil rekod perubatan daripada hospital kerana rekod perubatan itu, adalah kepunyaan hospital. Cuma yang boleh dilakukan ialah, pesakit ini harus pergi ke hospital, pergi ke *medical records* dan mengambil butir-butiran, dan berjumpa doktor dan sebagainya untuk menulis *report*. Proses ini mengambil masa kadang-kadang sampai dua bulan. Oleh sebab tidak ada sistem yang bersepadu ini Tuan Yang di-Pertua. Dan kadang-kadang walaupun '*cat scan*' contohnya satu penyelidikan untuk mengetahui penyakit yang agak mahal, telah dilakukan di satu hospital, oleh sebab pesakit ini pergi ke hospital yang lain, tidak ada maklumat tentangnya, tidak ada sistem yang bersepadu ini, mengapa kadang-kadang ujian itu terpaksa lagi dilakukan di hospital yang baru di kunjungi oleh pesakit tersebut.

Jadi ini pada saya harus dilihat, kerana ini juga mewujudkan *redundancy* dan juga menyebabkan kesusahan berlaku kepada pesakit...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, habiskan Yang Berhormat.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: Selain daripada itu, kita lihat sekarang ini kita tahu bahawa di dalam aspek ubat-ubat contohnya, di antara yang paling penting Tuan Yang di-Pertua, saya lihat ialah soal yang berkaitan dengan *safety profile* ataupun keselamatan ubat-ubat itu, supaya ubat-ubat yang diambil oleh rakyat Malaysia untuk kita pastikan bahawa ubat-ubat ini tidak menimbulkan kesan sampingan yang banyak. Itu sebabnya kalau boleh, kita mahu Kementerian Kesihatan melalui biro *pharmaceutical*, kalau boleh mewajibkan kesemua ubat-ubat yang didaftarkan atau dilesenkan dengan Kementerian Kesihatan, kesemuanya harus melakukan, kita panggil '*phase for study*' atau pun kita panggil dalam bahasa lainnya kita panggil *Pharmacovigilance study*, iaitu tujuannya ialah untuk memantau keselamatan ubat tersebut, kesan sampingan ubat tersebut.

Dengan cara ini jugalah kita boleh banyakkkan lagi pengkajian-pengkajian berkaitan dengan *clinical development* di dalam negara kita. Saya rasa ini amat perlu kerana kita tahu bahawa kita tidak mahu apa sahaja ubat yang dibawa dari luar negara diterima di negara ini tanpa pemantauan dari segi *safety* kerana kebanyakan ubat-ubat ini, kajiannya dilakukan di luar negara. Apabila dilakukan di luar negara kita tahu ada perbezaan di antara contohnya, orang Amerika dengan orang Malaysia terutama dari segi saiz badannya, dari segi cara pemakanannya dan dari segi alam sekitarnya, ada berlaku perbezaan.

Itulah sebabnya saya merasakan bahawa perlu ada pemantauan terhadap perkara ini dan ubat-ubat yang dilesenkan di Malaysia kalau boleh, Tuan Yang di-Pertua, diminta Kementerian Kesihatan Malaysia mewajibkan *Phase IV Study* ataupun *Pharmacovigilance Study* ini untuk melihat *safety profile* ubat-ubat tersebut.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, Yang Berhormat.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: Satu perkara sekali lagi yang saya rasa penting, Tuan Yang di-Pertua. Yang ini saya harus sebut iaitu sekarang ini di negara kita, dalam kita mempunyai 25 juta penduduk tetapi kita mempunyai 20 buah sekolah perubatan. *We have 20 medical schools* dalam penduduk yang berjumlah 25 juta ini! 10 buah sekolah perubatan ini adalah sekolah IPTA dan 10 lagi ialah IPTS. Kita harap bahawa pihak *Malaysian Medical Council* harus memantau lebih lagi sekolah-sekolah perubatan ini. Kita tidak mahu bahawa ada penurunan dari segi mutu kerana apabila berlaku mempunyai terlalu banyak sekolah perubatan, kita khuatir di mana datangnya pensyarah-pensyarah. Bukankah kita ketahui bahawa kita mempunyai kekurangan doktor-doktor perubatan, malahan doktor-doktor pakar dan siapakah yang akan mengajar mereka ini dan kita khuatir di manakah latihan-latihan amali yang pelajar-pelajar ini dapat jalankan untuk mempunyai kemahiran yang tinggi dalam bidang perubatan.

Jadi, kita harap bahawa pihak Lembaga Akreditasi Negara dan pihak MMC memantau sekolah-sekolah perubatan ini. Kita tahu bahawa graduan-graduan ini akan bermain dengan nyawa manusia. Kalau kita keluarkan graduan yang tidak selamat, maka ini boleh membahayakan rakyat ataupun mereka yang dirawat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, Yang Berhormat.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, ada sikit lagi yang saya rasa amat penting yang harus saya utarakan. Kita harapkan bahawa Kementerian Pengajian Tinggi, terutama pelajar-pelajar bumiputera yang mendapat keputusan yang terbaik diletakkan dan ditinggalkan belajar di universiti-universiti ataupun kalau ambil kursus klinikal perubatan di dalam negara. Contohnya belajar di Universiti Malaya, belajar di Universiti Kebangsaan Malaysia ataupun di Universiti Sains Malaysia supaya pelajar-pelajar yang cemerlang ini sebenarnya dapat bertanding dengan pelajar-pelajar daripada bangsa lain kerana yang tinggal di sini ialah pelajar-pelajar yang tahap pencapaian akademiknya kurang setanding.

Selain daripada itu yang menghairankan saya, pelajar-pelajar yang mendapat keputusan yang begitu baik ini dihantar pula ke negara-negara yang mempunyai sekolah perubatan yang lebih rendah, *inferior* dibandingkan dengan sekolah-sekolah perubatan di Malaysia. Dihantarkan ke Khazakistan, dihantar ke Rusia, di hantar ke Indonesia, dihantarkan ke sekolah-sekolah di India yang mana fakulti perubatan kita jauh lebih baik. Saya harap sistem ini dilihat supaya ada pertandingan yang sihat berlaku di kursus-kursus kritikal dan juga di peringkat universiti di sini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah, Yang Berhormat.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat tidak hendak berhenti?

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: Ya, sebab ini yang terakhir. Saya rasa amat penting. Oleh kerana sistem pelajaran perubatan di sini sudah baik dan untuk memudahkan memberi banyak peluang kepada rakyat Malaysia yang mahu melanjutkan pelajaran perubatan di luar negara, kita benarkan ke mana sahaja mereka hendak belajar perubatan di luar negara tetapi kalau boleh kita wajibkan semua pelajar yang mengambil kursus perubatan apabila mereka balik ke Malaysia menduduki *local exam* iaitu peperiksaan yang setaraf dengan tahun akhir sekolah perubatan di Malaysia kerana

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, Yang Berhormat. Habiskanlah.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: Kerana bagi saya ini baru kita berlaku adil iaitu sama ada kita tidak harus membahagikan bahawa kita menghantar pelajar perubatan itu ke sekolah perubatan yang diiktiraf atau tidak diiktiraf. Kita membenarkan mereka menghantar ke mana sahaja tetapi kalau mereka menghantar ke sekolah perubatan yang baik, tentulah pelajar-pelajar tersebut tidak menghadapi sebarang masalah untuk menduduki peperiksaan perubatan yang setahap dengan tahun akhir.

Kita tahu apabila seseorang pelajar perubatan di negeri lain, paten penyakitnya lain iaitu *facility* atau kemudahan perubatan yang ada di negara tersebut juga berlainan. Harus mereka itu diberi orientasi dan harus mereka itu menduduki peperiksaan di sini supaya dapat memberi orientasi tentang penyakit-penyakit, keadaan pesakit dan juga kemudahan perubatan yang ada di sini supaya ini menjadikan mereka doktor yang lebih selamat dan doktor yang lebih bermutu untuk merawat rakyat Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ramai lagi yang hendak berucap. Yang Berhormat bagi Kota Bharu dululah.

3.56 ptg.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang lain semua boleh berucap.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]: Saya akan mengutarakan ucapan dalam perbahasan ini dengan ringkas. Kita tahu bahawa bajet ini adalah dengan izin *expansionary budget*. Bajet yang dibuat walaupun kita dalam keadaan defisit, kita memperuntukkan jumlah yang besar supaya ekonomi kita terus berkembang. *Development expenditure* kita meningkat 30% - RM47 bilion dan *operating expenditure* kita juga meningkat 12% atau RM113 bilion.

Dalam keadaan kerajaan berusaha untuk memastikan ekonomi kita terus berkembang, tindakan-tindakan yang dibuat mestilah berjaya. Kalau tidak negara akan mengalami kesusahan di masa yang akan datang. Jadi, kejayaan bajet ini, kejayaan RMK-9 dan kejayaan kerajaan hari ini amatlah penting sekali. Dalam ucapan-ucapan yang kita dengar, banyak perkara telah disentuh. Ada yang mengatakan pegawai kerajaan mesti lebih cekap, ada yang mempersalahkan pegawai kerajaan, ada yang mempersalahkan GLCs.

Saya ingin mengutarakan hal ini, Tuan Yang di-Pertua. Punca semua ini ialah kerana kita enggan berterus terang di manakah punca kelemahan sebenarnya. Hari ini kita menghadapi krisis dalam negara. Hanya dua hari dahulu, Tun Dr. Mahathir Mohamad yang disebut dalam Reuters berkata bahawa beliau akan terus berusaha supaya Perdana Menteri kita tersingkir, kerana katanya, "*It is a national interest.*" Dan kita tahu apa pun perubahan yang kita buat dalam pengurusan, dalam struktur ekonomi ia semua bergantung pada kestabilan politik. Dalam keadaan hari ini, saya bimbang kestabilan politik itu akan tergugat. Bagaimana kita hendak menjayakan semua ini, tugas-tugas yang besar ini, kalau kita tidak ada kestabilan politik. Amaran dan usaha Tun Dr. Mahathir itu harus kita ambil perhatian yang serius.

Tun Dr. Mahathir bin Mohamad mempunyai rekod, bila dia tidak mahu kepada seseorang, bila dia ingin menyingkir seseorang ataupun mencantas sesiapa, selalunya dia berjaya, rekodnya baik. Bermula dalam tahun 1969, Perdana Menteri kita yang pertama juga terpaksa undur kerana tekanan beliau. Tahun 1987 Tengku Razaleigh Hamzah juga terpaksa undur dan UMNO pun mati pada tahun itu. Tun Hussein Onn meninggalkan UMNO juga kerana beliau. Anwar Ibrahim juga dipecat walaupun tidak didapati bersalah, tidak ada pertuduhan pada masa itu tetapi dipecat, selepas itu. Jadi rekod beliau sebagai seorang pemimpin yang keras dan kuat begitu jelas. Kalau pemain bola sepak ia merupakan *striker* yang pantas sekali.

Akan tetapi hari ini kita tidak mahu melihat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi menjadi mangsa yang keenam dalam hal ini. Saya melihat Tuan Yang di-Pertua, perkara ini penting bukan kerana saya ini *alarmist*, bukan saya ingin melaga-lagakan sesiapa tetapi hakikat ini kita kena terima demi kebaikan negara kita. Hakikat pecemuhan antara Mahathirisme dengan Abdullah bin Haji Ahmad Badawi Islam Hadhari. Ini ideologi yang berbeza. Dengan ringkas Mahathirisme adalah *about power, murky valiant politic*, apa pun cara asalkan matlamat berjaya.

Dalam ekonomi ia menggambarkan pembangunan yang pesat, projek yang besar, *monopolies* ditubuhkan sampai hari ini orang-orang menjadi *instant millionaire* pada zaman itu dan di zaman itu juga selain pertumbuhan yang saya kata tadi, dengan *Twin Tower* dengan segala kebaikannya, kita juga melihat

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: [Bangun]

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]: Boleh saya teruskan sekejap, kalau tidak saya terlupa, saya ni orang Melayu mudah lupa. [Ketawa] Saya ingin melihat dan dalam masa itu juga kita melihat badan kehakiman porak-peranda. Hakim-hakim dipecat.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Kita juga melihat pindaan-pindaan kepada Perlembagaan. Kalau suatu masa dahulu kita ada Perlembagaan yang dengan jelas memperuntukkan bahawa '*judicial power shall vest in the High Court in Malaya*', kuasa kehakiman itu diberi kepada hakim. Di zaman Mahathirisme perkara itu dikeluarkan. Kita tahu banyak lagi pindaan lain, Akta Pertubuhan di mana kita hari ini tidak lagi dapat jika ada permasalahan, kita tidak puas hati dengan hal-hal pengurusan pertubuhan-pertubuhan. Pada suatu masa dahulu selepas badan itu sama badan politik, badan NGO, selepas dia membuat keputusan, kalau kita tidak dapat sesuatu keputusan yang kita setuju, kita dapat pergi ke mahkamah, kita ada *power of judicial review*, kita boleh pergi ke mahkamah. Inilah inti pati demokrasi di mana kuasa ada batasan, tetapi sekian lama ini semua ditarik, ini semua telah diketepikan.

Jadi hari ini, kita masih lagi dalam keadaan begitu kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita hari ini walaupun telahpun mengutarakan Islam Hadhari, era keterbukaan, transparansi, integriti dan bermacam-macam lagi tetapi beliau masih lagi tidak mampu untuk membuat perubahan-perubahan yang saya sebutkan tadi, yang telah berlaku sebelumnya, kerana mungkin beliau merasakan sokongan politik tidak mencukupi, kerana tekanan-tekanan yang ada dari usul-usul lepas masih berleluasa sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, kita memperkatakan tentang era baru, era Islam Hadhari dan pada saya Islam Hadhari sudah tentunya bererti lebih daripada pakaian, daripada pengajaran agama, itu sudah lama berlaku. Islam Hadhari adalah satu nilai *political values* yang berbeza daripada yang dulu. Nilai politik yang berbeza yang membela orang-orang yang dianiyai, yang mencari kebenaran kerana agama kita menuntut kebenaran. Sudah tentunya nilai-nilai politik ini mencerminkan kehendak agama kita. Jadi pertembungan yang ada sekarang ini ialah *political culture* apakah yang kita akan diteruskan negara kita ini.

Saya anggap saranan ataupun amaran Tun Dr. Mahathir bin Mohamad ini haruslah kerajaan dan menteri-menteri dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengambil kira bukan dengan menutup mulutnya kerana kita tidak boleh menutup mulutnya, kerana dia berhak bersuara, tetapi kita harus melawan idea ini dengan kita mempraktikkan kehendak semasa dengan melakukan perubahan-perubahan yang saya katakan tadi.

Ahli-ahli Parlimen lain menyebut tentang integriti, mana pelan integriti? Pelaksanaan? Mana perancangan yang lebih tegas mengenai bagaimana kita hendak menghapuskan *corruptions*? Belum lagi kita dapat melihatnya. Cara kita mengatasi tuduhan-tuduhan Tun Dr. Mahathir bin Mohamad, cara kita mengatasi kembalinya Mahathirisme dalam negara kita, bukan dengan menutup mulutnya, bukan dengan tidak memberi dia peluang menjadi perwakilan, itu perkara kecil tetapi perkara pokok ialah reformasi kerajaan itu sendiri yang membezakan kita dengan era beliau, itu caranya dan hari ini saya nampak kita seolah-olah tidak menentu arah tuju.

Hari ini kita melihat soal RM200 di Kubang Pasu mendapat *head lines*, seolah-olah ini perkara baru. Sebelumnya kita dapati masalah wang mas kahwin Datuk K, Datuk R. Ini menjadi tumpuan nasional, tumpuan nasional seharusnya di manakah arah tuju kita sebagai sebuah kerajaan? Saya bimbang dengan sikap yang ada sekarang walaupun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan visinya. Visinya bagi negara yang lebih aman, yang lebih adil, yang lebih terbuka, badan kehakiman yang lebih bebas, dalam Dewan kita lebih bebas, tetapi kita tidak meneruskannya. Ada cadangan sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua, sebagai contoh, hari itu Tun Salleh Abas, umur dia 77 tahun.

Kita, negara kita, kita semua berdosa terhadap beliau dan lima hakim Mahkamah Tinggi Persekutuan ataupun *Supreme Court*, kita semua berdosa. Beliau dipecat bukan kerana ucapan beliau di Universiti Malaya pada masa itu. Beliau dipecat kerana mahukan sembilan hakim menentukan kes UMNO pada hari itu. Dan, bila baru-baru ini ada cadangan daripada pihak-pihak tertentu mengapa tidak kita ada *enquiry*, bukan untuk kembalikan beliau sebagai hakim, tetapi bagaimanakah negara yang maju, yang mempunyai nilai Islam, yang mahukan keadilan ini. Kita terus menolak cadangan itu. Apa salahnya kita ada *the truth commission*, supaya tidak berlaku lagi hari ini perkara sedemikian. Mengapa kita takut?

Mengapa kita takut untuk mengakui kesilapan kita? Kalau kita ingin mencari keredaan Allah S.W.T., kita tidak perlu takut untuk mencari kebenarannya. Kita tahu hakim di negara kita mudah dipecat. Kalau di England, hakim sebelum dipecat, *Parliament*, *House of Commons* mesti bersetuju, *House of Law* mesti bersetuju tetapi di bawah Perkara 125, Perlembagaan Persekutuan, hakim boleh dipecat kerana *misbehavior*. Seorang hakim yang tidak ikut perintah, mungkin *misbehave*. Bagaimanakah kita mau memberi keyakinan kepada hakim kalau begitu longgar sekali peruntukan yang kita ada?

Kita harus kembalikan kepercayaan orang ramai kepada badan kehakiman. Kita harus *empower* hakim-hakim kita untuk menjadi bebas supaya kehakimanlah yang akan menyelamatkan kita suatu hari nanti. Kita mungkin *in favour* hari ini, kita mungkin ada kuasa, dan kita mungkin tidak perlu kepada hakim yang bebas dan yang agak integriti, yang mendaulatkan undang-undang. Mungkin kita tidak perlu kerana kita berkuasa tetapi suatu hari nanti mungkin kita memerlukannya. Bila kita dianiyai, bila kita dipecat jawatan kita, mungkin.

Apa salahnya kerajaan hari ini, apa salahnya kita terima hakikat ini dan memperkasakan hakim dengan membuat pindaan Perlembagaan, mudah. Pinda 125, jangan bagi begitu mudah. Hendak pecat orang kerja kerajaan lebih susah daripada hendak pecat hakim di negara kita. Orang pegawai kerajaan kalau tidak melakukan kesalahan di bawah Akta Jenayah, sukar dipecat. Kita boleh hantar dia ke kampung-kampung, di Sarawak ke tetapi sukar tetapi hakim kita mudah. Kita harus kembalikan maruah negara ini. Ini tuntutan Islam Hadhari sebenarnya.

Saya menyeru menteri-menteri, bukan sahaja Menteri Undang-undang kita, saya menyeru semua menteri. Saya menyeru Peguam Negara, berilah nasihat kepada Perdana Menteri untuk melakukannya. Tuan Yang di-Pertua, keluarga hakim-hakim itu masih ada, nama mereka perlu kita bersihkan. Tidak perlu kita memberi balik jawatan atau beri pencen yang lebih, mereka hanya mahukan pembersihan nama mereka. Apakah itu sukar sekali?

Tuan Yang di-Pertua, saya dapati menteri-menteri kita ini mudah sangat menolak cadangan. Dua minggu dahulu, hakim besar Justice Fairuz kata, "Biarlah Mahkamah Seksyen, Mahkamah Majistret, janganlah ia dijadikan sebahagian daripada perkhidmatan kerajaan". Berilah kebebasan kepada mereka. Saya harap cadangan ini diambil kira dan dilaksanakan kerana itu tidak merugikan kerajaan. Hanya minggu lepas, Tan Sri Abu Talib berkata dan memberi cadangan, "Apa salahnya kita ada kuasa *judicial review*". Jawapan yang diberi oleh wakil kerajaan ialah, "Kalau kita ada *judicial review* maka menteri-menteri tidak boleh buat kerja dengan baik".

Sebenarnya, kita perlu *judicial review* bukan untuk mengongkong menteri. *Judicial review* itu ertinya mudah, kalau ikut peraturan dan undang-undang, tidak ada masalah tetapi bila kita melanggar peraturan dan undang-undang, siapa sekalipun sudah tentu hak itu harus kita beri kepada hakim supaya rakyat terbela. Apa salahnya kita terima cadangan Tan Sri Abu Talib ini? Saya ingin melihat negara kita maju, kita semua ingin melihat maju, wawasannya Perdana Menteri, kita semua mahu, tetapi ia memerlukan pengorbanan dan keberanian kita anjakan paradigma ini, saya dengar beberapa kali, *think out of the box*, tetapi bilakah kita hendak melaksanakan *thinking out of the box* ini, anjakan paradigma ini, bila? Sekaranglah masanya.

Kalaulah kita masih ada orang dalam kerajaan yang begitu taasub dengan *Mahathirism* ini, kita tukarlah. Ini kerana agenda sokongan ini kita dengar selalu, kita menyokong Perdana Menteri. Orang yang menyokong Perdana Menteri pun sama juga yang sokong Tun Mahathir dahulu.

Sokongan ini sepatutnya bukan kerana kita takut, sokongan kerana kita menghayati agenda politik, itu sokongan yang tulen. Kita terjemahkan sokongan itu dengan melaksanakan hasrat era keterbukaan, era *transparency, corruption free* dan sebagainya. Kalau kita tidak membuat perubahan ini kita sama dengan dahulu, sama. Labelnya mungkin lain, slogannya mungkin lain. Saya harap, benar-benar mengharapkan, daripada Peguam Negara, daripada menteri yang tahu perkara-perkara ini, ubahlah perkara-perkara tadi supaya kita mendapat pembelaan yang sebenar. Kita dengar dalam perdebatan tentang kelemahan pegawai kerajaan ada yang puji, ada yang tidak puji, ada yang menyatakan itu dan ini. Semua kita mudah menuduh pihak-pihak tertentu tetapi akhirnya saya terdengar Yang Berhormat bagi Pontian bertanya suatu soalan yang bukan retorik tetapi isinya tinggi. Dia kata, "Apakah ada perasaan *culture of accountability* di negara kita?"

Saya rasa *accountability* ini mestilah dari peringkat yang tertinggi. Usahlah kita salahkan pengarah GLC's, MAS, pegawai kerajaan kalau kuasa-kuasa itu dikongkong oleh keputusan-keputusan politik. Kita perlu bela pegawai kerajaan yang menurut perintah, walaupun saya tidak tahulah mengapa kita gunakan slogan, "*Menurut perintah*". Ini bukan zaman Tun Teja, bukan zaman Puteri Gunung Ledang, kita ikut yang benar. Mengapa tidak menulis, "*Saya yang benar*". Budaya ikut perintah tanpa mengira kesan ini ialah sebenarnya permasalahan kita.

Saya mengharapkan, saya benar-benar mengharapkan kejayaan agenda kerajaan ini. Perubahan yang sebenarnya daripada perspektif nilai politik kita, bukan politik yang menghalalkan segala-galanya asalkan matlamat berjaya. Biarlah politik kita mempunyai nilai yang bersih, biarlah Islam Hadhari itu merangkumi yang sebenarnya dan institusi-institusi kerajaan, khususnya badan kehakiman. Mengapa tidak kita lakukannya?

Saya hanya dapat merumuskan, Tuan Yang di-Pertua. Kita tidak mahu berubah satu mungkin kerana kita memang selesa dengan cara lama, cara mega, cara monopoli, cara kuasa-kuasa broker dalam politik. Kalau tidak perubahan ini mesti berlaku dan saya menyeru Perdana Menteri juga membuat perubahan-perubahan yang drastik. Saya kata ini bukan Tuan Yang di-Pertua kerana saya hendak lobi hendak jadi menteri ke apa. Demi Allah saya tidak ada hasrat. Saya kata ini sebab hendak jadi menteri ini pun orang-orang sahaja boleh Yang Berhormat bagi Sri Gading. Saya tahu kelemahan kita, kita tidak payah.

Akan tetapi kalau menteri-menteri yang ada tidak dapat menghayati inspirasi ini, matlamat ini maka segala perubahan yang dicadangkan, misalnya Yang Berhormat bagi Sri Gading kawan saya membuat satu cadangan yang *revolutionary* dan baik. Dia kata biarlah kita berbaik dengan jiran kita, usahlah fikirkan perkara yang lama. Kita berbaik-baik supaya Projek Johor Selatan berjaya. Kalau kita perlu berbaik dengan Singapura dia kata apa salahnya. Ini satu *mindset* perubahan yang berani kerana mudah sekali orang akan mempersoalkan dia apa kebaikan kita hendak berbaik dengan kumpulan itu. Orang boleh menggunakan segala-gala alasan.

Kita mesti menjaga maruah bangsa kata mereka untuk meneruskan polisi mereka yang mahu bertentangan dengan semua manusia. Kita mahu bertentangan dengan barat, kita mahu menentang Singapura, kita mahu menentang China, India. Apakah kita mahu Robert Mugabe ada di sini. Kita harus sanggup membuat perubahan. Jadi hasrat *southern corridor* di Johor, *northern corridor*, apa lagi *corridor, instant corridor* Petronas memerlukan menteri-menteri, pegawai-pegawai yang pintar, cekap, yang berani lari daripada kepentingan dahulu. Ini ujian kita. Usahlah kita buat pengumuman yang besar-besar kalau kita tidak ada orang yang melaksanakannya. Usahlah kita memanjangkan usaha mencari kesalahan kalau kita tidak sanggup menerima hakikat siapa sebenarnya yang bersalah.

Saya percaya dan saya berharap Tuan Yang di-Pertua kita jangan fikir sangat tentang perbalahan ini dalam konteks peribadi. Ini soal Mahathir soal Abdullah Badawi tidak penting. Soalnya arah tuju politik dan nilai politik kita itu penting, dan saya merasakan kita harus memberi sokongan kepada kerajaan bukan semata-mata kita sokong kerana kita takut tapi kita sokong kerana kita percaya tentang arah tuju. Dan jika ada perubahan-perubahan radikal yang perlu dilaksanakan kita juga harus menyokong kerana telah 20 tahun. Telah sekian lama kita telah ada dalam satu rangkaian satu keadaan politik di mana semua yang ditentukan oleh Dr. Mahathir terpaksa dilaksanakan.

Saya lihat projek, *Johor crooked bridge* sebagai contoh pengakuan dibuat dalam Dewan ini. Sebenarnya perkara itu tidak dibawa dalam Kabinet, kata mereka, menteri-menteri tetapi kita tidak ketahui, perkara ini hanya baru-baru ini dan apatah lagi projek-projek penswastaan, projek apa sekalipun dibuat tanpa persetujuan mereka. Jadi saya harap kita tukarlah *culture* ini dan kita pastikan kejayaan hasrat kerajaan untuk mengubah nasib bangsa kita dan negara kita. Sekian terima kasih... [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Penampang.

4.24 ptg.

Tuan Donald Peter Mojuntin [Penampang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Bajet 2007 ini. Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Pengangkutan atas keputusan untuk menambahkan 98 penerbangan mingguan dalam sembilan laluan penerbangan di Sabah, Sarawak dan Labuan.

Walau bagaimanapun, saya rasa apa yang berlaku baru-baru ini dengan pengurangan dan kemudian dengan penambahan bilangan penerbangan sektor di Sabah dan Sarawak ini seakan-akan menunjukkan perancangan yang kurang canggih, seakan-akan ini adalah satu *trial and error exercise* oleh MAS.

Tuan Yang di-Pertua, hingga 30 Julai tahun ini, Sabah mempunyai jumlah penerbangan domestik sebanyak 589 ataupun 64,478 tempat duduk dalam seminggu. Ini terdiri daripada 484 penerbangan atau 48,938 tempat duduk yang dikendalikan oleh MAS dan 105 penerbangan atau 15,540 tempat duduk yang dikendalikan oleh AirAsia. Sejak 1 Ogos 2006, Sabah hanya mempunyai 500 penerbangan domestik dengan 55,869 tempat duduk seminggu.

Ini bermakna Tuan Yang di-Pertua bahawa oleh kerana program *rationalization* ini Sabah telah kehilangan 89 penerbangan domestiknya dengan sebanyak 8,609 tempat duduk dalam seminggu. Tambahan pula penerbangan antarabangsa Kota Kinabalu International Airport atau Lapangan Terbang Kota Kinabalu juga telah terganggu. Sebagai contoh, pada mulanya MAS mempunyai tiga penerbangan dalam seminggu di antara Kota Kinabalu dan Shanghai. Sejak 1 Ogos ini telah dikurangkan kepada hanya dua penerbangan seminggu oleh kerana MAS telah mengurangkan penerbangan di antara Kota Kinabalu dan Sandakan yang menggunakan kapal terbang yang sama ke Shanghai. Satu lagi contoh ialah MAS telah menghentikan perkhidmatan penerbangan dua kali seminggu di antara Kota Kinabalu dan Osaka.

Semua ini telah menyebabkan satu krisis dalam bulan Ogos yang lalu. Yang menjadi lebih ketara lagi disebabkan oleh cuti sekolah masalah *handing over* dengan izin, di antara MAS dan AirAsia dan peningkatan kedatangan serta keberangkatan pelancong-pelancong di Sabah. Pada masa yang sama MAS tidak menambahkan bilangan penerbangan semasa cuti sekolah yang lalu seperti yang lazimnya berlaku. Penambahan bilangan penerbangan yang telah dipersetujui oleh jemaah menteri baru-baru ini amatlah dialu-alukan.

Walaupun demikian, ini belum pasti dapat menghilangkan keraguan yang dirasakan oleh pihak-pihak tertentu di negeri Sabah. Ini memandangkan bilangan penumpang diramalkan bertambah semasa musim hari raya, Krismas dan cuti sekolah yang panjang pada penghujung tahun ini. Selain itu, kedatangan kumpulan-kumpulan dari Australia dijangkakan akan bertambah juga untuk mengambil bahagian dalam Memorial Service di Sandakan, Death March dari Sandakan ke Ranau dan perjalanan oleh *confrontation veterans* dengan izin, ke pedalaman Keningau dan kita juga tidak harus lupa bahawa kita sedang dalam kempen yang sungguh agresif untuk menggalakkan pelancong-pelancong dunia datang ke Malaysia untuk dengan izin, *Visit Malaysia Year 2007*.

Tuan Yang di-Pertua, persoalan utama yang timbul dari semua ini adalah, adakah MAS atau kerajaan berbincang dengan kerajaan negeri Sabah dan pihak-pihak yang berkaitan seperti Sabah Tourism Board sebelum membuat keputusan untuk mengurangkan bilangan penerbangan? Dan baru-baru ini membuat keputusan untuk menambah bilangan penerbangan. Kita tidak pasti jika cadangan-cadangan dari kerajaan Sabah diambil kira. Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan....

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: [Bangun]

Tuan Donald Peter Mojuntin [Penampang]: Oh, sila.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Beluran.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Penampang. Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa Kementerian Pengangkutan ini *lost control* terhadap MAS dan AirAsia dan sektor penerbangan udara seluruh negara.

Bukan sahaja *schedule*, bukan sahaja tempat duduk tidak dapat dikawal oleh Menteri, tambang juga tidak dapat dikawal oleh menteri. Sebagai contoh tambang, sejak 1 Ogos 2006 ini, Kota Kinabalu-Kuala Lumpur telah naik 100% tambang, *lost control*, menteri *lost control*, Kabinet *lost control*. Apakah kita harus biarkan MAS, AirAsia buat kecoh seperti ini. Kalau ini keputusannya, MAS, AirAsia bukan lagi penerbangan nasional. Kita cadang sahajalah buat masuklah semua penerbangan luar ini supaya ada pilihan masyarakat Malaysia, rakyat Malaysia untuk memilih kapal terbang, penerbangan yang murah....

Tuan Yang di-Pertua: Baik, cukup Yang Berhormat.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: ...*Lost control*. Apa pandangan Yang Berhormat bagi Penampang?

Tuan Donald Peter Mojuntin [Penampang]: Terima kasih sahabat saya dari Beluran. Saya amat bersetujulah, dan saya akan menyentuh perkara yang sama dalam perbahasan ini tetapi, terima kasih atas pandangan Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan usaha Kerajaan Persekutuan merealisasikan potensi pelancongan di negara ini, Kerajaan Negeri Sabah, Sabah Tourism Board, serta sektor swasta sentiasa berusaha untuk mempromosikan Negeri Sabah sebagai destinasi pelancongan yang terunggul di dalam dan di luar negeri. Oleh itu, sektor pelancongan di Sabah amat sensitif kepada apa jua perubahan kepada bilangan dan jadual penerbangan domestik mahupun antarabangsa. Jika kementerian tidak mengambil kira pendapat dan maklum balas dari Kerajaan Negeri Sabah, dan dari pihak-pihak sektor pelancongan di Sabah ini tentang perkara penerbangan masuk dan keluar Negeri Sabah, sektor pelancongan di Sabah tersebut pastinya akan terjejas.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat bagi Penampang.....

Tuan Donald Peter Mojuntin [Penampang]: Ekoran dengan itu bagaimanakah mereka yang berada dalam industri pelancongan di Sabah mengambil peluang sepenuhnya insentif-insentif yang dihuraikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapan Bajetnya. Silakan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Penampang. Sudah kena pada ketika dan masa. Sudah beberapa orang Ahli Parlimen membangkitkan cerita MAS dan AirAsia ini. Jelas kepada kita sama ada kerajaan bersetuju, tidak bersetuju tetapi akibat kesan telah diterima oleh rakyat. Rakyat di negara ini seolah-olah dinafikan kepentingannya, dinafikan segala apa yang patut dapat kepada rakyat. Kalau MAS dan AirAsia cuma mementingkan keuntungan mengetepikan soal kepentingan rakyat, tutup sajalah dua-dua syarikat ini. Menteri pun ubahlah nama lain. Sebenarnya menteri dan penerbangan ini sabotaj kepada rakyat negara ini. Dia sabotaj, sabotaj ini macam-macam, pengkhianat kepada rakyat negara ini tidak ada maaf. Kalau kita di Parlimen ini tidak dapat hendak menyuarakan perkara ini, dan perkara ini terus dibiarkan begitu sahaja, rakyat nanti akan hilang kepercayaan dan ini akan merugikan seluruhnya.

Saya berharap tambang naik 100%, tempat duduk tidak ada, penerbangan dikurangkan, sedangkan antara Sabah, Sarawak ini ke Semenanjung ini tidak lain hendak pakai feri ke Tuan Yang di-Pertua. Ahli Parlimen kalau pakai feri, wo!... Hendak jadi apa Tuan Yang di-Pertua, lapangan terbang diperbaiki, diperluaskan, tetapi apa yang berlaku kepada MAS dan AirAsia ini sebenarnya tidak menggambarkan kemajuan-kemajuan. Jadi

bagaimana, kita sebenarnya dari segi penerbangan ini Tuan Yang di-Pertua, malulah Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Baik Yang Berhormat .

Tuan Donald Peter Mojuntin [Penampang]: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Nanti dahulu Yang Berhormat bagi Penampang, biar saya teruskan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Minta maaf Tuan Yang di-Pertua. Saya patuh Tuan Yang di-Pertua tetapi Tuan Yang di-Pertua, kegeraman saya ini boleh saya katakan mewakili rakyat Sabah, Sarawak dan juga semenanjung.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, dia sudah faham.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ahli Parlimen dari RM19..I ebih pergi *astaghfirullah al-azim.....*

Tuan Yang di-Pertua: *[Menyampuk]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: ...Dahulu Tuan Yang di-Pertua, RM1900 ini dapat kita pergi Mekah Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya harap menteri berkenaan adapun menteri di sini, Yang Berhormat Menteri kita ini bukan jaga penerbangan, tetapi dia juga menteri. Tolonglah, sampaikan jugalah rintihan ini dan saya ingat beliau pun simpati dengan kita, dengan rakyat Malaysia. Dia berjiwa rakyat.

Tuan Yang di-Pertua: Baik Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ada menteri yang tidak berjiwa rakyat ini, berhenti sahajalah. Ini sahaja jawabnya Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat janganlah senang-senang untuk berhentikan menteri ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tidak, saya kata kalau. Menteri ini, menteri berjiwa rakyat, dia teruslah. Kita doakan dia panjang umur dan dia naik pangkat. Kalau ada, saya kata kalau ada. Menteri tidak berjiwa rakyat berhentilah Tuan Yang di-Pertua. Untuk apa menteri kalau tidak menguntungkan rakyat. Ini soal prinsip dalam pemerintahan demokrasi ini.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, Yang Berhormat bagi Penampang sedang....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Baik terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, marahkan saya tadi. Minta maaf Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Donald Peter Mojuntin [Penampang]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Gading. Terima kasih kerana membantu saya dalam perbincangan ini dan dalam cadangan-cadangan yang kita akan buat kepada pihak MAS dan pihak Kerajaan Persekutuan supaya dapat memuaskannya hati rakyat dan tidak ada rungutan-rungutan lagi dari rakyat tentang *rationalization* ini. Tuan Yang di-Pertua, tidak boleh dinafikan seperti mana yang dikatakan oleh dua Yang Berhormat tadi itu, bahawa program *rationalization* di antara MAS dan AirAsia ini telah mengakibatkan ketidakselesaan kepada industri pelancongan dan rakyat umum juga di seluruh Malaysia. Kekekapan atau *frequency* penerbangan telah dikurangkan. Laluan-laluan *traditional* telah terganggu dan masalah *connectivity* dengan izin, pula telah meningkat. Ini ditambahkan lagi dengan kenaikan harga tiket penerbangan.

Para pesara pun terjejas juga, tidak ada diskaun. Ini telah membawa kesan negatif kepada sosioekonomi beberapa negeri khususnya Sabah dan Sarawak. Kualiti perkhidmatan MAS pula terjejas. Erti kata lain Tuan Yang di-Pertua, belum ada lagi perkembangan positif yang muncul daripada program *rationalization* ini. Ini menimbulkan persoalan bahawa adakah rancangan *rationalization* ini cara penyelesaian yang paling baik untuk MAS? AirAsia sendiri seumpamanya telah mengakui bahawa ia tidak ada pengalaman dalam operasi dalaman sektor penerbangan domestik di Sabah dan Sarawak.

Maka dia sub-kontrak kepada FAX. Setahu saya syarikat FAX dan AirAsia ini sama sahaja keluarganya.

Saya juga difahamkan bahawa AirAsia dan FAX tidak menyokong dengan izin, *restructuring* MAS. AirAsia sepatutnya membuat tawaran kepada mereka yang telah berhenti sebagai pekerja MAS, akan tetapi setakat ini belum lagi kelihatan. Di sebaliknya kakitangan yang masih ada dengan MAS yang bilangannya sudah kurang akibat pelaksanaan masalah-masalah, diarah untuk membantu pula Air Asia dan FAX. Ini diminta oleh AirAsia hinggalah sekurang-kurangnya akhir bulan Disember tahun ini. Ini adalah kerana AirAsia dan FAX tidak mempunyai kakitangan untuk *ground service* nya. Tidak hairanlah Tuan Yang di-Pertua, kenapa perkhidmatan MAS semakin merosot. Tuan Yang di-Pertua, sebelum ini tidak ada rungutan ketara tentang perkhidmatan MAS. Benar, laluan penerbangan domestiknya mengalami kerugian. Alasan yang diberi atas kerugian ini adalah kekurangan penumpang dan kenaikan harga minyak tetapi, sebelum kewujudan Air Asia, MAS memegang monopoli dalam perkhidmatan penerbangan di negara ini. Rakyat secara umumnya berasa pelik dan tidak faham mengapa MAS selama ini selalu mengalami kerugian. Silakan Yang Berhormat bagi Santubong.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya dengan Yang Berhormat bagi Penampang, kawan saya. Soalan *restructuring* MAS ini sebenarnya adalah ataupun daripada.... sebenarnya semua tidak mengikut apa yang kita pandang. Daripada segi *economics arrangement*, kita melihat bahawa MAS sekarang menekan kepada keuntungan margin yang besar dan tidak melihat kepada *volume*. Dengan itu dinaikkan tambang, jadi dalam masa yang sama, apabila tambang ini naik, kita melihat bahawa penurunan jumlah *passenger* yang menaiki kapal terbang MAS.

Kita juga melihatkan bukan di dalam negara kita ini sendiri bahkan di luar negara. Semalam, dua tiga hari lepas saya mendengar seorang wakil rakyat baru balik daripada Pontianak, baru balik dari Jakarta, mengatakan Batavia Air, AirKLM dan sebagainya jauh lebih murah daripada MAS, ini international route. Jadi saya baru balik dari Ho Chi Minh City saya dimaklumkan oleh orang di sana...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tambang dia murah tetapi dia untung!

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: ...Dan dimaklumkan oleh pihak MAS di sana juga mengatakan bahawa kerugian akan meningkat oleh kerana kekurangan *passenger* menaiki MAS kerana tambang kita sudah meningkat. Jadi maknanya solution yang dibuat oleh pihak pentadbir MAS ialah solution yang boleh dipandang orang yang standard enam dan standard tujuh macam itu sahaja. Kalau seorang pakar mengurus business dia akan melihat volume, volume itu bukan sahaja mendatangkan kesan baik kepada pelancongan negara ini tetapi juga akan mendatangkan kesan yang jauh lebih baik daripada MAS itu sendiri. Dalam masa yang sama caturan yang dibuat diatur oleh pihak MAS dengan pihak AirAsia juga tidak mendatangkan keuntungan yang lain memandangkan ia merupakan kesan yang buruk dan negatif yang lain iaitu integrasi nasional.

Sekarang orang yang dahulunya biasa Tuan Yang di-Pertua, turun naik kapal terbang, pergi pagi pulang petang, sekarang sudah tidak ada pergi lagi sudah. Kalau ada resolution yang dibuat dan diadakan mesyuarat di Kuala Lumpur, di Pulau Pinang dan Johor Bahru tidak ada lagi dibuat mesyuarat di Johor, di Kuala Lumpur di Pulau Pinang, orang Sarawak sudah, dia kata buang *the secular resolution* mesyuarat sahaja di Kuching supaya kita tidak buang masa lagi. Jadi dengan sendirinya integrasi kita akan terjejas Tuan Yang di-Pertua bukan sekarang kerugiannya. Kerugian akan dilihat lima-enam tahun akan datang, rakyat Malaysia dibahagi-bahagikan, ini Sarawak, ini Sabah, ini Semenanjung Malaysia. Jadi hasrat kerajaan berpuluh tahun dan membina perpaduan di antara Malaysia dan Borneo, daripada Semenanjung akan terjejas...

Tuan Yang di-Pertua: Ya, cukup Yang Berhormat.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Kita jangan melihat keuntungan *dollar and cent* sahaja Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Baik, baik.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Kita melihat keseluruhan keuntungannya kita, terima kasih.

Tuan Donald Peter Mojuntin [Penampang]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Santubong, itulah dikatakan sosial obligasi MAS daripada rakyat. Saya setuju dengan menumpu perhatian kepada *volume* ini kerana telah dianggarkan baru-baru ini bahawa kira-kira 35% daripada penumpang penerbangan MAS adalah dengan izin Tuan Yang di-Pertua *leisure-based* atau *optional passenger*. Jadi mereka ini kalau tiket terlampau mahal, pergi *picnic* di tebing sungai sahaja, tempat sendiri di Santubong... [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Donald Peter Mojuntin [Penampang]: Tuan Yang di-Pertua, amat menyedihkan bahawa apabila MAS mengimplementasikan sesuatu, rakyat yang selalu menerima atau menanggung impak negatifnya. Pada Julai 2002 MAS telah memberi operasi domestiknya yang mengalami kerugian kepada Penerbangan Malaysia Berhad (PMB) iaitu *parent company* nya. Tujuan skim itu adalah untuk membuat MAS sebagai *listed company* yang mengaut keuntungan dan seterusnya menarik pelabur-pelabur asing untuk mengambil saham dalam MAS. Akan tetapi ini tidak berlaku. Kemungkinan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Santubong tadi kerana pelabur-pelabur asing melihat MAS sebagai tidak kompetitif, harga tiketnya terlalu tinggi jika dibandingkan pesaingnya seperti...

Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: [Bangun]

Tuan Donald Peter Mojuntin [Penampang]: Emirates Airways, Qatar Airways silakan Yang Berhormat.

Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Penampang, memang yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Santubong tadi dan juga Yang Berhormat bagi Penampang bahawa MAS adalah nasional karier dan sebagai *national carrier* ianya harus ada tanggungjawab terhadap sosial obligasi dan bukan ringgit dan sen menjadi keuntungan tetapi keuntungan dan manfaat yang lain-lain lagi. Begitu juga dengan British Airways, kerajaan UK tahu bahawa British Airways adalah *national carrier* dan ia bertanggungjawab ke atas obligasi sosial.

Apa yang harus dilakukan oleh kerajaan adalah melihat daripada kemasukan dan melancong ke negara kita dan berapakah cukai yang kita boleh daripada pelancong yang menjadi pendapatan kerajaan dan kerajaan boleh memberi subsidi kepada MAS kerana yang penting adalah integrasi nasional, yang penting adalah *income*, dengan izin daripada pelancong asing, ini adalah penting. Jadi adalah penting, jadi apa pendapat Yang Berhormat bagi Penampang tentang membuat persamaan dengan British Airways ini, MAS? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, baik.

Tuan Donald Peter Mojuntin [Penampang]: Terima kasih Yang Berhormat, itulah yang kita cadangkan kepada pihak MAS dan kerajaan supaya memandangkan isu ini secara *holistic*, memandangkan isu ekonomi negara secara *holistic*. Jadi saya amat bersetuju dengan sahabat saya tadi, Yang Berhormat tadi.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: [Bangun]

Tuan Donald Peter Mojuntin [Penampang]: Ada lagi belakang, silakan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Ketereh.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Saya masuk ini kerana saya dengar cerita pasal MAS dan saya ada hendak bagi dan minta pandangan Yang Berhormat bagi Penampang. Hari Sabtu baru-baru ini saya pergi ke Pulau Pinang ada ceramah mengenai isu-isu semasa bersama dengan Setiausaha Politik Perdana Menteri. Saya balik jam 5.40 MH1149, *delay* 40 minit, bila saya naik kapal terbang itu *to my surprise*, dengan izin, hanya saya dan Dato' Othman Desa sahaja di atas kapal terbang itu. Pukul 5.40

hanya dua orang *business class* dan satu orang kelas ekonomi ertinya *the whole* kapal terbang itu hanya tiga orang. Jadi saya hairan sebab penerbangan ke Pulau Pinang ini sepatutnya penuh orang mesti ada sesuatu yang berlaku dan saya rasa MAS perlu buat *post mortem* kenapa dalam satu *flight* 737400 hanya ada tiga manusia? Saya kasihan dengan yang duduk di ekonomi dan saya minta supaya dia *upgrade* orang itu naik *business class*, dia pun naiklah. Saya kata, kita pergi terbang ke *Singapore* sahajalah, *this is the private jet*, saya minta pandangan Yang Berhormat apa jadi dengan MAS ini?

Tuan Donald Peter Mojuntin [Penampang]: Saya rasa tidak payah jawablah semua kita tahu jawapannya.

Tuan Yang di-Pertua: Ada lima minit lagi.

Tuan Donald Peter Mojuntin [Penampang]: Ya, saya gulung.

Tuan Yang di-Pertua: Gulung ya.

Tuan Donald Peter Mojuntin [Penampang]: Pada tahun ini kerajaan telah menghentikan skim yang disebut tadi itu dan ini menyebabkan PMB dan kerajaan untuk membayar MAS sejumlah RM850 juta sebagai pampasan. Dari jumlah itu PMB iaitu syarikat kerajaan juga membayar RM650 juta dan RM200 juta pula di bayar oleh kerajaan dan dari jumlah besar ini MAS telah menggunakan RM500 juta untuk melaksanakan skim MSS nya. Ini bermakna rakyat sebagai pembayar cukai, dia juga yang menanggung kos ini. Akan tetapi rakyat seperti mana Yang Berhormat bagi Ketereh katakan tadi, rakyat yang menderita.

Adakah ini munasabah, siapa yang untung Tuan Yang di-Pertua? Adakah kerajaan dan MAS tidak ada jalan lain dapat mempertingkatkan produktiviti dan memotong perbelanjaan yang tidak perlu. Adakah pihak MAS mengkaji kos perolehannya? Bagaimana pula dengan kos pembekalan makanannya dan perbelanjaan yang lain yang mungkin boleh dikurangkan. Adakah MAS melaksanakan *independent* audit untuk memastikan kenapa ia mengalami kerugian walaupun penerbangan laluan domestiknya ditanggung oleh PMB dahulu. Mungkin jika *independent* audit ini dilaksanakan mungkin ini akan mendedahkan sebab dan punca sebenarnya mengapa MAS mengalami kerugian dan seterusnya tindakan yang perlu diambilkan. Dari itu saya amat berharap kerajaan dan MAS akan *review* semula pelaksanaan ...

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Penjelasan sedikit Tuan Yang di-Pertua, boleh?

Tuan Donald Peter Mojuntin [Penampang]: Supaya mengambil kira obligasi sosialnya kepada rakyat jelata dan impak ekonominya kepada negeri-negeri tertentu...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tangga...

Tuan Donald Peter Mojuntin [Penampang]: ...Serta juga supaya lebih menumpu perhatian kepada peningkatan *volume* penumpangnya dalam usaha untuk menambahkan pendapatannya.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Yang di-Pertua, saya mendengar saranan-saranan oleh Yang Berhormat bagi Penampang Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya dengar Yang Berhormat Penampang ada menyebut tentang audit bebas atau *independent audit* pada pengurusan MAS supaya ia menjadi lebih cekap dan berkesan apabila kita dapat mengenal pasti kepincangan dalam pengurusan tersebut.

Yang saya pelik ini Tuan Yang di-Pertua, saya telah mempunyai dua pengalaman dengan MAS apabila menempah penerbangan melalui ejen. Menempah penerbangan melalui ejen kemudian dia kata kapal terbang penuh pada waktu itu, waktu yang saya nak pergi. Kemudian kali kedua saya pergi ke kaunter MAS, dia kata mungkin ada penumpang yang tidak naik dan saya boleh naik. Bila saya naik kapal terbang tersebut Tuan Yang di-Pertua, ke Kota Medan, saya dapati 80 *seat* kosong. Jadi mengapa ini berlaku?

Yang kedua, pengurusan MAS juga seharusnya melihat bagaimana kecekapan dan keberkesanan pengurusan ini berlaku di peringkat pelaksana di pejabat-pejabat agen

umpamanya. Dua minggu lepas saudara saya menempah tiket ke Langkawi dan diberitahu daripada KLIA ke Langkawi, nilainya RM500 Tuan Yang di-Pertua sekarang, mahalunya RM500. Dan perjalanan ini ditanggung oleh syarikat di mana saudara saya bekerja. Kemudian apabila sampai ke kaunter untuk membayar, melunaskan pembayaran, harganya telah meningkat dari RM500 ke RM580. Jadi di mana sebenarnya kesedaran pengurusan MAS tentang perkara-perkara yang menjejaskan perkhidmatan mereka. Jadi tak hairanlah hari ini kalau MAS ditimpa pelbagai masalah, hatta menampakkan akan berlaku kerugian yang besar pada syarikat penerbangan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Penampang, akhirkan, tamatkanlah.

Tuan Donald Peter Mojuntin [Penampang]: Terima kasih Yang Berhormat kerana memberi contoh. Nak habis Tuan Yang di-Pertua. Kerana memberi contoh kelemahan *management* MAS ini. Jadi akhirnya Tuan Yang di-Pertua, segala perancangan dan keputusan untuk menyelesaikan masalah MAS ini seharusnya terletak di tangan ahli-ahli korporat dan bukan anggota-anggota birokrat atau *civil servants*. Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata demikian, saya mohon menyokong.

4.52 ptg.

Tuan Huan Cheng Guan [Batu Kawan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya terlebih dahulu mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan Malaysia yang telah membentangkan satu bajet yang begitu mesra rakyat serta komprehensif. Ia turut mempunyai kaedah-kaedah insentif tertentu untuk setiap lapisan masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, saya hanya ingin menyentuh beberapa perkara sahaja. Yang pertama, saya bagi pihak pengundi di kawasan Parlimen saya iaitu di Batu Kawan mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan kerajaan kerana meluluskan pembinaan jambatan kedua di kawasan Parlimen saya. Dan bagi pihak rakyat negeri Pulau Pinang, sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Sehubungan dengan itu Tuan Yang di-Pertua, di merata-rata tempat ibu bapa-ibu bapa memang menyambut baik pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana memansuhkan yuran peperiksaan untuk murid-murid sekolah. Ini memang dapat mengurangkan beban rakyat khususnya mereka yang mempunyai ramai anak. Dan juga pemberian biasiswa penuh kepada pelajar-pelajar cemerlang yang mendapat 10A1 adalah amat dialu-alukan. Saya percaya memang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengambil kira kesusahan rakyat dalam menghadapi kenaikan harga minyak. Buat masa ini memang semua naik, macam-macam barang naik tapi yang paling ketara yang naik ialah harga tambang MAS. Saya rasa itu CEO kita bagi buang sudahlah, tak payah cakap banyak-banyak fasal MAS.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sentuh sedikit berhubung dengan Rancangan Malaysia Kesembilan. Seperti rancangan-rancangan yang sebelumnya, adalah untuk menyediakan satu dorongan bagi mempercepatkan pembangunan ekonomi secara mampan dan juga untuk memastikan kita mencapai status negara yang maju pada tahun 2020. Kerajaan memang berusaha sedaya upaya untuk mencapai sasaran pertumbuhan antara 7 hingga 8% pada setiap tahun.

Tuan Yang di-Pertua, ini memang bukan satu tugas yang senang. Memandangkan kita hanya tinggal 15 tahun untuk mencapai wawasan 2020. Lagipun kita terpaksa menghadapi saingan dari India, China, Vietnam dan lain-lain negeri yang sedang membangun. Malaysia perlu mencari kelebihannya dan ruang pertumbuhannya secepat mungkin. Kita tidak patut berasa puas hati dan masih melakukan perkara-perkara yang sama dan menggunakan pendekatan yang lama dan mudah lapuk.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian, saya menyeru bahawa syarikat-syarikat tempatan sewajarnya melipat gandakan usaha mereka bagi mewujudkan kompetensi yang sebenar. Kerajaan juga harus memberi lebih banyak sumber peruntukan untuk aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pembangunan. Pasaran antarabangsa tidak menawarkan sebarang perlindungan. Syarikat-syarikat di negara kita harus bersikap positif dan tidak patut mengharapkan perlindungan yang berkekalan dari pihak kerajaan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang saya akan sentuh memang pun telah banyak kali disentuh oleh Ahli-ahli Parlimen di dalam Dewan yang mulia ini iaitu penubuhan syarikat-syarikat berkepentingan kerajaan iaitu GLC. Seperti PROTON, MAS, TNB dan berpuluh-puluh lagi GLC masih berterusan. Tujuan utama ialah untuk meningkatkan tahap pentadbiran GLC tersebut tetapi sehingga kini saya lihat ada antara GLC-GLC yang masih mengalami kerugian. Kerajaan bayar gaji berpuluh-puluh ribu kepada CEO-CEO GLC malah ada yang gaji lebih daripada Perdana Menteri. *Life style* CEO-CEO pun cukup standard tapi apa yang dia buat, kadang-kadang kita pun tak tahu.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Sejarah hidup saya berapa tahun ini Tuan Yang di-Pertua, tak pernah saya boleh menukarkan penerbangan saya daripada pukul 10.50 ke 8.50 boleh diluluskan pada malam yang sama. Sekarang saya terima daripada pejabat saya mengatakan penerbangan saya daripada pukul 10.50 malam ini ke 8.50, okey, macam itu sahaja. Menunjukkan bahawa *passenger* dalam penerbangan MAS dah berkurangan. Di sinilah letaknya kerugian, kerajaan akan *inject* RM800 ribu untuk bayar orang yang nak dibuang kerja. Jadi kerugian MAS ini bukan kerugian sebenar Tuan Yang di-Pertua, *mismanagement* dalam MAS. Masuk lagi *mismanager*, masuk ke sini, lebih teruk lagi. Jadi macam mana kita nak buat?

Kerugian dibuat dari dulu Tuan Yang di-Pertua, Ahli Parlimen tak setuju dulu bila kita nak beli balik syer Tan Sri Tajudin Ramli daripada RM3.60 di *market*, kita nak beli RM8, kita tak setuju dulu tetapi malangnya kerajaan kata, setuju saja, setuju saja, akhirnya ahli Parlimen pun *surrender*. Di sini baru pertama kali saya bercakap soal ini. Jadi kalau macam inilah perkaranya, akhirnya GLC-GLC ini memang tiap-tiap kali memang kerugian, mengalami kerugian oleh kerana kita kadang-kadang banyak sangat membuat keputusan sebab-sebab politik yang tertentu. Ini yang disebut oleh Yang Berhormat daripada Kota Bharu tadi. Macam mana pandangan Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: GLC, *Guarantee Lost Company*, lah.

Tuan Huan Cheng Guan [Batu Kawan]: Terima kasih Yang Berhormat, saya memang bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, bagi memantau apa yang berlaku di GLC supaya ada lebih ketelusan dan *accountability*, saya cadangkan supaya Ahli-ahli Parlimen dilantik duduk sebagai ahli lembaga dalam semua GLC di negara kita. Boleh, setuju?.. [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya juga cadang Ahli-ahli Parlimen harus dilantik menganggotai lembaga-lembaga rayuan dan tribunal-tribunal tertentu. Saya ambil contoh seperti Tribunal Kastam yang akan ditubuhkan pada Mac tahun depan. Masalahnya bila ada kes-kes rayuan, masyarakat akan datang jumpa dengan wakil-wakil rakyat untuk buat rayuan. Dan kadang-kadang kita nak jumpa untuk siapa buat rayuan, kita pun tak tahu. Setuju? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang saya ingin sentuh ialah berhubung dengan penubuhan Rukun Tetangga. Saya mohon Yang Berhormat Menteri mengarahkan pihak Jabatan Perpaduan Daerah untuk merujuk semua permohonan Rukun Tetangga kepada Ahli Parlimen kawasan terlebih dahulu. Jangan pakai lulus sahaja, akhirnya masalah akan sampai ke Ahli Parlimen juga kerana kadang-kadang di kawasan saya mereka pakai lulus, lulus, lulus sahaja. Bila lulus mereka akan minta pondok, minta bangunan semua mereka mai jumpa Ahli Parlimen. Dan kita memang menghadapi masalah untuk mencari peruntukan untuk mendirikan bangunan-bangunan tertentu untuk Rukun Tetangga. Maka ada juga rukun juga yang *anti-establishment* dan saya rasa itu tidak banyak, lebih kurang lima peratus sahaja. Kita ini Ahli Parlimen di kawasan sendiri masing-masing, kita tahu siapa dia yang hendak tubuh Rukun Tetangga dan apakah sangat susahnyanya untuk Jabatan Perpaduan Daerah untuk rujuk permohonan-permohonan penubuhan Rukun Tetangga kepada Ahli-Ahli Parlimen untuk ulasan.

Tuan Yang di-Pertua, semalam Yang Berhormat bagi Kinabatangan dan beberapa Ahli Parlimen ada sentuh tentang sistem monopoli oleh sesetengah pihak dan juga sesetengah syarikat. Begitu juga pandangan saya. Saya hendak tanya Kementerian Kewangan, kawan baik saya Setiausaha Parlimen berhubung dengan lesen-lesen nombor ekor hanya diberi kepada tiga syarikat iaitu Magnum, TOTO dan Damachai sahaja. Apakah

mereka ini sudah tidak cukup kaya? Berapa lama mereka sudah monopoli *business* ini? Sudah berapa lama mereka saya hendak tanya berapa lama mereka monopoli *business* ini?

Tuan Yang di-Pertua, bila saya balik ke kawasan, pengundi-pengundi di kawasan saya mereka hendak minta hendak tubuh cawangan baru tetapi tidak pernah dapat. Kata hendak mohon buka cawangan baru memang tidak pernah dapat. Itu bukan di kawasan Parlimen saya, di kawasan Parlimen Bukit Mertajam, kawasan Parlimen Tanjong, kawan-kawan saya pun minta tidak pernah dapat. Bila saya tanya di Parlimen adakah lesen-lesen baru dikeluarkan? Kementerian jawab semua lesen telah dibekukan sejak beberapa tahun yang lalu.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Santubong.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Santubong ini. Tuan Yang di-Pertua, sekarang kalau kita melawat... Yang Berhormat, saya hendak tanya Yang Berhormat ini.

Tuan Huan Cheng Guan [Batu Kawan]: Ya.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Kalau kita melihat kawasan Tuan Yang di-Pertua tidak ada rungutan orang, tidak ada lain marah orang - gula, gula, gula. Macam sayalah yang keluar gula. Orang marah saya macam saya ini keluar gula, macam saya ini tauke gula, saya ini macam pengilang gula tetapi malangnya Tuan Yang di-Pertua di negara ini, pengilang gula yang telah jadi kaya-raya, yang menjadi salah seorang yang terkaya di negara ini masih kita *protect* atau lindungi. Saya tahu ada dua, tiga syarikat tiga tahun lepas memohon satu lesen untuk memproses gula di Sarawak tidak diluluskan kerana hendak melindungi syarikat gula yang ada sekarang. Jadi persoalannya kenapa kita gila-gila sangat melindungi orang-orang macam ini. Sudah jadi kaya-raya, dilindungi pula dan apa sahaja orang lain punya peluang hendak buat perkara yang sama tidak dibolehkan.

Jadi inilah Yang Berhormat, akhirnya sekarang kita melihat kesannya. Dia orang ini tidak keluar gula, sebenarnya gula ada Tuan Yang di-Pertua. Kalau dia kata gula tidak ada, dia bohong. Gula ada, saya boleh pergi ke Filipina sekarang dapat *raw sugar*, saya boleh pergi di Havana sekarang boleh ambil *raw sugar* dan saya boleh pergi Mexico sekarang boleh ambil *raw sugar*. Saya tahu mana *supplier* dia tetapi kenapa kita tidak ada sugar. Sebabnya *supplier manufacturer* sekarang hendak *jack* harga dia supaya dapat untung lebih besar sedikit *to offset* harga minyak dan orang kampung lah, masyarakatlah dan orang Malaysialah yang akan memikul beban sebab tindakan-tindakan ini. Pokok pangkalnya kerajaan mesti berfikir semula, jangan lindung sangat monopoli ini. Terima kasih.

Tuan Huan Cheng Guan [Batu Kawan]: Setuju Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, yang hairan saya nampak di taman-taman baru tiba-tiba dari mana, turun dari mana, kita pun tidak tahu ada cawangan baru Magnum, TOTO dan Damachai. Dan di mana mereka dapat lesen, kita tidak tahu. Bila tanya Kementerian Kewangan, mereka kata lesen beku. Mungkin lesen itu mereka dapat dari hantu itu yang saya rasa.

Tuan Yang di-Pertua, saya cadang kepada Kementerian Kewangan bahawa semua permohonan lesen baru untuk buka cawangan Magnum, TOTO dan Damachai hendaklah dibuat melalui proses tender. Kementerian Kewangan kena *transparent* dan apakah Kementerian Kewangan takut ataupun bersubahat dengan tauke-tauke nombor ekor ini. Kalau tidak boleh buat ikut proses tender, saya minta kementerian tarik balik semua lesen dan tutup itu Magnum, TOTO dan Damachai sahaja, senang.

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Huan Cheng Guan [Batu Kawan]: Ha? Oh! Kongsi gelap. Saya mintalah, itu yang saya cadanglah kepada Kementerian Kewangan dan saya minta Kementerian Kewangan memberi satu jawapan yang munasabah kepada saya. Sekian terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya pohon menyokong.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Sekijang.

5.06 ptg.

Tuan Baharum bin Mohamed [Sekijang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana akhirnya penungguan saya daripada semalam sampai ke pagi, sampai petang ini dapat juga saya bercakap. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh beberapa perkara tentang bajet yang baru dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk 2007.

Perkara pertama yang ingin saya sentuh ialah tentang OKU ataupun orang kurang upaya. Saya mengucapkan ribuan terima kasihlah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga kementerian, menteri yang begitu prihatin yang mana dahulu kita membahaskan supaya dinaikkan wang saku daripada RM25 kepada RM50 telah pun dinaikkan bermakna kenaikan 100%. RM50 satu jumlah yang besar bagi orang-orang tertentu tetapi saya percaya dengan kenaikan 100% ini ataupun RM50 ini memberikan sedikit kelegaan ataupun memberi nafas baru kepada keluarga-keluarga yang sangat-sangat memerlukan wang untuk membiayai anak-anak mereka yang tergolong dalam OKU ini.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya lihat di dalam bajet yang dibentangkan untuk 2007 ini ialah wang saku ini hanya dibagi kepada mereka yang mengikuti program pemulihan dalam komuniti iaitu program yang dianjurkan oleh pihak kerajaan sahaja. Sementara pihak-pihak swasta yang berdaftar dengan kementerian tidak akan dapat menerima pemberian ini. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya agihan ini juga perlu diberikan sama kepada mereka-mereka OKU ini yang tidak berada dalam pusat pemulihan dalam komuniti ini tetapi mestilah berdaftar kepada kementerian. Ini kerana memandangkan bukan semua orang kurang upaya ini atau anak-anak kurang upaya ataupun keluarga mereka yang belajar di pusat swasta ini terdiri daripada golongan yang berpendapatan tinggi ataupun orang kaya tetapi oleh kerana faktor-faktor lain seperti jarak dan lokasi yang terhad misalnya ada pusat ini yang mungkin daripada rumah orang kurang upaya ini 40 kilometer, 50 kilometer untuk menghantar anak-anak mereka ke pusat pemulihan ini. Jadi faktor-faktor ini ialah mungkin apabila perkiraan dibuat oleh keluarga-keluarga ini tidak menghantar anak-anak mereka ke pusat program pemulihan dalam komuniti ini.

Jadi saya berharap supaya pemberian ini dapat dipanjangkan juga kepada golongan-golongan OKU yang tidak mengikuti program pemulihan dalam komuniti ataupun pusat pemulihan komuniti ini. Tuan Yang di-Pertua di dalam bajet yang dibentangkan 2007...

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Boleh sikit? Pasal OKU. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Sekijang. Ya, kita seharusnya berterima kasih kepada kerajaan kerana dalam Bajet 2007 meluluskan bantuan daripada RM25 kepada RM50 kepada kanak-kanak OKU ini yang mengikuti program pemulihan dalam komuniti tetapi Yang Berhormat, satu lagi masalah yang perlu kita lihat ialah ramai di antara ibu bapa kanak-kanak OKU ini tidak mempunyai keupayaan untuk menghantar anak mereka ke pusat-pusat pemulihan dalam komuniti ini kerana mereka tidak mempunyai pengangkutan sendiri.

Jadi, adakah Yang Berhormat ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan supaya pihak kerajaan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Daerah menyediakan kemudahan pengangkutan seperti van atau pun alat-alat pengangkutan yang lain bagi memastikan semua kanak-kanak OKU ini mendapat faedah dari pusat-pusat pemulihan iaitu PDK ini. Apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Baharum bin Mohamed [Sekijang]: Terima kasih sahabat saya daripada Parit. Saya fikir kalau untuk pihak kerajaan menyediakan kemudahan untuk semua OKU ini yang saya rasa begitu berselerak, amat mustahil sekali tetapi, apa yang boleh kita bantu ialah seperti mana yang saya pohon supaya wang pemberian saku yang RM25 tadi yang telah pun dinaikkan RM50 diberikan sama kepada mereka-mereka ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya sambung semula. Dalam Bajet 2007, kerajaan akan mengadakan program latihan kepada guru-guru pendidikan khas untuk kanak-kanak *autistic* untuk mengenal pasti dan membimbing kanak-kanak *autism* ini. Saya mengucapkan juga ribuan terima kasih dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, menteri dan kementerian. Mengikut data, anak-anak yang menghidap *autism* ini atau *autistic* ini terdapat lebih kurang 20 ribu orang yang berada di Malaysia ini.

laitu kalau kita lihat, ianya pertambahan sebanyak 30 peratus dalam tempoh jangka masa tiga tahun kebelakangan ini. Sudah pasti angka-angka ini akan terus meningkat lagi pada tahun-tahun yang mendatang. Program pemulihan untuk *autistic* ini Tuan Yang di-Pertua, berbeza dengan anak-anak OKU yang lain. Mereka ini adalah dikategorikan oleh pakar-pakar sebagai orang yang mempunyai potensi di dalam beberapa bidang atau subjek iaitu seperti melukis, matematik, muzik dan mungkin juga sukan.

Maknanya mereka ini boleh, kalau kena cara dan jalannya mereka ini boleh dipulihkan. Mereka ini boleh dididik menjadi pakar kepada bidang-bidang yang saya sebutkan tadi kerana apabila mereka diberikan panduan, jalan yang sesuai, mereka boleh memberikan tumpuan yang khusus kepada bidang-bidang yang saya sebutkan tadi. Oleh itu, saya mencadangkan di dalam Dewan yang mulia ini supaya pihak kerajaan boleh menubuhkan satu pusat khas untuk mereka atau anak-anak yang terlibat di dalam *autism* ini, yang pada masa ini ianya telah pun diusahakan oleh pihak persatuan atau pun NGO yang dinamakan NASOM atau pun *National Autistic Society of Malaysia*. Iaitu satu badan NGO. Ini memandangkan jumlah anak-anak ini yang akan terus meningkat dan kerajaan juga harus menubuhkan pusat ini dan program-program yang diajar mestilah menjurus kepada bidang-bidang yang saya sebutkan terlebih awal tadi.

Oleh itu, guru-guru bukan sahaja khusus untuk mengenal pasti bidang kelebihan kanak-kanak ini, tetapi juga pusat ini mesti mempunyai pakar-pakar perubatan yang khusus untuk memulihkan mereka seperti pakar-pakar pertuturan, pakar cara kerja, pakar psikiatri, pakar pemakanan dan juga pakar fisioterapi. Jika ini boleh dijalankan di bawah satu bumbung, dan sistem pembelajaran yang sistematik, saya pasti kanak-kanak *autism* ini bukan sahaja dapat dipulihkan, tetapi juga dapat berdikari dan berguna kepada masyarakat kita di masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada kerajaan khususnya Kementerian Pengajian Tinggi kerana telah begitu prihatin dengan nasib pelajar-pelajar kita yang menuntut di Australia dan New Zealand kerana baru-baru ini telah diumumkan di mana langkah kerajaan menaikkan biasiswa sebanyak 100 peratus kepada pelajar-pelajar JPA dan tajaan MARA.

Ini saya rasa satu langkah yang wajar memandangkan kos kehidupan yang begitu tinggi di kedua-dua tempat ini. Sudah tentu perkara ini telah memberikan sedikit kelegaan kepada anak-anak yang sedang menuntut dan juga kepada keluarga mereka yang berada di dalam negara kita ini. Saya ingin mencadangkan juga supaya pihak kementerian cuba-cubalah tinjau, cuba-cubalah lihat tentang penaja-penaja biasiswa yang lain, yang mungkin ada hubung kaitnya seperti Petronas, Tenaga Nasional Berhad, Telekom dan lain-lain supaya mereka juga ikut menaikkan kadar seperti mana yang dinaikkan oleh pihak kerajaan.

Janganlah sebagaimana yang kita bincangkan di dalam Dewan yang mulia ini, mereka hanya berpegang kepada keuntungan dan dividen-dividen yang tinggi sahaja sedangkan mereka telah melupakan tentang tugas sosial mereka untuk membantu masyarakat atau pun pelajar-pelajar yang mereka taja.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini juga, ingin sekali lagi membangkitkan jalan Segamat ke Tangkak di mana perkara ini telah banyak kali saya bangkitkan, tetapi oleh kerana permintaan daripada Yang Berhormat Ahli Parlimen bagi Segamat. Saya tidak nampak dia pada hari ini sebab dia sudah menunggu saya daripada semalam agaknya untuk bercakap. Sebab ini terletak di dalam kawasan Parlimen Segamat, di mana jalan ini adalah satu-satunya jalan yang menuju kepada Lebuhraya Utara Selatan. Dan perkara ini juga telah dibangkitkan Yang Berhormat bagi Ledang tetapi saya yang mewakili Parlimen yang terletak di dalam daerah Segamat, harus membangkitkannya semula.

Di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, kita telah mencadangkan dibuat, dibina, diluruskan dan dilebarkan jalan ini dan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor pun telah mengumumkan di daerah Segamat bahawa kita akan memberikan keutamaan kepada pembinaan jalan ini dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Dan pihak JKR yang terlibat di negeri Johor telah meletakkan prioriti nombor satu pembinaannya untuk Rancangan Malaysia Yang Kesembilan tetapi apabila Rancangan Malaysia Kesembilan diumumkan ataupun dipaparkan, bayang pun tak nampak Tuan Yang di-Pertua. Saya telah mengemukakan soalan bertulis kepada jabatan yang terlibat iaitu Jabatan Perdana Menteri yang EPU terletak di bawahnya dan jawapan yang saya terima adalah mengatakan, bahawa Kerajaan Johor memberikan tumpuan kepada pembangunan-pembangunan *South Johor Economic Region* ataupun SJER. Nampaknya, kalau macam itu tempat lain tak payahlah diberikan pembangunan yang mana kita hendak minta pembangunan yang seimbang. Kalau ini sebenarnya berlaku, susah kita selaku wakil rakyat untuk memperjuangkan nasib-nasib rakyat di dalam kawasan kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga melihat bahawa projek yang kita minta tak dapat, tetapi yang tak minta dapat. Contohnya Jalan Gemas ke Ayer Hitam yang juga melalui daerah saya. Ia telah dilaksanakan dan kini saya berterima kasihlah hampir siap walaupun ia melibatkan kemalangan yang banyak yang tidak teratur sistemnya tetapi saya lihat Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan boleh tengoklah jambatan-jambatan yang dia buat yang tidak ada peta dalam dunia yang sebegini sampai hari ini. Tiap-tiap minggu ada kemalangan daripada Segamat sampailah ke Ayer Hitam, jambatan berpecah dua. Saya pun tak tahu sistem apa yang dipakai pada hari ini? Agaknya nak buat secara tergesa-gesa. Apa yang saya pentingkan di sini ialah apa yang diperjuangkan oleh wakil rakyat, apa yang diperjuangkan oleh rakyat, yang kita minta tak dapat, tetapi yang diminta oleh kontraktor, diminta oleh pihak-pihak tertentu, dapat. Apa yang nak jadi ini? Jadi saya minta sekali lagi di dalam Dewan yang mulia ini supaya perkara ini dalam *mid term review* yang akan datang dimasukkan supaya Yang Berhormat bagi Segamat pun saya rasa lega, kerana kalau perkara ini tidak berlaku maka mungkin Yang Berhormat bagi Segamat akan menerima tekanan-tekanan yang cukup kuat daripada pengundi-pengundinya...

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Tuan Haji Baharum bin Mohamed [Sekijang]: Tuan Yang di-Pertua..

Tuan Yang di-Pertua: Tiga minit lagi.

Tuan Haji Baharum bin Mohamed [Sekijang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebab saya bercakap dua Parlimen Tuan Yang di-Pertua, minta masa sikit. Sebab Yang Berhormat bagi Segamat tak boleh bercakap sebab dia *front bench*. Dia *pass* kepada saya.

Tuan Yang di-Pertua, saya lihat di dalam bajet Rancangan Malaysia Kesembilan yang dibentangkan, maka hanya diluluskan satu Maktab Rendah Sains Mara dibina bagi sebuah negeri dan baru ini dalam bajet dibentangkan hanya dua dalam tahun 2007 ini, hanya dua buah MRSM yang diluluskan ataupun dibina. Saya rasa permohonan banyak. Demi pembangunan rakyat ataupun pembangunan modal insan, kerajaan perlu memikirkan semula kerana perkara ini adalah penting Tuan Yang di-Pertua untuk memberikan peluang kepada anak-anak kita belajar di tempat yang sesuai dan lebih selesa.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, bahawa di dalam keputusan peperiksaan SPM yang telah lalu walaupun Menteri Pelajaran daripada orang Johor tetapi Johor terletak di antara keputusan yang tercorot sekali dan di dalam keputusan negeri Johor yang tercorot, daerah yang tercorot sekali Tuan Yang di-Pertua adalah daerah Segamat. Kalau permohonan sebegini tidak dapat diberikan, maka pembangunan yang kita katakan untuk memberikan pembangunan yang seimbang itu tidak akan dapat diperolehi oleh penduduk-penduduk di dalam kawasan daerah ini. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya mohon supaya pihak-pihak yang terlibat terutamanya EPU supaya mempertimbangkan semula permohonan Maktab Rendah Sains Mara yang saya pohon, dan saya percaya pihak MARA tidak ada masalah sekiranya ia diluluskan Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Baik, baik.

Tuan Haji Baharum bin Mohamed [Sekijang]: Seperkara lagi Tuan Yang di-Pertua, ini juga diminta oleh Yang Berhormat daripada kawasan Segamat. Bahawa di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, terdapat sebuah sekolah berasrama penuh yang akan didirikan. Namun, saya difahamkan bahawa ia akan dipindahkan ke tempat lain. Ini, apa dah terjadi, Tuan Yang di-Pertua? Saya rasa, kalau nak pindah ke tempat lain, saya ingat semua sekolah yang ada itu pindahlah ke tempat lain yang ada pelajar. Tak payahlah bagi kepada orang di Segamat. Selama ini memang dah tertinggal. Ini bukan saya punya rintihan. Rintihan daripada Yang Berhormat bagi Segamat. Saya hanya menyampaikan, Tuan Yang di-Pertua. Jadi,..

Tuan Yang di-Pertua: Baik Yang Berhormat.

Tuan Haji Baharum bin Mohamed [Sekijang]: ...Saya percaya, dengan Yang Berhormat Menteri yang prihatin, agar sekolah ini tidak akan dipindah ke tempat lain dan saya pohon penjelasan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, Yang Berhormat.

Tuan Haji Baharum bin Mohamed [Sekijang]: Yang akhir Tuan Yang di-Pertua, saya gulung. Saya juga mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada kerajaan kerana kerajaan telah menaikkan elaun gantian motosikal polis peronda daripada RM80.00 kepada RM120. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada pelantikan Ketua Polis yang baru supaya beliau juga akan dapat menjalankan tugas-tugas seperti mana KPN-KPN yang telah lalu. Yang saya nak sentuh di sini ialah tentang polis pengiring VIP. Kita amat menghormati polis pengiring VIP ini. Kita tahulah dalam kereta itu, pemimpin-pemimpin kita ataupun tetamu-tetamu asing kita yang diiring. Bila lalu, minta pengguna jalan raya yang lain memberikan laluan segera. Kalau lewat sedikit, mereka ataupun pegawai pengiring ini akan menjegilkan mata mereka atau mengarah seolah-olah kawan itu telah buat salah yang besar untuk ke tepi. Pengguna pun tak ada keberatan sebenarnya untuk memberikan laluan.

Akan tetapi, pengiring-pengiring ini datang dari belakang dengan bunyi siren dan dengan keadaan yang laju, yang macam ribut *tornado* Tuan Yang di-Pertua. Masalahnya *aircond*.., pengguna-pengguna sekarang banyak menggunakan *aircond* dan siren yang bunyi itu tidak didengar. Pada masa yang sama Tuan Yang di-Pertua, minta pengguna yang lain ke tepi. Apabila keadaan berlaku, kadang-kadang ada di antara pengguna-pengguna jalan raya ini terperanjat dan tergesa-gesa bergerak memasuki *lane* orang lain. Ini mengakibatkan berlaku kemalangan dan ada setengahnya melibatkan kematian. Bukan sahaja kematian kepada pengguna-pengguna, malah kematian kepada pengiring-pengiring ini sendiri. Banyak kita tengok dalam surat-surat khabar yang dipaparkan.

Tuan Yang di-Pertua: Baik Yang Berhormat, faham. Sudah cukup masa.

Tuan Haji Baharum bin Mohamed [Sekijang]: Jadi, saya mintalah supaya kita cari satu jalan cara mana supaya... Bukan pengguna jalan raya tidak mahu memberikan ruang kepada mereka, tetapi oleh sebab mereka datang dengan keadaan yang laju tetapi mungkin kalau kita kurangkan *speed* dan memberikan masa yang sesuai supaya pengguna ini bergerak ke arah *lane* yang sesuai, saya percaya mereka akan memberikan laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Baik Yang Berhormat. Ya.

Tuan Haji Baharum bin Mohamed [Sekijang]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam.

5.29 ptg.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk mengambil perbincangan bajet ini. Tuan Yang di-Pertua, dalam perbincangan Bajet 2006, Menteri Pelajaran mengatakan masih terdapat lebih 1,000 buah sekolah rendah masih tidak mendapat bekalan elektrik. Saya difahamkan juga masih ada banyak sekolah, khasnya di Sarawak dan Sabah yang tiada bekalan air dan seterusnya tiada tandas.

Saya berpendapat bahawa dalam negara Malaysia yang begitu kaya-raya ini yang mampu membina bangunan mega dan membangunkan projek mega, tidak patutlah kalau tidak memberi keutamaan kepada keperluan asas bagi golongan murid ini. Jadi saya rasa kecewa, ucapan dengan ucapan bajet Yang Amat Berhormat tidak memberi perhatian kepada masalah ini.

Ucapan bajet Yang Amat Berhormat mengatakan MARA akan memperuntukkan RM90 juta untuk membina dua Maktab Rendah Sains MARA. Saya ingin tahu berapakah peruntukan untuk melengkapinya bekalan elektrik dan air bagi sekolah-sekolah di luar bandar dan pedalaman. Ucapan bajet Yang Amat Berhormat juga mengatakan pada tahun depan iaitu 2007, jumlah *enrolment* murid dijangka mencecah 3.2 juta di sekolah rendah dan ada 22 buah sekolah baru rendah dan menengah akan mula beroperasi pada tahun depan untuk menampung murid-murid baru ini.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Saya berpendapat bahawa penambahan *enrolment* baru di sekolah rendah perlu dipecahkan mengikut kaum supaya sekolah berlainan aliran boleh disediakan. Pada waktu sekarang terdapat kekurangan sebanyak 124 buah SRJK(C) di kawasan Kuala Lumpur, Lembah Klang dan juga di negeri Johor. Rancangan Malaysia Kesembilan akan membina 180 buah sekolah rendah baru, tetapi sampai hari ini tidak ada sebarang maklumat tentang bilangan SRJK(C) dan SRJK(T) baru yang akan dibina.

Pada bulan Mac 2005, *Utusan Malaysia* dalam muka pertama memaparkan berita yang bertajuk "*Tidak Tambah Sekolah Cina*": Berita ini mengatakan Perdana Menteri mengatakan kerajaan tidak akan menambah SJRK(C) dan SRJK(T) kerana ia menjurus kepada kemunculan dua aliran berasingan dalam sistem pendidikan negara yang tidak membantu menyatupadukan rakyat pelbagai kaum. Saya berpendapat alasan ini tidak boleh diterima, kerana pada hakikatnya pada hari ini, ramai menteri dan juga pemimpin di dalam Barisan Nasional ialah hasil SJRK(T) dan SRJK(C).

Yang Berhormat bagi Sungai Petani mengatakan tidak bersetuju dengan dakwaan saya bahawa pemimpin UMNO yang tidak bersetuju dengan pembinaan SRJK(C) dan SRJK(T) kerana berpendapat bahawa sekolah-sekolah ini akan menjejaskan perpaduan kaum dan Yang Berhormat bagi Sungai Petani mengatakan Barisan Nasional tidak akan menutup SRJK(C). Itu setakat tidak menutup dan bukan membina SJRK(C) yang baru.

Yang Berhormat bagi Sri Gading juga kata beliau memberi peruntukan kepada SRJK(C), oleh sebab itu dia tidak bersetuju bahawa Barisan Nasional ataupun pemimpin UMNO yang berpendapat bahawa SRJK(C) dan SRJK(T) akan menjejaskan perpaduan tetapi masalahnya ialah sampai hari ini telah dengan jelasnya menunjukkan bahawa Kerajaan Barisan Nasional enggan atau tidak mahu membina atau menambah SRJK(C) dan SRJK(T). Saya berpendapat bahawa yang masalah polarisasi kaum bukan kerana sekolah-sekolah berlainan aliran, tetapi kerana Dasar Ekonomi Baru dan politik Barisan Nasional.

Ucapan Yang Amat Berhormat juga mengatakan mulai tahun 2007, Bahasa Cina dan Bahasa Tamil akan diajar sebagai satu mata pelajaran penuh di 150 buah sekolah kebangsaan, manakala Bahasa Tamil di 70 buah sekolah kebangsaan. Saya mengalu-alukan dasar ini yang cuba memperluaskan pengajaran Bahasa Cina dan Bahasa Tamil di sekolah kebangsaan tetapi saya ada beberapa pertanyaan.

Yang pertama, apakah perbezaannya di antara pengajaran Bahasa Cina dan Bahasa Tamil baru ini dengan kelas TOL iaitu bahasa ibunda pelajar yang sedia ada? Yang kedua, siapakah sasarannya? Semua pelajar ataupun hanya pelajar Cina dan India sahaja? Sebagai mata pelajaran yang diwajibkan ataupun sebagai elektif sahaja? Siapakah gurunya? Di mana akan dapat sumber guru ini? Dari China kah atau dari India? Saya juga berpendapat pengecualian bayaran yuran peperiksaan patutlah dipanjangkan kepada pelajar-pelajar di sekolah swasta.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah kepada Tan Sri Musa Hasan kerana dilantik sebagai Ketua Polis Negara. Saya sokong permintaannya untuk menaikkan gaji polis berpangkat Konstabel sehingga *Assistant Commissioner Police* dan juga usahanya untuk memerangi jenayah. Saya cuma ingin mengingatkan beliau bahawa beliau pernah membuat pengumuman yang lebih kurang sama pada tahun 2005. Pada waktu itu beliau ingin memerangi jenayah ragut. Pada hari ini kita tahu usaha ini belum membawa kejayaan.

Baru-baru ini kes ragut bukan sahaja semakin bertambah tetapi juga lebih parah dan ganas sehingga beberapa nyawa telah terkorban dan pada keseluruhannya rakyat sama ada perempuan atau lelaki terasa keselamatannya terancam. Jadi saya ingin memperingatkan ialah sebarang usaha harus mendapat hasil, dan hasil yang kami semua harapkan ialah kurangkan kes jenayah. Kalau tidak, pengumuman tidak bermakna. Kementerian Keselamatan Dalam Negeri telah mengenal pasti lima punca bagi kes-kes ragut.

- (i) kadar *migration* ke bandar baru dan bandar-bandar besar;
- (ii) kekurangan peluang pekerjaan;
- (iii) masalah penagihan dadah;
- (iv) kebanjiran pekerja asing; dan
- (v) kos sara hidup yang tinggi di bandar raya.

Dalam perkataan yang lain, jenayah ragut dan juga jenayah-jenayah lain berkait rapat dengan *urbanization*, dengan izin dan kemiskinan di bandar. Menurut dokumen "*Safer City Program*" oleh *United Nations Center for Human Settlement* atau HABITAT bertajuk "*Preventional Urban Crime: Democracy Intervention In Security Matters*". Dia mengatakan dengan izin, "*Democracy intervention in security matters involves three fundamental principles* iaitu *law enforcement, solidarity and crime prevention*.

Law enforcement yang jelas ialah apa yang akan dilakukan oleh pihak polis. *Solidarity* ialah untuk tidak mengasingkan mana-mana kaum di dalam *society*, *stigmatize*kan kumpulan-kumpulan yang tertentu tetapi apa yang kita buat ialah mengenalpastikan iaitu penagih dadah dan juga pendatang asing sebagai kumpulan yang senang melakukan jenayah. Apa yang dikatakan oleh HABITAT bahawa ini tidak akan menghasilkan kesan yang baik. *Crime prevention* ialah kita mesti walaupun rondaan adalah satu cara yang baik, tetapi saya rasa kita tidak menangani punca-punca jenayah.

Jadi saya rasa keutamaan harus diberi kepada program pengurangan penagih dadah, kemiskinan di bandar dan pekerja asing. Malangnya ucapan bajet Yang Amat Berhormat langsung tidak sentuh isu-isu ini yang merupakan punca kepada kadar jenayah tinggi sampai mengancam keselamatan semua dan juga menjejaskan industri pelancongan dan pelaburan asing. Mengikut maklumat pihak polis, kes mencuri motosikal juga semakin bertambah dan ia menyumbang kepada 40% kepada indeks jenayah di negeri Pulau Pinang. Saya difahamkan hampir 90% pencuri motosikal ialah kaum Melayu berumur di antara 19 sampai 25 tahun.

Saya rasa kerajaan perlu ada program khas untuk menangani masalah ini. Golongan pemuda ini dan mereka yang menyalahgunakan dadah yang dikatakan 70% nya terdiri dari golongan Melayu dan golongan miskin. Tidak kira di bandar atau di luar kampung merupakan golongan yang betul-betul dipinggirkan tetapi kita tidak lihat Pemuda UMNO di Pulau Pinang memperjuangkan hak dan kebajikan golongan-golongan ini. Pemuda UMNO baru-baru ini secara terbuka membuat serangan terhadap Ketua Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Parit

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Selepas saya habis ini. Membuat serangan terhadap Ketua Menteri Pulau Pinang. Mereka berdemonstrasi di depan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Ketua Menteri Pulau Pinang mendakwa kononnya orang Melayu di negeri itu telah dipinggirkan oleh kerajaan negeri. Mereka memasang *banner* mengatakan Koh Tsu Koon tidak ikhlas dan Koh Tsu Koon jangan tipu lagi isu PBA.

Peristiwa ini jelas menunjukkan formula berkongsi kuasa Barisan Nasional dan rundingan dalaman Barisan Nasional telah *collapse*, dengan izin. Dan diganti dengan sistem siapa yang lebih keras dan pandai bertekak, dialah yang akan dapat apa yang dia hendaki.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam saya hendak balik kepada kes Yang Berhormat sebut kes ragut. Kita memang mengakui bahawa kes ragut semakin bertambah dan memang kita faham tugas utama ini sepatutnya sememangnya dijalankan oleh pihak polis tetapi kalau kita meletakkan 100% kepada pihak polis, mungkin masalah ini sukar untuk dibendung atau dikurangkan. Adakah Yang Berhormat ingin mencadangkan supaya orang ramai juga terlibat dilatih untuk membantu mencegah kes ragut ini di mana seperti mana kita guna RELA kita latih orang....

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Itu saya kena bincang dengan Yang Berhormat di luar kerana saya tidak ada masa. Saya rasa ramai orang yang terkilan terhadap perbuatan Pemuda UMNO yang kononnya datang dari Balik Pulau kerana mereka mengatakan ini bukan budaya orang Melayu untuk memalukan tetamu yang mereka jemput. Jadi tetapi lihatnya ini adalah satu cara untuk mendapat apa yang mereka hendaki kerana hari ini dalam surat khabar *Utusan* telah mengatakan oleh Menteri Kewangan Kedua bahawa Melayu Pulau Pinang mesti dapat manfaat projek yang mereka hendaki ialah kehendak-kehendak Pemuda UMNO Pulau Pinang ialah projek pembinaan-pembinaan jambatan Pulau Pinang Kedua dan *Monorail*.

Pada hemat saya mereka yang dapat manfaat daripada projek ini bukan golongan Melayu yang miskin yang tidak berada, yang betul-betul dipinggirkan tetapi Melayu yang telah berada yang telah kaya. Ini adalah sama dengan dasar 30% ekuiti bumiputera yang mendapat manfaat ialah bumiputera yang kaya dan mampu membeli saham. Bumiputera yang tidak berada khususnya orang asli dan bumiputera minoriti di Sabah dan Sarawak tidak akan mendapat apa-apa manfaat dari dasar ini. Malahan dasar ini telah mengakibatkan pembesaran jurang di antara bumiputera yang berada dan tidak berada. Surat khabar hari ini memaparkan perlawanan di antara Menteri Pelajaran dan Timbalan Menteri Pengajian Tinggi mengenai isu peruntukan untuk membaik pulih bangunan tidak selamat di sekolah SJK(C).

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi di dalam satu majlis makan membongkar peruntukan untuk tujuan tersebut untuk SJK(C) Bukit Kepong di Johor sebanyak RM30,000 itu tetapi kerja yang dibuat hanya dalam lingkungan RM3,000 hingga RM5000. Dalam perkataan yang lain, penyelewengan telah berlaku. Ada pihak yang mendapat keuntungan yang besar dalam perkara ini. Yang mereka berkata apa yang dikatakan ialah di dalam surat khabar ini. Menurut saya baca di dalam surat khabar. Menurut Tee Keat, beliau hanya memberi reaksi kepada kenyataan Ketua Bahagian Pagoh yang juga Pengerusi Lembaga Pengarah Sekolah Bukit Kepong Moong Kwang Liang yang mengatakan pihaknya telah membuat aduan mengenai perkara berkenaan tetapi tidak diendahkan. Dia berkata ini kata Datuk Ong Tee Keat, "Saya hanya berkata, sesiapa yang tidak melayan aduan seumpama itu, akibatnya sama dengan membiarkan sumber kewangan negara diboroskan dan ia adalah satu perbuatan yang berdosa". Jelas beliau yang menjadi tetamu kehormat pada majlis makan malam sempena Hari Guru di SJK(C) Bukit Kepong, dua hari lalu tetapi apa yang dikatakan itu ia sangat dimarahi oleh Menteri Pelajaran dalam surat khabar hari ini dia memberi tahu *reporter* di dalam lobi Parlimen semalam.

Beliau menyifatkan iaitu Menteri Pelajaran menyifatkan tindakan Datuk Ong Tee Keat itu sebagai tidak bertanggungjawab. Dan tidak lebih daripada cubaan untuk menonjolkan diri sebagai jaguh dalam memperjuangkan nasib kaum Cina. Ramai yang berpendapat bahawa apa yang dibongkarkan oleh Timbalan Menteri Pengajian Tinggi itu bukan isu perkauman tetapi isu penyelewengan. Yang sepatutnya diberi sokongan oleh Menteri Pelajaran. Menteri Pelajaran seharusnya sepatutnya berterima kasih kepada beliau. Kerana bukan pada waktu Kerajaan Barisan Nasional yang ingin anti rasuah dan juga *government* yang bagus yang baik, yang telus tetapi nampaknya Menteri Pelajaran mengamuk dan menyifatkan beliau ingin menjadi hero kepada kaum Cina.

Pada pendapat saya, perbuatan Khairy Jamaluddin iaitu Timbalan Ketua Pemuda UMNO lebih perkauman sehingga Pemuda MCA semua hentam dia dan meminta dia memohon maaf tetapi dia kata "apa salahnya kalau saya mempertahankan hak kaum Melayu". Jadi apa salahnya kalau Datuk Ong Tee Keat mempertahankan hak orang Cina? Kononnyalah tetapi ini bukan isu perkauman pada pandangan saya. Perkara penyelewengan ialah perkara menindasi kaum. Kalau dia berlaku di sekolah rendah kebangsaan, ia juga perlu dibongkar. Jadi....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Boleh gulung Yang Berhormat

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Jadi Tuan Yang di-Pertua adalah sangat jelas bahawa masalah polarisasi yang berlaku yang semakin serius ini bukan kerana sekolah rendah jenis kebangsaan Cina atau Tamil adalah kerana politik perkauman UMNO, Pemuda UMNO dan juga Barisan Nasional yang masing-masing ingin mempertahankan hak kaum masing-masing.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Tangga Batu

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam. Saya memang tidak bercadang untuk mencelah tetapi apabila Yang Berhormat menyebut secara tanpa segan silu mengatakan politik perkauman oleh Pemuda UMNO. Apa yang berlaku ini telah kita perbincangkan dan rata-rata surat khabar pun sudah menceritakan tentang keadaan yang sebenarnya.

Khairy Jamaluddin, Naib Ketua Pergerakan Pemuda UMNO tidak mempunyai sebarang pertanggungjawaban di dalam kerajaan, menyatakan pembelaannya kepada Pergerakan Pemuda UMNO yang berjumlah lebih kurang 500,000 orang di seluruh negara. Menyatakan kepada Pemuda UMNO supaya berpadu, bersatu, memperkecilkan perbezaan, mencari persamaan. Ini seorang Naib Ketua Pemuda yang tidak memegang sebarang jawatan, tetapi Ong Tee Keat, seorang timbalan menteri, bercakap di dalam perhimpunan seolah-olah menunjukkan jaguh, seperti yang dinyatakan oleh Menteri Pelajaran, menyentuh pula Kementerian Pelajaran, bukan kementerian beliau, ini adalah sesuatu yang patut ditegur. Dan teguran oleh Menteri Pelajaran itu wajar, kerana ini bukan ruang untuk kita menunjukkan siapa yang jaguh, siapa yang juara...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Bagaimana...? Cukup! Cukup...!

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: ...Kalau disebut *collective responsibility* sahaja, kita boleh faham.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: ...Jangan ucap! Jangan ucap! Bagaimana dengan Pemuda UMNO di Pulau Pinang yang hendak jadi jaguh kepada orang Melayu...

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Pemuda UMNO di Pulau Pinang itu....

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ini *floor* saya tolong duduk..

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Yang di-Pertua Pemuda UMNO di Pulau Pinang tidak memegang sebarang *authority*. Tidak memegang sebarang kuasa, mereka sebagai Pemuda UMNO yang sedar masa depan pemuda Melayu di Pulau Pinang tidak menentu jika perancangannya tidak ditetapkan secara terperinci.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Nanti...nanti Yang Berhormat boleh berucaplah dalam ucapan beliau ya.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Ini saya bercakap atas dasar saya juga adalah Pemuda UMNO, pemuda Melayu....

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: ...Dalam ucapan Barisan Nasional Yang Berhormat.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: ...Dan kita melihat perkara ini sebagai sesuatu yang perlu diurus, ditadbir dengan sempurna oleh kepimpinan kerajaan negeri Pulau Pinang. Kita pandang perkara ini, dan kita pandang ini secara *holistic*, kita tidak pandang dalam sudut yang kecil Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat Tangga Batu. Ini *floor* Yang Berhormat Bukit Mertajam.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Yang Berhormat Bukit Mertajam, jangan cakap sembarangan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Siapa punya *floor* ini?

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Kalau hendak bagi kenyataan bagi secara fakta dan peka.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tolonglah! Tolonglah...!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Bukit Mertajam, gulung.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Duduklah, cukup.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Bila Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam bercakap pasal orang Cina boleh, tetapi apabila Pemuda UMNO bercakap fasal orang Melayu tidak boleh. Kenapa berlaku begitu?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Tangga Batu cukup, ini..., cukuplah!

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Inilah cara Pemuda UMNO yang samseng.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Kalau ini cara Pemuda UMNO kita telah lama berdiplomasi, kita tidak dapat capai apa yang kita hendakkan, kita boleh buat cara ini, kita boleh cakap dengan kuat. Ini pun tidak boleh kah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam gulung, saya sudah cakap tadi.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Tangga Batu, Khairy Jamaluddin itu tiada menjawat apa-apa jawatan di dalam kerajaan, tetapi dia sangat berkuasa sehingga Dr. Mahathir mengatakan, dialah..., siapa yang mahu kongres...

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Ini adalah satu kenyataan yang tidak berasas Tuan Yang di-Pertua. Mana boleh kita benarkan Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam cakap sebegini...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: ...Pergilah jumpa Khairy Jamaluddin...

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: ...Kita tidak mempunyai apa-apa kuasa, kita bercakap atas memperjuangkan hak pemuda Melayu... [*Tepuk*] Akan tetapi bila ada pemimpin-pemimpin DAP bercakap...

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Yang Berhormat bagi Kota Bharu pun tidak mahu dengar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Tangga Batu cukuplah.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: ...Bila kita cakap semua orang marah, kalau dia bercakap kita tidak marah...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Sekarang saya punya *floor*.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Ini hak kita, kita perlu bercakap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam sila gulung.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Saya punya *floor*, kalau Tuan Yang di-Pertua, tidak boleh kawal beliau, tolong halau dia keluar.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: ...Dia boleh cakap, kita tidak boleh cakap, bila kita cakap dia kata kita jaguh, bila dia bercakap, tidak ada orang hendak tegur, bila kita tegur, dia kata kita pula yang salah. Siapa yang agresif sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, kita kena lihat, kita kena tengok.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tolong halau dia keluar.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Ini bila pula dia jadi jurucakap MCA?

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Yang Berhormat, sejak bila DAP jadi jurucakap MCA ini? Ada parti baru kah?

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila gulung Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ini macam samseng. Khairy Jamaluddin menggunakan dua alasan...

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Ini pun satu tuduhan, dia kata kita samseng, kita Ahli Parlimen, kita memperjuangkan hak kita. Mana boleh kata orang samseng, DAP macam samseng.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Inilah, tengok dia, inilah kelakuan samseng...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam sila gulung, habiskan ucapan.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Ini samseng wanita lagi teruk, samseng lelaki tidak apa.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Khairy Jamaluddin menggunakan dua alasan untuk membuktikan bahawa orang Melayu di Pulau Pinang telah dipinggirkan. Yang pertama dia gunakan ialah pendapatan isi rumah bulanan purata mengikut...dia kata keluarga Melayu RM1 yang dia dapat, keluarga Cina mendapat RM1.65 tetapi Tuan Yang di-Pertua, ini adalah angka untuk seluruh negara di Sabah gunakan angka itu juga, di Kelantan, Terengganu, semua gunakan angka itu, bukan hanya di Pulau Pinang. Pada hakikatnya Pulau Pinang mempunyai kadar kemiskinan yang terendah sekali hanya 0.3%, tetapi Sabah ada 23% lebih ramai lagi Melayu yang miskin di Sabah, di Kelantan, di Terengganu, di Kedah dan juga di Perlis. Mengapa tidak menyatakan bahawa orang Melayu di Sabah, di Kelantan, di Terengganu, di Perlis, di Kedah telah dipinggirkan dan perlu ditukar Ketua Menteri di negeri-negeri itu.

Yang kedua yang beliau pakai ialah, orang Melayu tidak mampu membeli rumah atau pun mendiami di Pulau, jadi mereka terpaksa pindah ke Kedah, dan juga Perlis, sehingga di Pulau Pinang sekarang, hanya di Balik Pulau ada orang Melayu tetapi Pak Mentuanya sudah memberitahu kepada beliau, bahawa beliau sudah tidak faham keadaan di Pulau Pinang, kerana di Pulau Pinang, di Tanjung, di Jelutong, di Bukit Bendera masing-masing ada cawangan UMNO, kalau tidak ada orang Melayu, mana ini Ahli UMNO datang? Adakah mereka ini datang dari Kedah. Jadi yang akhirnya saya ingin mengatakan bahawa kalau cara Pemuda UMNO Balik Pulau itu boleh menghasilkan kejayaan, jadi saya rasa adalah dia akan menjadi contoh kepada Pemuda...

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Yang di-Pertua, saya pohon penjelasan, Tuan Yang di-Pertua, beri saya peluang, Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam bagi saya peluang.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tidak beri, tidak beri!

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Apa fasal tidak beri pula, kalau Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam boleh menyebut angka-angka pendapatan, kita hendak sebut kepada Yang Berhormat, Khairy Jamaluddin sebut adalah jurang perbezaan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, dia tidak beri jalan.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: ...Bermakna Melayu masih lagi lebih rendah daripada orang Cina. Kurang perbezaan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ya betul, Yang Berhormat bagi Tangga Batu biar saya jelaskan yang ini. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa pendapatan Yang Berhormat bagi Tangga Batu pendapatan beliau lebih daripada saya, bolehkah beliau memberikan kelebihan itu kepada saya? Kalau hendak itu...

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Yang di-Pertua, kalau pendapatan ini berlaku, biar saya beritahu kepada Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam Tuan Yang di-Pertua, tujuan Khairy beri..., tujuan Naib Ketua Pemuda UMNO Malaysia...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Khairy Jamaluddin pendapatannya *millionaire*. Pendapatannya ialah jutawan.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: ...Beri angka ini ialah untuk kita merubah sikap, untuk orang Melayu, pemuda Melayu berubah sikap. Kita tidak kata ambil orang Cina punya pendapatan bagi orang Melayu, kita kata ubah sikap kita, ubah sikap kita supaya kita lebih maju, sama maju dengan kaum Cina, itu kita cakap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh bahas masa Yang Berhormat nanti.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Orang Melayu telah lebih maju daripada orang Cina dalam bidang politik...

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Itu fakta seleweng Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam habiskan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: ...Dalam bidang pembangkang.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam ini cakap ikut sedap dia Tuan Yang di-Pertua, kena *control* sikit. Baik gulunglah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ini saya rasa kecewa dengan Yang Berhormat bagi Tangga Batu kerana dia sebenarnya generasi yang muda...

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, teruskan kecewa.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: ...Yang boleh fikir, *out of the boxes*, tetapi dia tidak boleh.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Yang di-Pertua, dia ini...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tuan Yang di-Pertua, ini menunjukkan politik Barisan Nasional, politik UMNO begitu perkauman sehingga orang yang keluar dari Oxford dia datang, dia masuk ke dalam UMNO dia boleh jadi perkauman. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Lanang. Yang Berhormat, kalau Tuan Yang di-Pertua tegur kena berhentilah ini peraturan kita. Cukuplah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tuan Yang di-Pertua, belum pukul enam, sepatutnya masa saya.

5.59 ptg.

Tuan Tiong Thai King [Lanang]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana bagi peluang saya untuk membahaskan Belanjawan 2007. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu izinkan saya mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang dihormati kerana telah membentangkan belanjawan yang begitu bersifat prihatin dan mesra demi manfaat seluruh rakyat jelata. Bajet 2007 yang dibentangkan baru-baru ini jelas merupakan langkah-langkah kerajaan dalam mendukung usaha mencapai misi nasional berserta Rancangan Malaysia Kesembilan. Saya ingin menyentuh beberapa isu yang berikut.

Yang pertama peruntukan sekolah-sekolah jenis kebangsaan, antaranya Tuan Yang di-Pertua, Bajet 2007 memberi peruntukan besar kepada Pembangunan Modal Insan iaitu sebanyak 21% daripada keseluruhan perbelanjaan.

Daripada peruntukan RM33.4 bilion, RM6.7 bilion disalurkan kepada pendidikan rendah, pendidikan menengah RM6.2 bilion, pengajian tinggi RM10.4 bilion dan program latihan RM10.1 bilion. Peruntukan seumpama ini menjadi prasyarat penting memacu pertumbuhan rantaian ekonomi dengan berpaksikan pengetahuan serta teknologi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam era k-ekonomi ini jenis bahasa penghantaran pengetahuan dan kemahiran tidak seharusnya menjadi satu penghalang. Ini adalah kerana objektif semua pembelajaran tetap menumpu kepada pendekatan daya persaingan rakyat Malaysia dalam menghadapi era k-ekonomi ini. Oleh itu saya menyeru kepada pihak kerajaan agar memberi pertimbangan yang sewajarnya dalam mengagihkan peruntukan khasnya untuk tujuan pembangunan infrastruktur secara saksama kepada sekolah-sekolah tanpa mengira sama ada mereka adalah sekolah kebangsaan atau sekolah jenis kebangsaan.

Tidak dapat dinafikan bahawa sekolah-sekolah jenis kebangsaan turut menghasilkan tokoh-tokoh yang mencapai prestasi yang cemerlang dalam pelbagai bidang. Peruntukan pembangunan kepada sekolah-sekolah jenis kebangsaan akan meningkatkan persekitaran pembelajaran sekolah-sekolah ini supaya menghasilkan lebih warganegara Malaysia yang berdaya saing dalam membantu negara kita menuju ke arah k-ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan tindakan kerajaan dalam mengumumkan langkah baru di mana bahasa Mandarin akan diajar sebagai mata pelajaran penuh di 150 buah sekolah kebangsaan sementara bahasa Tamil diajar di 70 buah sekolah kebangsaan. Ini merupakan langkah yang memperkukuhkan lagi tahap pengiktirafan yang diberi kepada kepentingan para pelajar dalam menguasai pelbagai jenis bahasa selain daripada bahasa kebangsaan. Penguasaan bahasa tambahan akan memperkuatkan daya saing rakyat Malaysia dalam menghadapi cabaran k-ekonomi dan juga cabaran globalisasi.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah pun mengambil langkah untuk memastikan pelajar yang berasal daripada keluarga berpendapatan RM1500 ke bawah yang berjaya mendapat 10A1 dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia atau setaraf dengannya diberikan biasiswa untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat ijazah. Langkah ini akan membantu hasrat negara kita untuk membasmi kemiskinan. Sehubungan dengan ini, saya menyeru kepada kerajaan agar mempertimbangkan bantuan biasiswa seumpama untuk pelajar-pelajar yang berjaya mencapai prestasi dan keputusan yang cemerlang di sekolah-sekolah menengah Cina dan juga Tamil.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit mengenai dengan kenaikan minyak. Seperti mana yang dibentangkan dalam ucapan belanjawan, jumlah tanggungan kerajaan terhadap subsidi minyak pada tahun 2007 dijangka kekal pada paras RM19 bilion sama seperti pada tahun ini. Harga minyak di negara kita adalah lebih rendah daripada beberapa negara lain di rantau ini. Walaupun ini adalah fakta yang memihak kepada para pengguna ia tidak menimbulkan kebimbangan kemungkinan eksploitasi situasi ini oleh cerita-cerita tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, kegiatan penyeludupan minyak ke negara asing banyak didorong oleh keadaan harga iaitu minyak yang dijual di negara ini lebih murah berbanding dengan negara jiran. Dalam perihal ini saya menyeru kepada kerajaan supaya mengetatkan

penguatkuasaan untuk membasmi peluang-peluang yang akan merugikan negara kita ini. Jikalau tidak subsidi yang diperuntukkan akan dimanfaatkan oleh penyeludup dan bukannya rakyat jelata Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, yang ketiga, pelan rasionalisasi MAS atau FAX atau *Fly Asian Xpress*. Tuan Yang di-Pertua, kenaikan harga tambang bersama dengan langkah pengurangan destinasi penerbangan terutamanya serta domestik telah menimbulkan perasaan tidak puas hati di kalangan rakyat jelata. Ini menjadi lebih teruk dengan keadaan tidak menepati jadual penerbangan baru-baru ini. Negeri Sabah dan Sarawak merupakan mangsa yang paling ketara memandangkan pengangkutan udara yang amat penting bagi perhubungan di antara bandar-bandar utama dan juga perhubungan dengan kawasan-kawasan pedalaman.

Sepatutnya pelan rasionalisasi serta penerbangan domestik baru-baru ini harus memberi manfaat dan kesenangan kepada rakyat. Namun keadaannya bukan sahaja tidak diperbaiki maka ia lebih membimbangkan rakyat jelata. Saya mengalu-alukan tindakan yang diambil oleh Kementerian Pengangkutan Malaysia dalam meminta ketua-ketua syarikat penerbangan supaya memperbaiki tahap perkhidmatan mereka dengan sertamerta. Pengumuman kemungkinan penyertaan *Tiger Air* dalam sektor penerbangan ke Malaysia tetap akan memberi tekanan kepada kedua-dua MAS dan FAX supaya mempertingkatkan tahap perkhidmatan mereka yang kini selalu dikutuk oleh para pengguna.

Baru-baru ini Sistem Penerbangan Malaysia sekali lagi menyemak semula surcaj bahan api penerbangan antarabangnya bagi pembayaran dan tiket yang dikeluarkan di Malaysia untuk lapangan serta laluan berkuat kuasa mulai 4 September 2006. Ini telah membimbangkan rakyat jelata yang lebih lagi berhak untuk meminta tahap perkhidmatan yang setanding dengan kenaikan harga itu.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak rakyat jelata di bandar Sibul saya ingin sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana membentangkan suatu belanjawan yang amat penting bagi negara kita menuju ke Wawasan 2020. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat Kelana Jaya.

6.09 ptg.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, Bajet 2007 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan pada 1 September 2006 itu memberi satu mesej bahawa kerajaan berhasrat melaksanakan misi nasional ke arah mencapai wawasan negara. Bajet 2007 macam beg yang penuh berisi kudap-kudapan (*a bag full of goodies*) untuk dibahagi-bahagikan kepada semua sektor, setiap lapisan masyarakat, kepada rakyat sehinggalah korporat masing-masing memperoleh insentif-insentif tertentu. Tidak ada golongan yang tertinggal.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Teras Keempat, meningkatkan tahap dan kemampunan kualiti hidup. Kerajaan berazam mewujudkan masyarakat penyayang. Saya amat berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang begitu prihatin terhadap cadangan kita bagi pihak rakyat dan memansuhkan yuran peperiksaan UPSR, PMR dan SPM atau setarafnya serta STPM di semua sekolah kerajaan. Ini bermaksud kutipan kerajaan dijangka berkurangan sebanyak RM71 juta. Di dalam masyarakat kita, terdapat juga sebilangan remaja yang kurang bernasib baik. Mereka tidak belajar di mana-mana sekolah persendirian atau sekolah kerajaan. Mereka ini berazam untuk terus menuntut ilmu melengkapkan diri dan belajar secara bersendirian sambil bekerja untuk mencari nafkah hidup. Mereka mengambil peperiksaan kerajaan sebagai calon persendirian atau calon pos, *study by mail*.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat juga sebilangan pelajar yang berasal daripada keluarga kurang berada tetapi memilih untuk menuntut di sekolah agama atau sekolah menengah persendirian Cina. Mereka juga rakyat Malaysia walaupun bukan belajar di

sekolah kerajaan, mereka juga mengambil peperiksaan kerajaan selain daripada peperiksaan mengikut sistem persekolahan masing-masing.

Bilangan pelajar dalam kategori calon persendirian, calon dari sekolah agama dan sekolah menengah persendirian Cina ini tidak ramai. Mengikut data yang diperoleh kutipan yuran peperiksaan UPSR tahun 2004 tanpa mengambil kira sekolah antarabangsa atau tanpa mengambil kira sekolah *expatriate* dan sekolah rendah swasta yang berunsur komersial. Kutipan yang diperoleh daripada sekolah rendah agama, sekolah khas dan sekolah istimewa untuk kanak-kanak OKU adalah hanya RM5,135 sahaja. Manakala kutipan yuran peperiksaan PMR dan SPM bagi tahun 2004 tanpa mengambil kira sekolah menengah swasta yang berunsur komersial, kutipan diperoleh dari sekolah menengah agama dan sekolah menengah persendirian Cina adalah kurang dari RM1.9 juta sahaja. Manakala kutipan yuran peperiksaan SPM, dari calon persendirian atau calon pos bagi tahun 2004 adalah hanya RM29,360 sahaja.

Dengan ini Tuan Yang di-Pertua, jumlah kutipan yuran peperiksaan tahun 2004 dari sekolah rendah agama, sekolah khas, sekolah istimewa, sekolah menengah agama, sekolah menengah persendirian Cina dan calon persendirian atau calon pos adalah kurang dari RM2 juta sahaja. Dengan ini Tuan Yang di-Pertua, kerajaan banyak kerugian dari segi memberi kontrak kepada kontraktor yang telah menggagalkan projek kerajaan seperti projek terbengkalai balai-balai polis. Wang pendahuluan telah diberikan berjuta-juta ringgit. Wang yang mungkin dituntut oleh kontraktor kerana *Scenic Bridge* tidak akan dilanjutkan beratus juta ringgit. Wang pampasan dan tol kepada syarikat konsesi lebu-lebuh raya sebanyak berbilion-bilion ringgit, sini hanya kurang daripada RM2 juta sahaja untuk sekolah agama, sekolah khas dan sebagainya.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, dengan izin *why don't the government be a little bit more gracious, a little bit more generous and don't take a little sum but could make you win more hearts*. Tuan Yang di-Pertua, oleh itu bersesuaian dengan langkah mengujudkan masyarakat penyayang dengan mengamalkan sikap terbuka, membina satu warga bangsa yang kukuh, teguh dalam kepelbagaian latar belakang serta membina modal insan yang mahir dan berpengetahuan. Untuk ini saya meminta dan menyeru agar pihak badan eksekutif negara dapat bersetuju dengan saranan di dalam Dewan ini untuk berkorban sedikit lagi dan memansuhkan yuran peperiksaan bagi pelajar-pelajar sekolah persendirian, pelajar-pelajar sekolah menengah persendirian Cina dan sekolah-sekolah agama.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam teras kelima - mengukuhkan keupayaan institusi dan pelaksanaan di mana kerajaan ingin meningkatkan kualiti pengangkutan awam. Pengembangan Sistem Transit Aliran Ringan atau LRT atau Rel sama ada STAR atau PUTRA adalah antara langkah-langkah yang menggalakkan yang diambil oleh kerajaan dalam memperbaiki sistem pengangkutan awam. Rakyat dan warga dalam kawasan Parlimen Kelana Jaya yang meliputi kawasan bandar Sunway, USJ, Subang Jaya dan berjiran dengan Puchong amat mengalu-alukan cadangan Syarikat Prasarana Negara Berhad (SPNB) ingin menambah 140 lagi bilangan *train* untuk memperluaskan lagi perkhidmatan LRT bandar, melaksanakan penyambungan laluan LRT daripada Kelana Jaya ke Subang Jaya dan USJ serta daripada Seri Petaling ke Puchong yang dijangka siap pada tahun 2009.

Tuan Yang di-Pertua, kawasan Subang Jaya dan USJ bersempadan dengan Puchong, kawasan berkenaan sedang giat dibangunkan dan mempunyai kepadatan penduduk yang terlalu tinggi. Perjalanan harian adalah sibuk dan jalan-jalan yang menghubungkan Bandar Raya Kuala Lumpur dan lain-lain bahagian Lembah Klang dengan kawasan USJ, Subang Jaya, Kelana Jaya dan juga Puchong adalah sentiasa sesak. Aktiviti sosial ekonomi adalah sangat aktif juga.

Maka Tuan Yang di-Pertua, kita perlu mengadakan jaringan LRT yang baik, *networking* yang menyeluruh. Sehubungan itu saya cadangkan supaya perkhidmatan LRT dapat disambungkan di antara kawasan Subang Jaya atau USJ dengan Puchong untuk membentuk satu rangkaian perkhidmatan LRT yang lebih sempurna. Sebelum pihak berkuasa berkenaan membuat keputusan untuk memilih tapak sebagai lokasi terminal LRT dan memilih salah satu daripada beberapa laluan yang dicadangkan, pendengaran awam atau taklimat kepada orang ramai perlu diadakan selari dengan prinsip Local Agenda 21

supaya penduduk tempatan dapat diyakinkan dengan sistem pengangkutan yang berintegrasi tanpa menjejaskan keharmonian masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, penduduk berasa lokasi terminal LRT hendaklah sesuai. LRT ini hendaklah berkesan dengan adanya sokongan daripada sistem berintegrasi iaitu termasuklah bas-bas feeder ke kawasan perumahan tempatan, tempat letak kereta yang mencukupi, ciri-ciri keselamatan dititikberatkan seperti pemasangan CCTV dan peralatan komunikasi di kawasan letak kereta dan juga di dalam *train*. Tuan Yang di-Pertua, dalam teras pertama - meningkatkan ekonomi dalam rantaian nilai lebih tinggi. Kerajaan menaruh harapan ke atas sektor swasta agar terus menjadi pemangkin dan peneraju pertumbuhan ekonomi. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga berjanji bahawa kerajaan terus komited menyediakan persekitaran *conducive* dan meningkatkan lagi daya saing sektor swasta di dalam pasaran antarabangsa termasuk ingin melonjakkan industri halal di peringkat global.

Langkah-langkah yang dicadangkan untuk memajukan industri halal di sambut baik oleh pengusaha-pengusaha kecil dan sederhana (SME). Langkah-langkah ini termasuklah penubuhan Perbadanan Kemajuan Industri Halal telah diberi geran pelancaran RM25 juta, *Malaysia International Halal Showcase* (MIHAS) dan *World Halal Forum* diteruskan sebagai acara tahunan. SME Bank diperuntukkan RM20 juta untuk memberi pinjaman kepada usahawan yang membangunkan produk halal dan peruntukan RM50 juta lagi bagi penyediaan tapak pameran halal di beberapa buah negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin bahawa langkah-langkah berkenaan dapat membantu pengusaha-pengusaha tempatan meningkatkan lagi mutu pengeluaran produk halal mereka dan seterusnya mengembangkannya ke pasaran dunia di dalam membantu negara menaikkan kadar eksport secara global. Seterusnya ia dapat membantu kenaikan kadar pertukaran wang asing negara, memberi peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan, membangunkan industri tempatan, mempromosikan produk-produk halal dan perkhidmatan ke pasaran antarabangsa, serta dapat memberi sokongan dan bantuan kepada pengusaha tempatan membuat pelaburan di dalam perindustrian halal.

Oleh yang demikian Tuan Yang di-Pertua, di dalam menggalakkan pengeluaran-pengeluar makanan tempatan untuk memperoleh Sijil Pematuhan Halal yang diiktiraf dunia iaitu daripada JAKIM, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia di sini saya ingin membuat beberapa cadangan mengenai pematuhan dan syarat-syarat yang dikehendaki di dalam mendapatkan Sijil Halal iaitu dari segi kos, dari segi keselesaan (*convenience*), dari segi kemudahan dan kesenangan (*simplification*) dan kecekapan (*efficiency*).

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha mempromosikan industri halal di peringkat global dan mempertingkatkan daya saing di kalangan pengusaha, saya menyarankan agar pihak JAKIM dapat membantu pengusaha menyediakan kos perbelanjaan yang berhemah terutamanya kepada para pengusaha kecil dan sederhana agar mereka dapat meningkatkan kualiti dan kuantiti pengeluaran produk mereka dan seterusnya memberi peluang kepada mereka untuk bersaing dari segi harga dan mutu produk di peringkat antarabangsa. Kos-kos berhemah ini diharap agar tidak membebankan pengusaha-pengusaha tersebut di samping mematuhi syarat-syarat pengeluaran Sijil Halal.

Saya telah berpeluang melawat beberapa buah kilang atas jemputan pengusaha-pengusaha kecil dan sederhana dan mereka telah mengadu kepada saya bahawa adanya pegawai-pegawai JAKIM yang telah memberi pelbagai alasan untuk mereka menambah kos pengubahsuaian kilang dan lain-lain kos lagi yang tidak munasabah, yang tidak ada kaitan dengan pengeluaran produk.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, sekiranya pengusaha-pengusaha tersebut terlalu dibebankan dengan pelbagai perbelanjaan dan pelaburan tidak relevan untuk pengeluaran sijil halal adalah dikhawatiri daya saing yang tidak sihat akan timbul dan seterusnya menyukarkan mereka untuk berkembang, terutamanya kepada pengusaha-pengusaha kecil dan sederhana ini. Di dalam melaksanakan pematuhan terhadap permohonan sijil halal adalah di harapkan agar pihak JAKIM dapat menggunakan satu garis panduan yang seragam di seluruh Malaysia supaya tidak timbul sebarang percanggahan dan pertikaian yang berbeza antara satu negeri dengan negeri yang lain. Ini adalah bertujuan memberi

kelesaan kepada pengusaha agar tidak berasa keliru di dalam mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan untuk mencapai satu matlamat yang sama, iaitu mendapatkan sijil halal bagi pengeluaran produk mereka.

Terdapat dua aspek yang perlu diberi pertimbangan utama dalam pemberian sijil halal iaitu, yang pertama, dari segi teknikal, keselamatan dan kebersihan persekitaran iaitu, dengan izin, *safe and hygienic environment*. Yang keduanya, adalah ramuan atau kandungan bahan-bahan yang digunakan, *ingredients*. Dari segi teknikal, keselamatan dan kebersihan persekitaran, sekiranya pengusaha telah mendapat pengiktirafan HACCP, dengan izin, *Hazard Analysis and Critical Control Point*, dan juga ISO, saya ingin mencadangkan bahawa ianya hendaklah diterima sebagai mematuhi syarat teknikal dan keselamatan dalam membuat permohonan sijil halal.

Ini kerana standard HACCP dan standard ISO adalah bertaraf antarabangsa, mereka mempunyai syarat-syarat yang sangat ketat. Manakala pihak JAKIM hendaklah lebih memberi tumpuan dan pemeriksaan kepada kandungan bahan-bahan di dalam membuat sesuatu pengeluaran atau produk. Ini adalah bertujuan untuk mempermudah proses permohonan sijil halal. Sekiranya sesebuah syarikat itu tidak mempunyai apa-apa sijil HACCP atau ISO, saya ingin menyarankan kepada pihak JAKIM untuk membuat senarai semak yang lebih jelas dan terperinci mengenai ciri-ciri keselamatan yang diperlukan di dalam mematuhi permohonan sijil halal.

Sehubungan dengan itu, para penaksir atau pengaudit, *assessment officer, audit officer* dari JAKIM yang telah diberi tanggungjawab membuat pemeriksaan di sesebuah premis atau kilang untuk tujuan mengeluarkan sijil halal hendaklah dilatih untuk menjalankan tugas-tugas mereka dengan cekap, dedikasi dan berkesan. Diharap penaksir atau pengaudit dapat memberi penerangan dan penjelasan yang mudah dan senang difahami oleh pengusaha agar tidak dapat mendatangkan sebarang keraguan dan kemusykilan.

Permohonan sijil halal yang dibuat oleh pengusaha-pengusaha tempatan hendaklah diproses dengan secepat mungkin oleh pihak JAKIM dan tidak memakan masa berbulan-bulan untuk diluluskan. Di dalam menggalakkan promosi produk halal ke peringkat antarabangsa, adalah penting bagi sesebuah syarikat untuk mendapatkan sijil halal bagi memudahkan mereka mengeksport barang-barang pengeluaran mereka ke luar negara dan seterusnya dapat bersaing dengan negara-negara jiran seperti Thailand, Indonesia dan Filipina di dalam memperkembangkan ekonomi negara dan seterusnya memperkenalkan produk keluaran negara yang halal dan bermutu tinggi. Oleh yang demikian, kecekapan, ketepatan dan kemudahan proses meluluskan permohonan sijil halal memainkan peranan yang penting di dalam menyumbangkan pertumbuhan ekonomi negara.

Perkara yang terakhir, Tuan Yang di-Pertua, dalam teras keempat juga menyebut bahawa dalam meningkatkan tahap dan memampakan kualiti hidup di mana kerajaan ingin menjamin keselamatan awam. Kerajaan akan memastikan keselamatan awam sentiasa dijamin dan memberi peruntukan RM4.9 bilion kepada Polis Diraja Malaysia untuk meningkatkan kecekapan operasinya dan menambahkan anggota polis. Langkah sedemikian diharap dapat menangani masalah jenayah yang kian meningkat, khususnya jenayah yang dilakukan oleh pekerja asing. Akan tetapi, Tuan Yang di-Pertua, menurut Tan Sri Musa Hassan, yang baru dilantik sebagai IGP, beliau telah bercakap pada 22 Ogos 2006, bahawa kebanyakan pendatang asing yang kini melebihi 2.4 juta orang di negara kita menyumbangkan kepada peningkatan kadar jenayah.

Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, muka surat 250, perkara 11.34 menyatakan bahawa kerajaan berjanji mengurangkan bilangan pekerja asing supaya memberi lebih banyak peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan. Sungguhpun begitu, ramai yang terkilan dengan Jawatankuasa Kabinet mengenai pelancongan, dalam mesyuarat 18 Ogos tahun ini membuat keputusan untuk membolehkan lebih banyak sektor mengambil pekerja asing. Hakikatnya, Tuan Yang di-Pertua, bilangan pekerja asing yang semakin bertambah telah mengakibatkan pelbagai impak negatif, lalu menjejaskan keharmonian masyarakat tempatan. Ramai pekerja asing membanjiri dari negara jiran, sama ada yang berpermit, yang halal ataupun haram. Disebabkan permintaan gaji yang rendah, para majikan memberi keutamaan untuk mengupah pekerja asing daripada pekerja

tempatan lalu menyebabkan pengangguran rakyat kita. Tambahan pula tahap budaya dan kemahiran bagi kebanyakan pekerja asing yang masuk ke negara kita adalah lebih rendah daripada rakyat kita.

Ia secara keseluruhannya telah menurunkan kualiti budaya dan tahap kemahiran negara kita serta menyebabkan tahap produktiviti negara kita tidak dapat ditingkatkan lalu akan menjejaskan pembangunan negara pada jangka panjang. Secara ringkas, Tuan Yang di-Pertua, kita harus sedar akan kesan-kesan kehadiran pendatang asing ke atas kesihatan, ekonomi, sosial dan keselamatan negara, antaranya:

- (i) menimbulkan masalah sosial dalam masyarakat;
- (ii) meningkatkan kejadian jenayah;
- (iii) kehilangan pendapatan kerajaan kerana pendatang asing tanpa izin tidak membayar levi, visa dan bayaran lain;
- (iv) meningkatkan perbelanjaan kerajaan untuk mengurus segala isu berkaitan dengan PATI;
- (v) wujudnya aktiviti-aktiviti pemalsuan dokumen kerajaan seperti pasport, Mykad, MyPR, permit kerja dan lain-lain lagi;
- (vi) menutup peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan; dan
- (vii) kemungkinan merebak penyakit berjangkit yang dibawa oleh pendatang asing tanpa izin.

Maka, adalah diharapkan supaya kerajaan menitikberatkan isu kebanjiran pekerja asing yang halal dan yang haram, yang berkualiti rendah ke negara kita. Kita harus berusaha untuk mengurangkan bilangan pekerja asing serta pecahan penduduk asing dalam negara kita, seperti mana yang telah dinyatakan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Dalam hal ini, kerajaan harus lebih tegas dalam isu kelulusan permohonan warga negara asing untuk menjadi pemastautin tetap ataupun penduduk tetap negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, pada 10 Julai 2006, ketika sesi soal jawab dalam Dewan ini, pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri telah menyatakan bahawa sehingga bulan Mac 2006, seramai 377,842 warga negara asing telah diberikan taraf penduduk tetap di negara ini. Antaranya warga Indonesia mencatatkan sejumlah 143,995 orang, sementara warga dari 9 buah negara yang lain, yang diberikan taraf penduduk tetap amatlah rendah iaitu seramai 5,294 orang. Namun seramai 228,533 orang tidak dinyatakan negara asal masing-masing.

Ini telah menimbulkan dua persoalan yang perlu dipertikaikan. Pertama, bilangan warga asal Indonesia amatlah tinggi. Yang kedua, bilangan warga asing yang telah diberikan taraf penduduk tetap negara kita tetapi tidak dinyatakan negara asal lebih tinggi, maka pihak berkenaan patut memberi penjelasan yang sewajarnya. Dalam era globalisasi abad 21, sesebuah negara mesti meningkatkan tahap budaya dan kemahiran untuk menghadapi persaingan hebat antarabangsa.

Maka Tuan Yang di-Pertua, seharusnya pihak berkuasa mengurangkan pekerja asing yang halal dan haram yang berkualiti rendah serta mengurangkan perusahaan-perusahaan yang menggunakan tenaga kerja berkemahiran rendah kerana perusahaan-perusahaan sedemikian banyak mengupah pekerja-pekerja asing dan dengan ini membolehkan tahap kemahiran negara ini dapat ditingkatkan...

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Boleh?

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Ya, boleh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Tuaran.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kelana Jaya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa kalaulah negara ini mahu mengambil atau meluluskan apa-apa pemastautin tetap atau PR

ataupun kewarganegaraan, maka orang-orang ini hendaklah orang-orang yang berkualiti dan bukannya orang-orang yang akhirnya menjadi bebanan kepada masyarakat atau bebanan kepada kerajaan.

Dan adakah Yang Berhormat sedar bahawa pada tahun lepas 2005 sebanyak RM100 juta menurut laporan audit belum lagi dikutip daripada yuran-yuran rawatan hospital khususnya daripada Queen Elizabeth Kota Kinabalu. Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa ini adalah satu bebanan kepada masyarakat dan negara kita? Penjelasan.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Tuaran. Bukan kita hanya perlu sedar, pihak kerajaan, pihak anggota pentadbiran dan badan eksekutif perlu sedar hakikatnya itulah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Tuaran.

Tuan Yang di-Pertua, apabila ada rakyat negara kita hendak berpindah ke negara lain, migrasi ke negara lain mereka perlu memohon sijil kelakuan baik dari negara kita untuk dimajukan permohonan mereka ke negara yang mereka pohon tetapi dalam negara kita saya tidak tahu sama ada kerajaan kita, kementerian kita ada meminta supaya mereka yang memohon menjadi penduduk tetap di negara kita menunjukkan sijil kelakuan baiknya. Tuan Yang di-Pertua, maka perkara ini harus diambil perhatian serius oleh pihak kementerian dan saya memang bersetuju bahawa kebanjiran pendatang asing ini telah mendatangkan banyak masalah kepada negara kita, membebankan masyarakat kita, membebankan rakyat kita. Maka perkara ini perlu ditangani dengan secepat mungkin supaya pendatang asing yang begitu ramai dapat dikurangkan.

Ramai pelancong datang ke negara kita apabila mereka naik teksi, teksi dipandu oleh pendatang asing yang bertaraf penduduk tetap. Mereka anggapkan mereka ini telah sampai ke negara Indonesia ataupun negara lain bukan Malaysia. Cara mereka bercakap bukan Malaysia. Oleh itu, pihak kerajaan dan kementerian harus melihat perkara ini secara serius. Janganlah imej negara kita dijatuhkan oleh kerana terlalu ramai pendatang asing diberi taraf penduduk tetap sehingga menjejaskan nama baik negara kita. Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Gulung Yang Berhormat.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Saya akan gulung. Selain daripada itu, pihak berkuasa harus berusaha menarik pakar tempatan yang berada di luar negara untuk kembali berkhidmat di negara kita bagi membantu dalam meningkatkan tahap kemahiran dalam pengetahuan negara. Sekembalinya mereka kita harus berusaha supaya mereka sanggup meneruskan perkhidmatan dalam negara tetapi bukannya menghalang mereka dengan pelbagai kerumitan dan kesukaran menerusi kerenah birokrasi, kerana ini merupakan kerugian seluruh negara dan masyarakat dan pihak penguat kuasa juga harus tegas dalam penangkapan pekerja asing tanpa izin demi menjaga keselamatan dan keharmonian masyarakat. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Tawau.

6.34 ptg.

Tuan Shim Paw Fatt [Tawau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2007 ini. Saya ingin menyentuh tiga perkara sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, dua minggu lepas Amanah Saham Wawasan 2020 (ASW2020) bernilai RM1 bilion telah diniagakan. Dilaporkan bahawa dalam masa tiga puluh minit sebaik sahaja kaunter dibuka kesemua saham tersebut telah habis dibeli oleh pelabur. ASW2020 yang telah dilancarkan oleh Amanah Saham Nasional Berhad adalah sangat popular memandangkan pulangnya yang tinggi berbanding simpanan deposit tetap atau *fixed deposit* yang ditawarkan oleh bank-bank, tambahan pula ianya berisiko rendah seperti kebanyakan dana yang dipromosikan kerajaan, objektif ASW2020 adalah untuk mengagihkan kekayaan negara secara sama rata, adil dan seluas yang mungkin kepada rakyat dan juga untuk menggalakkan rakyat menabung. Kepantasan di mana saham-saham

tersebut dibeli telah memeranjatkan ramai orang. Dilaporkan bahawa terdapat beberapa faktor yang menjuruskan kepada keadaan tersebut.

- (i) tiadanya had terdapat jumlah saham yang boleh dibeli oleh seseorang individu; dan
- (ii) terdapat tuduhan bahawa ramai pelabur yang berpengaruh telah berjaya membeli saham-saham ini melalui rundingan yang telah dibuat lebih awal atau *prior arrangement* dengan bank-bank, iaitu dengan memindahkan wang daripada akaun mereka terus ke bank lalu mendahului dan memintas mereka yang berbaris di kaunter-kaunter bank.

Tuduhan ini jika benar bukan sahaja tidak adil kepada majoriti orang ramai yang hampa setelah beratur di kaunter-kaunter bank malah bertentangan dengan tujuan dan objektif ASW2020, iaitu untuk mengagihkan kekayaan negara kepada seramai orang yang mungkin khususnya kepada mereka yang berpendapatan rendah. Maka saya pohon mencadangkan agar sistem penjualan saham-saham ini diperbaharui. Segala *prior arrangement*, dengan izin atau apa-apa rundingan awal dengan bank-bank untuk membeli saham-saham ini tidak boleh lagi dibenarkan. Untuk memastikan lebih ramai rakyat berpeluang menabung dan melabur dalam dana ini mestilah ada had ketetapan berhubung jumlah saham-saham yang seseorang itu dibenarkan beli pada suatu masa. Dengan cara ini kekayaan akan dapat diagihkan dengan lebih adil agar yang kaya tidak terus-menerus menjadi kaya-raya sedangkan yang miskin tetap miskin.

Saya juga ingin mencadangkan agar suatu peruntukan khas yang khusus untuk penjualan saham-saham ini dilaksanakan di semua negeri di negara ini dengan peruntukan yang lebih tinggi diberikan kepada negeri-negeri yang miskin seperti Sabah, Terengganu dan Kelantan dengan harapan agar dapat memperbaiki situasi ekonomi penduduk di sana.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat satu isu yang dominan yang masih berlegar-legar di dalam kepala rakyat Sabah selama hampir 30 tahun lamanya iaitu berkenaan isu pendatang tanpa izin. Isu ini telah berkali-kali diketengahkan di Dewan yang mulia ini oleh rakan-rakan saya dari Sabah. Masalah-masalah yang dibawa oleh pendatang tanpa izin (PTI) ini diketahui umum. Kehadiran mereka dalam jumlah yang besar ini telah menggugat keselamatan Sabah. Mereka ini memegang kad pengenalan palsu, melakukan pelbagai jenayah, membawa masuk dadah dan juga mendapat laluan mudah untuk mengundi. Adalah dianggarkan 20% daripada populasi Sabah terdiri daripada PTI ini dan jurang antara kami semakin rapat.

Tambahan pula sebahagian besar daripada mereka ini memegang kad-kad pengenalan yang dikeluarkan oleh JPN melalui dokumen palsu. Ini telah menyumbang kepada pertumbuhan yang luar biasa terhadap populasi Sabah pada 80an dan 90an yang berkembang sehingga empat kali ganda berbanding pertumbuhan populasi negara. Baru-baru ini kerajaan telah menubuhkan satu jawatankuasa *ad hoc* yang diketuai ini Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri untuk mengkaji masalah-masalah kehadiran PTI. Pihak polis juga telah mengumumkan satu pasukan khas yang terdiri daripada polis Bukit Aman dan polis Sabah untuk menyiasat satu skim palsu projek atau Project IC yang dikatakan melibatkan bekas pemimpin, di mana skim ini akan mengekalkan kad-kad pengenalan sah kepada warga asing.

Siasatan ini sebenarnya adalah susulan daripada laporan polis yang dibuat oleh Persatuan Pengguna Sabah dan Labuan. Tuan Yang di-Pertua, kami masih menunggu keputusan daripada siasatan ini. Isu PTI ini telah didokumentasikan, malah ada buku-buku yang telah ditulis berkenaannya. Memorandum demi memorandum juga telah diserahkan kepada pihak berkuasa yang berkenaan dan bukti-bukti juga telah diberikan di mahkamah. Dengan segala hormatnya masalah PTI ini dan isu-isu yang berkait daripadanya seperti yang telah saya jelaskan, tidak dapat diselesaikan secara siasatan satu persatu atau siasatan secara kes demi kes. Terdahulu banyak siasatan *ad hoc* sebegini telah pun dilaksanakan, tetapi tidak ada apa-apa tindakan susulan yang kukuh dilaksanakan. Saya sekali lagi ingin meminta kerajaan untuk menubuhkan suatu Suruhanjaya Siasatan Bebas yang boleh menjalankan suatu siasatan komprehensif dan memeriksa dan menyiasat segala masalah ini.

Kerajaan akan dikatakan gagal melaksanakan tanggungjawabnya kepada rakyat Sabah sekiranya ia tidak mempunyai kekuatan kuasa politik atau *political will* untuk berhadapan dengan masalah PTI ini secara terang-terangan.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang terakhir ingin saya bangkitkan adalah berhubung masalah dadah yang semakin menyerlah di Sabah. Pengedar semakin memecah masuk ke sekolah-sekolah, kampung dan semua lapisan masyarakat. Penagih dadah yang terdesak pula selalu berbuat apa sahaja untuk mendapatkan duit, agar dapat membeli bekalan dadah. Mereka ini mencuri, meragut, merompak dan mengugut keluarga mereka. Mereka ini bukan sahaja menyusahkan, malah telah menjadi satu ancaman kepada masyarakat.

Segala usaha yang dilakukan untuk membantu mereka ini tidak akan mendatangkan hasil dan tiada gunanya mengadakan pelbagai kempen kesedaran sekiranya masalah bahaya dadah ini tidak dibanteras di peringkat sumbernya. Maka, saya sarankan kepada kerajaan agar mempertingkatkan lagi usaha-usaha menerangi gejala dadah ini. Unit penguatkuasaan mestilah diperkasakan untuk memerangi penagih dadah. Dadah seperti pil ecstasy, syabu dan ice diketahui mempunyai kesan yang merosakkan otak. Sekiranya kita mengambil sikap tidak acuh terhadap gejala dadah ini, generasi muda kita akan membesar dengan tubuh badan dan minda yang dicemari dan mereka ini bukan sahaja tidak berguna kepada masyarakat malah membebankan pula.

Suka untuk saya menyatakan di sini bahawa IGP baru telah mengumumkan bahawa keutamaan beliau adalah untuk memerangi gejala dadah habis-habisan. Maka usaha ini memerlukan kerjasama dan sokongan jabatan dan agensi kerajaan yang berkenaan sekolah, ibu bapa, ketua-ketua masyarakat dan juga badan-badan bukan kerajaan. Saya amat optimistik dengan segala usaha sama yang bersepadu, gejala najis dadah ini yang berpotensi untuk mengikis usaha kita membangunkan satu suasana kondusif untuk anak-anak kita membesar akan dapat dihapuskan dengan jayanya. Sekian, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Kuala Kedah.

6.47 ptg.

Tuan Hashim bin Jahaya [Kuala Kedah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih di atas kebenaran untuk membuat perbahasan pada hari ini. Saya mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan yang telah membentangkan Bajet 2007 yang mesra rakyat dan merancang perniagaan bagi mengurangkan beban orang ramai dalam kemelut kemerosotan ekonomi dunia. Bajet 2007 yang bertemakan "*Melaksanakan Misi Nasional ke Arah Mencapai Wawasan Negara*", tersebut antara lainnya dalam bidang pendidikan. Rakyat menyambut baik penghapusan yuran peperiksaan UPSR, PMR, SPM, STPM bagi sekolah-sekolah kebangsaan adalah amat baik terutama sekali bagi rakyat miskin luar bandar dan di bandar. Ia sesuai untuk memberi peluang sama rata kepada semua lapisan masyarakat dalam bidang pendidikan.

Pelepasan cukai untuk membeli buku dinaikkan daripada RM700 ke RM1000 setahun adalah disambut baik oleh semua lapisan masyarakat. Lain-lain perkara iaitu mengurangkan bebanan rakyat, ialah bantuan murid sekolah rendah daripada RM30 kepada RM50 adalah amat dialu-alukan. Biasiswa Kecil Persekutuan sekolah menengah dinaikkan daripada RM50 ke RM70 sebulan juga sangat dialu-alukan oleh rakyat. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan yang telah meletakkan sektor pertanian sebagai enjin ketiga pertumbuhan ekonomi negara. Bajet 2007 telah memperuntukkan RM3.6 bilion bagi sektor pertanian. Peruntukan ini hendaklah digunakan sebaik mungkin untuk pembangunan pertanian.

Para petani sangat-sangat memerlukan peningkatan produktiviti bagi mendapat pulangan yang lebih baik dan menaikkan taraf hidup mereka, terutama dalam sektor penanaman padi amatlah rendah dibandingkan dengan sektor-sektor pertanian yang lain. Kesemua harga barangan dan juga perkhidmatan telah naik mendadak, tetapi harga padi berada di takuk lama. Oleh yang demikian, saya mencadangkan supaya subsidi padi dinaikkan sehingga 50% daripada kadar sekarang tanpa mengganggu-gugat harga padi,

supaya petani-petani mendapat ganjaran terus daripada kerajaan. Subsidi padi perlu diberikan sebagai insentif lagi supaya banyak produktiviti ditingkatkan oleh petani-petani apabila..., ini selari dengan hasrat kerajaan supaya peningkatan produktiviti penanaman padi dan juga produktiviti untuk beras dinaikkan demi untuk memberi makanan kepada masyarakat di negara ini. Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Sabak Bernam bangun Yang Berhormat.

Tuan Hashim bin Jahaya [Kuala Kedah]: Sila, silakan.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhshan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya hendak khusus kepada tanaman padi. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua tanaman padi ini kalau kita buat macam mana pun untuk meningkatkan pendapatan petani ini dengan kawasan yang sedia ada. Kalau di Sabak Bernam ini dia sebut satu keping atau satu hektar kiranya dalam tiga ekar, pendapatannya memang di bawah RM1000 sebulan. Sebagai contoh Selangor dikatakan antara yang paling berjaya kerana satu hektar boleh dapat sepuluh tan tetapi apabila dikira betul-betul dalam setahun, pendapatan bulanan sebenarnya dalam lebih kurang RM800 dan oleh sebab itu saya menyokong sepenuhnya terhadap cadangan untuk meningkatkan subsidi itu kepada 50 peratus kerana kalau kita hendak tukarkan pula kawasan padi ini dengan kawasan lain ia tidak boleh, fasal alasannya ialah ini satu tanaman keselamatan. Jadi setuju atau tidak supaya kita minta kerajaan menyetujui subsidi ini untuk diberikan perhatian dan tindakan.

Tuan Hashim bin Jahaya [Kuala Kedah]: Terima kasih Yang Berhormat dari Sabak Bernam, saya sangat bersetuju dengan, sebenarnya Yang Berhormat menyokong saya dalam saranan saya supaya subsidi penanaman padi ditingkatkan atau diberi kenaikan sebanyak 50 peratus atau lebih daripada itu. Saya juga tidak mencadangkan supaya harga padi dinaikkan kerana ini akan membebankan rakyat keseluruhannya di negara ini. Pemberian kenaikan subsidi padi kepada penanam-penanam padi ia terus ke dalam poket petani-petani dan tidak diganggu gugat oleh orang perseorangan ataupun orang pertengahan dalam membantu petani-petani di kawasan seluruh Malaysia yang menanam padi yang terdiri daripada orang-orang miskin di seluruh negara ini banyak daripada kalangan penanam-penanam padi. Terima kasih Yang Berhormat bagi Sabak Bernam.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pengurusan awam pula Bajet 2007 telah menaikkan imbuhan tetap awam antara RM30 sehingga RM50 sebulan serta lain-lain termasuklah bonus, satu bulan gaji atau minimum RM1,500 ringgit kepada kakitangan awam amatlah dialu-alukan. Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, daripada RM159.4 bilion peruntukan dalam Bajet 2007, sejumlah RM112.9 bilion diperuntukkan untuk mengurus dan selebihnya RM46.5 bilion untuk pembangunan. Apa yang penting di Bajet 2007 ini sebagai langkah pertama ke arah pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan ialah sistem penyampaian yang perlu diperkemas sebaik mungkin. Tanpa suatu sistem penyampaian yang cekap dan telus, tidak mungkin Bajet 2007 ini akan menjadi kenyataan sebagai misi nasional dalam pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan. Jika langkah permulaan ini kurang memuaskan, maka ia akan mencacatkan langkah-langkah seterusnya dalam masa lima tahun yang akan datang. Ini memungkinan kegagalan pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan dalam misi nasional yang dibawa oleh kerajaan. Kerajaan harus menoleh ke belakang bagi melihat dan mengkaji segala kelemahan, ketirisan, kepincangan dan kegagalan pelaksanaan Rancangan Malaysia Kelapan dari pelbagai sudut. Segala masalah dalam Rancangan Malaysia Kelapan hendaklah diperbaiki dan dipulihkan.

Di dalam Rancangan Malaysia Kelapan banyak terdapat kelemahan, ketirisan, kepincangan dan kegagalan dalam pelaksanaannya. Bayangkanlah mengapa berlakunya kegagalan sistem penyampaian yang gagal melaksanakan lebih 2,000 projek yang telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kelapan. Semua projek ini telah dibawa ke Rancangan Malaysia Kesembilan, akibatnya kerajaan dan rakyat kerugian besar kerana kerugian kos yang begitu tinggi dalam jangka masa 10 tahun membawa projek Rancangan Malaysia Kelapan ke Rancangan Malaysia Kesembilan bermakna sistem penyampaian terbukti lemah dan tidak efisien.

Perlaksanaan tidak seperti mana yang dirancangan, sudah tentunya ada yang tidak kena. Yang pasti ialah kerajaan dan rakyat menanggung segala kos perbelanjaan yang semakin meningkat. Ini bukanlah suatu amalan yang baik, bahkan ia menjatuhkan imej kerajaan, merugikan negara, menyusahkan semua pihak. Tidak ada gunanya apa pun yang dirancangan dengan baik jika pelaksanaannya mengecewakan. Tuan Yang di-Pertua, saya pohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Baram.

6.57 ptg.

Dato' Jacob Dungau Sagan [Baram]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk saya mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2007 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan Malaysia pada 1 September 2006. Saya bangun untuk menyokong Bajet 2007 kerana saya yakin bahawa bajet ini akan mempergiatkan lagi atau *stimulate* ekonomi kita menerusi strategi yang cukup baik dan boleh menarik ramai lagi pelabur-pelabur asing melabur dalam negara kita pada masa akan datang. Bajet ini juga menggalakkan kepada pihak swasta supaya memainkan peranan yang lebih proaktif agar sektor swasta akan menjadi enjin pertumbuhan ataupun sebagai *engine of growth* untuk kemajuan ekonomi kita pada masa hadapan. Dalam suasana persekitaran yang semakin *competitive* dan mencabar Bajet 2007 juga memberi teras kepada peningkatan keupayaan pengetahuan dan inovasi negara serta memupuk minta kelas pertama. Selain daripada itu bajet ini juga memberi teras kepada pengukuhan keupayaan institusi dan pelaksanaan program dan projek yang akan dilaksanakan dalam bajet ini.

Tuan Yang di-Pertua, semasa kita membangunkan ekonomi kita, misi nasional ke arah mencapai Wawasan 2020 juga kita tidak mengabaikan teras untuk menangani masalah ketidaksamaan sosioekonomi yang berterusan serta juga meningkatkan tahap dan kemampuan kualiti hidup rakyat di negara ini. Saya mengambil peluang ini untuk mengucap tahniah kepada Yang Berhormat Perdana Menteri merangkap menteri kementerian dan juga Kementerian Kewangan yang di bawah jagaan beliau kerana berjaya mengemukakan satu bajet yang cukup memberangsangkan semua rakyat kita di Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya berpindah ke isu-isu berkenaan dengan pembangunan di negara ini khususnya pembangunan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedar bahawa pembangunan luar bandar adalah satu strategi yang amat penting dilaksanakan di negara ini kerana kebanyakan penduduk di negara kita ini adalah penduduk-penduduk yang kalau tidak salah yang berasal dari luar bandar termasuk penduduk-penduduk bumiputera yang berbilang kaum, etnik khususnya seperti negeri Sabah dan Sarawak. Setakat ini jurang perbezaan pembangunan di antara bandar dan luar bandar adalah jelas sekali dari segi semua bidang pembangunan di negara ini termasuk kemudahan asas dan aktiviti sosial seperti kemudahan klinik kesihatan, hospital, sekolah-sekolah berkualiti, bekalan air, bekalan elektrik, jalan-jalan, rantaian hubungan media massa dan media elektrik dan lain-lain lagi.

Tuan Yang di-Pertua, kawasan luar bandar memang sangat susah untuk dibangunkan kerana kawasan yang luas, penduduk-penduduk yang tabur di seluruh pelosok negara dan rantaian jalan tidak ada kemudahan asas tidak cukup dan ada juga penduduk-penduduk yang tinggal jauh di pedalaman yang merumitkan usaha kerajaan untuk membawa pembangunan bagi mereka. Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua, kita lihat ratusan kemiskinan itu adalah tinggi di kawasan luar bandar jika dibandingkan dengan penduduk-penduduk di bandar. Jadi di atas pengetahuan sebegini adalah amat penting bagi kerajaan untuk mengambil tindakan yang sewajarnya untuk membangunkan kawasan mereka ini. Jika kita lihat peruntukan bajet bagi pembangunan luar bandar tahun 2007, kita nampaknya memang besar sekali iaitu RM3.4 bilion. Jumlah ini termasuk RM780 milion untuk jalan luar bandar, RM251 milion untuk bekalan air dan RM200 milion untuk bekalan elektrik dan RM615 milion untuk program-program yang dijalankan oleh KEMAS. Apabila bila kementerian KKLW membahagikan peruntukan ini kepada semua kawasan parlimen di seluruh negara, peruntukan ini memang tidak mencukupi untuk membawa satu kesan yang lebih positif dalam masa yang terdekat.

Lebih-lebih lagi bagi kawasan yang luas seperti kawasan saya sendiri iaitu di Baram atau di Ulu Rejang ataupun di Kapit dan juga kawasan-kawasan yang lebih luas lagi. Atas logik itu, saya minta daripada Kementerian Kewangan supaya kerajaan mempertimbangkan untuk menambah peruntukan bagi kawasan luar bandar supaya kawasan yang masih tinggal jauh daripada arus pembangunan itu, pembangunan itu boleh dibantu dan diberi peruntukan yang lebih besar seperti peruntukan bagi negeri Sarawak dan Sabah.

Di negeri Sarawak Tuan Yang di-Pertua, kita nampak sangat jelas sekali bahawa pencapaian di bawah program bekalan air, elektrik luar bandar dan jalan-jalan kampung masih belum mencukupi. Bagi kawasan Baram, kawasan saya sendiri, keadaan ini amat dikhuatiri kerana banyak kampung-kampung yang belum mempunyai bekalan air yang bersih, bekalan elektrik yang sesuai daripada grid setakat ini hanya bergantung kepada generator. Dan sekarang ini pun harga diesel pun sudah naik, dan begitu juga jalan-jalan luar bandar dan jalan-jalan kampung di seluruh kawasan Baram. Keadaan ini perlu diperbaiki dengan peruntukan yang lebih besar supaya semua penduduk-penduduk di luar bandar boleh maju bersama-sama dengan rakyat yang bermastautin di bandar kita di Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita memerhati bahawa penduduk-penduduk luar bandar ini memang mempunyai semangat yang tinggi untuk mengejar pembangunan dan memperbaiki kualiti hidup mereka menerusi perusahaan tanah dan usaha yang lain tetapi atas kekurangan kemudahan asas dan masalah persekitaran, mereka ini tidak mampu memajukan diri mereka ke tahap yang cukup sempurna. Untuk mempercepatkan dan melicinkan pembangunan luar bandar, kerajaan perlu mengkaji semula faktor yang menghalang pembangunan dan kemajuan. Di kawasan luar bandar, pihak *expert* dalam pembangunan luar bandar telah menyenaraikan beberapa faktor yang kita perlu kaji iaitu dari segi tanah, buruh, modal insan, modal kewangan, infrastruktur jalan dan juga pasaran - *marketing* nya.

Daripada faktor tersebut, faktor tanah dan buruh ini tidak menjadi masalah yang besar bagi penduduk luar bandar tetapi faktor modal kewangan, modal insan, infrastruktur jalan dan faktor pasaran ini boleh diperhatikan dengan sewajarnya oleh kerajaan. Saya yakin faktor modal kewangan, modal insan dan pasaran ini boleh diurus oleh pengurusan kerajaan atas ekonomi yang sedia ada tetapi pembangunan infrastruktur ini adalah amat rumit kerana memerlukan peruntukan yang memang amat besar. Walaupun demikian pembangunan infrastruktur ini perlu dibuat mengikut *priority* berasas kepada kehendak dan kemajuan rakyat luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya ambil satu contoh bagi menjelaskan lagi perkara ini iaitu kawasan Parlimen saya Baram. Kawasan Baram mempunyai luasnya 22,000 km persegi, dekat sama dengan negeri Pahang. Penduduk-penduduk di Baram bersemangat berusaha untuk membangunkan kawasan tanah terbiar mereka secara komersial, bukan lagi secara *subsistence* ataupun kecil-kecilan sahaja. Malangnya mereka kadang-kadang berputus asa kerana masalah besar bagi mereka adalah kekurangan infrastruktur jalan besar dan juga jalan-jalan kampung yang boleh digunakan untuk mereka membawa hasil tanaman dan input-input keperluan tanaman mereka. Setakat ini jalan-jalan yang sedia ada di Baram adalah jalan batu atau jalan tanah dan juga jalan kayu balak yang kurang memuaskan dan tidak selamat sekali.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menekankan berapa pentingnya...

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Penjelasan.

Dato' Jacob Dungau Sagan [Baram]: Kerajaan perlu membina jalan di Baram kerana rantaian jalan yang sedia ada memang tidak baik dan tidak cukup.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Penjelasan, boleh?

Dato' Jacob Dungau Sagan [Baram]: Sila.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Baram, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, negara kita sudah menetapkan 14 tahun dari sekarang, kita akan capai status negara maju, wawasan 2020. Bagi Yang Berhormat bagi Baram, adakah Yang Berhormat yakin yang setibanya tahun 2020 ini, setiap jalan raya, JKR ataupun majlis daerah di kawasan Baram ini akan diturap. Dan kalau Yang Berhormat tidak yakin, adakah Yang Berhormat percaya dengan wawasan 2020? Mohon pandangan Yang Berhormat.

Dato' Jacob Dungau Sagan [Baram]: Terima kasih sahabat saya Ahli Yang Berhormat bagi Tuaran, terima kasih lah. Jadi perkara ini ialah satu perkara yang amat penting sekali, saya memang yakin kita akan capai wawasan 2020. Akankah kita dapat memberi peruntukan yang besar untuk membina jalan-jalan yang sedia ada sekarang? Kalau tidak saya rasa wawasan itu memang jauh dari pandangan mata kita di Baram, ditinggalkan oleh wawasan. Jadi sebab itulah saya selalu menyeru kepada kementerian, kepada kerajaan supaya membantu saya dalam kawasan saya di Baram ini. Tuan Yang di-Pertua, di Baram kita hanya mempunyai ...

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Penjelasan Yang Berhormat, penjelasan.

Dato' Jacob Dungau Sagan [Baram]: Saya ingin habiskan ini dulu, minta maaf ya. Tuan Yang di-Pertua, di Baram kita hanya mempunyai satu batang jalan besar sahaja yang dianggap sebagai jalan besar iaitu Jalan Persekutuan Beluru-Long Teru-Long Lama. Jalan ini boleh dibahagikan dalam tiga sektor iaitu sektor utama jalan Beluru ke Jambatan Lapuk, panjang 25 km. Yang kedua, Jambatan Lapuk ke Sungai Teru, panjang 12 km dan juga sektor ketiga Jalan Sungai Teru ke Long Lama, 15 km. Jalan ini masih lagi dalam pembinaan dan nampak mungkin tergendala sekarang. Setakat ini panjang jalan berturap hanya 18km sahaja daripada 43 km panjang jalan tersebut. Jadi inilah yang menyedihkan penduduk-penduduk kita di Baram.

Tuan Yang di-Pertua, jalan Beluru-Long Teru-Long Lama yang tidak berturap itu adalah sentiasa dalam keadaan yang langsung tidak memuaskan kerana penyelenggaraan tidak cukup baik dan kadang kala sangat bahaya sekali kerana licin dan berlubang lebih-lebih lagi musim hujan. Keadaan ini sering telah diadakan oleh penduduk-penduduk Baram dan sampai sekarang kerajaan nampak tidak peka kepada perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua...

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Penjelasan.

Dato' Jacob Dungau Sagan [Baram]: Minta maaf ya. Saya telah membangkitkan isu jalan ini setiap kali sidang Parlimen ini Tuan Yang di-Pertua mulai dari tahun 1995 semenjak saya menjadi ahli wakil rakyat di Dewan ini, sampai sekarang tak ada, betul. Begitu juga saya membawa rombongan ketua masyarakat Baram khususnya masyarakat orang Ulu yang banyak tinggal di kawasan itu bertemu muka dengan Menteri Kerja Raya, akan tetapi tindakan belum diambil oleh Kementerian Kerja Raya atas perkara ini. Penduduk-penduduk Baram sangat sedih sekali kerana projek menaik taraf jalan Beluru-Long Teru ini langsung tidak dimasukkan dalam bajet. Rancangan Malaysia Kesembilan Tuan Yang di-Pertua, tidak masuk lagi dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, bilakah jalan ini boleh diturapkan?

Memang terlalu jauh sudah, kalau Rancangan Malaysia Kesepuluh lah. Oleh sebab itu, kita sangat perlukan menaik taraf jalan ini. Saya merayu sekali lagi kepada kerajaan khasnya Kementerian Kerja Raya supaya masukkan projek menaik taraf jalan Beluru-Long Teru dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini. Saya tanya pihak berkuasa di negeri Sarawak, mereka kata ini terpulang kepada pihak Kerajaan Persekutuan. Saya balik ke sini, mereka kata ini tidak diberi *priority* oleh pihak kerajaan negeri. Mana lah saya nak pergi lagi?

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Penjelasan, saya ingat ini ...

Dato' Jacob Dungau Sagan [Baram]: Hanya kepada Tuan Yang di-Pertua sajalah dapat membantu.

Dato' Jacob Dungau Sagan [Baram]: Tuan Yang di-Pertua, jalan ini digunakan oleh semua pihak termasuk syarikat-syarikat dalam industri kelapa sawit.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Tuaran duduk.

Dato' Jacob Dungau Sagan [Baram]: Ya, Tuaran duduk dulu. Termasuk kilang kelapa sawit di mana kawasan tanah seluas lebih 100,000 ekar telah dibangunkan. Syarikat terlibat dalam industri kayu balak, *plywood* dan projek *reforestation* yang meluas lebih dari 300,000 ekar yang cukup besar.

Syarikat dalam bidang industri pelancongan dan penduduk tempatan berjumlah 91,000 penduduk, semua menggunakan jalan ini. Mengapa tidak menurapnya supaya memberi sedikit keselesaan bagi mereka dalam pengangkutan. Tuan Yang di-Pertua, sumbangan kawasan Baram pada ekonomi Malaysia dan Sarawak amat tinggi sekali. Jika di banding dengan kawasan-kawasan lain, sumbangan daripada pengeluaran kayu balak dan *plywood* adalah amat besar berjuta-juta ringgit. Dan sekarang ini pengeluaran daripada kelapa sawit akan terus meningkat dan tidak lama lagi pengeluaran daripada *reforestation* dan pelancongan akan bertambah baik. Dari segi *arithmetic* nya, Baram menyumbangkan banyak kepada ekonomi kita.

Persoalannya tidakkah salah jika sebahagian daripada peruntukan bajet dalam Rancangan Malaysia Kesembilan disalurkan untuk menaik taraf Jalan Beluru-Long Teru. Saya dimaklumkan bahawa JKR telah melantik satu konsultan untuk membuat kajian dan reka bentuk untuk usaha menaik taraf jalan ini pada tahun 2005. Mengapa pula projek ini tidak diberi *priority* pada tahun 2006 dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Saya ingin meminta Kementerian Kerja Raya mempertimbangkan permohonan projek naik taraf Jalan Beluru-Long Teru ini dalam Rancangan Malaysia Kesembilan sekali lagi yang panjangnya hanya 32 kilometer sahaja supaya Baram juga tidak tertinggal jauh daripada arus pembangunan yang berlaku di negara kita sekarang. Saya minta pandangan kementerian atas permohonan ini sekali lagi kerana isu ini disuarakan di Dewan ini semenjak tahun 1995 yang saya baru sentuh tadi.

Saya pindah ke satu perkara Tuan Yang di-Pertua, iaitu perkara membasmi kemiskinan. Tuan Yang di-Pertua, kita berterima kasihlah kepada kerajaan kerana mempunyai komitmen untuk membasmi kemiskinan di negara kita ini daripada paras 5.7% pada tahun 2004 ke 2.9% pada hujung Rancangan Malaysia Kesembilan. Kita diberitahu bahawa RM578 milion telah diperuntukkan dalam Bajet 2007 ini. Kita minta supaya kerajaan memperluaskan program yang sedia ada untuk membasmi kemiskinan ini di negeri Sarawak dan Sabah kerana paras kemiskinan di dua buah negeri ini masih tinggi jika di banding dengan banyak negeri-negeri di Semenanjung. Saya memerhati bahawa program pembasmian kemiskinan seperti Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat ini tidak sampai ke banyak kawasan Parlimen negeri Sarawak seperti kawasan saya di Baram. Oleh sebab itu pihak kerajaan perlu memperluaskan lagi program ini untuk penduduk-penduduk miskin yang belum sedar bahawa program seperti ini memang ada untuk membantu mereka.

Tuan Yang di-Pertua, jika kita kaji dengan sebetulnya banyak penduduk di negeri Sarawak yang dikategorikan miskin ini memang kaya dengan hasil tanah akan tetapi mereka ini miskin kerana tidak mampu membangunkan hasil tanah mereka. Oleh sebab itu, sangat penting bagi kerajaan untuk membantu mereka dari segi pengeluaran modal dan dari segi pembangunan tanah terbiar yang teratur seperti program yang dilaksanakan oleh pihak FELCRA di seluruh negara dan SALCRA di negeri Sarawak. Begitu juga projek pembangunan tanah NCR yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri Sarawak yang nampak akan berjaya pada masa akan datang. Saya minta supaya pembangunan tanah NCR diperluaskan dan pihak swasta digalakkan melabur dalam projek ekonomi seperti ini. Selain daripada itu, FELCRA atau SALCRA juga boleh diberi peruntukan yang lebih besar supaya mereka juga dapat memperkembangkan kegiatan mereka di kawasan seperti Baram di mana kawasan tanah NCR mereka ini adalah luas sekali untuk dibangunkan menjadi estet getah, kelapa sawit dan yang lain-lain lagi, yang boleh mengurangkan kemiskinan tegar di kawasan luar bandar dan juga di kawasan pedalaman.

Tuan Yang di-Pertua, di Semenanjung Malaysia saya nampak Bajet 2007 ini RM144 milion telah diperuntukkan untuk Program Pembangunan Orang Asli di mana program ini akan membolehkan pelaksanaan penempatan masyarakat Orang Asli yang teratur dan juga untuk menjalankan kegiatan ekonomi dan infrastruktur bagi mereka. Saya ucapkan tahniah kepada kerajaan kerana membantu Orang Asli di negara kita ini. Tuan Yang di-Pertua, selain daripada bantuan yang diperuntukkan kepada pihak Orang Asli, saya memerhati bahawa sebahagian daripada penduduk-penduduk kita di kawasan pedalaman negeri Sarawak khasnya penduduk-penduduk di Baram yang tinggal jauh di pedalaman adalah mempunyai masalah yang kurang sama. Kalau tidak lebih besar lagi jika di banding dengan penduduk-penduduk Orang Asli di Semenanjung Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua: Baik Yang Berhormat, masa cukup.

Dato' Jacob Dungau Sagan [Baram]: Setakat ini kerajaan tidak mempunyai peruntukan yang cukup untuk membantu mereka seperti pembinaan rumah panjang, mengusahakan program ekonomi dan kegiatan sosio untuk mereka. Jadi oleh sebab itu, saya ingin bertanya kepada kementerian yang bertanggungjawab sama ada kerajaan boleh membantu masyarakat ini dengan menyalurkan peruntukan khas bagi mereka juga kerana mereka ini tinggal jauh di kawasan pedalaman maka banyak program-program kerajaan yang ada sekarang seperti program pertanian, tanaman komoditi, bahan tanaman komoditi dan pertanian serta pembangunan kemudahan asas yang tidak dapat dilaksanakan untuk kebaikan mereka. Jika kita tidak memberikan peruntukan khas bagi mereka, penduduk-penduduk ini akan tidak mempunyai peluang seperti penduduk-penduduk yang tinggal berdekatan dengan bandar.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab itu saya minta supaya kerajaan mempertimbangkan untuk memberi peruntukan khas bagi pembangunan penduduk yang tinggal jauh di pedalaman lebih-lebih lagi bagi dalam bidang pendidikan dan ilmu pengetahuan dan bantuan-bantuan yang lain seperti bantuan bekalan bahan binaan seperti atap zink ataupun paku dan lain-lain untuk membantu mereka membina rumah yang cukup selesa dan bantuan bahan tanaman yang boleh memberi hasil kepada mereka. Jadi terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon menyokong.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Pendang.

7.17 ptg.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Saya ingin ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi kesempatan kepada saya untuk membahaskan Bajet 2007. Saya ingin masuk terus kepada tajuk perbahasan iaitu tentang rawatan percuma di hospital awam akan berakhir. Ini merupakan satu kenyataan yang harus diberi perhatian oleh semua pihak. Ada beberapa perkara yang sedang berlaku dalam sistem pemberian kesihatan negara kita sekarang ini. Satunya tentang kualiti rawatan berbeza mengikut pendapatan seseorang. *Access* rakyat terhadap perkhidmatan kesihatan akan bergantung pada taraf sosioekonomi keluarga pesakit. Seorang yang berpendapatan tinggi dengan penyakit *ischemic heart disease* boleh mendapat perkhidmatan pakar kardiologi pada hari itu juga di hospital swasta tetapi 70% rakyat Malaysia yang berpendapatan rendah terpaksa menunggu hingga empat ataupun lima bulan untuk rawatan pakar kardiologi kerana bilangan pakar kardiologi yang kurang di hospital kerajaan.

Kakitangan kerajaan mungkin lebih senang sedikit kerana mereka boleh menggunakan *access* di hospital yang dikorporatkan seperti di IJN ataupun Pusat Perubatan Universiti Malaya untuk mendapat rawatan. Sama juga dengan pesakit *end-stage renal failure* ataupun penyakit kronik buah pinggang yang memerlukan rawatan dialisis. Ini kerana mesin dialisis di hospital kerajaan sudah tiada lagi kekosongan. Hendak mendapat rawatan ini terpaksa pergi ke pusat dialisis swasta. Untuk yang berduit banyak ini tiada masalah. Mereka dilindungi oleh insurans yang akan membayar kos dialisis RM150 sekali ataupun RM1,800 sebulan. Untuk mereka yang bekerja di sektor swasta, gaji sebanyak RM3,000 cukup membebankan sehingga ada yang terpaksa menjual harta benda seperti rumah ataupun kereta. Kebanyakan rakyat Malaysia iaitu 5.8% berpendapatan di

bawah RM3,000 sebulan dan hanya 9.8% sahaja yang berpendapatan RM5,000 ke atas sebulan. Yang kedua, tentang penghijrahan pakar ke sektor swasta. Ini semakin ketara dengan wujudnya banyak hospital-hospital swasta. Lebih kurang 75% pakar di Malaysia berada di sektor swasta yang mengendalikan 30% pesakit tetapi kes yang dikendalikan oleh pakar di hospital kerajaan melebihi 70%. Selain daripada bebanan klinikal yang berat kerana pesakit yang ramai, doktor pakar di hospital kerajaan juga terpaksa melatih dan membimbing doktor-doktor siswazah dan doktor-doktor pakar pelatih. Kita khawatir ini akan menjejaskan kualiti rawatan pakar tersebut kepada orang awam di hospital kerajaan.

Yang ketiga, bayaran sampingan yang semakin meningkat di hospital awam iaitu *co-payment*. Pada amnya rawatan di hospital awam di subsidi oleh kerajaan. Malangnya senarai alat dan rawatan yang boleh disubsidikan oleh kerajaan tidak dikemaskinikan. Oleh kerana itu banyak kaedah rawatan yang tidak layak untuk di subsidi telah disubsidikan. Sehingga ada pesakit yang dikehendaki terpaksa membeli sendiri alat-alat atau pun bahan yang diperlukan untuk merawatnya.

Sebagai contoh, *lens* atau lensa untuk pembedahan katarak, plat besi dan skru untuk pembedahan ortopedik, stapler untuk pembedahan usus dan juga perut, dan juga *pace maker* untuk masalah pembedahan jantung. Para pesakit yang memerlukan alat atau bahan ini kadangkala terlewat menerima rawatan kerana terpaksa ditunda kerana tidak cukup wang untuk membeli alat berkenaan.

Beberapa cadangan yang sedang dan akan berlaku, kita bimbang akan mendatangkan masalah kepada rakyat. Yang pertamanya tentang promosi *health tourism*. Perkembangan *health tourism* ditakuti akan menggalakkan lagi penghijrahan pakar dari sektor awam ke sektor swasta. Di mana nanti golongan yang meliputi 75 peratus rakyat untuk mendapat rawatan akan terabai dan golongan yang terdiri daripada 25 peratus akan mendapat keistimewaan.

Ditambah dengan pelancong yang datang khusus untuk mendapat rawatan pakar di hospital swasta. Seandainya ianya berlaku, maka rakyat sendiri akan terabai kerana penghijrahan tadi atau kualiti dan pengalaman pakar akan berhijrah ke sektor swasta akan berlaku dengan lebih rancak lagi. Kita berharap *health tourism* tidak harus mengabaikan keutamaan kepada kualiti rawatan kepada rakyat sendiri daripada wang rakyat asing yang hanya datang sekejap dan sekali sekala.

Kajian yang teliti perlu dilakukan dalam hal ini. Cadangan *full paying patient*. Kaedah *full paying patient* telah pun bermula di UKM, disebut sebagai *private wing*. Di mana sesiapa yang boleh membayar, maka beliau boleh mendapat rawatan pakar di hospital berkenaan dan bayaran dibuat kepada pakar berkenaan yang merawat beliau. Ini diharap akan dapat mengurangkan doktor daripada hospital awam ke hospital swasta. Kita bimbang skim *full paying patient* ini akan mengurangkan lagi perkhidmatan kepakaran yang diberikan kepada orang awam yang masuk ke hospital sebagai pesakit biasa atau pun mereka yang tidak berduit. Kerana pakar sudah tentu akan menumpukan perhatian kepada pesakit berbayar, kalau tidak mereka tidak akan dibayar ke atas servis mereka tersebut. Untuk menghadapi kemelut ini, diharap pendapatan doktor dan juga kakitangan kesihatan yang lain haruslah ditingkatkan melalui kaedah lain selain daripada *private wing* ini.

Pelantikan pakar perunding sebagai konsultan untuk skim pembiayaan kesihatan ini dibimbangi juga oleh rakyat kerana pakar yang dilantik iaitu daripada Australia tidak diberitahu identitinya kepada rakyat dan juga *terms of reference* nya dirahsiakan oleh EPU. Ketidaklibatan rakyat di dalam perundingan ini juga menimbulkan masalah di dalam pelantikan konsultan daripada Australia ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara pokok yang harus difikirkan bersama dalam skim pembiayaan kesihatan ini adalah yang pertama, perkhidmatan kesihatan untuk rakyat Malaysia haruslah diberikan keutamaan. Yang kedua, perkhidmatan kesihatan tidak harus bergantung pada arus pasaran. Yang ketiga, sistem kesihatan awam adalah aset negara dan harus dilindungi dan dipelihara. Kakitangan kesihatan harus diberi perhatian tentang gaji mereka, kebajikan mereka perlu dipertimbangkan. Oleh itu *budget* yang lebih perlu diberikan kepada penjagaan kesihatan kerana mengikut WHO, *budget* untuk kesihatan seharusnya lima peratus daripada GDP sesebuah negara.

Kita tahu pada tahun 2005, GDP negara adalah dalam lingkungan 495.2 bilion dan 2006 dijangka 548.4 bilion. Maka untuk itu, *budget* untuk Kementerian Kesihatan seharusnya berjumlah 24.75 bilion, tetapi *budget* untuk tahun 2007 hanya 18.3 bilion sahaja. Sebarang perubahan dalam sistem perkhidmatan kesihatan perlu diberitahu kepada rakyat terlebih dahulu, sesuai dengan perubahan *neo liberisme* dan unsur pasaran di dalam bidang perubatan ini. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan nampaknya serius untuk melaksanakan kaedah pembiayaan penjagaan kesihatan ini, di mana rakyat perlu membayar kos rawatan perubatan di hospital awam.

Proposal telah dibentangkan kepada rakyat berhubung dengan skim pembiayaan kesihatan ini. Yang pertamanya tentang, *National Health Fund*; keduanya tentang *mandatory monthly contribution* dengan izin, yang ketiganya, *Essential Health Benefit Package, Restructured Ministry of Health Hospital and Clinic, private sector, private insurance for extra coverage* dan juga *National Health Financing Authority*.

Saya rasa tak payah sentuh dengan *detail* perkara ini. Suasana sekarang juga sudah membebankan kerana ada bayaran *collateral* yang terpaksa rakyat bayar apabila mendapat rawatan di hospital kerajaan. Kerajaan juga telah mengadakan dasar *neo liberisme* di sesetengah perkhidmatan sedikit demi sedikit. Contohnya *dispensary* swasta di hospital kerajaan, *private wing* macam saya sebut tadi di hospital kerajaan, *health tourism* juga menyebabkan penghijrahan pakar ke sektor swasta dan juga peningkatan kos rawatan untuk pekerja luar di hospital kerajaan juga.

Satu lagi kebimbangan adalah tentang perjanjian FTA antara Malaysia dan USA yang sedang dibincangkan sekarang ini menyebabkan perjanjian *patency* sesuatu ubat itu boleh sampai ke 20 tahun. Biasanya empat hingga lima tahun. Ini mungkin menyebabkan kos ubat-ubat akan meningkat kerana tidak boleh dibuat ubat generik apabila telah dipatenkan begitu lama.

Cadangan kepada konsultan skim pembiayaan perkhidmatan kesihatan ini adalah seperti berikut. Keperluan kepada perbincangan. Untuk merubah kesemua sistem ini memerlukan kepada perbincangan menyeluruh dan haruslah berhati-hati. Rakyat, NGO, kumpulan pengguna, personel kesihatan, pertubuhan yang terbabit dengan kesihatan dan rawatan perlu dirundingi. Kemudian rakyat diberitahu hasil rundingan tersebut untuk maklum balas. Sekarang ini ketelusan ini sudah tercabar dengan pelantikan seorang konsultan Australia di mana EPU merahsiakan *terms of reference* kepada Jawatankuasa Bertindak Rakyat untuk mengkaji kaedah pembiayaan kesihatan ini.

Yang keduanya, keperluan kepada perubahan. Memang kita akui, perubahan memang perlu kepada perjalanan dan pembiayaan sistem kesihatan. Kerajaan juga yang memperkenalkan sistem *two tier* untuk membangunkan sistem sehingga menguntungkan mereka yang berduit daripada mereka yang tidak berduit. Sehingga menyebabkan perkembangan sektor swasta melebihi sektor awam yang jauh lebih banyak diperlukan termasuklah menswastakan sesetengah perkhidmatan dalam sistem penjagaan kesihatan awam sendiri.

Jadi keperluan kepada ketelusan, akauntabiliti dan keberkesanan servis adalah amat diharapkan. Tentang *National Health Fund*, cadangan untuk pembentukan tabung ini agar dapat melindungi semua rakyat dan sistem kesihatan negara. Ia tidak boleh dibiayai oleh duit individu Malaysia, tetapi daripada *budget* persekutuan iaitu lima *percent* daripada GDP tadi. Yang keduanya daripada *syntech*. Antara punca kepada penyakit adalah rokok. Jadi, kenaikan kadar cukai rokok sepatutnya dimasukkan ke dalam *syntech* ini, ke dalam *National Health Fund* ini supaya tabung ini bertambah kerana rokok merupakan salah satu daripada punca atau pun penyebab banyak penyakit.

Yang ketiga, keuntungan daripada petroleum diambil kemungkinan lima peratus daripada keuntungan daripada petroleum ini dimasukkan ke dalam *National Health Fund*. Cadangan untuk menyuruh rakyat membayar lebih perlu dihindarkan kerana rakyat sudah terpaksa membayar lebih apabila kenaikan harga minyak dan juga barang berlaku dan untuk mengutip premium daripada rakyat memerlukan usaha yang lebih.

Mungkin melebihi kos pentadbiran dalam mengutip ini kerana kebanyakan rakyat Malaysia tidak bergaji berbanding dengan rakyat yang bergaji. Pemotongan dalam slip gaji mereka pun sekarang sudah banyak seperti EPF, SOCSO, *income tax*, pinjaman kereta, rumah dan sebagainya. Kemudian dalam *National Health Authority*, perlu ada satu mekanisme khusus untuk menghindarkan berlaku budaya kronisma di dalam pembentukan lembaga ini. Kerana lembaga ini boleh mendatangkan tabungan berjumlah melebihi RM20 bilion setahun.

Ahli-ahli Lembaga Pengarah lembaga ini bukan hanya dipilih oleh Perdana Menteri atau Menteri Kesihatan sahaja tetapi mereka hendaklah terdiri daripada contohnya 50 peratus daripada parti-parti politik berdasarkan kepada jumlah undi dalam pilihan raya. 20% dinamakan oleh kerajaan, 10% daripada persatuan, 10% daripada kumpulan pengguna dan NGO kesihatan, 10% daripada persatuan pengendali kesihatan. Lembaga ini juga mestilah mempunyai kuasa. Kuasa memeriksa kontrak sebelum diluluskan oleh kerajaan. Berhak dipersoalkan, mempunyai bajet untuk melantik kakitangan untuk menggunakan *National Health Fund* di seluruh negara. Sektor kesihatan awam daripada tabungan tadi perlulah digunakan untuk memperbaiki dan menguatkan sistem pentadbiran kesihatan awam terlebih dahulu. Segala kemudahan dan keperluan di sektor awam hendaklah diperbaiki dan diperluaskan kerana rakyat memerlukan klinik dan hospital kerajaan yang lebih banyak daripada klinik dan hospital swasta.

Keperluan kesihatan kerajaan boleh didapati di merata tempat. Swasta hanya berada di bandar-bandar sahaja. Pegawai perubatan dan kakitangan lain adalah bergaji bulanan. Tidak ada dasar bayaran untuk perkhidmatan. Oleh itu kos adalah terkawal. Sektor swasta kalau dibiarkan, sudah tentu akan cepat mengeringkan tabungan kesihatan ini. Juga sektor awam ini boleh memberikan pengalaman kepada pelajar dan melatih kepakaran. Ini sudah tentu tidak akan dapat dicapai kalau tidak cukup pakar di sektor awam. Kalau ini gagal, maka kita mungkin ada ramai pakar tetapi tidak mempunyai pengalaman yang luas.

Seterusnya *Comprehensive Essential Package* atau Pakej Keperluan Komprehensif. Memang tidak dinafi kerajaan memerlukan pakej perubatan yang *basic*. Kerajaan sebenarnya tidak berapa jelas, apakah yang perlu dilindungi dalam pakej ini? Untuk melindungi penjagaan kesihatan seluruh rakyat Malaysia pakej ini sepatutnya mempunyai semua pilihan rawatan yang ada di dalam hospital dan klinik kerajaan sekarang. Termasuk penjagaan kesihatan primer, *Primer Health Care* seperti imunisasi, pengeluaran vektor dan juga penjagaan *Thracians Health Care* seperti *ICU*, *Coronary Bypass* dan juga *Dialysis*. Dia mesti juga dapat dicapai oleh semua rakyat Malaysia termasuk pekerja asing dengan mengenakan sedikit bayaran kepada mereka. Jumlah sebenar boleh dirunding dengan semua kumpulan terbabit. Ini adalah salah satu cara untuk mengurangkan penggunaan kemudahan kesihatan secara berleluasa. Corak perubatan dalam pakej ini mestilah dapat dicapai oleh semua rakyat Malaysia di mana juga mereka berada.

Oleh sebab itu, kami berharap pelaksanaan *National Health Fund* dan juga *National Health Authority* ini seperti yang dinyatakan di atas diharap akan dapat melindungi penyertaan kesihatan seluruh rakyat Malaysia. Perkara kedua adalah tentang pendaftaran klinik swasta. Ramai daripada rakan dan juga sahabat saya yang mempunyai klinik swasta mengeluh tentang hal ini. Untuk membuat pendaftaran sahaja, mereka perlu membayar RM500 sebelum mendapat apa-apa lesen. Kemudian apabila pegawai dari Kementerian Kesihatan datang melawat premis, walaupun diluluskan, mereka terpaksa membayar RM1000. Maknanya jumlah RM1500 sebelum dapat mengendalikan klinik tersebut.

Semasa taklimat tiada pegawai yang mengatakan apakah syarat-syarat yang mesti dipatuhi? Cuma syarat dari segi kelulusan bangunan CF dan juga bomba tetapi syarat ini telah pun dibatalkan apabila perbincangan antara MMA dengan kementerian tetapi apa yang menjadi keluhan ramai adalah tentang kenyataan perlunya ada peralatan yang canggih dan sofistikated dan biasanya hanya digunakan sekali-sekala. Apakah ini benar? Kalau mesin ini di hospital kerajaan pun jarang digunakan, kenapa pula mesin jenis ini diwajibkan ada di klinik swasta? Yang harganya mencapai puluhan ribu. Pertanyaan saya, apakah keluhan dan kenyataan yang disuarakan oleh sahabat-sahabat ini benar? Kalau tidak disediakan, kelulusan membuka klinik adakah tidak diberikan?

Perkara yang ketiga adalah tentang pemansuhan yuran peperiksaan. Tadi telah disebut banyak oleh sahabat-sahabat terutamanya dari Kelana Jaya tentang sekolah-sekolah agama. Yuran peperiksaan memang dimansuhkan. Memang kita mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tetapi saya hendak bertanya kenapakah yuran peperiksaan STAM, untuk mereka boleh juga memasuki universiti dengan sijil ini. Kenapa yuran STAM ini tidak dimansuhkan juga? Begitu juga dengan sekolah-sekolah persendirian. Banyak di antara mereka yang menghadapi peperiksaan sekolah persendirian dan juga *private candidate*, penuntut-penuntut persendirian. Mereka ini juga terpaksa menghadapi peperiksaan yang sama, menggunakan sijil yang sama, juga kelulusan yang sama. Kenapakah mereka ini tidak dikecualikan?

Begitu juga mereka yang bersekolah di sekolah-sekolah ditaja oleh kerajaan negeri. Misalnya, Yayasan Islam di negeri-negeri yang mengendalikan peperiksaan UPSR, PMR, SPM, STAM dan juga STPM. Kenapakah mereka ini juga tidak termasuk dalam senarai pengecualian ini? Kerana mereka ini terpaksa membayar yuran bulanan dan terpaksa juga membayar yuran peperiksaan.

Yang keempat, tentang pasport antarabangsa. Baru-baru ini kita ada mendengar ada ramai yang mengeluh tentang kemungkinan khabar angin mengatakan pasport antarabangsa akan naik sehingga RM500.00 terutamanya di Pulau Pinang. Ini merupakan satu berita yang tidak benar. Kita mengucapkan terima kasihlah kerana tidak benar tetapi walaupun harganya RM300 untuk mereka yang jarang keluar negara, saya rasa ini merupakan sesuatu yang berat juga untuk ditanggung. Apakah salahnya kalau kita turunkan kos pembuatan pasport antarabangsa ini, tetapi dikenakan caj setiap kali mereka hendak keluar negara. Maknanya kalau mereka itu hanya guna sekali sahaja, berbaloilah dengan kos yang diturunkan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Masa cukup.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Sekejap, sikit lagi. Yang kelima, tentang masalah petani. Disentuh oleh Yang Berhormat bagi Kuala Kedah tadi. Saya cuma hendak menambah sedikit sahaja tentang apa yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Kuala Kedah tadi. Baru-baru ini saya balik ke kawasan dan mereka mengatakan kad untuk subsidi diesel masih belum dapat lagi. Oleh sebab itu, mereka terpaksa membeli minyak diesel dengan kos yang sama dengan kenderaan yang lain. Jadi saya harap kerajaan menyegerakan kad untuk subsidi diesel kepada petani ini. Terutamanya menjelangnya masa mereka hendak mengerjakan sawah dalam seminggu dua ini.

Jadi saya rasa itulah sedikit sebanyak apa yang hendak saya kemukakan. Ada sedikit lagi Tuan Yang di-Pertua. Tentang saliran MADA E4 Bukit Besar. Saya harap pegawai-pegawai dapat mengambil perkara ini. MADA E4 Bukit Besar di Kedah, salurannya mendapat keluhan daripada petani-petani kerana terlalu sempit dan kecil dan tidak dapat memberikan pengairan kepada petani-petani dan juga di MADA E3 di Pendang. Kawasan lebih dari seribu ekar tetapi masih belum lagi dibina saliran padahal mereka terpaksa membayar hasil tali air terhadap sawah-sawah yang mereka kerjakan tersebut. Itulah sedikit-sebanyak yang saya ucap. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Sri Aman.

7.39 ptg.

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua saya berdiri di sini untuk merayu supaya kerajaan mengambil langkah pandang ke timur sekali lagi dan menyedarkan diri kita bahawa Malaysia Timur iaitu Sabah dan Sarawak masih jauh ketinggalan dan memerlukan bantuan yang khusus melalui bajet tahun ini.

Saya telah memajukan Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan kepada Jabatan Perdana Menteri tentang tahap kemajuan negeri-negeri di Malaysia. Jawapan yang saya terima ialah kedudukan negeri Sarawak adalah nombor tiga dari belakang. Kalaulah kita mengambil kira di Sarawak ada beberapa bandar yang agak besar dan maju seperti Kuching, Sibul, Bintulu dan Miri. Jadi ini bererti, kawasan luar bandar di Sarawak ini memang masih mundur, memang masih jauh ketinggalan. Luar bandar inilah yang didiami oleh bumiputera minoriti yang saya wakili.

Kita memang berterima kasih kepada pertolongan yang telah dihulurkan oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sarawak tetapi kenyataannya, Tuan Yang di-Pertua, Sarawak masih jauh ketinggalan dan masyarakat bumiputera minoriti juga masih jauh ketinggalan. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita mengatakan kita ada infrastruktur dunia pertama tetapi minda dunia ketiga. Kenyataan ini hanya ada kaitan dengan Semenanjung Malaysia sahaja. Di Sarawak kita ada infrastruktur dunia ketiga dan terus akan mempunyai infrastruktur dunia ketiga jika kita tidak bertindak dengan segera dan cara yang proaktif, inilah gambarannya.

Luar bandar di Sarawak masih memerlukan infrastruktur yang asas, masih memerlukan jalan, bekalan api dan air. Di kawasan saya, masih banyak kampung yang belum dilalui oleh jalan raya atau jalan kampung. Masih banyak yang belum ada bekalan api dan bekalan air. Begini juga gambaran di kawasan-kawasan yang lain. Setelah merdeka hampir 50 tahun, sebagai contoh, Bandar Kapit masih belum ada jalan raya yang menghubungkannya dengan bandar atau pekan yang lain. Hampir 50 tahun setelah merdeka, pekan Marudi masih belum dihubungi dengan jalan raya dengan bandar Miri.

Hampir 50 tahun setelah merdeka, bandar Limbang dan Lawas masih belum dihubungi dengan jalan raya dari Miri. Hampir 50 tahun setelah merdeka, kawasan yang didiami suku kaum Kelabit dan Saban di Dataran Bario masih tidak ada jalan raya yang menghubungkannya dengan bandar Miri. Sekarang orang tidak dapat pergi ke Bario tanpa menggunakan kapal terbang. Masalah yang luar biasa seperti ini...

Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Tuaran.

Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Aman dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Persoalan yang dibawa oleh Yang Berhormat bagi Sri Aman sama juga dengan persoalan yang dibawa oleh Yang Berhormat bagi Baram. Kita ini ada Wawasan 2020. Ketika itu kita ini berstatus negara maju tetapi apabila dibuat peruntukan setiap tahun, kemudian diagih-agihkan peruntukan, nampaknya peruntukan itu tidak diletakkan kepada tempat yang memerlukan.

Jadi apakah pandangan Yang Berhormat tentang Wawasan 2020? Apakah benar kita ada wawasan ini selepas kita ada dasar? Sebab apabila dalam bajet ini dibangunkan, dibagikan kewangan untuk pembangunan wilayah. Yang dibangunkan selatan Johor, utara Semenanjung, timur Semenanjung tetapi Sabah Sarawak langsung tidak disebut. Apakah Yang Berhormat percaya bahawa yang Wawasan 2020 ini benar, betulkah masih lagi ada? Apakah misi nasional ini bagi tempat-tempat Yang Berhormat sebutkan tadi?...

Tuan Yang di-Pertua: Ya, baik.

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: Terima kasih rakan saya, Yang Berhormat bagi Tuaran. Kalau kita tidak mengambil penyelesaian yang drastik, wawasan ini akan tinggal wawasan, akan tinggal mimpi kepada kita. Jadi oleh kerana itulah, Yang Berhormat bagi Tuaran dan Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan masalah yang luar biasa seperti ini harus diselesaikan dengan cara yang luar biasa. Inilah cadangan saya, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: Saya cadangkan royalti minyak dinaikkan dari 5% sekarang kepada 10% untuk Kerajaan Sarawak dan Sabah supaya wang ini dapat digunakan untuk memodenkan infrastruktur di Sarawak dan di Sabah. Kalau tidak, saya minta Kerajaan Pusat memberi wang ihsan untuk menambah royalti 5% itu, barulah kita di Sabah dan Sarawak dapat melihat *the light at the end of the tunnel*, dengan izin. Kita juga tahu bahawa bumiputera minoriti di Sabah dan Sarawak mempunyai banyak tanah adat hak bumiputera. Tanah ini belum diukur dan nampaknya tidak akan diukur pada masa yang terdekat atau pada masa yang akan datang. Ramai juga pemilik tanah adat hak bumiputera sudah bekerjasama dengan syarikat-syarikat yang besar untuk memajukan tanah mereka dengan menanam kelapa sawit tetapi masih ramai juga mereka yang tidak dapat berbuat sedemikian oleh kerana tanah mereka tidak cukup besar atau terlalu di pedalaman.

Oleh yang demikian saya mengesyorkan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi memberi bantuan segera secara terus kepada semua yang ingin menanam getah atau kelapa sawit dengan memberi baka dan baja. Jangan menggunakan tanah itu belum ada geran sebagai alasan tidak berbuat apa-apa. Kalau begitu sikap kita, sampai hari kiamat pun bumiputera minoriti akan merengkok dalam dunia kemiskinan. Cadangan saya, mintalah pengesahan dari ketua kampung atau penghulu untuk menentukan tanah yang akan diusahakan itu memang tanah si pemohon. Di peringkat kampung, semua orang tahu siapa pemilik tanah itu atau tanah ini dan juga tidak patut orang ingin menanam sesuatu di tanah orang lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya pergi kepada masalah lesen PKK Kelas 'F'. Bumiputera minoriti di Sarawak baru hendak belajar berniaga. Saya telah lama merayu supaya mereka diberi peluang mendaftar sebagai kontraktor Kelas 'F' tetapi sekarang kita difahamkan oleh menteri bahawa pendaftaran lesen Kelas 'F' telah dimansuhkan. Ini sungguh tidak adil kepada kaum saya. Benar di Semenanjung, kontraktor Kelas 'F' sudah terlalu ramai tetapi kita boleh membenarkan pendaftaran mengikut kawasan.

Saya merayu supaya menteri memberi kebenaran untuk pendaftaran Kelas F dari kaum saya diteruskan di Sarawak dan kalau ada permintaan daripada bumiputera minoriti di Sabah diteruskan juga di Sabah tetapi untuk syarikat bumiputera, saya juga minta kerajaan mengagihkan kerja kepada kaum saya yang mempunyai Kelas 'E', 'D', 'C', 'B' dan 'A'. Kalau tidak, kita hanya akan bermain dalam bidang Kelas 'F' dan tidak berminat atau tidak ada keyakinan untuk mara ke kelas yang lebih tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada bantuan kepada pesara. Saya mencadangkan kerajaan memberi bayaran khas yang sama dengan jumlah yang diterima oleh mereka setiap bulan. Ertinya pesara yang menerima RM1000 diberi RM1000 dan yang menerima RM2000 diberi RM2000 dan seterusnya. Mereka ini telah bekerja dengan baik dan tekun sehingga mereka pencen. Kita harus berterima kasih kepada mereka. Kalaulah mereka orang yang jahat, mereka tidak akan berkhidmat sehingga mereka berpencen.

Tuan Yang di-Pertua, pencen terbitan tidak harus dipotong. Mereka yang menerima pencen terbitan biasanya sudah tua. Kos perubatan mereka bertambah. Kita juga tahu inflasi sentiasa berjalan. Ramai juga antara mereka mempunyai anak yang pergi ke universiti dan saya minta teruskanlah pembayaran tanpa potongan seperti yang diamalkan sekarang. Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Ya, habiskan.

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: ...tentang aktiviti menerangkan polisi kerajaan. Di negeri yang begitu besar dan begitu luas seperti Sarawak, kita memerlukan pegawai yang menerangkan polisi kerajaan ke kampung-kampung, ke rumah panjang dan ke pedalaman. Kita mempunyai pegawai khas dan pegawai luar dari Kementerian Penerangan. Pegawai penerangan ini harus berjalan ke kampung-kampung seperti yang saya sebut tadi. Saya minta sediakanlah elaun perjalanan yang mencukupi untuk sepanjang tahun. Kalau tidak, mereka hanya duduk di pejabat mereka dan merugikan kita semua.

Yang terakhir, Tuan Yang di-Pertua, urusan Parlimen. Saya mintalah pakaian seragam pembantu kita yang berjalan di sini sana menjaga kita, buatlah dengan lebih ceria kerana yang mereka pakai sekarang ialah pakaian seragam tukang masak saya semasa saya menjadi pengetua sekolah dahulu. Parlimen ini adalah satu badan yang terhormat di negara kita ini dan saya minta kalau dapat, fikirkanlah pakaian yang lebih sepadan dengan suasana Parlimen kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya memang berterima kasih kepada semua kemudahan yang telah disediakan oleh Parlimen selama ini tetapi saya masih ada permintaan. Saya minta komputer di bilik khas Ahli Parlimen patut diperiksa setiap hari oleh seorang pegawai yang bertanggungjawab. Tentukanlah komputer dan *printer* dalam keadaan yang baik. Tentukan *printer* ada kertas dan sedia untuk diguna setiap hari. Saya memohon ini oleh kerana saya selalu melihat rakan-rakan saya hendak menggunakan komputer di sana, tetapi komputer tidak dalam keadaan yang sempurna dan apabila kita hendak mencari pegawai atau pembantu untuk membantu kita mereka tidak dapat di kesan.

Saya juga memohon kertas diberi dengan secukupnya setiap hari oleh kerana kadang-kadang kita hendak *print* artikel-artikel yang agak panjang dan dengan permintaan harapan begitu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Kuala Krau.

7.51 ptg.

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di atas pembentangan Bajet 2007 pada 1 September yang lalu. Dalam pembentangan bajet tersebut Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memberi fokus kepada dua perkara utama bagi khususnya bagi negeri Pahang khususnya pertumbuhan Koridor Pantai Timur dan juga menubuhkan tapak Taman Halal atau Halal Park.

Tuan Yang di-Pertua, pertumbuhan Koridor Pantai Timur yang merangkumi Kelantan, Terengganu dan Pahang bagi memberi tumpuan khusus kepada pelaksanaan projek pembangunan ekonomi, di mana Kemaman dan Cherating akan dibangunkan untuk industri hiliran berasaskan petrokimia, industri kraf tangan dan pelancongan. Saya berharap Petronas sebagai agensi utama yang diberi tanggungjawab akan memberikan perhatian khusus kepada Koridor Timur ini. Di Pahang, industri yang berasaskan kimia dan petrokimia, Gebeng mestilah dijanakan pembangunannya terutama sekali membina prasarana-prasarana dan kemudahan-kemudahan asas yang perlu di dalam kawasan industri tersebut.

Saya juga berharap dengan langkah kerajaan untuk membangunkan industri biodiesel berasaskan minyak kelapa sawit, pembinaan kilang biodiesel hendaklah dibina juga di kawasan Gebeng dan juga di kawasan Bandar Jengka memandangkan ianya mempunyai kawasan paling besar bagi ladang-ladang kelapa sawit di dalam negara kita. Mengenai pelancongan juga disebut terdapat begitu banyak pusat pelancongan yang ada di dalam kawasan Cherating termasuk hotel tetapi keadaannya tidak begitu terurus, keadaan bilik yang kotor, pesisiran pantai yang kotor dan kemudahan jalan raya yang tidak begitu baik.

Saya berharap pihak Petronas akan memberikan tumpuan peruntukan atau pembiayaan kepada pengusaha-pengusaha hotel atau pusat-pusat pelancongan. Lebih-lebih lagi dalam usaha menarik lebih ramai pelancong sempena dengan Tahun Melawat Malaysia pada tahun 2007 dengan tema "Menyambut 50 Tahun Kenegaraan". Dan negeri Pahang dijadikan salah satu negeri yang dipilih sebagai destinasi pelancongan sempena Tahun Melawat Malaysia 2007. Di samping itu juga saya memohon agar pendapatan cukai dari sektor pelancongan seperti hasil dari cukai jualan diserahkan dan dikongsi bersama kepada kerajaan negeri pada kadar 30% hingga 50%, dan begitu juga dengan cukai perkhidmatan dapat dikongsi bersama dengan kerajaan negeri.

Kewujudan Koridor Pantai Timur ini diharapkan tidak melupakan mewujudkan semula kawasan lembaga Wilayah Persekutuan khususnya di Jengka, ekoran penutupan Dara dan LKWJ. Jawapan yang telah diberikan oleh kementerian yang bertanggungjawab, satu Jawatankuasa Penyelarasan Pembangunan di antara KKLW dan negeri telah diwujudkan bagi mengkaji penubuhan Lembaga Wilayah tersebut. Saya ingin tahu sejauh manakah kajian telah dibuat dan saya berharap kalau masih menunggu dari kerajaan negeri saya memohon pihak KKLW menerusi pegawai berkenaan mestilah turun ke negeri bagi membantu menyiapkan laporan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua saya juga berterima kasih kepada kerajaan pusat yang telah bersetuju menubuhkan tapak Taman Halal iaitu Halal Park di Gambang Pahang dan kerajaan negeri telah mewujudkan satu Taman Teknologi Gambang yang mempunyai keluasan 1079.19 ekar bagi mewujudkan kawasan-kawasan seperti berikut:

- (i) *Halal Food Park* iaitu 98.95 ekar;
- (ii) *Biotech* dan *ICT centre* 160.69 ekar;
- (iii) *E-village* 586.38 ekar; dan
- (iv) *Agritech Park* 233.17 ekar.

Untuk melaksanakan program ini, kerajaan negeri memerlukan peruntukan yang besar iaitu RM80 juta bagi membangunkan Taman Teknologi Gambang dalam jangka masa lima tahun mulai 2006 hingga 2010. Saya berharap kerajaan persekutuan akan menyalurkan peruntukan tersebut di samping mengalu-alukan langkah kerajaan memberikan dana kepada SME Bank sejumlah RM20 juta untuk memberi pinjaman kepada usahawan untuk membangunkan produk halal. Peruntukan RM50 juta yang disediakan untuk Taman Halal Park di Pasir Mas Kelantan, Gambang di Pahang, Chendering di Terengganu dan di Padang Besar Perlis dianggap tidak mencukupi dan saya memohon peruntukan lebih besar perlu diberikan bagi mewujudkan Taman Halal Park ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengalu-alukan langkah kerajaan untuk menghapuskan yuran peperiksaan seperti UPSR, PMR, SPM, STPM dan setaraf dengannya. Namun begitu saya berharap Kementerian Pelajaran dapat menambahkan peruntukan kepada Lembaga Peperiksaan bagi membayar elaun-elaun guru yang bertugas mengendalikan peperiksaan di semua peringkat, termasuk guru-guru yang memeriksa kertas-kertas jawapan peperiksaan tersebut. Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Yang Berhormat Menteri Pelajaran telah mengumumkan masih terdapat 162,000 pelajar di seluruh negara yang masih belum boleh menguasai kemahiran membaca, menulis dan mengira atau 3M. Di mana 120,000 murid sekolah rendah dan 42,000 murid sekolah menengah yang masih belum menguasai 3M.

Bagi daerah Temerloh, masih lagi terdapat seramai 1449 pelajar sekolah rendah yang tidak dapat menguasai 3M tersebut. Langkah kerajaan mewujudkan Kelas Intervensi Awal Membaca dan Menulis atau KIA 2M adalah dialu-alukan. Namun begitu laporan yang saya terima murid yang mengikuti kelas KIA 2M ini bagi Tahun 1 adalah murid yang memasuki pra sekolah Kementerian Pelajaran. Sementara pelajar yang mengikuti kelas tabika KEMAS atau perpaduan atau tabika-tabika yang lain tidak perlu mengikuti kelas KIA 2M tersebut. Jadi apakah masalahnya di pra sekolah tersebut? Adakah masalah guru yang tidak terlatih ataupun kaedah pengajaran dan pembelajaran yang tidak sesuai atau sukatan pelajaran yang tidak dapat membantu pelajar menguasai 2M tersebut?

Murid-murid di sekolah Orang Asli juga perlu diberi perhatian, di mana tahap penguasaan 2M masih lagi lemah. Saya percaya peruntukkan kementerian sejumlah RM100,000 kepada sekolah bagi Orang Asli bagi Program KIA 2M tidak mencukupi dan peruntukkan tersebut perlulah ditambah. Saya juga ingin mengalu-alukan langkah kerajaan mewujudkan Jawatankuasa menangani masalah disiplin atau salah laku pelajar. Saya ingin tahu sejauh manakah akta polis yang hendak dipinda bagi memberi kuasa kepada polis untuk menahan pelajar bagi ponteng sekolah telah dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai FELDA, saya berterima kasih kepada FELDA kerana memberikan sumbangan hari raya RM350 setiap peneroka. Terdapat banyak FELDA yang telah dibangunkan untuk pusat komersial seperti FELDA Bukit Cherakah, LBJ dan Sendayan di Negeri Sembilan serta pembinaan-pembinaan Lebuh Raya Pantai Timur di mana lot-lot peneroka telah diambil alih. Walaupun pampasan telah diberikan oleh pihak kerajaan atau pihak swasta yang membangunkan kawasan tersebut, namun begitu dari segi milikan hartanah orang Melayu atau bumiputera dari segi keluasannya telah terhakis. Oleh itu saya mencadangkan di samping diberi pampasan kepada peneroka tanah mestilah diganti semula seperti mana asal keluasan dengan cara membuka kawasan yang baru atau mengisi kekosongan lot-lot FELDA yang sedia ada. Bagi tanah-tanah FELDA yang kawasan baru ditanam semula dan hasilnya baru dituai terdapat masalah kekurangan buruh yang begitu ketara di mana FELDA *Techno Plant* memerlukan tenaga buruh sehingga 6,000 orang dan sekarang ini hanya mempunyai 2,000 pekerja sahaja.

Hasil ladang tidak begitu produktif, masalahnya pekerja-pekerja tidak berminat bekerja di ladang FELDA kerana gaji begitu murah berbanding bekerja di ladang bukan milik FELDA. Oleh itu saya mencadangkan supaya pegawai di FELDA ditambah, gaji pegawai dinaikkan, elaun lebih masa diberikan di samping elaun pekerja ladang mestilah ditingkatkan pada kadar RM35 hingga RM40 sehari atau pada kadar RM35 bagi setiap tan kelapa sawit yang dituai.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Bajet 2007, kerajaan telah menyediakan peruntukkan sejumlah RM3.6 bilion untuk sektor pertanian. Pelbagai kemudahan telah diberikan sama ada menerusi Bank Pertanian dan khazanah nasional yang mana akan menubuhkan dana RM200 juta, manakala Bank Negara juga akan menyediakan satu lagi dana pertanian sejumlah RM200 juta juga, untuk membiayai projek pertanian dan penternakan bersepadu. Kalau dikira mengikut angka yang telah diluluskan atau peruntukkan yang telah diluluskan, saya yakin sektor pertanian dan penternakan bersepadu di negara kita ini akan berjaya. Soalnya adakah peruntukkan tersebut telah disalurkan kepada Bank Pertanian seperti tahun 2006 di mana peruntukkan RM300 juta melalui pinjaman 3F mesti disalurkan. Saya berharap Kementerian Kewangan dan Bank Negara dapat menyemak peruntukkan RM300 juta tersebut telah disalurkan kepada pihak Bank Pertanian dan telah habis diberikan pinjaman kepada pengusaha-pengusaha projek pertanian dan penternakan.

Saya juga menyarankan semua cawangan Bank Pertanian sama ada di bandar dan terutama di luar bandar seperti di pekan Kuala Krau, di pekan Jengka, di Triang Pahang, operasi pinjaman dan proses kelulusan dan pengeluaran pinjaman diberi kuasa kepada pengurus-pengurus cawangan tersebut. Dan tidak lagi perlu di hantar proses pinjaman kepada cawangan-cawangan bank di bandar sahaja atau di peringkat negeri. Ini dapat mempercepatkan proses pinjaman dan dapat mengurangkan kos-kos pemohon untuk berulang-alik ke bank yang berada di bandar-bandar besar sahaja. Saya juga bagi merencanakan, menjana sektor pertanian, saya juga memohon supaya IADP di Pahang Barat ini dapat diwujudkan kembali.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengalu-alukan langkah Kerajaan Selangor bagi membeli air daripada Kerajaan Negeri Pahang dan empangannya akan dibuat di Felda Lembah Klau. Saya berharap selain empangan tersebut dapat dibuat di negeri Pahang, pusat rawatan air juga hendaklah dibina di negeri Pahang iaitu di kawasan Bentong. Dengan kata lain, negeri Pahang akan menjual air yang telah di rawat kepada negeri Selangor. Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengalu-alukan langkah kerajaan menaikkan elaun daripada RM25 sebulan kepada RM50 sebulan kepada kanak-kanak Orang Kurang Upaya atau OKU yang hampir 9000 orang kanak-kanak di seluruh negara. Saya juga memohon supaya geran tahunan pusat pemulihan dalam komuniti atau PPDK yang masih belum diterima oleh 44 PPDK di seluruh negara termasuk PPDK di Jengka 19 disalurkan dengan segera. Geran tahunan itu diperlukan untuk membayar elaun guru-guru dan kos perbelanjaan yang lain. Selain itu, elaun guru perlu dinaikkan dan peruntukkan juga perlu disalurkan sebanyak RM24,000 setahun.

Tuan Yang di-Pertua, soal dadah yang masih lagi dibangkitkan dalam Dewan yang mulia ini, selain pada penyalahgunaan dadah, penyalahgunaan bahan-bahan khayal, seperti menghidu gam, meminum air daun ketum, menghidu minyak petrol atau diesel, menjadi masalah baru kepada para belia di dalam negara kita. Soalnya bilakah rang undang-undang mengenai menghidu gam dan bahan-bahan khayal ini boleh dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Tuaran.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2007 atau pun Bajet 2007. Pertamanya Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi selaku Menteri Kewangan, di atas kejayaan membentangkan Bajet yang terbesar pernah dibentangkan di Dewan yang mulia ini iaitu sejumlah RM159.49 bilion dengan pecahan RM112.98 bilion untuk mengurus dan RM46.91 bilion untuk maksud perbelanjaan pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, cabaran yang paling penting semasa menyediakan bajet ini pada fikiran saya, ialah bagaimanakah kerajaan akan mengagih-agihkan sejumlah RM112.8 bilion untuk maksud mengurus dan RM46.91 bilion untuk maksud pembangunan ke arah mencapai misi nasional, Rancangan Malaysia Kesembilan, khususnya untuk melaksanakan lima teras dalam Rancangan Malaysia Kesembilan tersebut. Tuan Yang di-Pertua, dalam kesempatan yang agak ringkas dan pendek ini, saya ingin menumpukan

perbahasan saya kepada bagaimana Bajet 2007 ini, memperuntukkan bajet untuk melaksanakan atau pun mengatasi cabaran teras ketiga Rancangan Malaysia Kesembilan iaitu menangani masalah ketidakseimbangan sosial ekonomi yang berterusan secara membina dan produktif. Khususnya untuk program mengurangkan jurang pembangunan antara wilayah, pembangunan luar bandar dan pembasmian kemiskinan.

Izinkan saya memulakan perbahasan dengan memaparkan status pembangunan di setiap negeri mengikut indeks komposit pembangunan atau pun *composite development index* bagi tahun 2005. Menurut indeks tersebut yang dikeluarkan oleh EPU, wilayah yang paling maju ialah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan indeks 109 dan yang paling termundur ialah negeri Sabah dengan indeks 90 seperti berikut:

(i)	Wilayah Persekutuan	-	109.6
(ii)	Pulau Pinang	-	105.7
(iii)	Melaka	-	104.2
(iv)	Selangor	-	03.2
(v)	Negeri Sembilan	-	102.3
(vi)	Johor	-	100.5
(vii)	Perak	-	100.64
(viii)	Perlis	-	99.9
(ix)	Kedah	-	97.8
(x)	Pahang	-	96.6
(xi)	Sarawak	-	96.2
(xii)	Terengganu	-	96.0
(xiii)	Kelantan	-	93.1
(xiv)	Sabah	-	90.0

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat dari segi indeks yang saya sebutkan tadi, kita lihat bahawa yang termundur itu ialah Sabah, dan kalau kita lihat bagaimana EPU mendapatkan indeks ini, terdapat 10 pengukur yang telah diambil. Pertamanya dari segi KDNK per kapita, kadar pengangguran, kadar pemandaran, pendaftaran kereta dan motosikal, kadar kemiskinan, penduduk yang dibekalkan air berpaip, penduduk yang dibekalkan elektrik, kadar kematian baik dan bilangan doktor bagi setiap 10,000 penduduk. Tuan Yang di-Pertua, bila saya kaji melihat Bajet 2007 ini, bagaimanakah bajet ini telah diagih-agihkan peruntukannya untuk mengatasi situasi tadi, keadaan pembangunan tadi. Kita lihat dalam konteks teras ketiga itu, perkara yang paling penting yang telah diperkenalkan dalam bajet ini ialah untuk membawa pertumbuhan kepada 3 koridor utama:

- (i) Koridor Wilayah Ekonomi Johor Selatan;
- (ii) Koridor Pantai Timur; dan
- (iii) Koridor Utara.

Dan setiap koridor ini akan diterajui oleh tiga GLC gergasi. Saya amat bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Johor Bahru apabila beliau menyatakan bahawa dia merasakan aneh dan pelik. Yang Johor Selatan ini belum lagi ditubuhkan perbadanan dia, peruntukkan untuk dalam bajet ini RM2.5 bilion sudah pun diumumkan. Dan hanya di Selatan Johor sahaja ditubuhkan perbadanan, di utara, di timur tidak dibuat. Dan yang paling aneh bagi saya ialah, dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini sudah menyatakan bahawa Lembaga Kemajuan Wilayah Negeri Sabah dan satu lagi di Sarawak akan ditubuhkan, tetapi dalam bajet ini langsung tidak disebut, tidak ada, satu sen tidak ada, tidak disebut langsung.

Yang satu disebut ialah, satu peruntukkan untuk membina jalan raya Kalabakan, iaitu satu jalan raya yang sudah pun diumumkan dalam Rancangan Malaysia Kelapan dan sudah berjalan, sudah berjalan sebenarnya. Tengah buat, projek sambungan.

Tuan Yang di-Pertua, saya merasa pelik sebab dalam pembukaan Dewan yang mulia ini, mesyuarat pertama, penggal kedua, Parlimen Kesebelas ini, Seri Paduka Baginda Yang Dipertua Agung bertitah, saya sebut dia di sana pada ketika itu. Seri Paduka Baginda menyatakan isu pertumbuhan tidak seimbang di kalangan wilayah dan antara bandar dan luar bandar perlu diatasi. Perhatian khusus hendaklah diberikan kepada permohonan negeri yang kurang maju. Itu dasarnya dan strateginya sudah betul, Teras Ketiga Rancangan Malaysia Kesembilan tetapi apabila diperkenalkan program dalam Bajet 2007 ini pada pandangan sayalah bukan pula akan merapatkan jurang pembangunan wilayah tetapi akan melebarkannya. Pada masa ini pun sudah pun lebar. Sabah ini negeri termiskin, kadar kemiskinan tertinggi.

Sebenarnya apabila Yang Berhormat Ketua Pembangkang mengatakan lapan faktor igauan rakyat Sabah, ada asas. Cuma satu sahaja yang dia salah. Dia mengatakan jenayah paling tinggi, sebenarnya tidak. Ia rendah di Sabah. Ada banyak juga tetapi tidak setinggi yang di sini. Itu satu, yang lain yang dinyatakan oleh beliau itu berasas. Cuma satu, dia mengatakan bahawa *the people of Sabah deserve what they get* sebab rakyat Sabah mengundi Barisan Nasional 100%. Itu saya tidak bersetuju.

Dahulu ada tiga orang pembangkang daripada Sabah di Dewan ini dalam Parlimen Kesepuluh tetapi akhirnya dia pun melompat juga ke dalam Barisan Nasional dan salah seorang sudah pun masuk dalam Kabinet. Sebenarnya persoalannya bukan sama ada pembangkang ada, banyak bersuara ataupun tidak. Penyelesaian di sini cuma satu iaitu soal peruntukan dan saya percaya kesemua Ahli Parlimen di Dewan yang mulia ini tidak kira dia dari mana, pembangkang atau kerajaan semua pun bersetuju pengagihan itu. Malah saya masih ingat Yang Berhormat bagi Sri Gading dulu, kalau tidak cukup duit pinjam.

Dan apabila pada tahun hadapan ini kita mendapat bajet yang terbesar pernah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sememangnya kita telah dapat banyak sikit. Sabah dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini mendapat RM17 bilion. Kalau kita kira puratanya setahun kita akan dapat RM3.4 bilion tetapi saya ingin membawa perhatian Dewan yang mulia ini terhadap jalan raya di negeri Sabah. Kita ambil perhatian macam mana, kita mempunyai 14 tahun untuk mencapai Wawasan 2020 dan bagi saya Wawasan 2020 itu, semua jalan raya majlis daerah, perbandaran atau JKR semuanya sudah diturap. Itu negara maju infrastruktur kelas pertama.

Akan tetapi kita lihat di negeri Sabah ini jalan Persekutuan yang berturap 1,428 kilometer. Jalan Jabatan Kerja Raya Negeri Sabah berturap 3,564.98 kilometer, yang masih *gravel* 4,575.20 kilometer, yang masih tanah *gravel* pun tidak 79 kilometer. Kemudian yang majlis daerah yang sudah berturap 301.8 kilometer yang kerikil ini majlis perbandaran, ya? Kerikil 780.21 kilometer dan yang tanah 46 kilometer, jumlahnya 1,128.22 kilometer. Bagi majlis daerah yang berturap yang berturap baru 799 kilometer dan yang kerikilnya 3,632.92 kilometer, yang tanah 449.28 kilometer, kesemuanya 4,901.48 kilometer.

Dalam bajet tahun 2007 ini, peruntukan untuk menaik taraf jalan luar bandar, maknanya jalan raya JKR negeri hanyalah RM100 juta. Untuk Rancangan Malaysia Kesembilan, jumlah peruntukan ialah setengah bilion ataupun lebih kurang RM500,000. Kadar untuk menaik taraf jalan raya JKR maknanya menurap RM1 juta satu kilometer. Ini bererti sepanjang Rancangan Malaysia Kesembilan ini kita hanya akan dapat menurap lebih kurang 500 kilometer sahaja.

Jadi, untuk menurap kesemua jalan raya JKR negeri Sabah yang 4,575.2 kilometer itu kita akan mengambil masa lebih kurang 46 tahun lagi. Saya ingat pada ketika itu, Tuan Yang di-Pertua, saya pun entahlah, 46 tahun! Jadi, kalau kita hendak turapkan semua jalan raya ini 14 tahun daripada sekarang maknanya Wawasan 2020, kita perlukan, saya sudah kira-kira kita perlukan dalam setahun ini bukan RM100 juta tetapi kita perlukan RM 1 bilion sebenarnya. Maknanya RM1 bilion sehingga tahun 2020, tiap-tiap tahun baru kita selesai.

Apabila Yang Berhormat bagi Sri Aman mengatakan tadi naikkan royalti minyak bagi Sabah dan kita boleh selesaikan masalah. Saya tidak tahu perjanjian itu sudah dibuat tetapi sebenarnya dalam Perlembagaan Persekutuan ini saya sudah kaji. Saya tengok dalam Perlembagaan Persekutuan ini diterangkan oleh Tun Mohamad Sufian dulu – dalam soal *road grant* untuk negeri-negeri sejak pembentukan Malaysia dari tahun 1963 sampai ke hari ini. Sebenarnya setiap lima tahun ia kena *review* berapa perutukan, berapa *road grant* dan sebagainya. Setakat ini yang kita dapat *road grant* baru RM200 juta. RM100 juta untuk penyelenggaraan jalan majlis daerah ataupun apa yang dipanggil *MARRIS road* dan RM100 juta lagi setiap tahun untuk menaik taraf jalan raya yang *non qualified road* kepada *qualified road* JKR. Itu lain kira.

Dalam Perlembagaan Persekutuan menyatakan bahawa kalau segala-gala ini tidak mencukupi maka Parlimen boleh sebenarnya membuat satu akta untuk tujuan tertentu untuk menyelesaikan masalah. Ada di sini, dalam Perlembagaan Persekutuan... *[Menunjukkan sebuah buku]* Saya lebih melihat kepada peranan kita sebagai Ahli-ahli Parlimen apa yang kita boleh buat sebab kita ini berhadapan dengan rakyat yang setiap hari jalan berlubang-lubang.

Emak saya ini, Tuan Yang di-Pertua, dia pergi ke pasar. Dia ikut *pick-up* dan apabila dia duduk di sana orang yang bersama dengan emak saya, dia menyindir emak saya. "Inilah jalan Y.B. Madius", dia sebut. Saya telah membawa Yang Berhormat Menteri Kemajuan Luar Bandar, Yang Berhormat Datuk Aziz. Saya sudah bawa Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar ke kawasan saya. Saya sudah bawa Timbalan Menteri Pelajaran untuk melihat sendiri keadaan dan sedikit berkat sudah dapat. Dapatlah lima buah kampung diberikan bekalan elektrik luar bandar tahun ini. Adalah sedikit untuk penyelenggaraan jalan raya.

Akan tetapi untuk menaik taraf jalan luar bandar, saya ingat dengan menteri datang pun jika sekiranya tidak diselesaikan secara menyeluruh saya ingat kita tidak boleh selesai. Itulah sebabnya saya bertanya Yang Berhormat bagi Baram, sejak dia mula masuk ke Dewan yang mulia ini dia bercerita tentang satu jalan yang disebut-sebut. Setiap kali bajet disebut-sebut tetapi tidak juga kena panggil. Saya mencadangkan Tuan Yang di-Pertua, supaya pihak kerajaan/Kabinet membincangkan perkara ini secara serius. Sebab kita mesti serius dengan soal Wawasan 2020, dengan misi nasional mesti ada ertinya dan dalam soal pelaksanaan Lembaga Kemajuan Wilayah Negeri Sabah kalau saya boleh ambil perbincangan daripada Yang Berhormat bagi Beluran, beliau mengatakan bahawa kerajaan negeri kurang bersetuju menurut jawapan daripada Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar. Kalau benarlah ini, maka saya ingin bertanya, dokumen Rancangan Malaysia Kesembilan kita sudah luluskan di Dewan yang mulia ini dan termaktublah perkara-perkara penubuhan Lembaga Kemajuan Wilayah.

Persoalannya, jika sekiranya kerajaan negeri tidak bersetuju melaksanakan apakah kerajaan negeri ini menghina Parlimen, *is this a contempt of Parliament?* Itu yang pertama dan yang kedua, Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Persekutuan adalah kerajaan yang sama, rakyat bertanya apakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri tidak membincangkan perkara ini sebelum dimuatkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan?

Ini persoalan kita. Barangkali ini di antara perkara yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Kota Bharu dalam perbincangan. Soal integriti kita, soal kredibiliti, perkara-perkara yang sudah dibuatkan dalam dokumen, benda yang kita mahu buat tetapi masih lagi menyatakan orang lain yang mahu buat...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Bangun]*

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Silakan, Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Tuaran. Saya sebenarnya bercampur aduk perasaan, Tuan Yang di-Pertua. Yang pertama, sedih. Di dalam kesedihan ada kebanggaan. Sedih kerana masalah rakyat begitu rupa, rupanya. Di setengah-setengah tempat setelah 15 tahun kita menjalani proses untuk sampai ke Wawasan 2020.

Setelah setengah, rupa-rupanya masalah yang dihadapi oleh rakyat dari segi pembangunan ini jauh lagi. Saya ingat kalau 'Wawasan 200' pun agaknya belum selesai kalau cara pelaksanaannya macam ini. Itu sedih.

Saya rasa bangga kerana inilah Ahli Parlimen. Rakyat berterima kasih kepada Ahli Parlimen seperti ini dan pucuk pimpinan juga harus berterima kasih kepada Ahli Parlimen seperti ini. Seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Baram, oleh Yang Berhormat bagi Sri Aman, oleh Yang Berhormat bagi Beluran, oleh Yang Berhormat bagi Tuaran dan ramai lagi. Bangga! Dan, pucuk pimpinan harus agaknya memberikan penghargaan kepada Ahli-ahli Parlimen yang memang faham tentang penderitaan rakyat, di bawa dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua, saya baru separuh jalan dalam soalan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Minta penjelasan tidak apa.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya minta penjelasan, Yang Berhormat bagi Tuaran.

Tuan Yang di-Pertua: Itu berucap namanya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kalau boleh, Tuan Yang di-Pertua, setelah mendengar rintihan dan perkara-perkara yang dibangkitkan secara penuh tanggungjawab ini, saya berharap waktu penggulangan minggu depan, dalam era kita, saya hendak minta Yang Berhormat bagi Tuaran, bersetuju atau tidak dengan pandangan saya. Dalam era kita hendak membawa pembangunan lebih pantas mengejar keciciran yang telah berlaku dan untuk sampai ke tahap lebih untuk kita sampai 2020, mintalah 'pak-pak menteri' ini, kementerian-kementerian, kalau hendak menjawab esok, rintihan wakil rakyat, apa yang dibangkitkan oleh rakyat utamakan perkara-perkara seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua: Baik Yang Berhormat, baiklah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ini saya berharap, kalau 'pak menteri' kita tidak ambil *action* tentang mengutamakan rintihan ini masalah ini tidak berlaku. Yang Berhormat bagi Tuaran, tidak dapat diatasi. Apakah?

Tuan Yang di-Pertua: Baik, Yang Berhormat. Yang Berhormat cukup.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ini saya bertanya, Tuan Yang di-Pertua. Ini pasal saya mencelah untuk bertanya, jadi saya bertanya Yang Berhormat bagi Tuaran. Bersetuju atau tidak?

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta Yang Berhormat bagi Tuaran cepat, ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Masa.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih. Saya bersetuju dan apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading, sebahagian daripada ucapan saya.

Yang terakhir saya hendak nyatakan dalam soal ini, Tuan Yang di-Pertua, ialah saya berterima kasih. Soal pembasmian kemiskinan, dalam bajet ini telah dimuatkan juga, dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, kita menyatakan di akhir Rancangan Malaysia Kesembilan kadar kemiskinan tegar di seluruh negara akan turun ke 0.5%. Rancangan Malaysia Kelapan, itu juga sasaran kita, tahun 2005 tidak tercapai sekarang, unjuran balik tahun 2010 dan yang termiskin, kadar tertinggi kemiskinan ialah Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan saya setelah melaksanakan banyak program-program yang dijalankan, pelbagai kementerian, saya berterima kasih tetapi sebenarnya, akhirnya untuk mengatasi cabaran kemiskinan ini, usaha daripada rakyat sendiri itu amat penting dan sebenarnya rakyat begitu kuat bekerja. Mengusahakan tanah, pertanian, berniaga dan sebagainya tetapi..., pertama, kemudahan asas tadi, jalan raya berlubang-lubang, kereta cepat rosak, bermacam-macam masalah.

Yang keduanya, Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: ...Yang keduanya soal tanah. Beribu-ribu permohonan tanah di pejabat-pejabat daerah di Sabah belum lagi diselesaikan. Memakan masa lebih 20 tahun untuk dikeluarkan geran. Di kawasan saya, di Tuaran masih lagi sebanyak lapan ribu, ia punya *backlog*. Saya bertanya dengan jabatan tanah, "*Kenapa itu begitu lambat, sedangkan saya pernah melawat di daerah Ulu Langat empat bulan geran boleh keluar*". Dia menyatakan, "*Kita ini masih manual*." Saya cakap kenapa tidak pakai komputer, *software* sudah dibuat dengan peruntukan hanya RM5 juta. Yang di Semenanjung itu kata beliau.....

Tuan Yang di-Pertua: Cukup, Yang Berhormat. Faham sudah.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: ...ini yang terakhir, Tuan Yang di-Pertua. Di Semenanjung itu RM200 juta punya peruntukan.

Tuan Yang di-Pertua: Menteri dicatat oleh pegawai, sudah faham.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Saya cakap mintalah supaya kita dapat *computerize* pengurusan tanah, pentadbiran tanah di Sabah supaya pengeluaran itu dapat dipercepatkan.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Jadi, dalam bajet ini saya mohon supaya..., saya tidak tahulah, ini Jabatan Negeri Sabah atau jabatan apakah yang berkenaan di Sabah telah minta peruntukan, saya mohon supaya diberi. Berilah supaya ia dapat mengeluarkan *software*. Kita ini ICT, ICT, ICT tetapi perkara pokok soal tanah ini belum selesai.

Tuan Yang di-Pertua: Cukup, Yang Berhormat.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Jika sekiranya soal tanah tidak dapat diselesaikan minta maaf sahaja, 0.5% sasaran untuk kemiskinan itu tidak ada.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Saya mohon menyokong, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput seorang lagi ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat bagi Batu Sapi, sila tamatkan dalam lebih kurang 15 minit lagi. Maaf, Yang Berhormat bagi Tenom... [Ketawa]

8.20 mlm.

Tuan Raimi Unggi [Tenom]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menyatakan rasa syukur dan gembira kerana diberi kesempatan untuk menyertai perbahasaan Bajet 2007 di Dewan yang mulia ini. Saya berasa bersyukur kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan atas kapasitinya sebagai Menteri Kewangan telah berjaya membentangkan Bajet 2007 pada 1 September yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua, peningkatan harga komoditi telah memberikan impak yang baik kepada pekebun-pekebun kecil getah terutamanya di luar bandar. Lantaran itu lambakan orang tengah yang bertindak untuk membeli getah daripada masyarakat luar bandar telah mengundang masalah baru kepada pekebun-pekebun kecil getah di luar bandar. Ini disebabkan oleh harga pembelian yang jauh lebih rendah telah dikenakan kepada mereka.

Sebagai contoh, Tuan Yang di-Pertua, lambakan ini berlaku kerana hanya terdapat satu agensi kerajaan sahaja yang membeli getah dan tidak dapat menampung pembelian secara menyeluruh di kawasan saya. Ini menyebabkan pekebun-pekebun kecil tidak mempunyai pilihan yang lain, selain daripada menjual getah mereka kepada orang tengah tersebut.

Justeru itu, alangkah baiknya sekiranya terdapat penyelarasan harga yang sama di antara orang tengah dengan agensi-agensinya kerajaan yang bertanggungjawab dalam hal ini. Selain itu, pemantauan terhadap aktiviti serta alat timbang dan sukat yang digunakan oleh orang tengah ini adalah perlu bagi mengelak masyarakat luar bandar yang bergantung kepada aktiviti ini ditipu oleh orang tengah ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana sasaran pendapatan yang telah dibuat oleh pihak Lembaga Industri Getah Sabah, bagi tempoh 2001 hinggalah 2005 adalah berjumlah RM713.96 juta, di mana terdapat peningkatan yang ketara iaitu RM72.35 juta pada tahun 2002, manakala bagi tahun 2005 ialah sebanyak RM270 juta. Saya percaya peningkatan ini berlaku ekoran daripada pemulihan dan peningkatan harga getah pada ketika ini.

Secara tidak langsung pemulihan dan peningkatan harga getah ini telah menggalakkan penduduk-penduduk di luar bandar untuk mengusahakan tanah-tanah terbiar dengan penanaman getah. Namun begitu, pengetahuan dan kemahiran yang kurang dalam bidang ini telah menyebabkan mereka menggunakan bibit-bibit getah ataupun benih-benih getah yang kurang berkualiti. Kaedah ini pasti akan memberi pulangan hasil yang sedikit.

Justeru itu, saya berharap agar pekebun-pekebun kecil getah di luar bandar dapat dibantu melalui pemberian benih ataupun bibit getah yang bermutu oleh pihak kerajaan melalui agensinya seperti Lembaga Getah Malaysia. Ia sejajar dengan peruntukan yang besar terhadap sektor pertanian dalam Bajet 2007 ini.

Saya mengambil contoh Tuan Yang di-Pertua, yang telah dilakukan oleh MPOB dalam membantu penduduk luar bandar dalam mengusahakan kelapa sawit, di mana MPOB memberikan bantuan berupa benih ataupun bibit yang bermutu kepada pekebun-pekebun kecil kelapa sawit. Saya percaya pemberian subsidi benih ataupun bibit getah kepada pekebun-pekebun getah pasti dapat membantu untuk mengoptimalkan hasil dan juga pendapatan mereka. Selain daripada itu juga Tuan Yang di-Pertua, Skim Tanaman Berkelompok juga harus dikekalkan dan haruslah diperluaskan kepada semua daerah khususnya di kawasan-kawasan luar bandar. Seperti yang kita sedia maklum dalam Bajet 2007, sejumlah RM3.6 bilion diperuntukkan bagi meningkatkan produktiviti dan juga kecekapan pengeluaran hasil pertanian serta dapat menambah keupayaan pemasaran.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha untuk mengkomersialkan pertanian, sebanyak RM190 juta telah diperuntukkan dalam sektor pertanian. Saya percaya dengan adanya penyelidikan dan juga pembangunan dalam sektor ini akan dapat dinikmati oleh masyarakat khususnya di luar bandar dengan penggunaan benih-benih yang bermutu di samping teknologi yang seiring dengan kemajuan negara pada ketika ini.

Oleh itu juga saya berharap dan memohon kepada pihak kerajaan agar Stesen Penyelidikan Pertanian Lagud Seberang, yang terletak di kawasan saya juga dapat dinaikkan taraf sebagai sebuah pusat penyelidikan pertanian yang lengkap dengan sumber maklumat sebagai rujukan khusus dalam bidang pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha untuk membangunkan modal insan, kita juga memerlukan tenaga pendidik yang berkualiti dan juga berwibawa. Ianya menjurus kepada peranan guru-guru di dalam merealisasikan impian kerajaan. Untuk itu, alangkah baiknya jika kita dapat menghargai sumbangan dan juga jasa mereka dengan menaikkan elaun guru-guru, khasnya yang mengajar di kawasan luar bandar. Ini akan dapat meningkatkan lagi semangat dan juga iltizam mereka untuk mendidik anak-anak kita dan juga dapat memperkasakan bidang pendidikan khususnya di luar bandar.

Selain itu juga, saya juga bersetuju dengan jumlah peruntukan yang diberikan dalam meningkatkan akses kepada sistem pendidikan dan juga latihan berkualiti di semua peringkat. Walau bagaimanapun, hasrat yang murni ini sedikit menghadapi masalah dengan kondisi sekolah yang tidak selamat diduduki lantaran masalah banjir.

Oleh itu, saya berharap agar sekolah-sekolah yang menghadapi masalah ini akan dapat dipindahkan ataupun dipindah semula di tempat-tempat yang lebih selamat. Misalnya SK Kemabong yang menghadapi masalah banjir dapat dipindahkan ke tapak yang dikhaskan, yang berdekatan dengan sekolah SMK Kemabong. Selain itu juga, terdapat beberapa sekolah yang sering dilanda masalah banjir seperti di sekolah SK Gumisi, SK Kalang Kanar dan juga SK Inubai. Ekoran daripada peningkatan jumlah murid yang dijangka mencecah kepada 3.2 juta di sekolah rendah dan juga 2.3 juta di sekolah menengah, pihak kerajaan dapat mempercepatkan pembinaan sebuah sekolah menengah di kawasan saya kerana ia sangat diperlukan. Ianya juga sesuai dengan Bajet 2007 yang memperuntukkan sebanyak 198 buah sekolah akan dibina. Di samping dapat membuat pembaik pulih dan juga penambahan kemudahan infrastruktur sekolah secara menyeluruh terutamanya di kawasan-kawasan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, usaha kerajaan dalam mengurangkan graduan yang menganggur adalah usaha yang baik dan juga murni. Walau bagaimanapun, latihan-latihan yang diperkenalkan dalam Skim Latihan Graduan lebih menjurus kepada perindustrian dan juga ICT. Oleh itu, sekiranya Skim Latihan Graduan mempunyai kursus-kursus yang berasaskan kepada pertanian komersial dan menggalakkan penglibatan graduan dalam bidang pertanian terutama di luar bandar. Bagi menggalakkan penyertaan golongan siswazah ini, adalah lebih baik sekiranya mereka diberikan bantuan daripada sudut latihan, kewangan dalam bidang pertanian dan juga penternakan secara komersial. Secara tidak langsung, mereka juga dapat membina kerjaya dan juga peluang pekerjaan kepada orang lain.

Tuan Yang di-Pertua, kesihatan rakyat juga merupakan aspek yang penting dalam memacu pembangunan negara kita. Justeru itu, saya ingin menyentuh sedikit aspek kesihatan khususnya di kalangan penduduk luar bandar, di mana ia menjurus kepada bekalan air bersih kepada masyarakat di luar bandar yang hanya bergantung kepada bekalan air paip graviti dan juga air perigi yang tidak dirawat. Masalah ini turut berlaku di beberapa tempat di kawasan saya. Maka, dengan adanya Bajet 2007 ini yang memperuntukkan sebanyak RM251 juta bagi bekalan air bersih ini, kerajaan dapat menyalurkan bantuan kepada masyarakat luar bandar khususnya di kawasan saya di mana terdapat banyak paip-paip graviti, air perigi yang telah usang dan memerlukan penyelenggaraan dan juga penaik taraf.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga dengan penaikan taraf klinik-klinik. Usaha kerajaan untuk menaik taraf klinik bergerak merupakan satu usaha yang baik bagi meningkatkan taraf kesihatan penduduk luar bandar. Oleh yang demikian pelaksanaan yang menyeluruh dan kelengkapan perubatan adalah perlu bagi memudahkan penduduk luar bandar untuk mendapat rawatan awal.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya percaya dengan pemberian peruntukan yang besar dalam Bajet 2007 ini, pastinya akan dapat menjadikan negara kita maju setapak lagi ke arah negara yang maju. Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, peruntukan yang besar sahaja tidak akan bermakna sekiranya ianya tidak digunakan dengan sebaik-baiknya. Justeru itu, pelaksanaan dan juga pemantauan oleh pihak kerajaan adalah perlu bagi memastikan apa yang terkandung dalam Bajet 2007 ini dapat dilaksanakan dengan jaya. Dengan itu saya mohon menyokong, Tuan Yang di-Pertua. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat Dewan ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi, hari Khamis, 14 September.

Dewan ditangguhkan pada pukul 8.38 malam.